

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENGURUSAN AKTIVITI/
KEWANGAN KEMENTERIAN/
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI
SARAWAK

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI SARAWAK
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia

Kandungan

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI JABATAN KERJA RAYA SARAWAK DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN MAJLIS PERBANDARAN SIBU MAJLIS DAERAH LUAR BANDAR SIBU Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
26	PIHAK BERKUASA AIR NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN KEMUDAHAN AWAM SARAWAK Pengurusan Kawal Selia Air Negeri
60	JABATAN KERJA RAYA SARAWAK Pengurusan Projek Pembinaan dan Penyiapan Jambatan Batang Sadong
73	PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK Pengurusan Projek Pembinaan Hotel Baharu Riverside Majestic 18 Tingkat
94	PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SARAWAK Pengurusan Perolehan
126	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN, PERDAGANGAN DAN PELABURAN SARAWAK JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK Pengurusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Untuk Lot Industri
140	LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI NEGERI
165	Pendahuluan
165	Penambahbaikan Pengurusan Kewangan oleh Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri
166	Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

167	Objektif Pengauditan
167	Skop dan Metodologi Pengauditan
168	Elemen Utama
180	Penemuan Audit
195	Pengauditan Mengejut
199	Syor Audit
203	PENUTUP

Kata Pendahuluan

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Bagi Tahun 2016 Siri 1 mengandungi dua bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di dua Kementerian, tiga Jabatan, dua Badan Berkanun Negeri, empat Agensi Negeri dan satu Syarikat Agensi Kerajaan Negeri Sarawak. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan yang dijalankan di 27 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan Pengauditan Mengejut di 77 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 31 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
19 Mei 2017

Intisari Laporan

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

**PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA
MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN
MAJLIS PERBANDARAN SIBU
MAJLIS DAERAH LUAR BANDAR SIBU**

1. Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri

- a. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada jalan persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi sejumlah wang pemberian untuk menyenggara jalan Negeri yang dikira mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh. Penyenggaraan jalan Negeri terbahagi kepada empat kategori utama iaitu Penyenggaraan Rutin (Berjadual), Berkala, Kecemasan dan Pencegahan.
- b. Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan November 2016 sehingga Februari 2017 mendapati prestasi penyenggaraan jalan Negeri pada keseluruhannya adalah memuaskan kerana kerja penyenggaraan telah dilaksanakan dan dibayar mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, untuk memastikan program dan kualiti penyenggaraan jalan tidak terjejas, perkara berikut perlu diberi perhatian:
 - i. kualiti kerja penyenggaraan oleh kontraktor iaitu;
 - keadaan permukaan yang kasar dan *concrete manhole cover* tidak kemas di Kampung Pinang Jawa dan Taman Syn Syn, Zon Sri Wangi;
 - kualiti di kawasan sekitar benteng/*culvert* dan bahu jalan di Jalan Pasir Pandak, Kuching telah terhakis oleh arus sungai menyebabkan *gabion wall* pecah; dan
 - keadaan bahu jalan yang rosak di Pekan Stapang dan Selangau.
 - ii. daftar jalan dalam sistem *MARRIS Online* tidak lengkap disebabkan oleh kerja mendaftar jalan baharu adalah lewat dibuat. Ini menyebabkan:
 - data jalan raya Negeri tidak tepat; dan
 - peruntukan kurang diterima kerana hanya jalan yang telah didaftar dalam sistem *MARRIS online* sahaja yang layak menerima peruntukan.

- iii. rekod inventori jalan tidak diselenggarakan secara lengkap di MPS, MPKS dan MDLBS menyebabkan:
- penyenggaraan jalan tidak dapat dirancang dengan baik; dan
 - pemantauan rekod penyenggaraan jalan tidak dapat dibuat.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek adalah disyorkan:
- i. semua agensi pelaksana perlu memastikan kualiti kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan mengikut standard yang telah ditetapkan;
 - ii. JKR disarankan menjalankan semakan secara berkala terhadap rekod dan data jalan di semua Jabatan/ Agensi pelaksana untuk memastikan ketepatan data; dan
 - iii. pihak Kementerian Kerajaan Tempatan disarankan untuk memperluaskan penggunaan *Condition Inventory Report* (CIR) seperti yang diamalkan oleh DBKU kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan.

PIHAK BERKUASA AIR NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN KEMUDAHAN AWAM SARAWAK

2. Pengurusan Kawal Selia Air Negeri

- a. Pihak Berkuasa Air Negeri diberikan kuasa untuk menjalankan kawalan am dan pengawasan terhadap kesemua Pihak Berkuasa Bekalan Air iaitu Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sdn. Bhd., Jabatan Bekalan Air Luar Bandar dan pengurusan terhadap semua sumber air serta kawasan tadahan air di Sarawak. Bagi penguatkuasaan undang-undang terhadap kawalan sungai dan kawasan tadahan air, Pihak Berkuasa Air Negeri turut dibantu oleh Pihak Berkuasa Bekalan Air, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak, Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Mineral Dan Geosains.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Februari 2017 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kawal selia air negeri adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan ditemui seperti berikut:
 - i. *current safe yield* air mentah (kuantiti air mentah yang boleh diekstrak daripada sumber air tanpa kesan negatif/impak ekologi) di Serian, Mukah, Tatau, Bintulu, Limbang dan Lawas kurang berbanding dengan permintaan air;

- ii. kapasiti loji rawatan air bagi bandar Limbang (yang dikawal selia oleh LAKU) dan kawasan Kuching, Samarahan serta Bintulu (yang dikawal selia oleh JBALB) adalah kurang berbanding permintaan air pada masa kini dan kapasiti Loji Rawatan Air Batu Kitang bagi kawasan Kuching serta sebahagian Bahagian Samarahan akan menghadapi kekurangan untuk memenuhi permintaan air bersih pada tahun 2020;
 - iii. sebanyak sembilan loji rawatan air di bawah seliaan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar didapati tidak beroperasi manakala tiga kawasan tidak mempunyai loji rawatan air iaitu Santubong/Damai di Kuching, Bario di Miri dan Pandan di Bintulu;
 - iv. berdasarkan *Environment Quality Report* oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak, kualiti air daripada 18 sungai telah dikategorikan sebagai separa tercemar dan memerlukan rawatan lanjut;
 - v. sebanyak 58 kawasan tadahan air yang telah dikenal pasti belum diwartakan menyebabkan tindakan penguatkuasaan, pemantauan dan pemulihan tidak dapat dilaksanakan; dan
 - vi. aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan adalah tidak mencukupi bagi memastikan aktiviti yang dilarang daripada dijalankan dalam lingkungan 8 km daripada muka sauk;
- c. Bagi memastikan pengurusan kawal selia air negeri diurus dengan lebih cekap, teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. Pihak Berkuasa Air Negeri dan Pihak Berkuasa Bekalan Air hendaklah memastikan seluruh negeri Sarawak mendapat bekalan air yang mencukupi dan bersih;
 - ii. Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah bekerjasama dengan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak untuk mengambil tindakan penyelesaian terhadap 18 sungai yang menjadi sumber air mentah dan telah dikategorikan sebagai separa tercemar;
 - iii. Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah mewartakan semua kawasan tadahan air yang telah dikenal pasti dengan segera untuk mengelakkan sebarang aktiviti dilarang dijalankan di kawasan tersebut; dan
 - iv. Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah menjalankan penguatkuasaan bagi aktiviti terlarang dijalankan di kawasan tadahan air yang telah diwartakan dengan kerjasama Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak.

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

3. Pengurusan Projek Pembinaan dan Penyiapan Jambatan Batang Sadong

- a. Projek Pembinaan dan Penyiapan Jambatan Batang Sadong meliputi 1.48 kilometer (km) *2-lane single carriageway* jambatan dan *2 approaches road 2-lane single carriageway*, of *Jabatan Kerja Raya Standard R3*, iaitu 0.14 km di sebelah Kampung Buloh dan 0.50 km di sebelah Sebangan, Bahagian Samarahan Sarawak. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi di sekitar wilayah persisiran Sarawak dan mengurangkan tempoh masa perjalanan merentasi Batang Sadong dengan menyediakan fasiliti infrastruktur yang selamat dan selesa. Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) adalah agensi pelaksana dan Pengurus Wilayah, JKR Wilayah Selatan dilantik sebagai Pegawai Penguin Projek. Kontrak projek ini diperoleh secara tender terhad dan ditawarkan kepada KACC Construction Sendirian Berhad dengan kontrak bernilai RM211.39 juta. Perunding JHL dilantik sebagai perunding bagi menyediakan reka bentuk dan menyelia projek ini. Komponen utama kontrak meliputi *Batang Sadong Bridge Structure, Riverbank Protection Works, Approaches Roads, Road Furnitures at Kampung Sungai Buloh and Sebangan side, drainage associated with the proposed approaches road, lighting and electrical installation*.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2016 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek ini adalah memuaskan dan menepati sasaran Kerajaan untuk menyediakan fasiliti infrastruktur yang selamat. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan seperti berikut:
 - i. sebahagian permukaan jalan di jambatan tidak rata; dan
 - ii. kehendak Lembaga Sungai-Sungai Sarawak seperti dinyatakan di *Marine Traffic Risk Analysis (MTRA)* bagi memastikan keselamatan trafik sungai belum dipatuhi sepenuhnya.
- c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek adalah disyorkan:
 - i. Jabatan Kerja Raya Sarawak bersama perunding perlu memastikan kehendak syarat kontrak dipatuhi dan kualiti kerja pada tahap yang baik sebelum mengeluarkan Sijil Siap Kerja; dan
 - ii. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak perlu dijemput untuk menjalankan pemeriksaan bersama bagi memastikan semua kehendak Lembaga Sungai-Sungai Sarawak mengenai keselamatan trafik sungai dipatuhi sebelum projek disahkan siap.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

4. Pengurusan Projek Pembinaan Hotel Baharu Riverside Majestic 18 Tingkat

- a. Pembinaan 18 tingkat sayap baru (*premier wing*) Hotel Riverside Majestic (HRM) yang terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuching adalah hotel baharu kepada HRM yang sedia ada. Projek ini merupakan projek komersial yang diusahakan sebagai pelaburan strategik yang boleh memberi pulangan kewangan yang maksima dalam masa yang ditentukan. Hotel ini adalah milik Sejadu Sdn. Bhd. (SSB) iaitu anak syarikat milik penuh PPES. Kontraktor utama ialah Sri Datai Construction (Sarawak) Sdn. Bhd. yang dilantik melalui tender terbuka pada 21 Jun 2012. Nilai asal kontrak projek ini berjumlah RM59.89 untuk tempoh 24 bulan mulai pada 24 Jun 2012 hingga 24 Jun 2014.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November hingga Disember 2016 mendapati Pengurusan Projek Pembinaan Hotel Baharu Riverside Majestic 18 Tingkat adalah tidak memuaskan kerana:
 - i. projek belum disiapkan walaupun selepas diluluskan sebanyak tujuh lanjutan masa (758 hari);
 - ii. kos pembinaan meningkat sejumlah RM8.07 juta atau 13.5% daripada projek asal;
 - iii. Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) tidak dikenakan ke atas tempoh kerja yang tidak siap sebanyak 148 hari;
 - iv. tempoh Bon Pelaksanaan tidak dilanjutkan; dan
 - v. tiada kontrak tambahan bagi kerja-kerja baharu.
- c. Bagi menambahbaik pengurusan projek pembinaan hotel baharu Riverside Majestic 18 tingkat adalah disyorkan langkah seperti berikut:
 - i. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, Sejadu Sdn. Bhd. dan perunding perlu mempertingkatkan lagi pengurusan projek terutamanya dalam membuat perancangan kerja yang rapi dengan mengambil kira skop dan kos bagi mengelak daripada perubahan dan tambahan skop kerja yang ketara yang boleh memberi kesan kepada jadual pelaksanaan projek serta implikasi kewangan kepada PPES/SSB;
 - ii. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak harus mematuhi syarat serta terma kontrak, menyediakan *supplementary contract* bagi kerja tambahan dan melanjutkan tempoh Bon Pelaksanaan untuk menjaga kepentingan PPES/SSB dan orang awam. Nilai Bon Pelaksanaan hendaklah berdasarkan kos keseluruhan termasuk kos bagi tambahan skop; dan

- iii. pemantauan dan kawalan rapi harus dilaksanakan oleh pihak PPES/SSB dan perunding dari setiap peringkat serta memastikan kerja dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Penambahbaikan terhadap prosedur pengurusan projek secara keseluruhan terutama dalam menetapkan *time-line* untuk sesuatu proses kerja perlu dikaji semula dari semasa ke semasa.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SARAWAK

5. *Pengurusan Perolehan*

- a. Perbadanan Pembangunan Perumahan (Perbadanan) adalah sebuah badan korporat di bawah Kementerian Perumahan Sarawak yang ditubuhkan di bawah Ordinan Perbadanan Pembangunan Perumahan berkuatkuasa 1 Januari 2003. Pengurusan perolehan Perbadanan adalah tertakluk kepada Ordinan Badan Berkanun, 1995 (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan). Di bawah Bahagian IV Ordinan ini, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap ahli, pegawai dan kakitangan Perbadanan untuk mematuhi peruntukan Ordinan ini dan peraturan serta arahan berkaitan prosedur kewangan atau perakaunan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Menteri Perumahan Sarawak atau Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Kaedah perolehan Perbadanan adalah melalui pembelian terus, sebut harga dan tender termasuk rundingan terus. Pada tahun 2013 hingga 2015, Perbadanan telah menerima peruntukan mengurus sejumlah RM1.79 juta daripada Kerajaan Negeri dan peruntukan pembangunan sejumlah RM40.83 juta daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM1.79 juta atau 100% telah dibelanjakan untuk mengurus dan RM39.67 juta atau 97.2% untuk pembangunan.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2016 mendapati pengurusan perolehan Perbadanan adalah tidak memuaskan kerana perolehan dibuat tidak teratur dan tidak mematuhi peruntukan Akta Acara Kewangan 1954, peraturan atau tidak mengikut syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan dan terdapat kelemahan lain seperti berikut:
- i. kebenaran daripada Setiausaha Kewangan Negeri tidak diperoleh terlebih dahulu bagi pengecualian daripada prosedur kewangan yang ditetapkan iaitu:
- enam perolehan bernilai RM84,547 yang nilai setiap perolehan melebihi RM10,000 setahun dibuat secara Pembelian Terus;
 - Pesanan Perkhidmatan tidak dikeluarkan untuk sepuluh perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai RM187,367;
 - sebut harga tidak dipelawa bagi 21 perolehan bernilai RM467,473; dan
 - tender tidak dipelawa bagi empat perolehan bernilai RM262,491;

- ii. bayaran penuh sejumlah RM2.88 juta dibuat kepada dua kontraktor walaupun kerja mengecat dan membaik pulih sejumlah RM11,969 terhadap 12 unit rumah yang terbakar tidak dilakukan dan kerja pemberian rumah pangsa di RPR Permyjaya dan PPR Taman Dahlia dilakukan tidak memenuhi sepenuhnya spesifikasi kontrak;
 - iii. bayaran untuk Pakej 1 dan 2 Projek Menaiktaraf Jalan Utama/Main Boulevard di Bandar Baru Sibujaya sejumlah RM16.80 juta dibuat secara pendahuluan tanpa kebenaran menyebabkan Kerajaan Negeri dikenakan faedah sejumlah RM1.77 juta atas kelewatan dua tahun sepuluh bulan dalam menjelaskan bayaran kepada syarikat usaha sama Perbadanan;
 - iv. bayaran sejumlah RM33.40 juta dibuat tanpa pengesahan pegawai yang diberi kuasa iaitu:
 - invois pembekal untuk tiga bayaran kemajuan sejumlah RM10.33 juta bukan salinan asal tetapi salinan pendua yang tidak diperakui dan tiada tarikh pengesahan terimaan barang;
 - invois pembekal untuk empat bayaran kemajuan sejumlah RM2.30 juta tidak dikemukakan oleh kontraktor; dan
 - enam baucar bayaran berjumlah RM20.77 juta tidak disokong dengan Sijil Bayaran.
 - vi. Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan sejumlah RM22,264 (RM47.07/hari x 473 hari) tidak dikenakan terhadap kelewatan 15 bulan menyiap Kerja Pengubahsuaian Tingkat 1, Pejabat Pembangunan Perumahan.
- c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan perolehan yang lain, adalah disyorkan:
- i. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah merancang pembelian tahunan, mengurus perolehan secara telus dan mengikut amalan yang terbaik dengan mematuhi peraturan serta prosedur yang ditetapkan;
 - ii. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah memastikan tender dipelawa secara saingen terbuka supaya adil serta saksama dan mendapat harga yang menguntungkan Kerajaan. Kaedah perolehan untuk projek pembinaan perumahan Perbadanan hendaklah dikaji semula bagi mempercepatkan dan mengawal kos pembinaan projek;
 - iii. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah memastikan sebarang pengecualian daripada prosedur yang ditetapkan mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri sewajarnya;

- iv. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah memastikan syarat perjanjian kontrak dipatuhi sepenuhnya dan kualiti kerja memuaskan bagi mendapat *value for money*. Ini juga dapat menjamin kualiti perumahan yang dibina atau disenggara oleh Perbadanan;
- v. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah meningkatkan kawalan dalaman bagi mengelak berlakunya penipuan dan ketirisan wang awam. Tindakan surcaj hendaklah dikenakan terhadap mereka yang didapati cuai atau sengaja tidak mematuhi peraturan kewangan yang sedia ada; dan
- vi. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah memastikan sesuatu pembayaran itu adalah teratur dan dilakukan tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau syarat-syarat dan kaedah yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN
KEUSAHAWANAN, PERDAGANGAN DAN PELABURAN SARAWAK
JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK**

6. Pengurusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Untuk Lot Industri

- a. Mengikut Sarawak Land Code (SLC) Chapter 81, pemberimilikan (*alienation*) tanah kerajaan bermaksud penjualan (pengenaan premium), pajakan atau pelupusan tanah melalui pengeluaran dokumen hakmilik tanah oleh kerajaan. Pemberimilikan tanah adalah satu daripada kaedah pelupusan tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk tempoh 60 atau 99 tahun. Mengikut Seksyen 13(1) SLC Chapter 81, Menteri boleh menurunkan kuasa kepada Pengarah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTS) untuk memberi milik tanah Kerajaan Negeri kecuali bagi Tanah Hak Adat Bumiputera. Sehingga Disember 2016 sebanyak 36 estet perindustrian telah dibangunkan di seluruh Sarawak yang melibatkan Kementerian Pembangunan Perindustrian Dan Keusahawanan, Perdagangan Dan Pelaburan Sarawak (MIETI), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC), Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) atau Borneo Development Corporation (BDC) dengan tanah seluas 16,453.54 hektar.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri adalah kurang memuaskan. Beberapa perkara perlu dipertingkatkan seperti berikut:
 - i. prestasi pembangunan lot industri adalah sebanyak 69.2% sahaja;
 - ii. lot industri yang dilulus tidak dibangun;

- iii. lot industri yang dilulus dan tidak dibangun telah mendapat manfaat kewangan antara 150% sehingga 1,150% hasil daripada cagaran tanah ke bank dan akhirnya dipindah milik; dan
 - iv. kurang pemantauan.
- c. Bagi memastikan pengurusan pemberimilikan tanah kerajaan negeri untuk lot industri diurus dengan lebih cekap, teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
 - i. MIETI perlu mempertingkatkan usaha bagi meningkatkan prestasi pembangunan lot industri melalui pengemaskinian perundangan dan memantapkan penguatkuasaan;
 - ii. JTS mengkaji semula prosedur operasi terhadap pengeluaran *Provisional Lease* dengan mewujudkan syarat nyata dan mengetatkan syarat dan sekatan bagi memastikan lot industri dibangunkan mengikut tujuan asal; dan
 - iii. Jawatankuasa Penyelaras Penyelaksanaan Projek Perindustrian (PICC) perlu memainkan peranan yang lebih aktif dan tegas dengan mengambil lebih banyak tindakan terutama terhadap lot-lot industri yang sudah lama tidak dibangunkan. Selain itu, jalinan kerjasama yang lebih erat bagi memantau lot industri yang diluluskan wajar dilaksana agar hasrat Kerajaan memajukan estet perindustrian di Sarawak tercapai.

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

7. *Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.*

- a. Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd. (BAPOM) diperbadankan pada 5 Oktober 1998 dan merupakan syarikat subsidiari Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) iaitu sebuah Badan Berkanun Negeri Sarawak. Modal dibenar BAPOM berjumlah RM10 juta dan modal berbayar adalah RM5 juta. Objektif penubuhan BAPOM adalah untuk meningkatkan pengeluaran, memaksimumkan hasil minyak kelapa sawit dan mengoptimumkan operasi kilang. Aktiviti utama BAPOM adalah menghasilkan minyak sawit mentah (CPO) dan isirung kelapa sawit (PK). BAPOM beroperasi di kilang BAPOM di Bau, Sarawak. BAPOM telah mendapat pensijilan *Occupational Health And Safety Management System - Requirements*, OHSAS 18001:2007 pada 10 November 2016 dan *Environmental Management System - Requirements With Guidance For Use*, ISO 14001:2004 pada 15 Disember 2014. Selain itu, BAPOM telah mendapat pensijilan *Code Of Good Milling Practice For Palm Oil Mills* yang dikeluarkan oleh Malaysian Palm Oil Board (MPOB) pada 19 Disember 2013. BAPOM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang

ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Memorandum Dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati prestasi kewangan BAPOM bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah memuaskan. BAPOM mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM31.90 juta pada tahun 2015 iaitu menunjukkan trend meningkat dari RM31.74 juta pada tahun 2014. Bagaimanapun, hasil penjualan minyak kelapa sawit menunjukkan trend menurun dari RM174.76 juta pada tahun 2014 kepada RM165.48 juta pada tahun 2015. Pengurusan aktiviti adalah teratur selaras dengan objektif penubuhannya kecuali terdapat beberapa kelemahan yang berbangkit. Selain itu, amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian telah diringkaskan di bawah:
- i. prestasi penjualan CPO dan PK tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 hingga 2016. Penjualan CPO hanya mencapai sebanyak 83.8%, 89.3% dan 64.1% dan penjualan PK sebanyak 82.9%, 88.4% dan 62.4% masing-masing bagi tempoh yang sama;
 - ii. penjualan CPO dan PK menunjukkan penurunan sejumlah RM16.67 juta dengan pengurangan 23,465 tan metrik pada tahun 2016 berbanding tahun 2015;
 - iii. prestasi operasi kilang tidak mencapai sasaran jam kilang beroperasi iaitu 6,000 jam setahun. Prestasi jam beroperasi kilang hanya 5,312 jam (88.5%), 5,804 jam (96.7%) dan 4,155 jam (69.3%) masing-masing bagi tahun 2014 hingga 2016. *Throughput* bagi tempoh yang sama masing-masing adalah 49.98 tan metrik sejam (83.3%), 54.24 tan metrik sejam (90.4%) dan 58.15 tan metrik sejam (96.9%) berbanding sasaran 60 tan metrik sejam yang telah ditetapkan;
 - iv. prestasi perolehan buah tandan segar (BTS) tidak mencapai sasaran sebanyak 360,000 tan metrik yang ditetapkan bagi tempoh 2014 hingga 2016. Bekalan BTS yang dicapai adalah sebanyak 318,787 tan metrik, 348,002 tan metrik dan 241,657 tan metrik masing-masing bagi tempoh yang sama; dan
 - v. bekalan BTS yang tidak matang tidak mencapai KPI yang ditetapkan kerana melebihi kadar sebanyak 10% iaitu dengan kadar purata 14.2%, 14.8% dan 13.1% masing-masing bagi tahun 2014 hingga 2016.
- c. Bagi memantapkan lagi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan supaya BAPOM mengambil tindakan seperti berikut:
- i. memastikan prestasi pengeluaran minyak kelapa sawit dari segi kuantiti dan kualiti adalah seperti sasaran yang ditetapkan dan mematuhi standard yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, kerosakan mesin perlu dikurangkan bagi memastikan prestasi pengeluaran minyak kelapa sawit adalah pada tahap optimum; dan

- ii. memperkemas tadbir urus korporat BAPOM yang meliputi penyediaan rancangan korporat syarikat.

BAHAGIAN II PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

8. Pencapaian Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak pada tahun 2016 secara amnya adalah baik. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2016 adalah didapati pencapaian Pengurusan Kewangan di 13 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap **Cemerlang**, lapan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap **Baik**, empat Kementerian/Jabatan adalah pada tahap **Memuaskan** dan dua Jabatan berada pada tahap **Kurang Memuaskan**. Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah-langkah penambahbaikan dijalankan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri seperti mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas. Selain itu, penyeliaan dan pemantauan rapi oleh Ketua Jabatan perlulah dipertingkatkan.

Bahagian I

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI

**PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK
DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA
MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN
MAJIS PERBANDARAN SIBU
MAJLIS DAERAH LUAR BANDAR SIBU**

1. PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jalan Negeri bererti mana-mana jalan awam, selain daripada jalan persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Mengikut Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan dikehendaki memberi sejumlah wang pemberian untuk menyenggara jalan Negeri yang dikira mengikut peruntukan Bahagian II Jadual Kesepuluh. Wang pemberian tersebut bertujuan untuk menyenggara jalan Negeri mengikut maksud yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, pembentung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang berhubung dengannya dengan seberapa hampir yang boleh dengan keadaan asalnya sebagaimana dibina atau dibaiki kemudiannya. Penyenggaraan jalan Negeri terbahagi kepada empat kategori utama iaitu Penyenggaraan Rutin (Berjadual), Berkala, Kecemasan dan Pencegahan. Keterangan lanjut empat jenis penyenggaraan ini adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.1
JENIS PENYENGGARAAN JALAN NEGERI**

JENIS PENYENGGARAAN	KETERANGAN
Rutin (Berjadual)	Kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Contohnya, penyenggaraan pavemen (tampal jalan), penyenggaraan bahu jalan, kerja-kerja pemotongan rumput, pembersihan longkang tepi jalan, dan penyenggaraan perabot jalan.
Berkala	Kerja-kerja yang memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan. Contohnya menurap semula jalan, mengganti perabot jalan, mengecat jalan, menyenggara pokok-pokok di bahu jalan dan menyenggara lampu jalan dan lampu isyarat.
Kecemasan	Kerja-kerja luar jangka yang memerlukan tindakan segera. Contohnya pokok tumbang, tanah/cerun/tembok penahan runtuhan, jalan mendap dan kegagalan benteng.
Pencegahan	Tindakan awal yang perlu dilakukan bagi mengekalkan fungsi asal elemen jalan sedia ada. Kelewatan mengambil tindakan pencegahan akan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya. Contohnya kajian cerun, kajian ketahanan jalan dan kajian lalu lintas.

Sumber: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri

1.1.2. Kaedah pengiraan wang pemberian yang digunakan adalah berdasarkan kepada panjang dan lebar jalan yang berdaftar dalam *Malaysian Road Record Information System* (Sistem MARRIS Online), jenis permukaan jalan serta kos kerja penyenggaraan. Berdasarkan rekod Sistem MARRIS Online setakat 2016, panjang jalan yang telah didaftarkan di Negeri Sarawak adalah sepanjang 32,392.11 kilometer (km) seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.2
PANJANG JALAN NEGERI DI SELURUH SARAWAK SETAKAT 2016**

BIL.	KATEGORI JALAN	PANJANG JALAN (KM)
1.	Jalan Raya Negeri	11,151.09
2.	Jalan Raya Bandaran	3,287.49
3.	Jalan Kawasan Perumahan Murah	531.40
4.	Penyenggaraan Lorong Belakang	167.56
5.	Jalan Kampung	14,075.42
6.	Jalan Pertanian	3,179.15
JUMLAH		32,392.11

Sumber: Sistem MARRIS Online, Jabatan Kerja Raya Sarawak

1.1.3. Setakat 31 Disember 2016, baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (KWAPJN) adalah RM768.17 juta. Kerajaan Negeri telah menerima wang pemberian berjumlah RM2.36 bilion dan membelanjakan sejumlah RM2.57 bilion bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016. Jalan Negeri tersebut disenggara oleh agensi pelaksana termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Badan Berkanun Negeri. Kaedah perolehan adalah melalui tender terbuka bagi setiap kerja penyenggaraan jalan Negeri yang dilaksanakan di peringkat agensi pelaksana. Pihak JKR telah melantik CMS Roads Sdn. Bhd. bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan di bawah tanggungjawabnya. Bagi tahun 2014 hingga 2016, sepanjang 16,696.52 km jalan telah disenggara oleh CMS Roads Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM33.32 juta.

1.1.4. Kajian terhadap Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri pernah dijalankan dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Sarawak Tahun 2012. Kajian tersebut telah dijalankan di Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS).

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai penyenggaraan jalan Negeri yang menggunakan pemberian penyenggaraan jalan Negeri telah diuruskan dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kerja penyenggaraan jalan Negeri bagi tahun 2014 hingga 2016. Pengauditan telah dilaksanakan di Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN), Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS), Majlis Perbandaran Sibu (MPS) dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibu (MDLBS).

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan kerja penyenggaraan jalan Negeri. Temu bual bersama pegawai yang terlibat dan lawatan tapak juga dijalankan pada bulan November 2016, Januari dan Februari 2017. Selain itu, pihak Audit juga telah mengedarkan sebanyak 600 borang soal selidik di Bahagian Kuching, Sibu dan Samarahan bagi mendapatkan maklum balas pengguna jalan raya dari aspek keselesaan dan keselamatan jalan raya.

1.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan antara bulan November 2016 sehingga Februari 2017 mendapati prestasi penyenggaraan jalan Negeri pada keseluruhannya adalah memuaskan kerana kerja penyenggaraan telah dilaksanakan dan dibayar mengikut peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, untuk memastikan program dan kualiti penyenggaraan jalan tidak terjejas, perkara berikut perlu diberi perhatian:

- i. kualiti kerja penyenggaraan oleh kontraktor iaitu:
 - keadaan permukaan yang kasar dan *concrete manhole cover* tidak kemas di Kampung Pinang Jawa dan Taman Syn Syn, Zon Sri Wangi;
 - kualiti di kawasan sekitar benteng/*culvert* dan bahu jalan di Jalan Pasir Pandak, Kuching terhakis menyebabkan *gabion wall* pecah; dan
 - keadaan bahu jalan yang rosak di Pekan Stapang dan Selangau.
- ii. daftar jalan dalam sistem *MARRIS Online* tidak lengkap disebabkan oleh kerja mendaftar jalan baharu adalah lewat dibuat. Ini menyebabkan:
 - data jalan raya Negeri tidak tepat; dan
 - peruntukan kurang diterima kerana hanya jalan yang telah didaftar dalam sistem *MARRIS online* sahaja yang layak menerima peruntukan.

iii. rekod inventori jalan tidak diselenggarakan secara lengkap di MPS, MPKS dan MDLBS menyebabkan:

- penyenggaraan jalan tidak dapat dirancang dengan baik; dan
- pemantauan rekod penyenggaraan jalan tidak dapat dibuat.

Perkara yang ditemui dan maklum balas Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN), Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS), Majlis Perbandaran Sibu (MPS) dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibu (MDLBS) telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 27 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut:

1.5.1. Prestasi Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri (KWAPJN)

1.5.1.1. Pada 8 Julai 2014, Majlis Kewangan Negara telah bersetuju supaya penyaluran wang pemberian kepada Negeri mulai tahun 2016 dibuat berdasarkan prestasi perbelanjaan wang pemberian tahun 2015. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri Bil. 1 Tahun 2015 kemudiannya pada 30 April 2015 telah menetapkan paras prestasi perbelanjaan wang pemberian yang memuaskan adalah pada tahap 85% dan ke atas.

1.5.1.2. Analisis Audit terhadap prestasi perbelanjaan KWAPJN bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 menunjukkan pencapaian semasa adalah antara 97.2% hingga 121.1%. Manakala prestasi perbelanjaan terkumpul wang pemberian setakat 2016 adalah di antara 42.8% hingga 53.4%. Baki terkumpul setakat 31 Disember 2016 mencatatkan penurunan sejumlah RM58.55 juta atau 7.1% iaitu daripada RM826.72 juta pada tahun 2015 kepada RM768.17 juta pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.3
TERIMAAN DAN PERBELANJAAN WANG PEMBERIAN SERTA
BAKI KUMPULAN WANG PENYENGGARAAN JALAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

TAHUN	BAKI TERKUMPUL 1 JANUARI (RM Juta) (a)	TERIMAAN WANG PEMBERIAN/ PELARASAN (RM Juta) (b)	JUMLAH PERBELANJAAN		WANG PEMBERIAN YANG TIDAK/LEBIH DIBELANJAKAN		BAKI TERKUMPUL KUMPULAN WANG (RM Juta) [g=a+b-c]	PERATUS PERBELANJAAN TERKUMPUL (%) [h=c/(a+b)]
			(RM Juta) (c)	(%) [d=c/b*100]	(RM Juta) [e=b-c]	(%) [f=e/b*100]		
2014	970.24	762.06	740.98	97.2	21.08	2.8	991.32	42.8
2015	991.32	779.38	943.98	121.1	(164.60)	(21.1)	826.72	53.3
2016	826.72	822.53	881.08	107.1	(58.55)	(7.1)	768.17	53.4
JUMLAH	2,788.28	2,363.97	2,566.04	108.5	(202.07)	(8.7)	-	

Sumber: Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak

1.5.1.3. Analisis Audit selanjutnya menunjukkan jumlah perbelanjaan wang pemberian bagi tahun 2014 hingga tahun 2016 melebihi terimaan berjumlah RM202.07 juta atau 8.7%, iaitu sejumlah RM2,566.04 juta telah dibelanjakan berbanding RM2,363.97 juta wang pemberian yang diterima. Lebihan perbelanjaan telah ditampung dengan baki terkumpul KWAPJN.

1.5.1.4. Pada awal tahun, PSKN mengagihkan wang pemberian yang diterima dari Kementerian Kewangan Malaysia kepada agensi pelaksana untuk penyenggaraan rutin, kecemasan serta pencegahan. PSKN mengagihkan 100% daripada jumlah yang telah diluluskan untuk ketiga-tiga jenis penyenggaraan tersebut pada awal tahun. Bagi penyenggaraan berkala pula, 50% daripada jumlah yang dilulus diagihkan kepada agensi pelaksana. Seterusnya baki 50% daripada peruntukan yang diluluskan pula diagihkan kepada agensi pelaksana pada penggal kedua tahun semasa. Agihan ini bergantung kepada prestasi perbelanjaan agensi pelaksana dan keperluan semasa.

1.5.1.5. Analisis Audit juga mendapati prestasi perbelanjaan DBKU, MPKS, MPS dan MDLBS yang dipilih sebagai sampel bagi tahun 2014 hingga 2016 menunjukkan pencapaian perbelanjaan purata adalah antara 88% hingga 99% seperti di jadual berikut:

TAHUN	DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA			MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN		
	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PERATUS (%)
2014	38.79	36.24	93.0	8.45	8.45	100.0
2015	29.02	21.40	73.7	15.00	12.84	86.0
2016	33.29	31.36	94.2	14.00	12.19	87.1
PURATA BELANJA (%)		88.0				89.4

Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Majlis Perbandaran Kota Samarahan

TAHUN	MAJLIS PERBANDARAN SIBU			MAJIIS DAERAH LUAR BANDAR SIBU		
	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PERATUS (%)
2014	18.59	18.59	100.0	10.02	5.28	53.0
2015	29.96	19.87	66.0	12.57	14.25	113.0
2016	25.00	35.04	140.2	11.08	12.70	114.6
PURATA BELANJA (%)		99.9				95.7

Sumber: Majlis Perbandaran Sibu dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibu

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan wang pemberian bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah memuaskan.

1.5.2. Prestasi Penyenggaraan Jalan Negeri

Bagi tempoh 2014 hingga 2016, sejumlah RM71.02 juta telah dibelanjakan untuk penyenggaraan rutin, RM130.06 juta untuk penyenggaraan berkala dan RM2.92 juta untuk penyenggaraan kecemasan seperti di **Jadual 1.6**. Sejumlah 702 kerja penurapan jalan yang berjumlah RM107.87 juta telah dilaksanakan oleh empat Agensi tersebut bagi tempoh yang sama.

JADUAL 1.6
PRESTASI PENYENGGARAAN JALAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

TAHUN	PENYENGGARAAN RUTIN (BERJADUAL) (RM Juta)	PENYENGGARAAN BERKALA (RM Juta)	PENYENGGARAAN KECEMASAN (RM Juta)
2014	15.92	43.10	2.02
2015	21.79	50.74	0.85
2016	33.31	36.22	0.05
JUMLAH	71.02	130.06	2.92

Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Perbandaran Kota Samarahan, Majlis Perbandaran Sibu dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibu

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri Bilangan 1 Tahun 2016 bertarikh 14 April 2016 menjelaskan Peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri adalah geran daripada Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri untuk menyenggara jalan Negeri. Penggunaan dan tatacara perbelanjaan adalah tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Negeri. Pihak Berkuasa Tempatan menerima pakai tatacara perolehan yang digariskan di dalam *Local Authority Financial Regulation (LAFR) 1997 Part VII Tatacara Perolehan kerja, Bekalan dan Perkhidmatan* perenggan 161 hingga 221. Pemeriksaan Audit di empat Pihak Berkuasa Tempatan, JKR dan PSKN mendapati perkara seperti berikut:

1.5.3. Dewan Bandaraya Kuching Utara

1.5.3.1. Perolehan Kontrak

- a. Semakan Audit mendapati perolehan kontrak DBKU telah dilaksanakan menurut peraturan yang telah ditetapkan dengan melalui Jawatankuasa Pembuka Tender dan Sebutharga, Jawatankuasa Penilaian Tender serta Jawatankuasa Kewangan dan Tender. Pada tahun 2014 hingga 2016, sejumlah 50 tender telah diluluskan bagi kerja penyenggaraan jalan Negeri.
- b. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati Jawatankuasa Penilaian dan pemilihan tender DBKU telah menerima pakai Garis Panduan Penilaian Tender yang dikeluarkan pada tahun 2009. Semakan terhadap 30 atau 60% daripada 50 tender yang diluluskan di Bahagian Kontrak mendapati DBKU telah mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

1.5.3.2. Penyenggaraan Rutin, Berkala dan Kecemasan

- a. Kerja penyenggaraan rutin adalah kerja penyenggaraan yang dijalankan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Penyenggaraan berkala yang dijalankan dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun pula memerlukan pemeriksaan dan penilaian sebelum dilaksanakan. Penyenggaraan kecemasan merupakan kerja luar jangka yang memerlukan tindakan segera.
- b. Lawatan Audit bersama pegawai DBKU terhadap tujuh kerja penyenggaraan berjumlah RM2.56 juta di dalam tahun 2014 hingga 2016 mendapati kerja penyenggaraan telah dilaksanakan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.1



Lorong Kampung Siol Kandis, Kuching
- Penurapan Semula Jalan
(24.01.2017)

GAMBAR 1.2



Jalan Cahya Damai, Kuching
- Penurapan Semula Jalan
(24.01.2017)

c. Kualiti Kerja Penyenggaraan oleh Kontraktor Kurang Memuaskan

Kualiti bagi dua kerja pembaikan parit tepian jalan yang bernilai RM2.06 juta di Kampung Pinang Jawa dan Taman Syn Syn, Zon Sri Wangi di bawah bidang kuasa DBKU yang siap pada bulan April dan Ogos 2016 adalah kurang memuaskan dari segi keadaan permukaan yang kasar dan kekemasan *concrete manhole cover* seperti di **Gambar 1.3**, **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.7**. Selepas teguran Audit, kerja pembaikan telah dijalankan oleh pihak kontraktor pada 18 Februari 2017 di Taman Syn Syn dan 7 Mac 2017 di Kampung Pinang Jawa seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.3



Kampung Pinang Jawa, Kuching
- Keadaan Permukaan Kasar
(24.01.2017)

GAMBAR 1.4



Kampung Pinang Jawa, Kuching
- Keadaan Permukaan Kasar Telah Dibaiki
(07.03.2017)

GAMBAR 1.5



Kampung Pinang Jawa, Kuching
- Keadaan Concrete Manhole Cover Tidak Kemas
(24.01.2017)

GAMBAR 1.6



Kampung Pinang Jawa, Kuching
- Concrete Manhole Cover Telah Diganti
(07.03.2017)

GAMBAR 1.7



Taman Syn Syn, Zon Sri Wangi, Kuching
- Keadaan Pemukaan Kasar
(24.01.2017)

GAMBAR 1.8



Taman Syn Syn, Zon Sri Wangi, Kuching
- Keadaan Pemukaan Kasar Telah Dibaiki
(18.02.2017)

d. Kerja Penyenggaraan Benteng/Culvert di Tengah Jalan Pasir Pandak

- Kerja penyenggaraan benteng/culvert di tengah Jalan Pasir Pandak di bawah bidang kuasa DBKU telah dilaksanakan pada Jun 2015 dengan nilai kontrak asal berjumlah RM776,000. Tempoh kontrak adalah tiga bulan bermula pada tarikh penyerahan tapak iaitu 10 Jun 2015 dan dijadualkan siap pada 9 September 2015. Bagaimanapun, kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh tersebut dan lanjutan masa (EOT) selama 57 hari telah diluluskan oleh DBKU atas sebab masalah cuaca dan Arahan Perubahan Kerja (APK). Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah dikeluarkan pada 5 November 2015 dan masih dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 18 bulan yang berakhir pada 4 Mei 2017. Sepanjang pelaksanaan kerja tersebut, DBKU telah meluluskan sebanyak tiga Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM89,880 seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.7
ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI KERJA
PENYENGGARAAN BENTENG/CULVERT DI TENGAH JALAN PASIR PANDAK

BIL. APK	BUTIRAN	AMAUN (RM)
1.	<i>Provisional Items - Deduction</i>	(208,132)
2.	<i>Concrete Piling</i>	203,758
3.	<i>To provide labours, machineries and etc for concrete filling of existing 1.5m diameter twin pipe culvert and to carry out work to deepen the existing stream.</i>	94,254
JUMLAH		89,880

Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

- ii. Lawatan Audit pada 24 Januari 2017 mendapati keadaan kawasan di sekitar benteng/culvert dan bahu jalan terhakis menyebabkan *gabion wall* pecah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.9



Jalan Pasir Pandak, Kuching
- Gabion Wall Pecah
(24.01.2017)

GAMBAR 1.10



Jalan Pasir Pandak, Kuching
- Terdedah Akibat Hakisan Air
(24.01.2017)

- iii. Sehubungan itu, pihak DBKU telah mengeluarkan surat arahan kepada kontraktor bertarikh 10 Februari 2017 untuk menjalankan tindakan membetulkan kerja yang kurang memuaskan tersebut dengan segera.

Maklum Balas DBKU yang Diterima Pada 23 Februari 2017

Mesyuarat telah dibuat bersama kontraktor yang dilantik pada 16 Februari 2017. Sejurus mesyuarat lawatan tapak yang dibuat oleh pegawai DBKU, kontraktor telah diarahkan membuat semula kerja baik pulih parit tepian jalan yang telah siap pada 18 Februari 2017 dan 10 Mac 2017. Kontraktor telah diarahkan membuat semula kerja pembaikan benteng yang dijangka siap pada 4 Mei 2017.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang proaktif adalah perlu supaya kualiti kerja penyenggaraan tidak terjejas.

1.5.3.3. Penyelenggaraan Rekod Inventori Jalan

- a. Rekod inventori jalan mengandungi maklumat berhubung dengan jalan yang disenggara serta tarikh penyenggaraan dibuat. Inventori jalan perlu diselenggara bagi memudahkan pemantauan terhadap semua jalan di bawah pengawasannya. Dengan adanya inventori jalan, agensi pelaksana boleh merekod senarai jalan yang memerlukan tindakan penyenggaraan dan mengenal pasti tempoh jalan yang telah disenggarakan dan memudahkan agensi untuk membuat perancangan penyenggaraan.
- b. Semakan Audit mendapati penyelenggaraan *Condition Inventory Report* (CIR) telah dilaksanakan oleh DBKU bagi merekod keadaan jalan, parit dan lorong belakang mengikut tahap satu (*Good*), dua (*Satisfactory*) dan tiga (*Poor*). Data yang boleh diperolehi daripada CIR adalah jumlah jalan dalam km dan anggaran kos penyenggaraan jalan yang dikategorikan mengikut tahap keadaan jalan tersebut. Pihak DBKU menyediakan anggaran belanjawan bagi penyenggaraan jalan dengan merujuk kepada CIR.

1.5.4. Majlis Perbandaran Sibu

1.5.4.1. Perolehan Kontrak

- a. Semakan Audit mendapati perolehan kontrak MPS telah dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan dengan melalui Jawatankuasa Pembuka Tender dan Sebutuharga, Jawatankuasa Penilaian Tender serta Jawatankuasa Kewangan dan Tender. Pada tahun 2014 hingga 2016, sejumlah 39 tender telah diluluskan bagi kerja penyenggaraan jalan Negeri.
- b. Semakan terhadap sepuluh atau 25.6% daripada 39 tender yang diluluskan MPS pula mendapati pemilihan oleh Jawatankuasa Tender MPS adalah berdasarkan tawaran terendah oleh pembida melainkan jika terdapat kesilapan teknikal oleh pembida tersebut, tawaran terendah seterusnya akan dipilih.

1.5.4.2. Penyenggaraan Rutin, Berkala dan Kecemasan

- a. Lawatan Audit bersama pegawai MPS terhadap 20 kerja penyenggaraan berjumlah RM7.76 juta di dalam tahun 2014 hingga 2016 mendapati kerja penyenggaraan telah dilaksanakan seperti contoh di gambar berikut:

GAMBAR 1.11



Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce, Sibu
- Penurapan Semula Jalan
(23.11.2016)

GAMBAR 1.12



Jalan Hua Kiew (Pusat Komersial), Sibu
- Penurapan Semula Jalan
(23.11.2017)

- b. Keadaan Tanah Mendap di Bahagian Sibu. Lawatan Audit ke kawasan perumahan di Lorong Bukit Lima Timur 13 dan Lorong Salim 1, Bahagian Sibu pada 23 November 2016 mendapat jalan berada dalam keadaan teruk disebabkan pemendapan tanah yang berlaku di kawasan tersebut seperti di **Gambar 1.13** dan **Gambar 1.14**. Menurut pihak MPS, jalan tersebut tidak dapat disenggarakan atau dipulihkan ke bentuk asal kerana kerja penyenggaraan akan menyebabkan keadaan struktur tanah bertambah teruk.

GAMBAR 1.13



Lorong Bukit Lima Timur 13, Sibu
- Permukaan Jalan Merekah
(23.11.2016)

GAMBAR 1.14



Lorong Salim 1, Sibu
- Keadaan Tanah yang Turun
(23.11.2016)

1.5.4.3. Jalan Baru Belum Didaftar Dalam Sistem *MARRIS Online*

- a. Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang berkuatkuasa mulai 30 Julai 2013, menghendaki agensi pelaksana mendaftarkan jalan Negeri dalam sistem *MARRIS Online* dan mendapat perakuan pertama selewatnya pada 31 Oktober dan pengesahan selewatnya pada 31 Disember setiap tahun bagi membolehkan jalan tersebut diambil kira dalam perakuan peruntukan penyenggaraan jalan Negeri tahun berikutnya. Bagi jalan pertama kali didaftarkan, agensi pelaksana hendaklah memastikan jalan tersebut telah siap dibina dan mempunyai Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC).

- b. Semakan Audit mendapati sejumlah 168 jalan baru yang telah siap dibina dan mendapat CPC belum didaftarkan oleh MPS di dalam Sistem MARRIS Online sejak Januari 2014 hingga 2016.
- c. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan panjang jalan baru yang belum didaftarkan kerana maklumat tersebut belum diperoleh dari agensi berkenaan.

Maklum Balas MPS yang Diterima Pada 22 Februari 2017

Pihak Majlis masih dalam proses menjalankan pengiraan dan pendaftaran jalan baru ke dalam Sistem MARRIS Online. Disebabkan pendaftaran belum siap sepenuhnya maka maklumat jumlah panjang belum didaftar tidak dapat dikenal pasti.

Pada pendapat Audit, pendaftaran jalan baru oleh pihak MPS kurang memuaskan.

1.5.4.4. Rekod Inventori Jalan Tidak Diselenggarakan

Semakan Audit mendapati MPS tidak menyenggara CIR atau Inventori Jalan. Pihak agensi hanya bergantung kepada data MARRIS yang tidak menunjukkan maklumat mengenai penyenggaraan. Ini menyukarkan pihak agensi untuk melakukan pemantauan dan menyediakan anggaran belanjawan lengkap merangkumi semua jalan yang memerlukan penyenggaraan di bawah bidang kuasa agensi pelaksana tersebut. Pemeriksaan lanjut mendapati MPS telah membatalkan lima projek yang dirancang untuk dilaksanakan bagi tahun 2014 hingga 2016.

Maklum Balas MPS yang Diterima Pada 22 Februari 2017

Keadaan jalan di kawasan Sibu akan berubah dengan cepat akibat banjir dan tanah mendap. Bagi menentukan jalan yang hendak disenggara dan pengiraan anggaran belanjawan untuk setiap jalan, pegawai teknikal perlu membuat siasatan terus ke kawasan tapak jalan. Manakala projek dibatalkan adalah disebabkan penduduk membantah paras jalan ditinggikan, jalan telah ditar semula oleh pihak pemaju dan keadaan jalan masih elok.

Pada pendapat Audit, kegagalan menyelenggara Rekod Inventori Jalan boleh menjaskan perancangan program penyenggaraan jalan.

1.5.5. Majlis Perbandaran Kota Samarahan

1.5.5.1. Perolehan Kontrak

- a. Semakan Audit mendapati perolehan kontrak MPKS telah dilaksanakan menurut peraturan yang telah ditetapkan dengan melalui Jawatankuasa Pembuka Tender dan Sebutharga, Jawatankuasa Penilaian Tender serta Jawatankuasa Kewangan dan Tender. Pada tahun 2014 hingga 2016, sejumlah 79 tender telah diluluskan oleh MPKS bagi kerja penyenggaraan jalan Negeri.
- b. Semakan Audit di MPKS terhadap 22 atau 27.8% daripada 79 tender yang diluluskan mendapati Jawatankuasa Tetap Kewangan, Tender dan Pelaburan membuat pemilihan berdasarkan harga tawaran yang lebih rendah dan terdekat dengan anggaran Majlis, iaitu tidak melebihi 10% daripada anggaran Majlis, tetapi tidak semestinya tawaran yang terendah. Penilaian juga dibuat berdasarkan prestasi kerja dan penilaian kewangan kontraktor.

1.5.5.2. Penyenggaraan Rutin dan Berkala

Lawatan Audit bersama pegawai MPKS terhadap lapan kerja penyenggaraan berjumlah RM2.56 juta di dalam tahun 2014 hingga 2016 mendapati kerja penyenggaraan telah dilaksanakan seperti contoh di gambar berikut:

GAMBAR 1.15



Taman Midway Crescent, Samarahan
- Penurapan Semula Jalan
(23.01.2016)

GAMBAR 1.16



Jalan Masjid, Samarahan
- Pengukuran Semula Jalan yang
Telah Diterap Semula
(23.01.2017)

1.5.5.3. Rekod Inventori Jalan Tidak Diselenggarakan

Semakan Audit mendapati MPKS tidak menyenggara CIR atau Inventori Jalan. Pihak agensi hanya bergantung kepada data MARRIS yang tidak menunjukkan maklumat mengenai penyenggaraan. Ini menyukarkan pihak agensi untuk melakukan pemantauan dan menyediakan anggaran belanjawan lengkap merangkumi semua jalan yang memerlukan penyenggaraan di bawah bidang kuasa agensi pelaksana tersebut.

Maklum Balas MPKS yang Diterima Pada 21 Februari 2017

Buat masa ini, MPKS tidak dapat menyediakan Condition Inventory Report kerana kekurangan kakitangan untuk memantau, menyukat jalan serta mengemaskini rekod MARRIS.

Pada pendapat Audit, kegagalan menyelenggara Rekod Inventori Jalan boleh menjelaskan perancangan program penyenggaraan jalan dan pemantauan kerja.

1.5.6. Majlis Daerah Luar Bandar Sibu

1.5.6.1. Perolehan Kontrak

- a. Semakan Audit mendapati perolehan kontrak MDLBS telah dilaksanakan menurut peraturan yang telah ditetapkan dengan melalui Jawatankuasa Pembuka Tender dan Sebutharga, Jawatankuasa Penilaian Tender serta Jawatankuasa Kewangan dan Tender. Pada tahun 2014 hingga 2016, sejumlah 28 tender telah diluluskan oleh MDLBS bagi kerja penyenggaraan jalan Negeri.
- b. Semakan Audit terhadap 11 atau 39.3% daripada 28 tender yang diluluskan MDLBS mendapati MDLBS membuat pemilihan berdasarkan teknik *Cut-off Analysis* yang dipersetujui di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tender MDLBS bertarikh 3 Oktober 2014. *Cut-off Analysis* diterima pakai untuk menghapuskan bidaan yang dianggap terlalu tinggi/rendah. Selain itu, penilaian berdasarkan kekuatan kewangan dan pengalaman teknikal juga dibuat. Bagaimanapun, sistem ini telah dibatalkan oleh Jawatankuasa Tender MDLBS yang baru pada akhir tahun 2016.

1.5.6.2. Penyenggaraan Rutin dan Berkala

- a. Lawatan Audit bersama pegawai MDLBS terhadap 11 kerja penyenggaraan berjumlah RM4.61 juta di dalam tahun 2014 hingga 2016 mendapati kerja penyenggaraan telah dilaksanakan seperti contoh di gambar berikut:

GAMBAR 1.17



Jalan Sg. Durin - Sg. Assan
- Pengukuran Lebar Jalan
(24.02.2017)

GAMBAR 1.18



Jalan Salim Belalang
- Penurapan Semula Jalan
(24.02.2017)

b. Kualiti Kerja Penyenggaraan oleh Kontraktor Kurang Memuaskan Disebabkan Kelemahan Dalam Pemantauan

Lawatan Audit pada 23 dan 24 Februari 2017 bersama kakitangan MDLBS terhadap kerja penyenggaraan di lapan kawasan berjumlah RM3.14 juta yang dilaksanakan di dalam tahun 2014 hingga 2016 mendapat pemantauan, pembaikan dan penyenggaraan perlu dilaksanakan di kawasan berikut seperti di gambar berikut:

GAMBAR 1.19



Pekan Selangau, Luar Bandar Sibu
- G.I. Bollard di Pejalan Kaki yang Dibina Rosak
(23.02.2017)

GAMBAR 1.20



Pekan Selangau, Luar Bandar Sibu
- Keadaan Bahu Jalan yang Membahayakan
Pengguna Jalan
(23.02.2017)

GAMBAR 1.21



Pekan Stapang, Luar Bandar Sibu
- Keadaan Bahu Jalan yang Teruk
(23.02.2017)

GAMBAR 1.22



Jalan Rh. Gamang Ak Buang, Pelugau
- Keadaan Jalan yang Diturap Terhakis
(23.02.2017)

Maklum Balas MDLBS yang Diterima Pada 23 Februari 2017

Pihak Majlis mengambil maklum tentang kerosakan yang ditemui. Masalah lori yang diletakkan di bahu jalan Pekan Selangau dan Stapang menyebabkan kerosakan jalan dan perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Keselamatan Jalan Raya Bahagian Sibu Bil. 2/2016 untuk diambil tindakan oleh pihak yang berkenaan. Pihak Majlis telah mengeluarkan pesanan kerja kepada kontraktor pada 1 Mac 2017 untuk memperbaiki kerosakan tersebut dalam tempoh dua minggu. Bagi masalah road line marking, pihak Majlis telah merancang untuk melaksanakan term contract bagi kerja thermoplastic pavement marking bagi tahun 2017. Manakala bagi kes kerosakan jalan disebabkan oleh tanah yang ditimbul semula tidak dimampat dengan sempurna, pihak Majlis telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 28 Februari 2017 untuk membaiki kerosakan tersebut.

Pada pendapat Audit, pemantauan hendaklah dibuat secara proaktif supaya tidak menjelaskan kerja penyenggaraan.

1.5.6.3. Jalan Baru Belum Didafat Dalam Sistem *MARRIS Online*

Semakan Audit mendapati sejumlah sepuluh jalan baru yang telah siap dibina dan mendapat CPC belum didaftarkan oleh MDLBS di dalam Sistem *MARRIS Online*. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan panjang jalan baru yang belum didaftarkan kerana maklumat tersebut belum diperoleh dari agensi berkenaan.

Maklum Balas MDLBS yang Diterima Pada 17 Februari 2017

*MDLBS mengalami masalah kekurangan pegawai teknikal yang agak kritikal dan bebanan bilangan projek pembangunan yang banyak. Bagaimanapun, maklumat mengenai jalan baru yang belum berdaftar ini telah pun disediakan dan MDLBS akan berusaha untuk mendaftarkan kesemua jalan-jalan tersebut ke dalam Sistem *MARRIS Online* dalam tahun 2017 dengan bantuan pihak SAINS untuk mendapatkan koordinat GPS bagi jalan tersebut.*

Pada pendapat Audit, pendaftaran jalan baru oleh pihak MDLBS kurang memuaskan.

1.5.6.4. Rekod Inventori Jalan Tidak Diselenggarakan

Semakan Audit mendapati MDLBS tidak menyenggara CIR atau Inventori Jalan. Pihak agensi hanya bergantung kepada data MARRIS yang tidak menunjukkan maklumat mengenai penyenggaraan. Ini menyukarkan pihak agensi untuk melakukan pemantauan dan menyediakan anggaran belanjawan lengkap merangkumi semua jalan yang memerlukan penyenggaraan di bawah bidang kuasa agensi pelaksana tersebut. Pemeriksaan lanjut mendapati 28 projek telah dibatalkan oleh MDLBS bagi tahun 2014 hingga 2016.

Pada pendapat Audit, kegagalan menyelenggara Rekod Inventori Jalan boleh menjelaskan perancangan program penyenggaraan jalan.

1.5.7. Jabatan Kerja Raya Sarawak

1.5.7.1. Daftar Jalan Sedia Ada di Dalam Sistem *MARRIS Online* Belum Lengkap

- a. Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri yang berkuatkuasa mulai 30 Julai 2013, menghendaki pihak JKR

Negeri atau agensi pelaksana mengambil tindakan untuk mengemaskini daftar jalan sedia ada dalam Sistem *MARRIS Online* untuk dilengkapkan dengan maklumat koordinat *Global Positioning System (GPS)* bagi tempoh sehingga Ogos 2014.

- b. Semakan Audit terhadap laporan Sistem *MARRIS Online* yang dikeluarkan oleh JKR Malaysia mendapati daftar jalan sedia ada belum dilengkapkan dengan maklumat koordinat GPS setakat tarikh pengauditan iaitu Disember 2016. Semakan lanjut Audit mendapati hanya 23.5% atau 6,076 bilangan jalan yang telah dikemas kini dengan koordinat GPS oleh JKR Negeri dan agensi pelaksana berbanding 25,863 bilangan jalan yang didaftarkan di dalam Sistem *MARRIS Online* sehingga Ogos 2016. Maklumat lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.8
STATUS JALAN SEDIA ADA DI DALAM SISTEM MARRIS ONLINE

BIL.	DAERAH	BILANGAN JALAN		PENCAPAIAN (%)
		KESELURUHAN	DIKEMASKINI DENGAN KOORDINAT GPS	
1.	Matu	43	43	100.0
2.	Pakan	5	5	100.0
3.	Meradong	337	312	92.6
4.	Tanjung Manis	33	29	87.9
5.	Marudi	96	71	74.0
6.	Sri Aman	522	385	73.8
7.	Daro	62	45	72.6
8.	Selangau	12	8	66.7
9.	Mukah	672	374	55.7
10.	Bintulu	1,566	851	54.3
11.	Lubok Antu	250	126	50.4
12.	Limbang	267	94	35.2
13.	Sibu	2,539	660	26.0
14.	Betong	682	166	24.3
15.	Serian	828	192	23.2
16.	Kanowit	115	23	20.0
17.	Pusa	71	14	19.7
18.	Kuching	9,462	1,828	19.3
19.	Samarahan	1,127	209	18.5
20.	Saribas	328	51	15.5
21.	Lundu	392	52	13.3
22.	Miri	2,285	300	13.1
23.	Subis	193	23	11.9
24.	Julau	253	28	11.1
25.	Oya-Dalat	89	8	9.0
26.	Bau	404	36	8.9
27.	Sarikei	1,474	110	7.5

BIL.	DAERAH	BILANGAN JALAN		PENCAPAIAN (%)
		KESELURUHAN	DIKEMASKINI DENGAN KOORDINAT GPS	
28.	Saratok	192	13	6.8
29.	Beluru	124	7	5.6
30.	Kalaka	287	13	4.5
31.	Baram	145	0	0.0
32.	Lawas	88	0	0.0
33.	Bintangor	109	0	0.0
34.	Matu-Daro	255	0	0.0
35.	Belaga	23	0	0.0
36.	Kapit	64	0	0.0
37.	Song	14	0	0.0
38.	Kabong	72	0	0.0
39.	Simunjan	277	0	0.0
40.	Telang Usan	106	0	0.0
JUMLAH		25,863	6,076	23.5

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 23 Februari 2017

Sebilangan besar pejabat JKR Bahagian belum mempunyai kelengkapan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas yang berkaitan secara besar-besaran.

Pada pendapat Audit, pengemaskinian koordinat GPS jalan Negeri kurang memuaskan.

1.5.7.2. Data Jalan Raya Negeri Tidak Tepat

Menurut Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri, kategori Jalan Raya Negeri ditakrifkan sebagai jalan raya negeri yang disenggara oleh JKR Negeri. Semakan Audit terhadap laporan keseluruhan sistem *MARRIS Online* yang dikemukakan oleh JKR Negeri mendapati JRN sepanjang **3,802.77 km** juga wujud di 25 PBT seperti di jadual berikut:

JADUAL 1.9
LAPORAN JALAN NEGERI YANG DIDAFTARKAN
DI BAWAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

BIL.	AGENSI	PANJANG JALAN RAYA NEGERI (KM)
1.	Majlis Daerah Serian	566.98
2.	Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	336.66
3.	Majlis Daerah Sarawak	335.80
4.	Majlis Daerah Betong	343.77
5.	Majlis Daerah Saratok	283.36
6.	Majlis Perbandaran Kota Samarahan	257.48

BIL.	AGENSI	PANJANG JALAN RAYA NEGERI (KM)
7.	Majlis Daerah Bau	233.82
8.	Majlis Daerah Sri Aman	208.45
9.	Majlis Bandaraya Miri	203.56
10.	Majlis Daerah Lundu	176.22
11.	Majlis Daerah Dalat & Mukah	155.71
12.	Majlis Bandaraya Kuching Selatan	151.87
13.	Majlis Daerah Matu & Daro	143.62
14.	Majlis Daerah Simunjan	73.73
15.	Majlis Daerah Meradong & Julau	68.60
16.	Majlis Daerah Marudi	59.50
17.	Majlis Daerah Lawas	46.53
18.	Majlis Daerah Kanowit	40.08
19.	Majlis Daerah Subis	37.76
20.	Majlis Daerah Lubok Antu	23.79
21.	Dewan Bandaraya Kuching Utara	18.91
22.	Majlis Daerah Kapit	17.87
23.	Majlis Daerah Limbang	8.38
24.	Majlis Daerah Baram	8.57
25.	Majlis Perbandaran Padawan	1.75
JUMLAH		3,802.77

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Maklum Balas JKR yang Diterima Pada 23 Februari 2017

Wujudnya perbezaan rekod sistem MARRIS Online antara JKR dan PBT bagi data JRN telah pun dikenal pasti iaitu pihak PBT belum memulakan apa-apa inisiatif untuk menukar di dalam sistem jalan yang berdaftar di atas JRN ke JRB dan pihak PBT telah memohon pertukaran jalan JRN ke JRB tetapi pengesahan pertama daripada pihak Jurutera Bahagian JKR Bahagian belum diperolehi.

Mesyuarat diadakan khusus untuk menyampaikan maklumat berkaitan mengenai isu penukaran telah diadakan pada 23 Februari 2017 di Ibu Pejabat JKR Sarawak. Agenda utama mesyuarat ialah untuk memberi peringatan kepada Jurutera Bahagian untuk bekerjasama dengan pihak PBT bagi memberi panduan dan memperhalusi dan mempercepatkan proses penukaran JRN ke JRB.

Pada pendapat Audit, ketepatan data jalan di dalam sistem **MARRIS online** adalah penting untuk memastikan tiada pertindihan kerja penyenggaraan oleh JKR dan agensi pelaksana yang lain.

1.5.8. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

1.5.8.1. Pembangunan Sistem Berkomputer Penyenggaraan Jalan Negeri

- a. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri telah membangunkan *Road Maintenance Financial System* (RMFS) untuk memantau prestasi kewangan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri di agensi pelaksana. Perjanjian di antara Kerajaan Negeri Sarawak bersama dengan Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 25 November 2015 dengan kos bernilai RM452,832. *Certificate of Completion of Work* dan *User Acceptance Test* telah diperoleh pada 11 Januari 2016.
- b. Setakat tarikh pengauditan pada November 2016, sistem ini masih belum digunakan. Pembangunan sistem yang dilaksanakan oleh PSKN merupakan satu mekanisme pemantauan untuk seluruh Sarawak dan boleh membantu PSKN dalam menguruskan pengagihan wang pemberian dengan lebih efisien dan mudah.

Maklum Balas PSKN yang Diterima Pada 23 Februari 2017

Road Maintenance Financial System (RMFS) telah pun digunakan secara Live pada 2 Disember 2016. Kesemua agensi pelaksana telah pun dimaklumkan mengenai Roll out RMFS dan pegawai yang dilantik telah diberi akses kepada sistem tersebut. Setakat ini sejumlah 187 orang pegawai telah diberi akses kepada RMFS yang terdiri daripada data entry, confirm dan viewer.

Pada pendapat Audit, RMFS adalah sistem pemantauan yang baik untuk memantau penggunaan peruntukan MARRIS secara optimum.

1.5.9. Pengurusan Aduan Awam

Rekod Aduan Pelanggan merupakan salah satu daripada kaedah pemantauan yang berkesan bagi menilai keberkesanan program penyenggaraan jalan yang dilaksanakan. Ia bertujuan untuk memastikan setiap aduan yang diterima daripada pelanggan, diambil tindakan dengan cekap dan berkesan di samping mendapatkan maklum balas mengenai keadaan dan kedudukan jalan yang mengalami masalah tersebut. Semakan Audit terhadap Daftar Aduan Pengguna yang diselenggara oleh Bahagian Aduan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 mendapati sebanyak 3,236 aduan berkaitan kerosakan jalan telah diterima oleh DBKU, MPS, MPKS dan MDLBS. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2014 sebanyak 1,074 aduan diterima dan 1,032 aduan diselesaikan pada tahun aduan diterima manakala bakinya iaitu 42 aduan diselesaikan pada tahun berikutnya. Bagi tahun 2015, 1,189 aduan kerosakan jalan diterima dan 1,171 aduan diselesaikan pada tahun aduan diterima

manakala bakinya 18 aduan diselesaikan pada tahun berikutnya. Bagi tahun 2016, 973 aduan diterima dan 868 aduan diselesaikan pada tahun aduan diterima dan bakinya 105 aduan diselesaikan pada tahun berikutnya.

1.5.10. Tahap Kepuasan Pengguna Jalan Raya


1.5.10.1. Mengikut Buku Panduan JKR berkaitan penyenggaraan jalan bertajuk “Senggara Jalan - Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu”, objektif utama penyenggaraan jalan adalah untuk memastikan permukaan dan persekitaran jalan sentiasa memberi pemanduan yang selesa dan selamat. Sehubungan itu, borang soal selidik diedarkan kepada pengguna jalan raya untuk menilai sama ada objektif tersebut tercapai. Bagi tempoh bulan November hingga Disember 2016, pihak Audit telah mengedarkan 600 borang soal selidik kepada pengguna jalan raya yang di bawah tanggungjawab DBKU, MPS, MDLBS dan MPKS. Ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan pengguna terhadap keselesaan dan keselamatan pemanduan di jalan Negeri. Pihak Audit telah menerima kembali sebanyak 490 atau 81.7% daripada 600 borang soal selidik yang diedarkan untuk di analisa. Analisis Audit mendapati sebanyak 57.1% dan 61.6% pengguna berasa selesa dan selamat dengan pemanduan di jalan Negeri dengan MPKS mencatatkan peratusan yang tertinggi keselesaan dan keselamatan pemanduan iaitu 71% dan 74% manakala peratusan terendah bagi keselesaan pemanduan dan keselamatan adalah 40.2% dan 51.2% di MPS seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 1.10
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP
KESELESAAN DAN KESELAMATAN PEMANDUAN DI JALAN NEGERI**

BIL.	AGENSI PELAKSANA	BILANGAN SOAL SELIDIK		ASPEK KESELESAAN				ASPEK KESELAMATAN			
		DIEDARKAN	DIKEMBALIKAN	YA	(%)	TIDAK	(%)	YA	(%)	TIDAK	(%)
1.	DBKU	300	257	147	57.2	110	42.8	152	59.1	105	40.9
2.	MPS	100	82	33	40.2	49	59.8	42	51.2	40	48.8
3.	MPKS	100	100	71	71.0	29	29.0	74	74.0	26	26.0
4.	MDLBS	100	51	29	56.9	22	43.1	34	66.7	17	33.3
JUMLAH		600	490	280	57.1	210	42.9	302	61.6	188	38.4


Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Perbandaran Kota Samarahan, Majlis Perbandaran Sibu dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibu

CARTA 1.1.
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA
TERHADAP KESELESAAN PEMANDUAN DI JALAN NEGERI



Sumber: Jabatan Audit Negara


CARTA 1.2.
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA
TERHADAP KESELAMATAN PEMANDUAN DI JALAN NEGERI



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.5.10.2. Responden di empat PBT mencadangkan supaya menambahbaik aspek keselesaan dan keselamatan jalan. Selain itu, kualiti kerja penyenggaraan jalan juga perlu dipertingkatkan lagi di empat kawasan tersebut. Perkara ini menunjukkan kualiti kerja penyenggaraan jalan merupakan aspek paling utama yang dititikberatkan oleh pengguna jalan raya. Hasil analisis terhadap cadangan penambahbaikan kelemahan aspek keselesaan dan keselamatan jalan oleh pengguna jalan raya di kawasan pentadbiran agensi tersebut adalah seperti carta berikut:

CARTA 1.3
CADANGAN BAGI PENAMBAHBAIKAN
KELEMAHAN ASPEK KESELESAAN DAN KESELAMATAN JALAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.6. SYOR AUDIT

Pada amnya, pengurusan penyenggaraan jalan Negeri oleh empat PBT, PSKN dan JKR adalah memuaskan. Bagaimanapun, perkara berikut perlu dipertingkatkan bagi memastikan penyenggaraan jalan Negeri dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

- 1.6.1. semua agensi pelaksana perlu memastikan kualiti kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan mengikut standard yang telah ditetapkan;
- 1.6.2. Jabatan Kerja Raya disarankan menjalankan semakan secara berkala terhadap rekod dan data jalan di semua jabatan/agensi pelaksana untuk memastikan ketepatan data; dan
- 1.6.3. pihak Kementerian Kerajaan Tempatan disarankan untuk memperluaskan penggunaan *Condition Inventory Report* (CIR) seperti yang diamalkan oleh DBKU kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan.

PIHAK BERKUASA AIR NEGERI SARAWAK

KEMENTERIAN KEMUDAHAN AWAM SARAWAK

2. PENGURUSAN KAWAL SELIA AIR NEGERI

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Di Sarawak, subseksyen 17(1) Ordinan Air, 1994 menetapkan bahawa Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) diberikan kuasa untuk menjalankan kawalan am, pengawasan terhadap kesemua Pihak Berkuasa Bekalan Air (PBBA) dan pengurusan terhadap semua sumber air serta kawasan tadahan air di negeri Sarawak. Di bawah subseksyen 16(1)(a) Ordinan Air, 1994 Yang di-Pertua Negeri telah melantik Setiausaha Tetap, Kementerian Kemudahan Awam Sarawak (KKAS) sebagai PBAN mulai bulan Disember 2007. Beliau dibantu oleh empat PBBA iaitu Lembaga Air Kuching (LAK) bagi bandar Kuching serta sebahagian daripada Bahagian Samarahan; Lembaga Air Sibu (LAS) bagi bandar Sibu; syarikat milik penuh Kerajaan Negeri iaitu LAKU Management Sdn. Bhd. (LAKU) bagi bandar Bintulu, Samalaju, bandar Miri dan Limbang; serta Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) bagi kawasan pedalaman.

2.1.2. Proses merawat air mentah adalah di bawah pengurusan empat PBBA di mana LAK menyelia kawasan bandar Kuching dan sebahagian Bahagian Samarahan seluas 730 km^2 ; LAS menyelia kawasan bandar Sibu seluas $1,980 \text{ km}^2$; LAKU menyelia kawasan bandar Miri, bandar Bintulu, Samalaju dan Limbang seluas $1,188 \text{ km}^2$ manakala JBALB menyelia kawasan selain daripada kawasan di bawah seliaan tiga PBBA tersebut iaitu di Bahagian Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Mukah, Kapit, Bintulu, Miri dan daerah Lawas.

2.1.3. Bagi penguatkuasaan undang-undang terhadap kawalan sungai dan kawasan tadahan air, PBAN turut dibantu oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB), Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS), Jabatan Hutan Sarawak (JHS), Jabatan Tanah dan Survei (JTS), Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak (JAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG). Bagi pemantauan kualiti air, ianya dijalankan oleh PBBA, Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKN), Kementerian Kesihatan Malaysia dan JAS.


2.1.4. Seksyen 3 dan 4 Ordinan Air, 1994 juga menetapkan penubuhan Majlis Sumber Air Negeri Sarawak (MSAS) dengan peranan antaranya seperti berikut:

- a. mengenal pasti semua sumber air yang ada;

- b. merancang, mengurus dan memajukan pengintegrasian antara sumber air dengan penggunaan tanah;
- c. menasihatkan Kerajaan Negeri mengenai perlindungan, pengembangan serta pengurusan sumber air, isu air, kegunaan tanah serta persekitaran dan penggubalan dasar serta strategi untuk memaju, mengurus serta melestarikan sumber air, sistem pembekalan serta pengagihan air;
- d. bekerjasama dengan Jabatan dan Agensi Negeri atau badan lain untuk menjalankan kajian, siasatan dan penyelidikan dalam penggunaan sumber air; dan
- e. memastikan kualiti air minum yang selamat disenggarakan oleh PBBA.

2.1.5. Bidang kuasa dan tugas PBAN berhubung kait dengan pengurusan kawal selia air di seluruh negeri Sarawak adalah bermula daripada sumber air mentah hingga air bersih dibekalkan kepada pelanggan seperti gambar rajah berikut:

**GAMBAR RAJAH 2.1
BIDANG KUASA PIHAK BERKUASA AIR NEGERI**



2.1.6. Setakat akhir tahun 2016, PBAN telah mengenal pasti sebanyak 90 kawasan tadahan air dan 105 Loji Rawatan Air (LRA) di seluruh negeri Sarawak dengan keluasan hampir 158,591 kilometer per segi (km^2).


2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan sumber air di Negeri Sarawak telah diuruskan dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

2.3.1. Skop pengauditan meliputi pengurusan sumber air di Negeri Sarawak dari sungai (sumber air mentah) hingga loji rawatan air sahaja seperti di gambar rajah berikut:

**GAMBAR RAJAH 2.2
SKOP PENGAUDITAN PENGURUSAN SUMBER AIR**



Sumber: Jabatan Audit Negara

2.3.2. Pengauditan telah dijalankan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 di Pejabat Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, Lembaga Air Kuching, LAKU Management Sdn. Bhd. Bahagian Bintulu dan Miri (Ibu Pejabat), Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Kuching (Ibu Pejabat), Bintulu, Miri dan Mukah serta Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Miri. Lawatan Audit telah dijalankan di 11 kawasan tadahan air iaitu di Sungai Sarawak Kiri, Bintulu, Tatau, Tingkas, Matu, Kampung Tian, Daro, Balingian, Kuala Balingian, Lambir dan Niah Subis, serta satu (1) empangan iaitu Empangan Bengoh. Lawatan Audit juga dijalankan di 12 LRA iaitu di Batu Kitang, Nyabau, Tatau, Lambir, Suai, Tingkas, Matu, Kampung Tian, Igan, Daro, Balingian dan Kuala Balingian. Selain itu, persampelan air mentah telah diambil untuk kajian kualiti air di Sungai Sarawak Kiri (Bahagian Kuching); Sg. Sap Kiri dan Sg. Sibiew (Bahagian Bintulu); Sg. Niah (Bahagian Miri); dan Btg Mukah, Sg. Liku, Btg Jemoreng, Sg. Mabun, Sg. Parit, Sg. Daro, Sg. Setuan Besar, Sg. Suyong (Bahagian Mukah).

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan termasuklah menyemak, mengkaji serta menganalisis data, dokumen, laporan, minit mesyuarat dan fail berkaitan. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai turut diadakan. Lawatan ke tapak dan persampelan air diambil untuk pengesahan tahap pencemaran dan untuk menilai tahap kualiti air berdasarkan piawaian yang diiktiraf oleh JAS dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Februari 2017 mendapati secara keseluruhannya pengurusan kawal selia air negeri adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan ditemui seperti berikut:

- i. *current safe yield* air mentah (kuantiti air mentah yang boleh diekstrak daripada sumber air tanpa kesan negatif/impak ekologi) di Serian, Mukah, Tatau, Bintulu, Limbang dan Lawas kurang berbanding dengan permintaan air;
- ii. kapasiti LRA bagi bandar Limbang (yang dikawal selia oleh LAKU) dan kawasan Kuching, Samarahan serta Bintulu (yang dikawal selia oleh JBALB) adalah kurang berbanding permintaan air pada masa kini dan kapasiti LRA Batu Kitang bagi kawasan Kuching serta sebahagian Bahagian Samarahan akan menghadapi kekurangan untuk memenuhi permintaan air bersih pada tahun 2020;
- iii. sebanyak sembilan loji rawatan air di bawah seliaan JBALB didapati tidak beroperasi manakala tiga kawasan tidak mempunyai LRA iaitu Santubong/Damai di Kuching, Bario di Miri dan Pandan di Bintulu;
- iv. berdasarkan *Environment Quality Report* oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak, kualiti air di 18 sungai telah dikategorikan sebagai separa tercemar dan memerlukan rawatan lanjut;
- v. sebanyak 58 kawasan tadahan air yang telah dikenal pasti belum diwartakan menyebabkan tindakan penguatkuasaan, pemantauan dan pemulihan tidak dapat dilaksanakan; dan
- vi. aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan adalah tidak mencukupi bagi memastikan aktiviti yang dilarang daripada dijalankan dalam lingkungan 8 km daripada muka sauk;

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada KKAS, JBALB, NREB, JTS, JHS, LAK, LAS dan LAKU telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 20 April 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.5.1. Kuantiti Sumber Air Mentah

2.5.1.1. Pada tahun 2015, sumber air mentah empat PBBA yang diperoleh daripada sungai adalah sebanyak 1,842 Juta Liter Harian (JLH) atau 90.58% daripada keseluruhan sumber air mentah. Manakala sumber air mentah daripada empangan dan bawah tanah hanya berjumlah 191 JLH (9.39%) dan 0.51 JLH (0.05%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.1
KUANTITI AIR MENTAH DIEKSTRAK DARI SUNGAI,
EMPANGAN DAN BAWAH TANAH PADA TAHUN 2015

PIHAK BERKUASA BEKALAN AIR	SUMBER AIR MENTAH			
	SUNGAI (JLH)	EMPANGAN (JLH)	BAWAH TANAH (JLH)	JUMLAH (JLH)
Lembaga Air Kuching	493.00	-	-	493.00
Lembaga Air Sibu	148.00	-	-	148.00
LAKU Management Sdn. Bhd.	167.60	191	0.10	358.70
Jabatan Bekalan Air Luar Bandar	1,033.10	-	0.41	1,033.51
JUMLAH	1,841.70	191	0.51	2,033.21

Sumber: LAK, LAS dan Laku Management Sdn. Bhd. dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar

2.5.1.2. Dalam pengurusan air mentah daripada sumber, *current safe yield* adalah kuantiti air yang boleh diekstrak daripada sumber tanpa kesan negatif/impak ekologi seperti pengurangan pengaliran air di bawah tanah, pengurangan rizab air di empangan dan mendapan tanah. Semakan Audit terhadap *current safe yield* air mentah seluruh negeri Sarawak mendapati perkara berikut:

a. Current Safe Yield Air Mentah Untuk Semua PBBA

- i. Perbandingan antara *current safe yield* air mentah dan permintaan air untuk empat PBBA pada tahun 2016 untuk kesemua 19 lokasi sumber air mendapati *current safe yield* air mentah melebihi kuantiti permintaan air di 13 lokasi sumber air. Manakala kuantiti permintaan air melebihi *current safe yield* di enam lokasi sumber air, iaitu di Serian, Mukah, Tatau, Bintulu, Limbang dan Lawas yang mengalami kekurangan antara 25 JLH hingga 480 JLH. Berdasarkan analisis, **kekurangan *current safe yield* yang paling ketara adalah di Empangan Assyakirin, Bahagian Bintulu yang menghadapi kekurangan *current safe yield* berjumlah 480 JLH.** Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
CURRENT SAFE YIELD AIR MENTAH DAN PERMINTAAN AIR SETAKAT TAHUN 2016

BIL.	PIHAK BERKUASA BEKALAN AIR	LOKASI	CURRENT SAFE YIELD (JLH)	PERMINTAAN AIR (JLH)	LEBIHAN/KEKURANGAN (JLH)
1.	Lembaga Air Kuching	Kuching (Sungai Sarawak Kiri)	2,047	516	1,531
2.	Lembaga Air Sibu	Sibu (Batang Rejang)	10,000	161	9,839
3.	LAKU Management Sdn. Bhd.	Miri (Sungai Liku, Sungai Bakong, Telaga Bawah Tanah)	152	150.8	1.2
4.		Bintulu (Sungai Sebiew, Takungan Air Sika dan Empangan Assyakirin)	277	210	67
5.		Limbang (Sungai Berawan dan Sungai Pandaruan)	30	20.1	9.9
6.		Serian (Batang Sadong)	32	57	(25)
7.		Simunjan/Sebuyau	5	0	5
8.	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar	Sri Aman (Batang Undup)	20	1.2	18.8
9.		Batang Air	140	1.2	138.8
10.		Betong (Batang Layar)	15	7.2	7.8
11.		Saratok (Sungai Sebelak)	14	5.2	8.8
12.		Sarikei (Empangan Geruju)	140	19	121
13.		Sibu (Batang Rejang)	2,000	531	1,469
14.		Mukah (Batang Mukah)	152	400	(248)
15.		Tatau (Sungai Sap Kiri)	4.6	59	(54.4)
16.		Kapit (Batang Rejang)	2,000	67	1,933
17.		Bintulu (Empangan Assyakirin)	277	757	(480)
18.		Limbang (Sungai Pandaruan dan Sungai Berawan)	20	63	(43)
19.		Lawas (Sungai Gaya)	5	35	(30)

Sumber: LAK, LAS dan Laku Management Sdn. Bhd. dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar

- ii. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), JBALB telah merancang untuk melaksanakan enam projek bagi menambah kapasiti *safe yield* air mentah di kawasan bandar dan pedalaman dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM95.5 juta dan sejumlah RM8.12 juta telah dibelanjakan pada tahun 2016. Butiran projek RMKe-11 dirancang oleh JBALB untuk menambah kapasiti *safe yield* air mentah adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.3
PROJEK RMKE-11 JBALB
UNTUK MENAMBAH KAPASITI SAFE YIELD AIR MENTAH

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DIPOHON 2016 (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA 2016 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR 2016 (RM)	PERUNTUKAN YANG DIPOHON RMKe-11 (RM)	PERUNTUKAN YANG DILULUS RMKe-11 (RM)
1.	<i>Miri Water Source Development</i>	23,000,000	12,000,000	6,754,738	238,000,000	30,000,000
2.	Sumber Bekalan Air Mentah Wilayah Betong	2,000,000	2,000,000	1,367,634	81,000,000	10,000,000

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DIPOHON 2016 (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA 2016 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR 2016 (RM)	PERUNTUKAN YANG DIPOHON RMKe-11 (RM)	PERUNTUKAN YANG DILULUS RMKe-11 (RM)
3.	Raw Water Source Transfer From Btg. Luper To Btg. Undup, Sri Aman	1,000,000	TM	TM	37,000,000	37,000,000
4.	The Proposed Development Of Raw Water Source For Samarahan Division	500,000	TM	TM	57,000,000	10,000,000
5.	Score - Bekalan Air Samalaju	-	TM	TM	455,000,000	TM
6.	Proposed Construction Of 1,350,000m³ Storage Pond, Concrete Weir And Sump At Suai Water Treatment Plant Raw Water Intake, Batu Niah	7,700,000	TM	TM	15,000,000	8,500,000
JUMLAH		34,200,000	14,000,000	8,122,372	883,000,000	95,500,000

Sumber: Jabatan Bekalan Air Luar Bandar

Nota: TM – Tiada Maklumat

- iii. Antara fungsi PBAN adalah untuk mencari kawasan tadahan air yang baru yang sesuai untuk dijadikan sumber air mentah. Mengikut kajian *Sarawak Integrated Water Resources Management Master Plan Study 2009* yang telah dijalankan pada tahun 2009 oleh perunding Jurutera Jasa (Sarawak) Sdn. Bhd. sebanyak 14 kawasan tadahan air baharu seluas 30,805 km² telah dikenal pasti dapat menambah kuantiti sumber air mentah di seluruh negeri Sarawak. Adalah didapati kajian terperinci terhadap kawasan yang telah dicadangkan oleh perunding setakat tahun 2016 belum dijalankan. Cadangan kawasan tadahan air baharu oleh perunding adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.4
CADANGAN KAWASAN TADAHAN AIR BARU OLEH PERUNDING**

BIL.	KAWASAN TADAHAN AIR	BAHAGIAN	KELUASAN (KM ²)
1.	Sungai Robin	Serian	22
2.	Sungai Semabang	Serian	12
3.	Batang Luper	Sri Aman	2,230
4.	Batang Layar	Betong	108
5.	Sungai Kerian	Betong	326
6.	Empangan Sarikei	Sarikei	33
7.	Batang Mukah	Mukah	468
8.	Sungai Jelai	Bintulu	51
9.	Sungai Samalaju	Bintulu	270
10.	Empangan Samalaju	Bintulu	180
11.	Batang Kemenia	Bintulu	4,042
12.	Batang Baram	Miri	20,120

BIL.	KAWASAN TADAHAN AIR	BAHAGIAN	KELUASAN (KM ²)
13.	Sungai Limbang	Limbang	2,485
14.	Sungai Pandan	Bintulu	458
JUMLAH			30,805

Sumber: Kementerian Kemudahan Awam Sarawak

Maklum Balas KKAS yang Diterima Pada 29 Mac 2017

Data dan hasil kajian daripada Sarawak Integrated Water Resources Management Master Plan Study 2009 adalah sebagai panduan dan rujukan dalam membuat perancangan. Kajian terperinci secara berasingan perlu dibuat untuk mendapatkan data dan analisis yang lebih terkini.

b. Kapasiti Loji Rawatan Air

Air mentah yang dipam dari sungai ke LRA akan diproses sebelum disalurkan sebagai air bersih kepada pelanggan. Dengan itu, kapasiti LRA adalah penting untuk memenuhi permintaan air bersih oleh pelanggan. Semakan Audit terhadap kapasiti LRA yang dikendalikan oleh empat PBBA mendapati perkara berikut:

i. Kapasiti LRA Lembaga Air Kuching

- Setakat akhir tahun 2016, LAK yang menyelia kawasan bandar Kuching dan sebahagian Bahagian Samarahan mempunyai LRA yang mampu merawat 579 JLH air mentah berbanding permintaan air bersih sebanyak 520 JLH. Lebihan kapasiti LRA sebanyak 59 JLH adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.5
BEKALAN AIR BERSIH OLEH
LEMBAGA AIR KUCHING PADA TAHUN 2016**

LOJI RAWATAN AIR	KAPASITI LOJI RAWATAN AIR (JLH)	PERMINTAAN AIR BERSIH (JLH)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (JLH)
Batu Kitang	563	512	51
Matang	16	8	8
JUMLAH	579	520	59

Sumber: Lembaga Air Kuching

- Pada tahun 2010, perunding telah dilantik oleh Lembaga Air Kuching untuk mengkaji dan menghasilkan *Third Water Supply Master Plan*. Berdasarkan *master plan* tersebut, unjuran permintaan air bersih daripada LRA Batu Kitang akan meningkat daripada 512 JLH pada

tahun 2016 kepada 653 JLH pada tahun 2020 dan seterusnya meningkat kepada 900 JLH pada tahun 2030.

- Bagaimanapun, kapasiti LRA Batu Kitang hanya 563 JLH berbanding dengan permintaan air bersih dan akan mengalami kekurangan bekalan air bersih sebanyak 90 JLH (tahun 2020); 205 JLH (tahun 2025) dan 337 JLH (tahun 2030). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.6
UNJURAN BEKALAN DAN PERMINTAAN AIR OLEH LRA BATU KITANG**

TAHUN	KAPASITI LOJI RAWATAN AIR (JLH)	PURATA PERMINTAAN AIR (JLH)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (JLH)
2020	563	653	(90)
2025	563	768	(205)
2030	563	900	(337)

Sumber: Kementerian Kemudahan Awam Sarawak Dan Lembaga Air Kuching

Maklum Balas LAK Yang Diterima Pada 20 April 2017

LAK telah mengambil langkah proaktif dengan menaik taraf kapasiti LRA Batu Kitang. Proses menaik taraf merangkumi dua fasa di mana fasa 1 telah siap pada bulan Jun 2016 dan fasa kedua akan siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2017. Apabila fasa dua siap, kapasiti LRA Batu Kitang akan meningkat kepada 764 JLH untuk memenuhi permintaan yang dijangkakan iaitu 653 JLH sehingga tahun 2020. Bagi perancangan serta memenuhi permintaan sehingga tahun 2025 dan 2030 pula, LAK telah melantik perunding bagi membuat penilaian dan kos efektif sama ada naik taraf loji yang sedia ada atau membina LRA yang berkeupayaan 200 JLH bagi menampung keperluan air bersih menjelang tahun 2030.

ii. Kapasiti LRA Lembaga Air Sibu

- Berdasarkan *The Second Sibu Water Supply Master Plan Study* 2013, unjuran permintaan air bersih daripada LRA Sibu akan meningkat daripada 146 JLH pada tahun 2016 kepada 150 JLH pada tahun 2020; 177 JLH pada tahun 2025 dan seterusnya meningkat kepada 207 JLH pada tahun 2030.
- Kapasiti LRA Sibu adalah 195 JLH dan adalah mencukupi untuk membekalkan unjuran permintaan air bersih sehingga tahun 2025 sebanyak 177 JLH.

- Bagi memenuhi permintaan air bersih bandar raya Sibu pada tahun 2030, Lembaga Air Sibu telah merancang untuk meningkatkan kapasiti LRA Sibu kepada 270 JLH. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.7
UNJURAN BEKALAN DAN PERMINTAAN AIR OLEH LEMBAGA AIR SIBU**

TAHUN	KAPASITI LOJI RAWATAN AIR (JLH)	PURATA PERMINTAAN AIR (JLH)	LEBIHAN/(KURANGAN) (JLH)
2016	195	146	49
2020	195	150	45
2025	195	177	18
2030	270	207	63

Sumber: Lembaga Air Sibu

iii. Kapasiti LRA LAKU

Mengikut rekod LAKU, pada tahun 2016 kapasiti LRA yang dikendalikan oleh LAKU adalah mencukupi untuk membekal permintaan air bersih bagi bandar Miri dan Bintulu. Manakala bagi bandar Limbang, kapasiti LRA Berawan adalah 20 JLH atau kekurangan 0.2 JLH berbanding dengan permintaan air bersih sebanyak 20.2 JLH. Kapasiti dan permintaan air pada tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 2.8
BEKALAN DAN PERMINTAAN AIR BERSIH OLEH LAKU PADA TAHUN 2016**

BANDAR	LOJI RAWATAN AIR	KAPASITI LOJI RAWATAN AIR (JLH)	PERMINTAAN AIR BERSIH (JLH)	LEBIHAN/ (KURANGAN) (JLH)
Miri	Lambir	214	150	64
Bintulu	Nyabau	254	202.5	51.5
Limbang	Berawan	20	20.2	(0.2)

Sumber: Kementerian Kemudahan Awam Sarawak

iv. Kapasiti LRA Jabatan Bekalan Air Luar Bandar

- Pada tahun 2016, kapasiti LRA untuk seluruh negeri Sarawak adalah 478.35 JLH berbanding permintaan sebenar air bersih 440.52 JLH iaitu lebihan 37.83 JLH atau 8%. Daripada 12 Bahagian di negeri Sarawak, kapasiti LRA di 9 Bahagian iaitu Bahagian Kuching, Samarahan dan Bintulu mengalami kekurangan sebanyak 53.03 JLH seperti ditunjukkan dalam jadual berikut:

JADUAL 2.9
BEKALAN DAN PERMINTAAN AIR OLEH JBALB PADA TAHUN 2016

KAWASAN	BILANGAN LOJI RAWATAN AIR	KAPASITI LOJI RAWATAN AIR (JLH)	PERMINTAAN AIR (JLH)	LEBIHAN/(KURANGAN) (JLH)
Kuching	10	26.10	75.26	(49.16)
Serian	8	61.97	48.20	13.77
Samarahan	4	18.66	19.38	(0.72)
Sri Aman	13	45.29	39.94	5.35
Betong	8	77.64	53.07	24.57
Sarikei	7	73.57	58.25	15.32
Sibu	12	24.42	19.74	4.68
Kapit	11	28.12	22.09	6.03
Mukah	19	39.93	38.05	1.88
Bintulu	8	11.85	15.00	(3.15)
Miri	12	46.48	27.83	18.65
Limbang	10	24.32	23.71	0.61
JUMLAH	122	478.35	440.52	37.83

Sumber: Jabatan Bekalan Air Luar Bandar

- Mengikut rekod JBALB, terdapat sembilan LRA yang tidak beroperasi, iaitu di Bako dan Muara Tebas (Bahagian Kuching); Bekenu, (Bahagian Miri) Debak, Roban, Kabong dan Sepaoh (Bahagian Betong), Oya (Bahagian Mukah) dan Belawai/Jerijeh (Bahagian Sarikei). Selain itu, terdapat tiga kawasan yang tidak mempunyai LRA iaitu Santubong/Damai di Kuching, Bario di Miri dan Pandan di Bintulu. Oleh yang demikian, JBALB terpaksa membeli air bersih dari PBBA lain.
- Ini dilakukan untuk menjimatkan kos pembinaan serta penyenggaraan LRA dan sudah terdapat paip agihan PBBA di kawasan tersebut. Untuk tempoh tahun 2014 hingga 2016, sejumlah RM16.18 juta telah dibelanjakan untuk membeli air dari LAKU di kawasan Miri dan Bintulu. Pembelian air bersih daripada PBBA oleh JBALB bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10
PEMBELIAN AIR BERSIH DARIPADA
PBBA OLEH JBALB BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BAHAGIAN	KAWASAN	KUANTITI AIR BERSIH (M ³)	BAYARAN (RM Juta)
Miri	Bekenu	11,551,981	10.97
Bintulu	Pandan	966,368	0.92
	Kuala Tatau	325,650	0.31
	Jalan Bintulu/Miri	2,860,914	2.66

BAHAGIAN	KAWASAN	KUANTITI AIR BERSIH (M ³)	BAYARAN (RM Juta)
	Ulu Sebauh, Jalan Bintulu/Tatau	1,142,258	1.1
	Rumah Lampoh, KM 25 Jalan Bintulu/Tatau	238,699	0.22
JUMLAH		17,085,870	16.18

Sumber: Kementerian Kemudahan Awam Sarawak, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar dan LAKU

Pada pendapat Audit, kekurangan kapasiti *current safe yield* sumber air mentah dan kapasiti LRA berbanding permintaan air terutamanya di kawasan seliaan JBALB kurang diberi perhatian.

2.5.2. Kualiti Air

2.5.2.1. Pemantauan terhadap sumber air mentah di negeri ini dilakukan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). NREB melakukan pemantauan secara menyeluruh terhadap kualiti air sungai mengikut piawaian *National Water Quality Standards for Malaysia* (NWQSM) dan Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) yang ditetapkan oleh JAS. KKM pula menetapkan piawaian Kualiti Mutu Air Minum (KMAM) bagi memantau kualiti sumber air mentah. Piawaian ini diguna oleh PBBA untuk membekal air bersih kepada orang awam. Butiran lanjut mengenai piawaian NWQSM, IKAN dan KMAM adalah seperti jadual-jadual berikut:

**JADUAL 2.11
INDEKS KUALITI AIR NEGARA**

KELAS AIR	JULAT (%)	KLASIFIKASI	JULAT INDEKS (%)
I	92.8 – 100	Pemuliharaan alam sumber air yang asli dan tidak memerlukan sebarang rawatan.	Bersih (81 – 100)
II	76.63 – 92.8	Berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan biasa diperlukan untuk tujuan tersebut.	
IIB			
III	52.47 – 76.63	Berstatus bersih, sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut.	Separai Tercemar (60 – 80)
IV	29.74 – 52.47	Tujuan pengairan sahaja.	Tercemar (0 – 59)
V	< 29.74	Tiada seperti di atas.	

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

**JADUAL 2.12
NATIONAL WATER QUALITY STANDARDS FOR MALAYSIA**

PARAMETER	UNIT	KELAS					
		I	IIA	IIB	III	IV	V
Oksigen Terlarut (DO)	mg/l	7	5 - 7	5 - 7	3 - 5	< 3	< 1
Ammonia Nitrogen (NH ₃ -N)	mg/l	0.1	0.3	0.3	0.9	2.7	> 2.7

PARAMETER	UNIT	KELAS					
		I	IIA	IIB	III	IV	V
Keperluan Oksigen Biokimia (BOD)	mg/l	1	3	3	6	12	> 12
Faecal Coliform Count (FCC)	count/100 ml	10	100	400	5,000 (20,000) ^a	5,000 (20,000) ^a	Tiada
Pepejal Terampai (SS)	mg/l	25	50	50	150	300	300

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

**JADUAL 2.13
KUALITI MUTU AIR MINUMAN**

BIL.	PARAMETER	UNIT	KRITERIA KUALITI	
			AIR MENTAH	AIR BERSIH
1.	pH	-	5.5 – 9.0	6.5 – 9.0
2.	Kekeruhan	NTU	1,000	5
3.	Warna	TCU	300	15
4.	Aluminium	Mg/l	0	0.2
5.	Jumlah koliform (FCC)	MPN / 100 ml	5,000	0
6.	E.Coli	MPN / 100 ml	5,000	0
7.	BOD	mg/l	6	0
8.	COD	mg/l	10	0
9.	Jumlah pepejal terlarut (TDS)	mg/l	1,500	1,000
10.	Ammonia Nitrogen	mg/l	1.5	1.5

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

2.5.2.2. Semakan Audit terhadap penilaian kualiti air sungai oleh NREB, pemantauan kualiti air di kawasan tадahan air oleh KKM, laporan Sarawak *Integrated Water Resources Management Master Plan Study 2009* dan ujian kualiti air di sungai dan LRA berdasarkan sampel Audit mendapati perkara berikut:

- a. **Penilaian Kualiti Air Sungai oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak**
 - i. Pada tahun 2015, NREB telah memantau 278 stesen yang terletak di sekitar 62 sungai, tiga tasik dan lima empangan di bawah Program Pemantauan Kualiti Air Sungai (RWQMP) dan telah mengeluarkan *Environment Quality Report (EMQ) 2015*. Daripada 62 sungai tersebut, sebanyak 26 sungai merupakan sumber bekalan air mentah untuk empat PBBA. Mengikut laporan tersebut, sebanyak 18 atau 69.2% daripada 26 sungai untuk bekalan air mentah diklasifikasikan dalam Kelas III, Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) iaitu **separa tercemar**. Maklumat mengenai kualiti air sungai yang menjadi sumber air mentah PBAN pada tahun 2015 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.14
KUALITI AIR SUNGAI YANG MENJADI SUMBER
AIR MENTAH PIHAK BERKUASA AIR NEGERI PADA TAHUN 2015

BIL.	NAMA SUNGAI	KATEGORI BERDASARKAN IKAN			NWQSM				
					BAHAN ORGANIK			KOLIFORM	PEPEJAL TERAMPAL
		INDEKS	KELAS	KATEGORI	DO	NH ₃ -N	BOD	FCC	SS
1.	Batang Kayan, Lundu	77	II	Separa Tercemar	II	II	II	III	IV
2.	Batang Layar, Betong	85	II	Bersih	II	I	II	III	III
3.	Batang Skrang, Sri Aman	86	II	Bersih	II	I	II	III	III
4.	Batang Undup, Sri Aman	91	II	Bersih	II	II	II	III	I
5.	Sungai Sarawak Kiri, Kuching	91	II	Bersih	II	I	II	III	I
6.	Batang Balleh, Kapit	83	II	Bersih	II	III	II	III	II
7.	Batang Rejang (Kapit)	83	II	Bersih	II	III	II	III	II
8.	Sungai Kanowit, Kapit	83	II	Bersih	II	III	II	III	I
9.	Batang Trusan, Lawas	77	II	Separa Tercemar	II	IV	II	III	III
10.	Sungai Berawan, Limbang	78	II	Separa Tercemar	III	IV	II	III	III
11.	Sungai Gaya, Lawas	80	II	Separa Tercemar	II	IV	II	IV	II
12.	Sungai Pandaruan, Limbang	81	II	Bersih	II	IV	II	III	II
13.	Batang Krian, Sarikei	63	III	Separa Tercemar	III	I	II	III	IV
14.	Batang Sadong, Serian	66	III	Separa Tercemar	III	II	II	III	V
15.	Batang Igan, Sibu	68	III	Separa Tercemar	III	III	II	III	III
16.	Batang Mukah, Mukah	69	III	Separa Tercemar	III	III	II	III	III
17.	Batang Oya	71	III	Separa Tercemar	III	III	II	III	I
18.	Batang Rejang (Sibu)	74	III	Separa Tercemar	III	III	II	III	I
19.	Batang Baram, Miri	60	III	Separa Tercemar	III	IV	II	III	III
20.	Batang Kemenan, Bintulu	64	III	Separa Tercemar	III	IV	II	IV	III
21.	Sungai Bakong, Miri	61	III	Separa Tercemar	III	IV	II	III	II
22.	Sungai Belaga, Kapit	72	III	Separa Tercemar	II	IV	II	III	III
23.	Sungai Koyan, Kapit	73	III	Separa Tercemar	II	IV	II	III	III
24.	Sungai Niah, Miri	70	III	Separa Tercemar	III	IV	II	III	I
25.	Sungai Sibiew, Bintulu	71	III	Separa Tercemar	II	IV	II	IV	II
26.	Sungai Liku, Miri	68	III	Separa Tercemar	I	IV	II	II	I

Sumber: Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak

- ii. Analisis Audit terhadap laporan berkaitan kualiti air sungai mengikut piawaian *National Water Quality Standards for Malaysia* (NWQSM) mendapati perkara berikut:
- keperluan Oksigen Biokimia (BOD) adalah jumlah oksigen terlarut yang diperlukan oleh organisma biologi aerobik untuk memecahkan bahan organik di dalam sampel air yang diberikan pada suhu tertentu dalam tempoh masa tertentu. Lebih tinggi BOD, lebih tinggi pencemaran dalam sampel ujian air. Didapati kesemua 26 sungai memperolehi Kelas II dalam parameter BOD.
 - *Faecal Coliform Count* (FCC) adalah *koliform* yang wujud dalam usus dan najis haiwan berdarah panas dan manusia. Terdapat tiga sungai (Sungai Gaya, Lawas, Batang Kemenan, Bintulu, dan Sungai Sibiew, Miri) yang telah diklasifikasikan dalam Kelas IV, iaitu dicemari dengan najis haiwan/manusia.
 - pepejal terampai (Suspended Solids - SS) adalah zarah yang terperangkap oleh penapis dan merupakan satu parameter kualiti air yang digunakan untuk menilai kualiti air selepas rawatan di LRA sisa. Sungai yang tercemar teruk dengan SS adalah Batang Kayan dan Batang Krian yang diklasifikasikan dalam Kelas IV serta **Batang Sadong yang telah diklasifikasikan dalam Kelas V**. Mengikut laporan tersebut, kandungan SS tinggi dalam sungai berkenaan disebabkan hakisan tanah dari aktiviti pembangunan pertanian yang berlaku di hulu anak sungai, pembangunan infrastruktur, pembalakan dan aktiviti pengeluaran balak di sepanjang sungai.
 - kewujudan ammonia nitrogen ($\text{NH}_3\text{-N}$) dalam air boleh menyebabkan kesan keracunan kepada hidupan akuatik. Terdapat 12 sungai yang mempunyai kandungan $\text{NH}_3\text{-N}$ yang tinggi dan diklasifikasikan dalam Kelas IV.
 - menurut laporan tersebut, pencemaran air sungai adalah disebabkan penempatan penduduk di sekitar kawasan sungai, pembuangan kumbahan berlebihan yang tidak dirawat dan air kotor (*greywater*) dari rumah, kedai makan, pasar basah, ladang ternakan, bahan buangan industri serta pertanian yang mengalir terus ke dalam sungai.
- iii. Pada bulan Januari 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan Kajian Terhadap Kapasiti Bebanan Sungai-sungai di Sarawak Untuk Pengurusan Pencemaran terhadap enam sungai di bawah RMKe-11. Sungai yang terlibat adalah Sungai Sadong di Samarahan, Batang Mukah di Mukah, Batang Oya di Mukah, Batang Lassa di Sri Aman, Sungai Kemenan di Bintulu

dan Sungai Baram di Miri. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk menentukan kapasiti bebanan pencemaran sungai bagi membolehkan pihak berkuasa berkenaan merancang secara strategik penggunaan tanah dan mengurangkan konflik antara saingan pembangunan dan matlamat pemeliharaan.

Maklum Balas NREB yang Diterima Pada 21 Mac 2017

NREB menyatakan bahawa laporan kualiti air sungai di bawah Program Pemantauan Kualiti Air Sungai (RWQMP) adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menyediakan tahap (baseline) kualiti air untuk semua sungai utama di Sarawak; mengenal pasti masalah dan punca pencemaran (non-point source) bagi setiap sungai yang dipantau; mengenal pasti status dan trend kualiti air sungai serta membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk penambahbaikan kualiti air sungai. Di bawah RWQMP ini, pemantauan kualiti air sungai dilakukan secara berkala pada lokasi atau titik yang tetap dan mengikut kepentingan sungai tersebut.

Pada pendapat Audit, pihak berkuasa berkenaan tidak menggunakan sepenuhnya hasil pemantauan kualiti air sungai yang telah dijalankan oleh NREB bagi merancang penggunaan dan pembangunan tanah.

b. Pemantauan Kualiti Air di Kawasan Tadahan Air oleh KKM

- i. KKM menjalankan pemantauan di kawasan tadahan air di Sarawak melalui Kajian Kebersihan. Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti punca pencemaran di kawasan tadahan air atau sumber bekalan air agar tindakan pembetulan dapat dilakukan sebelum ia menjadi lebih serius. KKM telah menjalankan Kajian Kebersihan dari tahun 2014 hingga 2016 di Kawasan Tadahan Air Limbang, Kawasan Tadahan Air Lambir dan Kawasan Tadahan Air Matu, Mukah.
- ii. Hasil kajian tersebut mendapati berlaku pelanggaran bagi parameter FCC di Sungai Berawan Besar, Limbang dengan bacaan melebihi 16,000 MPN/100ml. Di Kawasan Tadahan Air Lambir, terdapat pelanggaran nilai pH, ferum, aluminium dan mangan. Kandungan ferum, aluminium dan mangan yang tinggi adalah disebabkan oleh kewujudannya secara semula jadi di dalam tanah selain disebabkan oleh hakisan tanah. Bagi Kawasan Tadahan Air Matu, bacaan nilai pH didapati melebihi daripada piawaian KMAM. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.15
BACAAN KUALITI AIR YANG DIJALANKAN
OLEH KKM DI KAWASAN TADAHAN AIR LAMBIR

PARAMETER KUMPULAN 1, KMAM				PARAMETER KUMPULAN 2, KMAM				
PH (5.5 – 9.0)	KEKERUHAN (NTU 1000)	JUMLAH KOLIFORM (5000 MPN/ 100 ML)	FAECAL COLIFORM (5000 MPN/ 100 ML)	NH ₃ (1.5 MG/L)	NO ₃ (10 MG/L)	FERUM (1.0 MG/L)	ALUMINIUM (0 MG/L)	MANGAN (0.2 MG/L)
Sungai Liku								
4.22*	30.2	270	45	0.2	0.5	1.70*	1.44*	0.22*
Sungai Buri								
4.04*	1.12	110	23	0.1	0.5	0.77	1.46*	0.19
Jambatan Simpang Marudi								
4.37*	42.1	350	350	0.1	0.5	2.49*	1.13*	0.23*
Raw Water Storage Basin								
4.44*	6.49	33	33	0.1	0.5	0.59	0.97*	0.44*
Muka Sauk LRA Lambir								
4.52*	11.1	2.0	1.8	0.05	0.5	1.14*	1.03*	0.35*

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota: * - Tidak Mengikut Piawaian yang Ditetapkan

- iii. Mengikut laporan tersebut, terdapat aktiviti yang dilaksanakan berhampiran dengan sumber air mentah yang boleh menyebabkan pencemaran. Antara aktiviti yang ditemui adalah seperti pengumpulan kayu balak, stesen minyak bersebelahan dengan muka sauk, pembuangan sisa domestik ke dalam sungai dan ladang kelapa sawit di sekitar kawasan tadahan air.

c. Sarawak Integrated Water Resources Management Master Plan Study 2009

Berdasarkan laporan kajian ini, Sungai Sarawak Kiri, Batang Baram, Batang Mukah dan Batang Benutus telah tercemar. Punca pencemaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.16
SEBAB PENCEMARAN DI SUNGAI

NAMA SUNGAI	PUNCA PENCEMARAN
Sarawak Kiri	Penempatan yang membuang kumbahan yang tidak dirawat secukupnya di sepanjang sungai.
Batang Baram	Paras kandungan SS di Batang Baram adalah tinggi dan boleh mengakibatkan pemendapan dalam pam air utama di loji dan seterusnya menyekat saluran air sepanjang paip tersebut. Selain itu, kandungan SS yang tinggi boleh juga menghakis lapisan dalam saluran paip tersebut.
Batang Jemoreng	3.1% daripada Kawasan Tadahan Matu seluas 119 km ² telah dibangunkan untuk ladang kelapa sawit dan 0.7% untuk aktiviti pertanian lain.
Batang Mukah	10% daripada aktiviti perladangan kelapa sawit dan 31% daripada aktiviti pertanian lain telah menyumbang kepada peningkatan paras SS.
Batang Benutus	Pembersihan tapak untuk ladang kelapa sawit yang menyebabkan permukaan tanah terdedah kepada pengoksidaan dan seterusnya meningkatkan paras asid.

Sumber: Kementerian Kemudahan Awam Sarawak

d. Ujian Kualiti Air Berdasarkan Persampelan Audit

- i. Lawatan Audit ke tapak pada 19 Januari 2017 mendapati sumber air mentah daripada Batang Benutus yang menyalurkan ke LRA Oya tidak lagi digunakan kerana telah tercemar. Selain itu, LRA Oya hanya berfungsi sebagai *booster pump* bagi menyalur bekalan air bersih dari LRA Basong di Mukah. Maka sauk Batang Benutus yang tidak digunakan adalah seperti gambar berikut:



GAMBAR 2.1

Muka Sauk Batang Benutus
- Muka Sauk Tidak Lagi Digunakan
(19.01.2017)

- ii. Pihak Audit juga mengambil sampel air bersama jurutera KKAS, pegawai PBBA berkaitan dan pegawai operasi LRA di kawasan Kuching pada 19 Disember 2016 dan di kawasan Bintulu, Miri serta Mukah pada 16 hingga 20 Januari 2017. Sampel air mentah diambil dari sungai yang menjadi sumber air mentah di kawasan tersebut manakala sampel air bersih diambil daripada air yang dirawat oleh LRA. Sampel air tersebut telah dianalisis di makmal LAK dan LAKU manakala di Mukah, sampel air dianalisis secara *in-situ* dengan menggunakan peralatan *Palintest*. Ujian bagi kekeruhan, warna, pH dan aluminium dijalankan ke atas sampel air tersebut.
- iii. Hasil daripada ujian terhadap sampel tersebut mendapati perkara berikut:
- tiada pelanggaran parameter bagi sampel air dari Sungai Simboh dan Sungai Staat (Kuching) serta Sungai Sap Kiri (Tatau, Bintulu).
 - kualiti air boleh dinilai dengan menggunakan parameter warna air (*True Colour*) kerana warna air adalah disebabkan bahan organik semula jadi daripada tumbuh-tumbuhan yang reput. Bagi mengukur kualiti air, *True Colour Unit* (TCU) 300 dan TCU 15 digunakan sebagai parameter masing-masingnya untuk air mentah dan air bersih. Didapati **Sungai Liku yang menjadi sumber air mentah kepada LRA Lambir untuk kawasan Miri mempunyai bacaan warna air yang tinggi iaitu 420 TCU berbanding parameter 300 TCU**. Selain itu, air bersih yang telah dirawat daripada **Sungai Parit, Igan, Mukah, mempunyai bacaan warna air sebanyak 90 TCU berbanding parameter 15 TCU sahaja**.

- bagi parameter aluminium, air mentah sepatutnya tidak mengandungi bahan ini (0mg/liter) kerana aluminium adalah dianggap toksik kepada manusia. Bagi merawat air mentah pula, pengental yang berasaskan aluminium biasanya digunakan untuk penyingkiran zarah/partikel, koloid, dan bahan-bahan terlarut melalui proses pembekuan. Dengan itu, parameter aluminium untuk air bersih adalah maksimum 0.2mg/l. Bagaimanapun, terdapat **dua sampel air mentah yang mengandungi aluminium, iaitu Sungai Sibiew, Bintulu (0.3 mg/l) dan Sungai Mabun, Mukah (0.5 mg/l)**. Selain itu, bagi air bersih, **terdapat empat sampel air yang melanggar parameter aluminium, iaitu Batang Mukah, Mukah (0.25 mg/l); Batang Jemoreng, Matu (0.25mg/l); Sungai Mabun, Matu (0.35 mg/l); dan Sungai Setuan Besar, Balingian (1.2 mg/l)**.
- bacaan pH (asid/alkali) air yang neutral adalah 7. Bagi parameter pH air mentah dan air bersih, bacaan pH yang boleh diterima adalah 5.5 – 9 pH (air mentah) dan 6.5 – 9 pH (air bersih). Didapati **sampel air mentah daripada lima sungai melanggar parameter ini, iaitu Batang Mukah, Tingkas (4.3 pH); Batang Jemoreng, Matu (3.5 pH); Sungai Mabun, Matu (4.8 pH); Sungai Daro, Daro (4.6 pH); dan Sungai Setuan Besar, Balingian (4.2 pH)**. Bagaimanapun, selepas air dirawat, kesemua sampel air bersih daripada lokasi yang sama telah memenuhi parameter pH yang ditetapkan.
- air yang keruh merupakan satu ciri air yang tidak bersih. Bagi menilai parameter ini, 50 *Nephelometric Turbidity Units* (NTU) ditetapkan sebagai maksimum di saluran alur keluar LRA. **Didapati hanya sampel air bersih daripada Sungai Parit, Igan, Mukah (14 NTU) yang melanggar parameter ini**.
- butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar-gambar berikut:

JADUAL 2.17
BACAAN PARAMETER SAMPEL AIR MENTAH
OLEH PIHAK AUDIT DI KAWASAN KUCHING, BINTULU, MIRI DAN MUKAH

NAMA SUNGAI	KUALITI MUTU AIR MINUM							
	AIR MENTAH				AIR BERSIH			
	KEKERUHAN (1000 NTU)	PH (5.5 – 9.0)	WARNA (TCU 300)	ALUMINIUM (0 MG/L)	KEKERUHAN (5 NTU)	PH (6.5 – 9.0)	WARNA (TCU 15)	ALUMINIUM (0.2 MG/L)
Lokasi: Batu Kitang, Kuching								
Tarikh Semakan: 19.12.2016								
Sungai Simboh	11.00	7.10	30.00	0.00	**	**	**	**

NAMA SUNGAI	KUALITI MUTU AIR MINUM								
	AIR MENTAH				AIR BERSIH				
	KEKERUHAN (1000 NTU)	PH (5.5 – 9.0)	WARNA (TCU 300)	ALUMINIUM (0 MG/L)	KEKERUHAN (5 NTU)	PH (6.5 – 9.0)	WARNA (TCU 15)	ALUMINIUM (0.2 MG/L)	
Sungai Staat	13.00	7.10	30.00	0.00	**	**	**	**	**
Lokasi: Tatau, Bintulu									
Tarikh Semakan: 16.01.2017									
Sungai Sap Kiri	68.00	5.90	**	**	**	**	**	**	**
Lokasi: Nyabau, Bintulu									
Tarikh Semakan: 17.01.2017									
Sungai Sibiew	16.00	6.70	289.00	0.03	**	**	**	**	**
Lokasi: Suai, Miri									
Tarikh Semakan: 18.01.2017									
Sungai Niah	151.00	6.20	90.00	**	**	**	**	**	**
Lokasi: Tingkas, Mukah									
Tarikh Semakan: 18.01.2017									
Batang Mukah	550.90	4.30	**	**	1.018	6.81	5.00	0.25	
Lokasi: Lambir, Miri									
Tarikh Semakan: 19.01.2017									
Sungai Liku	59.00	5.40	420.00	**	**	**	**	**	**
Lokasi: Matu, Mukah									
Tarikh Semakan: 19.01.2017									
Batang Jemoreng	1.30	3.50	**	0.00	5.00	7.80	5.00	0.25	
Lokasi: Kampung Tian, Matu, Mukah									
Tarikh Semakan: 19.01.2017									
Sungai Mabun	100.00	4.80	**	0.50	5.00	7.20	5.00	0.35	
Lokasi: Igan, Mukah									
Tarikh Semakan: 19.01.2017									
Sungai Parit	195.00	6.50	**	**	14.00	6.80	90.00	0.12	
Lokasi: Daro, Mukah									
Tarikh Semakan: 19.01.2017									
Sungai Daro	20.00	4.60	**	**	0.02	7.00	5.00	0.04	
Lokasi: Kuala Balingian, Mukah									
Tarikh Semakan: 20.01.2017									
Sungai Setuan Besar	84.00	4.20	**	**	4.00	6.80	10.50	1.20	
Lokasi: Balingian, Mukah									
Tarikh Semakan: 20.01.2017									
Sungai Suyong	36.00	6.20	**	**	0.00	7.20	0.00	0.15	

Sumber: Jabatan Audit Negara, Lembaga Air Kuching, LAKU Management Sdn. Bhd. dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar

Nota: ** - Tiada Ujian Dibuat

GAMBAR 2.2



Kawasan Tadahan Air Niah Subis
- Air Sungai Niah Kelihatan Keruh
(18.01.2017)

GAMBAR 2.3



Kawasan Tadahan Air Lambir
- Warna Air Sungai Liku Gelap
(18.01.2017)

GAMBAR 2.4



Sungai Sarawak Kiri
- Sampel Air Sungai Sarawak Kiri
(19.12.2016)

GAMBAR 2.5



Tingkas, Batang Mukah
- Sampel Air Batang Mukah
(18.01.2017)

GAMBAR 2.6



Loji Rawatan Air Matu
- Sampel Air Batang Jemoreng dan Air Bersih Dari
LRA Matu
(19.01.2017)

GAMBAR 2.7



Loji Rawatan Air Matu
- Sampel Air Batang Jemoreng yang Dilakukan
Secara *In-Situ*
(19.01.2017)

- iv. Bagi pelanggaran parameter aluminium air bersih di Kampung Tian, Matu, Mukah (0.35 mg/l berbanding 0.2 mg/l). Lawatan Audit mendapati LRA Kampung Tian tidak beroperasi dengan efisien kerana mengalami kebocoran di bahagian dalam tangki. Ini menyebabkan operasi rawatan air di tangki tersebut dihentikan untuk seketika bagi mengelak kandungan bahan pepejal terampai bercampur dalam air bersih. Pihak Audit juga mendapati LRA Kampung Tian yang mula beroperasi sejak tahun 1982 dan tangki yang digunakan untuk merawat air mentah belum pernah diganti. Air keruh dan

berkelodak di bahagian dalam tangki LRA Kampung Tian adalah seperti gambar berikut:



GAMBAR 2.8

Kampung Tian, Matu
- Air Keruh dan Berkelodak di Bahagian Dalam
Tangki LRA Kampung Tian
(19.01.2017)

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat oleh pihak berkaitan menunjukkan kualiti air sungai dan air bersih di Sarawak dalam keadaan yang kurang memuaskan.

2.5.3. Pewartaan Kawasan Tadahan Air

2.5.3.1. Mengikut Seksyen 8 Ordinan Air, 1994 apabila suatu kawasan tadahan air dianggap perlu atau dapat memberi manfaat bagi PBAN untuk melindungi atau memelihara sumber air mentah, PBAN hendaklah mengemukakan cadangan pewartaan kawasan tadahan air tersebut kepada Kementerian Perancangan dan Pengurusan Sumber Sarawak (KPSAS), NREB dan MSAS untuk ulasan serta nasihat sebelum diwartakan sebagai Kawasan Tadahan Air oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Kawasan tadahan air yang telah dikenal pasti dan bilangan LRA mengikut bahagian di negeri Sarawak setakat tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.18

KAWASAN TADAHAN AIR YANG TELAH DIKENAL PASTI DAN BILANGAN LOJI RAWATAN AIR DI NEGERI SARAWAK SETAKAT TAHUN 2016


BIL.	BAHAGIAN	BILANGAN KAWASAN TADAHAN AIR	BILANGAN LRA
1.	Sibu	8	12
2.	Miri	8	12
3.	Kapit	5	11
4.	Bintulu	9	8
5.	Limbang	5	10
6.	Mukah	14	19
7.	Sri Aman	10	13
8.	Sarikei	7	7
9.	Samarahan	5	4
10.	Betong	6	8
11.	Kuching	6	10
12.	Serian	4	8
JUMLAH		87	130

Sumber: Kementerian Kemudahan Awam Sarawak

2.5.3.2. Semakan Audit terhadap pewartaan kawasan tадahan air mendapatkan perkara berikut:

a. daripada 90 kawasan tадahan air yang dikenal pasti setakat akhir tahun 2016, sebanyak 29 atau 32.2% telah diwartakan dengan keluasan kawasan $40,795 \text{ km}^2$ (merangkumi 32.8% keluasan tanah di seluruh negeri Sarawak) manakala 61 atau 67.8% tidak diwartakan sejak tahun 2009. Kawasan tадahan air yang telah/belum diwartakan adalah seperti peta dan jadual berikut:

**PETA 2.1
KAWASAN TADAHAN AIR YANG TELAH/BELUM DIWARTAKAN**



Sumber: Kementerian Kemudahan Awam Sarawak

**JADUAL 2.19
KAWASAN TADAHAN AIR YANG TELAH/BELUM DIWARTAKAN
DI NEGERI SARAWAK SETAKAT TAHUN 2016**

BIL.	BAHAGIAN	KAWASAN TADAHAN AIR TELAH DIWARTAKAN		KAWASAN TADAHAN AIR BELUM DIWARTAKAN	
		JUMLAH	KELUASAN (KM^2)	JUMLAH	KELUASAN (KM^2)
1.	Kuching	2	895	4	218.50
2.	Sri Aman	6	1,066	4	2,203.12
3.	Sibu	2	1,332	6	47,790.31
4.	Miri	1	78	7	36,839.09
5.	Limbang	1	47	4	4,861.98
6.	Sarikei	2	214	5	1,581.14
7.	Kapit	1	34,668	4	13,826.40
8.	Bintulu	2	189	7	5,094.49
9.	Samarahan	4	1,421	1	1,110.18

BIL.	BAHAGIAN	KAWASAN TADAHAN AIR TELAH DIWARTAKAN		KAWASAN TADAHAN AIR BELUM DIWARTAKAN	
		JUMLAH	KELUASAN (KM ²)	JUMLAH	KELUASAN (KM ²)
10.	Serian	0	TM	4	TM
11.	Mukah	3	241	11	3,936.17
12.	Betong	5	644	1	335.00
	JUMLAH	29	40,795	58	117,796.38

Sumber: Jabatan Bekalan Air Luar Bandar

- b. pada tahun 2016, dua kawasan tadahan air iaitu Sungai Belaga di Kapit dan Sungai Krian di Betong telah dicadangkan untuk diwartakan oleh PBAN.

Maklum Balas KKAS yang Diterima Pada 4 April 2017

Pada bulan Ogos 2016, PBAN telah merujuk kepada Peguam Besar Negeri untuk menentukan Akta atau Ordinan yang bersesuaian serta mudah untuk diguna pakai bagi pewartaan tapak empangan bekalan air. Pada bulan Februari 2017, Kementerian ini telah merujuk sekali lagi kepada Peguam Besar Negeri berkenaan perkara ini untuk nasihat dan penjelasan lanjut, sebelum sebarang pewartaan dapat dibuat.

Maklum Balas NREB yang Diterima Pada 20 April 2017

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.3 juta untuk menyediakan kajian mengenai status aktiviti pembangunan di kawasan tadahan air di Sarawak. Sehubungan itu, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak telah menyiapkan kajian bertajuk Study On The Establishment Of Dataset For Development Activities Within Water Catchment Areas Using Geographic Information System (GIS) pada bulan Januari 2017. Melalui kajian tersebut satu dataset mengenai aktiviti-aktiviti pembangunan di 104 kawasan tadahan di seluruh Negeri telah dibangunkan. Kajian ini akan dibentang dalam Mesyuarat Ahli Lembaga pada masa yang terdekat sebelum ianya dikemukakan kepada MMKN untuk kelulusan.

- c. Kawasan tadahan air yang belum diwartakan menyebabkan tindakan penguatkuasaan, pemantauan, pemulihan tidak dapat dilaksanakan dan seterusnya menjelaskan kualiti air mentah. Sebagai contoh, lawatan Audit pada 15 Disember 2016 ke Empangan Bengoh yang membekal air mentah ke LRA Batu Kitang, Kuching mendapati:
 - i. orang awam telah memasuki kawasan empangan untuk berkayak seperti ditunjukkan dalam gambar-gambar berikut:

GAMBAR 2.9



Empangan Bengoh
- Aktiviti Berkayak Dijalankan oleh Orang Luar
di Kawasan Empangan Bengoh
(15.12.2016)

GAMBAR 2.10



Empangan Bengoh
- Aktiviti Berkayak Dijalankan oleh Orang Luar
di Kawasan Empangan Bengoh
(15.12.2016)

- ii. Pegawai Keselamatan LAK yang bertugas tidak diberi kuasa untuk menyekat kemasukan orang awam ke kawasan empangan kerana kawasan tersebut belum diwartakan sebagai kawasan larangan.

Maklum Balas LAK yang Diterima Pada 20 April 2017

Pembinaan empangan Bengoh telah siap pada 31 Januari 2016 dan telah diserahkan oleh JBALB kepada LAK bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan berkuat kuasa 1 Ogos 2016. Oleh kerana baru mengambil alih empangan Bengoh, LAK telah membuat langkah awal dengan membina pondok keselamatan dan pintu masuk utama yang mana ia amat penting bagi mengawal keluar dan masuk ke empangan. LAK telah memanggil Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan (CGSO) dan mereka telah membuat lawatan pada 7 Disember 2016. Pegawai mereka telah memberi cadangan jajaran pagar keselamatan serta kedudukan pelampung keselamatan bagi tujuan pewartaan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan. LAK telah ambil maklum tentang cadangan tersebut dan masih membuat perincian bagi kawasan yang terlibat untuk diserahkan kepada CGSO bagi kelulusan. LAK telah diberikan masa untuk menyerahkan dokumen cadangan kepada CGSO dalam tempoh dua bulan dari tarikh mesyuarat dengan KKAS pada 12 April 2017. Bagi kemasukan ke kawasan empangan, LAK hanya tidak membenarkan mereka memasuki bahagian yang dicadangkan bagi tujuan Kawasan dan Tempat Larangan walaupun belum diwartakan. Bagaimanapun, LAK mengambil semua maklumat kemasukan ke kawasan tersebut termasuk kenderaan. Untuk pengetahuan, masih terdapat 49 keluarga yang masih tinggal di sebelah hulu empangan yang masih belum berpindah ke Skim Penempatan Semula Empangan Bengoh.

Pada pendapat Audit, PBAN lambat bertindak terhadap pewartaan kawasan tadahan air memandangkan kali terakhir kawasan tadahan air diwartakan adalah pada tahun 2003 iaitu di Kawasan Tadahan Air Kapit.

2.5.4. Pemantauan dan Penguatkuasaan

2.5.4.1. Seksyen 11 Ordinan Air, 1994 menetapkan PBAN boleh mengeluarkan arahan ‘Berhenti Kerja’ sekiranya terdapat aktiviti yang dilarang yang dinyatakan dalam *Declaration Order* dijalankan dalam kawasan tadahan air yang diwartakan. Perenggan 4 dalam *Declaration Order* menyatakan bahawa terdapat lapan aktiviti yang dilarang daripada dijalankan dalam lingkungan 8 km daripada muka sauk iaitu aktiviti pertanian atau penternakan berskala besar, perindustrian, pembalakan, perlombongan, pembangunan dan aktiviti berkaitan dengan pelancongan. Pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan tadahan air oleh PBAN dibantu oleh NREB, JHS, JTS dan Lembaga Sungai-sungai Sarawak (SRB).

2.5.4.2. Lawatan Audit ke Kawasan Tadahan Air Sungai Sarawak Kiri, Lambir, Bintulu dan Kuala Balingian pada 19 Disember 2016 dan pada 15 hingga 20 Januari 2017 mendapati penguatkuasaan dan pemantauan kurang berkesan kerana masih terdapat aktiviti yang dilarang dijalankan dalam kawasan tadahan air. Lawatan dan semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Kawasan Tadahan Air Sungai Sarawak Kiri

Kawasan Tadahan Air Sungai Sarawak Kiri, Kuching telah diwartakan pada bulan Januari 2002. Lawatan Audit pada 19 Disember 2016 mendapati keadaan air di Sungai Sarawak Kiri adalah keruh dan masih terdapat penempatan di sekitar muka sauk Batu Kitang. Penempatan yang ada berdekatan dengan muka sauk LRA Batu Kitang adalah Kampung Batu Kitang, Kampung Batu Kitang Jaya, Kampung Lidah Tanah dan Kampung Bukit Panchur termasuk sebuah Sekolah Kebangsaan Batu Kitang. Selain itu, terdapat aktiviti pengambilan pasir di hulu muka sauk Batu Kitang yang boleh menyebabkan air Sungai Sarawak Kiri keruh dan berkelodak. Contoh aktiviti pengambilan pasir dan penempatan dalam lingkungan 8 km daripada muka sauk LRA Batu Kitang adalah seperti gambar-gambar berikut:

GAMBAR 2.11



Sungai Sarawak Kiri
Aktiviti Pengambilan Pasir di Sungai
Sarawak Kiri
(19.12.2016)

GAMBAR 2.12



Sungai Sarawak Kiri
Penempatan Dalam Lingkungan 8 Km Dari
Muka Sauk LRA Batu Kitang
(19.12.2016)

b. Kawasan Tadahan Air Lambir, Miri

- i. kawasan Tadahan Air Lambir, Miri telah diwartakan pada bulan Julai 1998. Bagaimanapun, terdapat dua loji *premix* untuk membuat tar jalan yang didirikan berhampiran Sungai Liku, Miri, iaitu di Lot 90 Blok 11 Tanah Daerah Lambir dan Lot 3062 Tanah Daerah Lambir. Kedua-dua kilang *premix* telah beroperasi sebelum Kawasan Tadahan Air Lambir, Miri diwartakan.
- ii. loji *premix* telah menghasilkan bahan buangan seperti diesel, bitumen, bahan kimia, air kumbahan dan bahan agregat yang boleh mengakibatkan pencemaran Sungai Liku yang merupakan sumber air mentah bagi Kawasan Tadahan Air Lambir, Miri.
- iii. pada bulan Mac 2012, berlaku pencemaran sumber air di Sungai Liku yang menyebabkan bandar raya Miri dan kawasan sekelilingnya telah mengalami gangguan bekalan air yang serius kerana terhenti selama 22 jam. Pada 6 Mac 2012, Menteri Tenaga, Teknologi Air dan Hijau ketika itu telah mempersoalkan lokasi loji *premix* yang didirikan berhampiran dengan sumber air di Sungai Liku. Beliau telah mengulas mengenai pencemaran air di Sungai Liku yang berpunca daripada tumpahan minyak diesel dari sebuah loji *premix* berhampiran yang menyebabkan LRA Lambir terpaksa ditutup sementara waktu bagi mengelak tumpahan masuk ke dalam sistem rawatan.
- iv. pada 22 Mac 2012, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memindahkan dua loji tersebut ke lokasi lain dengan bantuan PBAN dan JTS. Kedua-dua syarikat terlibat telah pun ditawarkan lokasi baru oleh JTS iaitu di kawasan Estet Industri Kuala Baram. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 19 Januari 2017 mendapati loji *premix* di Lot 90, Blok 11 Tanah Daerah Lambir masih beroperasi seperti ditunjukkan dalam gambar berikut:



GAMBAR 2.13

Lot 90 Blok 11 Tanah Daerah Lambir
- Loji Premix yang Masih Beroperasi di
Kawasan Tadahan Air Lambir
(19.01.2017)

- v. bagi Lot 3062 Tanah Daerah Lambir pula, pajakan tanah sejak tahun 1968 adalah untuk penanaman getah dan tanaman lain. Bagaimanapun, pemilik berdaftar Lot 3062 telah memajak tanah tersebut kepada syarikat lain untuk mendirikan loji premix. Oleh itu, JTS telah mengeluarkan notis perlanggaran syarat hak milik di bawah Seksyen 33 Sarawak Land Code memandangkan syarikat telah melanggar syarat hak milik tanah. Lawatan Audit pada 19 Januari 2017 mendapati loji premix berkaitan telah menamatkan operasinya seperti gambar-gambar berikut:

GAMBAR 2.14



GAMBAR 2.15



Lot 3062 Tanah Daerah Lambir
- Loji Premix yang Telah Menamatkan Operasinya di Kawasan Tadahan Air Lambir
(19.01.2017)

Maklum Balas JTS yang Diterima Pada 20 Mac 2017

Siasatan tapak yang dijalankan oleh JTS pada 16 Mac 2017 mendapati loji premix masih beroperasi di Lot 90 Blok 11 Tanah Daerah Lambir manakala loji premix di Lot 3062, Tanah Daerah Lambir tidak lagi beroperasi. Bagi dua kes tersebut, pengawalan dan penguatkuasaan operasi adalah di bawah bidang kuasa NREB selaras dengan peruntukan Seksyen 5 Natural Resources And Environment Ordinance, 1993. Kedua-dua syarikat telah memohon untuk melanjutkan tempoh pemindahan operasi ke tapak baru. Bagaimanapun, permohonan telah ditolak dan keputusan telah disampaikan kepada pemohon dan salinannya telah dipanjangkan kepada pihak NREB melalui surat bertarikh 20 Mac 2017. JTS juga telah mengeluarkan surat tawaran untuk pemberimilikan tanah kepada syarikat yang mengendalikan loji premix di Lot 3062, Tanah Daerah Lambir di tapak baru Lot 1073 Blok 1 Kuala Baram pada 13 Januari 2017. Kelulusan untuk

pembayaran lima ansuran tahunan premium juga telah diberikan pada 20 Mac 2017. Tindakan lanjut boleh diambil terhadap kedua-dua syarikat mengikut Seksyen 48 dan Seksyen 33 Sarawak Land Code untuk mengambil balik tanah dan pelanggaran syarat hak milik.

c. Kawasan Tadahan Air Bintulu

- i. kawasan Tadahan Air Bintulu seluas 18,100 km² telah diwartakan pada bulan September 1996. Kawasan tadahan air ini mendapat sumber air mentah daripada Empangan Assyakirin, Sungai Sebiew, Sungai Kelalong dan Sungai Sika. Sumber air mentah ini mengalir dan dikumpulkan ke Takungan Air Sika untuk dirawat di LRA Nyabau. Takungan Air Sika di LRA Nyabau adalah seperti gambar-gambar berikut:

GAMBAR 2.16



**Loji Rawatan Air Nyabau
- Air Mentah Disalurkan ke Takungan Bekalan Air
Sika
(16.01.2017)**

GAMBAR 2.17



**Loji Rawatan Air Nyabau
- Muka Sauk LRA Nyabau
(16.01.2017)**

- ii. mengikut Minit Mesyuarat Risiko Di Kawasan Tadahan Bekalan Air pada bulan Januari 2014, Bintulu menanggung risiko tertinggi bagi gangguan bekalan air disebabkan pencemaran sumber air mentah di bawah bidang kuasa LAKU. Sekiranya Takungan Air Sika tercemar, tiada alternatif sumber air mentah untuk Bintulu dan kawasan sekitarnya termasuk Samalaju. Jalan Nyabau yang melintasi Takungan Bekalan Air Sika merupakan jalan yang sibuk diguna oleh lori tangki dan trak pengangkutan besar yang dipandu secara laju.
- iii. lawatan Audit ke Kawasan Tadahan Air Bintulu pada 16 Januari 2017 mendapati aktiviti pembersihan tanah dan penanaman kelapa sawit berlaku di sekitar Empangan Assyakirin. Setakat akhir tahun 2016, penguatkuasaan sekatan kemasukan orang awam ke kawasan empangan ini juga belum berkuat kuasa. Contoh aktiviti pembersihan tanah dan penanaman kelapa sawit adalah seperti gambar-gambar berikut:

GAMBAR 2.18



Empangan Assyakirin
- Aktiviti Pembersihan Tanah
(16.01.2017)

GAMBAR 2.19



Empangan Assyakirin
- Aktiviti Penanaman Kelapa Sawit
(16.01.2017)

- iv. semakan Audit selanjutnya mendapati LAKU Bintulu telah menghantar surat kepada JTS sebanyak dua kali dari tahun 2014 hingga 2015 untuk mendapatkan status hak milik tanah bagi aktiviti perladangan kelapa sawit di sekitar Empangan Assyakirin. Pada 23 September 2015, JTS Bahagian Bintulu telah mengesahkan kawasan yang ditanam dengan pokok kelapa sawit terletak dalam kawasan Empangan Assyakirin dan berada dalam Kawasan Tadahan Air Bintulu yang telah diwartakan. Bagaimanapun, LAKU Bintulu tidak dimaklumkan oleh JTS sama ada kebenaran telah diberi untuk membangun ladang kelapa sawit atas tanah tersebut, status hak milik dan peneroka tanah tersebut. LAKU Bintulu telah menghantar surat kali ketiga kepada JTS bertarikh 23 November 2015 dan sehingga kini JTS belum memberi sebarang maklum balas.

Maklum Balas JTS yang Diterima Pada 20 Mac 2017

JTS berpendapat memandangkan kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan tadahan air di bawah Ordinan Air 1994, penguatkuasaan sekatan kemasukan orang awam hendaklah dilaksanakan berdasarkan peruntukan Seksyen 11(3) Ordinan Air, 1994 tersebut. JTS telah menjelaskan kepada pengurus kawasan, LAKU Bintulu melalui surat bertarikh 26 November 2015 bahawa kawasan aktiviti perladangan yang dimaksudkan tidak pernah diluluskan untuk aktiviti perladangan.

Pada pendapat Audit, aktiviti pembersihan tanah dan penanaman lading kelapa sawit di sekitar Empangan Assyakirin boleh menjelaskan kualiti air di Kawasan Tadahan Air Bintulu

d. Kawasan Tadahan Air Kuala Balingian, Mukah

- i. Kawasan Tadahan Air Kuala Balingian, Mukah telah diwartakan pada bulan Januari 1993. Berdasarkan rekod JHS, ladang kelapa sawit

dengan anggaran keluasan kasar 615.5 hektar di bawah penanaman bercampur dalam *Balingian Licensed Forest Plantation* telah diluluskan oleh JHS pada 23 Mac 2015. Setakat tahun 2016, seluas 537.7 hektar atau 87.4% daripada 615.5 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit tanpa kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA). Laporan EIA untuk ladang kelapa sawit yang dikemukakan oleh NREB kepada PBAN pada bulan Ogos 2016 dianggap telah lewat 17 hari daripada tarikh kelulusan diberi. Kajian EIA yang disyaratkan sepatutnya telah dijalankan dan diluluskan MSAS sebelum aktiviti penanaman kelapa sawit bermula.

- ii. Lawatan Audit ke Kawasan Tadahan Air Kuala Balingian pada 20 Januari 2017 mendapati kawasan sekitar muka sauk Sungai Setuan Besar untuk LRA Balingian telah ditanam dengan kelapa sawit. Jalan akses hanya dapat dilalui dengan sungai dan tertakluk kepada air pasang surut sungai. Perkara ini menyukarkan kerja pemantauan dan penyenggaraan. Aktiviti penanaman ladang kelapa sawit di muka sauk Sungai Setuan Besar adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 2.20



Kawasan Tadahan Air Kuala Balingian
Penanaman Kelapa Sawit di Kawasan Tadahan
Air Kuala Balingian
(20.01.2017)

GAMBAR 2.21



Kawasan Tadahan Air Kuala Balingian
Penanaman Kelapa Sawit di Kawasan Tadahan
Air Kuala Balingian
(20.01.2017)

Maklum Balas JTS yang Diterima Pada 20 Mac 2017

Pengenaan syarat untuk menjalankan kajian EIA ada diletakkan dalam syarat-syarat khas surat hak milik bagi pemberimilikan tanah-tanah perladangan. Tindakan penguatkuasaan ke atas syarat tersebut adalah di dalam bidang kuasa NREB. Bagi tujuan penentuan kawasan jalan masuk, Seksyen 22 Ordinan Air 1994 telah diperuntukkan secara terperinci prosedur dan tatacara untuk memasuki kawasan tanah berhak milik bagi tujuan kerja yang berkenaan.

e. Aktiviti Pembalakan di Kawasan Tadahan Air

2.5.5.1. Seksyen 49 Ordinan Hutan 1958 menetapkan JHS boleh mengeluarkan lesen pembalakan dan penanaman hutan mengikut syarat yang

telah ditetapkan dan bukan dalam lingkungan 8 km *radius* daripada muka sauk LRA di kawasan tadahan air.

2.5.5.2. Semakan Audit terhadap rekod JHS mendapati:

- Aktiviti pembalakan dijalankan dalam kawasan *radius* 8 km dari muka sauk LRA di kawasan tadahan air. Ini berlaku kerana sebahagian kawasan pembalakan dan penanaman hutan yang diluluskan melalui lesen yang dikeluarkan oleh JHS menceroboh dalam kawasan dilarang di bawah Seksyen 49 Ordinan Hutan 1958. Butiran aktiviti pembalakan dalam *radius* 8 km dari muka sauk LRA di kawasan tadahan air adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.20
LESEN PEMBALAKAN DIKELUARKAN DALAM KAWASAN TADAHAN AIR


BIL.	KAWASAN TADAHAN AIR	AKTIVITI	LUAS (HA)	NO. LESEN	TEMPOH LESEN	LOKASI PEMBALAKAN
1.	Marudi*	Pembalakan	855	T/9203	18.09.2012 hingga 17.09.2020	Pembalakan dijalankan dalam lingkungan 8 km dari LRA Marudi.
2.	Kapit*	<i>Hill Timber Harvesting</i>	19,031	T/4353	15.12.2000 hingga 14.12.2017	Kira-kira 9% daripada jumlah keluasan kawasan pembalakan atau 13% Blok Koyan terletak dalam lingkungan 8 km dari muka sauk Sungai Koyan.
3.	Belaga*	Pembalakan	69,768	T/3190	13.03.1987 hingga 25.08.2017	Kira-kira 3% kawasan pembalakan terletak dalam lingkungan 8 km Kawasan Tadahan Air Belaga yang membekal air mentah untuk muka sauk JKR.
4.	Belaga*	<i>Hill Timber Harvesting</i>	7,968	T/4176	25.07.1987 hingga 31.08.2016	Tapak projek terletak hampir dengan muka sauk bekalan air Belaga dan sebahagian besar dalam lingkungan 8 km dari muka sauk.
5.	Matu**	<i>Planted Forest</i>	7,209	LPF/0044	07.07.2008 hingga 06.07.2068	Sebahagian besar Blok Utama dan sebahagian kecil Blok Selatan kawasan pembalakan terletak dalam lingkungan 8 km dari muka sauk Kawasan Tadahan Air Matu yang telah diwartakan. (Gambar Rajah 2.3)

Sumber: Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak

Nota: * Kawasan Tadahan Air Belum Diwartakan

** Kawasan Tadahan Air Telah Diwartakan

GAMBAR RAJAH 2.3
LOKASI PEMBALAKAN DI KAWASAN TADAHAN AIR MATU DAN DARO



Sumber: Jabatan Hutan Sarawak

Maklum Balas JHS yang Diterima Pada 7 April 2017

Dasar Kerajaan masa kini tidak menghalang pengeluaran lesen pembalakan dalam kawasan tadahan air. Merujuk kepada kelulusan pewartaan kawasan tadahan air di Sarawak, aktiviti-aktiviti pembalakan boleh dijalankan dengan syarat pihak pelesen dikehendaki untuk menyediakan laporan EIA berdasarkan ‘Natural Resources and Environment (Prescribed Activities) Order, 1994’.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkaitan kurang berkesan bagi kawasan tadahan air yang telah diwartakan manakala bagi kawasan tadahan air yang belum diwartakan pemantauan dan penguatkuasaan di bawah Ordinan Air, 1994 tidak dapat dijalankan.

2.6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan kawal selia air negeri diurus dengan lebih cekap, teratur dan mencapai objektif yang ditetapkan adalah disyorkan pihak berkaitan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

2.6.1. Pihak Berkuasa Air Negeri dan Pihak Berkuasa Bekalan Air hendaklah memastikan seluruh Negeri Sarawak mendapat bekalan air yang mencukupi dan bersih;

2.6.2. Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah bekerjasama dengan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak dan mengambil tindakan penyelesaian terhadap 18 sungai yang menjadi sumber air mentah dan telah dikategorikan sebagai separa tercemar;

2.6.3. Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah mewartakan semua kawasan tadahan air yang telah dikenal pasti dengan segera untuk mengelakkan sebarang aktiviti dilarang dijalankan di kawasan tersebut; dan

2.6.4. Pihak Berkuasa Air Negeri hendaklah menjalankan penguatkuasaan bagi aktiviti terlarang dijalankan di kawasan tadahan air yang telah diwartakan dengan kerjasama Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak.

JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

3. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN DAN PENYIAPAN JAMBATAN BATANG SADONG

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Projek Pembinaan dan Penyiapan Jambatan Batang Sadong (Jambatan) meliputi 1.48 kilometer (km) 2-lane single carriageway jambatan dan 2 approaches road 2-lane single carriageway of Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) Standard R3 iaitu 0.14 km di sebelah Kampung Buloh dan 0.50 km di sebelah Sebangan, Bahagian Samarahan Sarawak. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi di sekitar wilayah persisiran Sarawak dan mengurangkan tempoh masa perjalanan merentasi Batang Sadong dengan menyediakan fasiliti infrastruktur yang selamat dan selesa.

3.1.2. Jabatan Kerja Raya Sarawak adalah agensi pelaksana dan Pengurus Wilayah, JKR Wilayah Selatan dilantik sebagai Pegawai Penguin Projek. Kontrak projek ini diperoleh secara tender terhad dan ditawarkan kepada KACC Construction Sendirian Berhad (KACC) dengan kontrak bernilai RM211.39 juta. Perunding JHL (JHL) dilantik sebagai perunding bagi menyediakan reka bentuk dan menyelia projek ini. Komponen utama kontrak meliputi *Batang Sadong Bridge Structure, Riverbank Protection Works, Approaches Roads, Road Furnitures at Kampung Sungai Buloh and Sebangan side, drainage associated with the proposed approaches road, lighting and electrical installation*. Jambatan tersebut adalah seperti di gambar berikut:



GAMBAR 3.1

Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
(08.12.2016)

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai projek Jambatan diurus dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek Jambatan di Bahagian Samarahan, Sarawak bagi tempoh tahun 2012 hingga 2016. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat JKR Sarawak, Pejabat JKR, Wilayah Selatan dan di Jabatan Tanah dan Survei Sarawak.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilakukan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji data berkaitan dengan projek. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek diadakan pada 8 Disember 2016 dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan.

3.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2016 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek ini adalah memuaskan dan menepati sasaran Kerajaan untuk menyediakan fasiliti infrastruktur yang selamat. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan seperti berikut:

- i. sebahagian permukaan jalan di jambatan tidak rata; dan
- ii. kehendak Lembaga Sungai-Sungai Sarawak seperti dinyatakan dalam *Marine Traffic Risk Analysis Study* (MTRA) bagi memastikan keselamatan trafik sungai belum dipatuhi sepenuhnya.


Perkara yang ditemui dan maklum balas Jabatan Kerja Raya Sarawak telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 17 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

3.5.1. Prestasi Keseluruhan Projek

3.5.1.1. Mengikut kontrak yang ditandatangani, tempoh pelaksanaan projek ini adalah 48 bulan dan bermula pada 5 Julai 2012 dan dijadualkan siap pada 4 Julai 2016. Projek ini hanya disiapkan pada 4 Oktober 2016 setelah mendapat Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 108 hari. *Certificate of Practical Completion* (CPC) bagi projek ini dikeluarkan pada 25 Oktober 2016. Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah 18 bulan dan tamat pada 3 April 2018.

3.5.1.2. Semakan Audit mendapati empat EOT yang berjumlah 108 hari diluluskan oleh JKR dan sebab kelewatan adalah keadaan cuaca yang tidak menentu. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembayaran kepada kontraktor setakat bulan Disember 2016 adalah sejumlah RM196.24 juta atau 92.9%. Butiran pencapaian fizikal pelaksanaan projek adalah seperti graf berikut:

GRAF 3.1
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK JAMBATAN
BERBANDING JADUAL PELAKSANAAN PROJEK



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pada pendapat Audit, prestasi keseluruhan projek ini adalah memuaskan.

3.5.2. Pencapaian Objektif Projek

3.5.2.1. Objektif bagi projek ini adalah untuk meningkatkan sosio-ekonomi di sekitar wilayah persisiran Sarawak dan mengurangkan tempoh masa perjalanan merentasi Batang Sadong dengan menyediakan fasiliti infrastruktur yang selamat dan selesa.

3.5.2.2. Jambatan Batang Sadong ini siap dibina pada 4 Oktober 2016 dan dibuka kepada orang awam pada 16 Oktober 2016. Menurut maklum balas daripada JKR pada 30 Mac 2017, jambatan ini telah memendekkan masa perjalanan termasuk masa menunggu antara satu perpuluhan lima jam hingga dua jam menggunakan perkhidmatan feri kepada kurang dari empat minit menggunakan jambatan. Jambatan ini adalah sebahagian dari *Coastal Connectivity Program* yang merangkumi jalan penghubung dari Sematan ke Miri. Mengikut analisis data yang dibuat oleh JKR terhadap *Ferry Record Source* pada bulan Mac 2016 dan *Traffic Count Source* pada bulan Mac 2017, didapati kadar penggunaan purata harian telah meningkat daripada 2,243 kenderaan kepada 3,452 kenderaan iaitu peningkatan 53.9%. Jambatan ini juga dilengkapi dengan ciri keselamatan iaitu *Steel Pipe Pile Fender* yang menambah nilainya dalam tempoh hayatnya sepanjang 120 tahun. Selain itu, Jambatan ini menyumbang kepada keberkesanan rangkaian jalan persisiran pantai dan keselesaan pengguna.

Pada pendapat Audit, pembinaan jambatan ini dapat mencapai objektif untuk mengurangkan masa perjalanan dan kadar penggunaan purata harian juga meningkat.

3.5.3. Pengurusan Perolehan

3.5.3.1. Pelantikan Perunding

- a. Pelantikan JHL sebagai perunding untuk menjalankan *detailed design* dan menyediakan dokumen tender telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) pada 3 September 2003. Pada 18 Oktober 2005, KKM meluluskan yuran perunding sejumlah RM2.78 juta untuk perkhidmatan *detailed design* dan *tender document*. Yuran ini adalah mengikut Skala Yuran Piawaian (*Scale Of Fees*) dengan diskaun mengikut kategori/kelas dalam perjanjian berdasarkan kos projek sejumlah RM110 juta. Memorandum Perjanjian telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan JHL pada 11 Julai 2006 bagi menyediakan perkhidmatan kejuruteraan awam dan struktur. Reka bentuk dan dokumen tender telah siap disediakan pada tahun 2007 dan bayaran yuran perunding telah dilakukan. Pembinaan jambatan tidak diteruskan kerana kekangan peruntukan.
- b. Semakan Audit mendapati pada 18 Oktober 2012, yuran tambahan sejumlah RM5.24 juta telah diluluskan oleh KKM untuk tujuan penyeliaan projek. Tambahan ini adalah berdasarkan input masa dan yuran perkhidmatan perunding menjadi RM8.02 juta. Perjanjian Tambahan No.1 telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan JHL pada 4 April 2013 di mana pembayaran di bawah perjanjian ini hendaklah tidak melebihi RM5.24 juta.
- c. Pada 23 November 2016, Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) telah meluluskan pertambahan kos perkhidmatan perunding sejumlah RM3.13 juta dan pelanjutan tempoh perkhidmatan perunding bagi mengendalikan projek ini. Tambahan ini meliputi RM2.46 juta bagi yuran profesional reka bentuk peringkat pembinaan dan RM0.67 juta bagi kos reka bentuk semula dan penyediaan semula dokumen tender disebabkan pertukaran kontrak daripada *Lump Sum* kepada *Bill of Quantities*. Dengan kelulusan tambahan ini, jumlah kos perkhidmatan perunding menjadi RM11.15 juta. Perjanjian Tambahan No. 2 bagi kos tambahan sejumlah RM3.13 juta telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan JHL pada 20 Februari 2017. Butiran mengenai kos perkhidmatan perunding adalah seperti di jadual berikut. Setakat bulan Disember 2016 sejumlah RM7.64 juta atau 68.5% yuran telah dibayar kepada JHL.

JADUAL 3.1
BUTIRAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

BIL.	PERKARA	KOS (RM Juta)	CATATAN
1.	Kos asal perkhidmatan perunding	2.78	Yuran <i>detailed design</i> dan <i>tender document</i> berasaskan kos kontrak RM110 juta bagi peringkat reka bentuk.
2.	Pertambahan kos pertama bagi kos penyeliaan projek.	5.24	Untuk penyeliaan projek berasaskan input masa dan elauan tapak. Nilai Kontrak sejumlah RM211.39 juta ditawarkan pada tahun 2012.
3.	Pertambahan kos kedua	2.46	Yuran profesional peringkat pembinaan.
4.	Pertambahan kos ketiga	0.67	Perkhidmatan reka bentuk semula dan penyediaan semula dokumen tender (daripada <i>Lump Sum</i> kepada <i>Bill of Quantities</i>).
JUMLAH		11.15	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Maklum Balas Daripada JKR Bertarikh 23 Februari 2017

Pertambahan kos perkhidmatan sejumlah RM3.13 juta adalah untuk perkhidmatan Basic Professional Services yang tidak termasuk dalam kelulusan asal, reka bentuk semula dan penyediaan semula dokumen tender berikutan keputusan Makmal Pengurusan Nilai yang diadakan pada bulan Jun 2011. Setiap projek yang menggunakan perkhidmatan perunding, kos keseluruhan perkhidmatan perunding adalah terdiri daripada kos yuran ikhtisas, kos penyeliaan dan kos imbuhan balik. Kebiasaannya, kos keseluruhan perkhidmatan perunding adalah diluluskan secara sekaligus tetapi bagi projek ini, kelulusan telah diberi secara berperingkat.

3.5.3.2. Pelantikan Kontraktor

Merujuk kepada surat bertarikh 17 Januari 2006, 15 September 2011 dan 15 Disember 2011 daripada KKM, kelulusan telah diberi untuk mempelawa tender secara tender terhad melalui Lembaga Tender Pusat Persekutuan Sarawak dan dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan melalui KKR. Sebanyak sepuluh syarikat telah dijemput untuk mengemukakan tender. Tender ini ditawarkan kepada KACC dengan kontrak bernilai RM211.39 juta dan diluluskan oleh KKM pada 2 Mei 2012. Surat Setuju Terima dikeluarkan pada 6 Jun 2012 dan perjanjian kontrak dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan KACC pada 5 Julai 2012. Tempoh kontrak adalah 48 bulan mulai 5 Julai 2012 hingga 4 Julai 2016.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan perkhidmatan perunding dan kontraktor telah diuruskan dengan teratur.

3.5.4. Road Safety Audit (Stage 4) – Part 3 (Pre-Opening Stage) (RSA)

3.5.4.1. Bagi memastikan keselamatan pengguna jalan dan jambatan, RSA terhadap jambatan ini telah dijalankan pada bulan September 2016. Syarikat L & P Associates dilantik oleh JKR sebagai juruaudit keselamatan jalan yang bebas untuk menjalankan RSA ini. Objektif utama RSA adalah untuk *identify any road safety deficiencies of road projects* selaras dengan *Guideline for the Safety Audit of Roads in Malaysia* yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia. Kelemahan yang perlu diambil tindakan telah dilaporkan dalam Laporan RSA pada bulan September 2016. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah *to widen the shoulder width of the road at Kampung Buloh side, to rectify the failed road pavement, to replace damaged signboard, to reduce the speed limit on the bridge from 70kph to 60 kph dan to provide additional road lighting at the 2 T-junction or to provide road studs.*

3.5.4.2. Lawatan Audit ke tapak mendapati tindakan telah diambil oleh kontraktor terhadap kelemahan tersebut kecuali syor untuk *to widen the shoulder width of the road at Kampong Buloh side to minimum dua perpuluhan dua lima meters* seperti gambar berikut:

GAMBAR 3.2



Jalan Akses Jambatan Batang Sadong
Bahagian Samarahan, Sarawak
- Bahu Jalan yang Belum Memenuhi
Kehendak Road Safety Audit
(08.12. 2016)

GAMBAR 3.3



Jalan Akses Jambatan Batang Sadong
Bahagian Samarahan, Sarawak
- Bahu Jalan yang Telah Dibesarkan
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

Maklum Balas Daripada JKR Bertarikh 10 Februari 2017

Bahu jalan telah dibesarkan ke lebar minimum dua perpuluhan dua lima meter seperti di Gambar 3.3.

Pada pendapat Audit, *Road Safety Audit* yang dijalankan adalah satu langkah yang baik bagi menjamin keselamatan pengguna jambatan.

3.5.5. Pentadbiran Kontrak

3.5.5.1. Perakuan Pelarasian Harga Kontrak (PHK)

Semakan Audit mendapati 12 PHK telah diluluskan oleh JKR yang melibatkan tambahan harga sejumlah RM1.50 juta. Butiran mengenai PHK adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 3.2
BUTIRAN PERAKUAN PELARASIAN HARGA KONTRAK**

Bil.	Perkara	Huraian Pelarasian	Amaun (RM)
1.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 1	<i>Omission for all piling works</i>	(67,539,314.20)
2.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 2	<i>Supply, handle, pitch and drive 200mmx200mm precast reinforced concrete piles for initial pile and extension pile in 6.0m length in lieu of 9.0m length</i>	3,101,195.00
3.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 3	<i>Contractor has proposed to change the Static Load Test to Statnamic Load Test for the 1500mm diameter steel pipe river pile. Referring to item 4g in Minutes of Technical Meeting No.4 on 12 September 2012 attached, there will be a cost adjustment for this substitution of work.</i>	1,817,406.96
4.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 4	<i>Re-measurement as-built for 600mm diameter x 100mm wall thickness precast pre-stressed spun concrete piling</i>	373,566.96
5.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 5	<i>As-built re-measurement for 1500mm diameter steel pipe piling works on river</i>	57,510,530.90
6.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 6	<i>As-built re-measurement for 1500mm diameter steel pipe piling works on river (additional quantities)</i>	4,582,488.50
7.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 7	<i>Price Variation Order No. 1 - 19</i>	(26,299.49)
8.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 8	<i>To replace 3 nos. existing water main chambers with new ones and box up existing water meter at Sg. Buloh's side. The height of the 3 nos. water main chambers need to be raised for ease of future maintenance by the end user and the box up is to protect the water meter.</i>	26,201.00
9.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 9	<i>Additional works for welding test by Ultrasonic Method for 1500mm diameter driven steel pipe piling works on river</i>	20,000.00
10.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 10	<i>Additional works for fender piles for 1500mm diameter driven steel pipe piling works on river</i>	786,489.00
11.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 11	<i>Supply and install road studs for roadworks as per Road Safety Audit</i>	19,380.00
12.	Perakuan Pelarasian Harga Kontrak No. 12	<i>Re-measurement of 1500mm diameter steel pipe epoxy painting works on river</i>	828,253.80
Jumlah Bersih Terkumpul			1,499,898.43

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Nota : Amaun () = Kurangan

3.5.5.2. Lanjutan Masa

Tempoh pembinaan telah ditetapkan dalam kontrak dan menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memastikan projek disiapkan mengikut tempoh. Perlanjutan masa boleh diberi sekiranya dibuktikan bahawa berlakunya perkara yang

mengakibatkan kelewatan penyiapan projek adalah di luar kawalan kontraktor. Semakan Audit mendapati JKR telah meluluskan empat EOT berjumlah 108 hari kepada KACC akibat keadaan cuaca yang tidak menentu. Ini menyebabkan tarikh siap projek yang dijadualkan pada 4 Julai 2016 dilanjutkan kepada 20 Oktober 2016. Butiran mengenai EOT adalah seperti di jadual berikut.

**JADUAL 3.3
BUTIRAN EOT**

BIL.	TEMPOH	JUMLAH HARI	SEBAB LANJUTAN
1.	05.07.16 hingga 01.08.16	28	Keadaan cuaca yang tidak menentu
2.	02.08.16 hingga 31.08.16	30	Keadaan cuaca yang tidak menentu
3.	01.09.16 hingga 04.10.16	34	Keadaan cuaca yang tidak menentu
4.	05.10.16 hingga 20.10.16	16	Keadaan cuaca yang tidak menentu
JUMLAH		108	

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pada pendapat Audit, PHK dan EOT telah dibuat mengikut prosedur dan diluluskan oleh Jawatankuasa berkenaan.

3.5.6. Kualiti Kerja Pembinaan

Kerajaan Malaysia telah melantik perunding untuk menyelia pembinaan jambatan ini supaya ia dapat dilaksanakan dengan lancar. Selain daripada memastikan kerja dijalankan mengikut spesifikasi kontrak, perunding juga bertanggungjawab untuk memastikan kualiti kerja kontraktor adalah pada tahap yang boleh diterima. Lawatan Audit ke tapak projek pada 8 Disember 2016 mendapati kualiti kerja permukaan jalan di jambatan kurang memuaskan seperti berikut:


3.5.6.1. Sebahagian Permukaan Jalan di Jambatan Tidak Rata

Mengikut dokumen kontrak *Bill No. 3* sejumlah RM923,628 telah diperuntukkan untuk *deck surfacing* terdiri daripada *bituminous prime coat to concrete surfaces* dan *50 mm asphaltic concrete wearing course*. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati sebahagian permukaan jalan di jambatan tidak rata seperti di gambar berikut. Setakat bulan Mac 2017, kerja pembalik masih belum diselesaikan.

GAMBAR 3.4



GAMBAR 3.5



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
Permukaan Jalan di Jambatan yang Tidak Rata
(08.12.2016)

Maklum Balas Daripada JKR Bertarikh 10 Februari 2017

Permukaan jalan yang kurang rata telah dimasukkan dalam defect list.

3.5.6.2. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan di Pier dan Parapet Jambatan

Pemeriksaan Audit di tapak projek mendapati kualiti kerja yang kurang memuaskan di pier jambatan di mana konkrit pecah dan besi tetulang terdedah. *Expansion joint* parapet juga didapati kurang memuaskan di mana *sealant* antara sambungan telah merekah dan mudah tertanggal. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.6



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
Kualiti Kerja yang Kurang Memuaskan di Pier
Jambatan
(08.12.2016)

GAMBAR 3.7



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
Pier Jambatan Telah Dibaiki
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

GAMBAR 3.8



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
Kerja Expansion Joint Kurang Memuaskan
(08.12.2016)

GAMBAR 3.9



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
Expansion Joint Telah Dibaiki
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

Maklum Balas Daripada JKR Bertarikh 10 Februari 2017

Konkrit yang pecah dan besi tetulang yang terdedah adalah disebabkan kemalangan akibat hentakan bot tunda kontraktor dan kerja pembaikan telah dijalankan.

3.5.6.3. *Fender Pier Hilang/Tertanggal*

Pemeriksaan Audit di tapak projek juga mendapati *fender pier* yang hilang/tertanggal. Memandangkan pemeriksaan Audit adalah berdasarkan sampel sahaja kontraktor hendaklah memastikan tindakan diambil secara keseluruhannya. Tindakan pembaikan telah dibuat selepas teguran Audit seperti di gambar berikut.

GAMBAR 3.10



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
Fender Pier yang Hilang/Tertanggal
(08.12.2016)

GAMBAR 3.11



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
Fender Pier telah Dibaiki
(Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak)

Pada pendapat Audit, hasil kerja yang berkualiti adalah tanggungjawab utama perunding.

3.5.7. *Marine Traffic Risk Analysis Study*

3.5.7.1. *Marine Traffic Risk Analysis Study* dijalankan bertujuan untuk menilai risiko potensi serta menentukan langkah mitigasi bagi memastikan keselamatan trafik sungai semasa pembinaan dan juga semasa pengoperasian jambatan. Semakan Audit mendapati satu perjanjian telah dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan sebuah syarikat iaitu perunding Kasi (Malaysia) Sendirian Berhad pada tahun 2013 bertujuan untuk menjalankan MTRA bagi projek Jambatan Batang Sadong. Nilai kontrak ini dihadkan tidak melebihi RM151,028. Setakat bulan Disember 2016, sejumlah RM147,291 telah dibayar untuk kajian ini. Mengikut laporan MTRA yang disediakan oleh perunding pada November 2013, beberapa *Aids to Navigation* dan papan tanda seperti di jadual berikut telah disyorkan untuk dipasang bagi membantu pelaut.

JADUAL 3.4

AIDS TO NAVIGATION AND SIGNAGE SEPERTI DISYORKAN OLEH PERUNDING MTRA

BIL.	JENIS	LOKASI
<i>Aids To Navigation</i>		
1.	2 nos. Port (Red) Light	
2.	2 nos. Starboard (Green) Light	<i>Both sides of bridge, Upstream and Downstream Channel</i>
3.	2 nos. Centre (White) Light	
4.	18 nos. Pier (White) Light	<i>Both side of bridge piers</i>

BIL.	JENIS	LOKASI
Signage		
5.	2 nos. Day Mark (Port)	Both sides of bridge, Upstream and Downstream Channels
6.	2 nos. Day Marks (Starboard)	
7.	2 nos. Day Mark (Centre)	
8.	2 nos. Width Clearance Sign ("200m")	
9.	12 nos. No Entry Sign ("NO ENTRY", "DILARANG MASUK")	
10.	4 nos. Head Room Limit Sign ("18M")	Both sides of bridge, upstream and Downstream Channels River Banks
11.	2 nos. Advanced Warning ("DANGER", "AWAS/BAHAYA")	River Banks
12.	2 nos. Speed Limit Sign ("REDUCE SPEED", "KURANGKAN LAJU")	River Banks

Sumber: *Marine Traffic Risk Analysis (MTRA) Study Final Report* (November 2013)

3.5.7.2. Semasa lawatan Audit ke tapak pada 8 Disember 2016, diperhatikan syor tersebut belum diambil kira sepenuhnya dalam pembinaan jambatan walaupun perkhidmatan kepakaran perunding ini telah diperoleh dan dibayar. Setakat bulan Mac 2017, *Item Iapan: Width Clearance Sign, Item sembilan: "No Entry" Sign* dan *Item sepuluh: Headroom Limit Sign* masih belum diambil tindakan.

Maklum Balas Daripada LSS Bertarikh 17 Februari 2017

JKR seharusnya melaksanakan segala rekomendasi berhubung pemasangan alat bantuan pelayaran seperti dinyatakan di MTRA yang diluluskan dalam Mesyuarat Riverine Traffic and Navigation Safety Committee yang diadakan pada 11 November 2013. Keputusan tersebut telah dimaklumkan kepada JKR melalui surat LSS bertarikh 5 Disember 2013.

Maklum Balas Daripada JKR Bertarikh 23 Februari 2017

Aids to Navigation dan papan tanda yang disyorkan untuk dipasang bagi membantu pelaut seperti di Jadual tiga perpuluhan empat telah diperuntukkan dalam kontrak kecuali Item Iapan: Width Clearance Sign, Item sembilan: No Entry Sign dan Item sepuluh: Headroom Limit Sign yang telah dibincangkan dalam mesyuarat lanjutan kepada Exit Conference bertarikh 22 Februari 2017.

Pada pendapat Audit, perunding tidak mematuhi sepenuhnya kepada kehendak Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dalam pelaksanaan projek jambatan ini.

3.5.8. Additional Work Fender For 1,500 mm Diameter Driven Steel Pipe Piling Works On River

3.5.8.1. Mengikut TOR perunding perkara 5(c) *Pier Protection System* menyatakan *where applicable, proper pier protection is to be provided to protect all river piers against collision from river traffic. Final Span Arrangement Design Report January 2007*, perenggan 3.1 *Physical Protection System*, yang disediakan oleh perunding reka bentuk, mencadangkan tiga jenis cara pelindungan *pier* seperti berikut:

- a. *Pile-Supported System*;
- b. *Dolphin Protection System*; dan
- c. *Training Wall System*.

3.5.8.2. Semakan Audit mendapati cadangan tersebut tidak digabungkan dalam reka bentuk asal jambatan. Mengikut Perakuan Pelarasian Harga Kontrak PHK No. 10, sejumlah RM786,489 telah diluluskan sebagai kos tambahan kerja bagi *river piers protection by fender piles* seperti dicadangkan oleh perunding yang juga merupakan perunding untuk reka bentuk. Kerja tambahan telah siap dijalankan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 3.12



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
- Steel Pipe Fender
(08.12.2016)

GAMBAR 3.13



Jambatan Batang Sadong,
Bahagian Samarahan, Sarawak
- Steel Pipe Fender
(08.12.2016)

Maklum Balas Daripada JKR Bertarikh 10 Februari 2017

The pilecaps in the waterway were designed to withstand full barge impact and no proprietary fender system was proposed due to the concern of periodic maintenance requirement in the future. Steel Pipe Pile Fender adalah satu ciri keselamatan yang dicadangkan oleh pihak perunding berikutan beberapa insiden yang tidak dijangka berlaku semasa pembinaan pier. Ianya juga bertindak sebagai ciri keselamatan yang kekal sepanjang hayat perkhidmatan jambatan.

Maklum Balas Daripada JKR Bertarikh 23 Februari 2017

Dengan adanya steel pipe pile fender, jambatan ini dilengkapi dengan ciri keselamatan yang menambah nilainya dalam tempoh hayatnya sepanjang 120 tahun. Kerja fender ini hanya siap dibina pada penghujung tempoh pembinaan berikutan dengan kelulusan untuk kerja tambahan ini yang dikemukakan pada masa tersebut. Secara keseluruhan, kecacatan yang dikenal pasti merupakan kecacatan kecil/minima yang telah dibaik pulih.

Pada pendapat Audit, langkah keselamatan seperti sistem perlindungan pier adalah lebih baik diambil kira dalam reka bentuk asal jambatan dan bukannya sebagai kerja tambahan.

3.5.9. Pemantauan Projek

3.5.9.1. Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual, menepati skop dan spesifikasi kerja. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja yang dilaksanakan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit semasa pelaksanaan kerja di tapak. JKR sebagai agensi pelaksana adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan kerja pembinaan sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

3.5.9.2. Kaedah pemantauan dan penyeliaan projek adalah dijalankan melalui mesyuarat tapak dan teknikal, lawatan ke tapak, Laporan *Quality Assurance and Quality Control* serta laporan kemajuan fizikal dan kewangan projek. Selain itu, JKR juga mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan dan diperakukan oleh perunding sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan projek jambatan adalah memuaskan.

3.6. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek adalah disyorkan:

3.6.1. Jabatan Kerja Raya Sarawak bersama perunding perlu memastikan kehendak syarat kontrak dipatuhi dan kualiti kerja pada tahap yang baik sebelum mengeluarkan Sijil Siap Kerja; dan

3.6.2. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak perlu dijemput untuk menjalankan pemeriksaan bersama bagi memastikan semua kehendak Lembaga Sungai-Sungai Sarawak mengenai keselamatan trafik sungai dipatuhi sebelum projek disahkan siap.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

4. PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN HOTEL BAHARU RIVERSIDE MAJESTIC 18 TINGKAT

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Pembinaan 18 tingkat sayap baharu (*premier wing*) Hotel Riverside Majestic (HRM) yang terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuching adalah hotel baharu kepada HRM yang sedia ada. Projek ini dibina setelah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) menerima tawaran daripada Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah kosong yang berdekatan dengan HRM yang sedia ada dan bertujuan untuk meningkatkan serta mengukuhkan peranan PPES sebagai penyumbang utama dalam industri pelancongan. Projek ini merupakan projek komersial yang diusahakan sebagai pelaburan strategik yang boleh memberi pulangan kewangan yang maksima dalam masa yang ditentukan.

4.1.2. Hotel ini adalah milik Sejadu Sdn. Bhd. (SSB) iaitu anak syarikat milik penuh PPES. Pegawai Penguasa Projek adalah Pengurus SSB. Bahagian Kejuruteraan dan Pengurusan Projek PPES bertanggungjawab menyelia empat perunding yang dilantik. Perunding utama adalah Arkitek Seniformasi Sdn. Bhd., manakala Mar & Associates Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding kejuruteraan awam dan struktur, Jurutera M&E Konsult (Sarawak) Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding kejuruteraan mekanikal dan elektrik dan HLA Quantity Surveyors Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding ukur bahan. Empat perunding tersebut dilantik pada 28 Januari 2011. Kontraktor utama ialah Sri Datai Construction (Sarawak) Sdn. Bhd. yang dilantik melalui tender terbuka pada 21 Jun 2012. Nilai asal kontrak projek ini berjumlah RM59.89 juta yang dilaksanakan dalam tempoh projek selama 24 bulan mulai pada 24 Jun 2012 hingga 24 Jun 2014. Projek ini dilaksanakan secara konvensional dan senarai kuantiti menjadi sebahagian daripada kontrak.

4.1.3. Komposisi asal projek ini melibatkan pembinaan, penyiapan, menjalankan ujian dan petaulahan bangunan berkenaan. Hotel tersebut terdiri daripada 18 tingkat iaitu 14 tingkat untuk 268 bilik tetamu [(256 bilik biasa, 6 *quad rooms* (4-bedded) serta 6 *family/triple rooms*)] dan 4 tingkat untuk lobi, pejabat, ruang komersial, bilik kejuruteraan, podium (2 tingkat) dan tempat letak kereta (2 tingkat bawah tanah).

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pembinaan hotel baharu telah diuruskan dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif dan perancangan yang telah ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan projek pembinaan hotel baharu sehingga tahun 2016. Pengauditan telah dilaksanakan di Ibu Pejabat PPES dan Pejabat SSB.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen yang berkaitan dengan pengurusan projek HRM seperti fail perancangan, pelan pembangunan, dokumen kontrak dan rekod kewangan yang diselenggara di Bahagian Pelancongan Dan Kerehatan PPES serta pejabat SSB. Lawatan Audit ke tapak projek HRM Kuching dijalankan pada 29 November 2016 untuk menilai prestasi kemajuan projek. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab juga dijalankan.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan November hingga Disember 2016 mendapati Pengurusan Projek Pembinaan Hotel Baharu Riverside Majestic 18 Tingkat adalah tidak memuaskan kerana:

- i. projek belum disiapkan walaupun selepas diluluskan sebanyak tujuh lanjutan masa (758 hari);
- ii. kos pembinaan meningkat sejumlah RM8.07 juta atau 13.5% daripada kos projek asal;
- iii. Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) tidak dikenakan ke atas tempoh kerja yang tidak siap sebanyak 148 hari;
- iv. tempoh Bon Pelaksanaan tidak dilanjutkan; dan
- v. tiada kontrak tambahan bagi kerja-kerja baharu.

Perkara yang ditemui dan maklum balas yang diterima telah dibincangkan di dalam *Exit Conference* yang telah diadakan bersama Pengurus Besar PPES/Pengerusi SSB, Pengarah SSB, Pengurus Besar HRM pada 17 Februari 2017. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti perenggan berikut:

4.5.1. Prestasi Projek Pembinaan

4.5.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Mengikut syarat-syarat kontrak klausa 2.0, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 24 bulan iaitu mulai pada 24 Jun 2012 hingga 24 Jun 2014. Bagaimanapun, projek masih belum disiapkan dan setakat 31 Januari 2017,

walaupun terdapat tujuh lanjutan masa (EOT) berjumlah 758 hari telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah SSB. Prestasi pencapaian fizikal projek ialah 94% berbanding dengan sasaran kemajuan fizikal 95.6% yang dijadualkan siap sepenuhnya pada 31 Mei 2017. Ini kerana bekalan kaca untuk *facade* hanya dapat diperoleh pada akhir bulan Februari 2017.

- b. Mengikut syarat-syarat Kontrak Klaus 40 menyatakan sekiranya kontraktor tidak menyiapkan kerja pada “Tarikh Siap” seperti yang dinyatakan di dalam kontrak atau lanjutan masa yang diluluskan maka Pegawai Penguasa (P.P.) hendaklah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap dan P.P. boleh memotong Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) mengikut kadar yang telah ditetapkan di dalam kontrak iaitu dengan kadar RM10,780 sehari selama tempoh kerja tak siap. Bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2016, SSB telah meluluskan sebanyak tujuh EOT berjumlah 758 hari manakala permohonan EOT ke lapan untuk 148 hari lagi masih dalam pertimbangan. Butiran mengenai lanjutan masa adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.1
SENARAI LANJUTAN MASA**

BIL. EOT	TARIKH KONTRAKTOR MENGEMUKAKAN EOT	BUTIRAN	TEMPOH/TARIKH BAHARU PENYIAPAN PROJEK HRM	JUMLAH HARI DILULUSKAN
1.	21.01.2013	Kelewatan dalam pemasangan peralatan pemantauan di tapak disebabkan kesukaran mendapat kebenaran daripada pemilik bangunan sekeliling dan juga disebabkan keperluan membuat perolehan peralatan tambahan	24.06.2014 Hingga 08.08.2014	32
		Kelewatan disebabkan kerja perlu dihentikan untuk kerja penyediaan tapak		13
2.	13.09.2013	Kelewatan disebabkan perlu membuat kerja <i>hacking</i> tapak konkrit sedia ada (Part 1)	09.08.2014 Hingga 22.02.2015	180
		Kelewatan disebabkan menjalankan ujian plat galas		18
3.	10.02.2014	Kelewatan disebabkan kerja <i>hacking</i> tambahan pada tapak konkrit sedia ada (Part 2)	23.02.2015 Hingga 26.05.2015	93
4.	14.04.2015	Pemberhentian kerja di aras 5 (GL1-1a/D-E) disebabkan cadangan untuk pembinaan jambatan pejalan kaki menyambung aras 5 hotel baharu dengan tingkat 6 hotel sedia ada	27.05.2015 Hingga 03.07.2015	14
		Keadaan cuaca tidak menentu		24
5.	08.09.2015	Pembinaan jambatan pejalan kaki yang baharu	04.07.2015 Hingga 29.03.2016	270
6.	09.03.2016	Perolehan lif serta pengubahsuaian terhadap motor lif dan bilik motor lif berkaitan pembinaan <i>Sky Lounge</i> yang melibatkan tingkat 16 ke atas.	30.03.2016 Hingga 14.06.2016	77

BIL. EOT	TARIKH KONTRAKTOR MENGEMUKAKAN EOT	BUTIRAN	TEMPOH/TARIKH BAHARU PENYIAPAN PROJEK HRM	JUMLAH HARI DILULUSKAN
7.	17.06.2016	Keadaan cuaca tidak menentu	15.06.2016 Hingga 21.07.2016	37
JUMLAH				758
8.	27.07.2016	Permohonan Lanjutan Masa yang Masih Dalam Pertimbangan	22.07.2016 Hingga 16.12.2016	148
		Pertukaran reka bentuk Restoran <i>Rooftop</i> dan <i>Sky Lounge</i>		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak


- c. Semakan Audit seterusnya mendapati pihak kontraktor telah diberikan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap bertarikh 21 Julai 2016 kerana gagal menyiapkan kerja dalam tempoh EOT ke tujuh (terakhir diluluskan sehingga 21 Julai 2016). Bagaimanapun, sehingga akhir bulan Januari 2017, kontraktor belum lagi dikenakan sebarang Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) atau potongan daripada bon pelaksanaan. Mengikut kiraan Audit, ganti rugi yang perlu dibayar kepada SSB bagi tempoh 22 Julai 2016 sehingga 31 Januari 2017 adalah sejumlah RM2.09 juta (RM10,780 x 194 hari). Maklumat lanjut mengenai prestasi kemajuan kerja berdasarkan lanjutan masa yang diluluskan adalah seperti di jadual dan Carta berikut:

JADUAL 4.2
PRESTASI KERJA MENGIKUT TARIKH EOT

TARIKH KERJA PERLU DISIAP SELEPAS EOT	LAPORAN KEMAJUAN KERJA	PRESTASI FIZIKAL		PERBEZAAN (+/- %)
		SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)	
24.06.2014 (EOT mula)	Jun 2014	28.5	15.8	-12.7
08.08.2014	Ogos 2014	40.6	17.3	-23.3
22.02.2015	Februari 2015	56.5	39.5	-17.0
26.05.2015	Mei 2015	85.7	52.4	-33.3
03.07.2015	Julai 2015	67.1	67.7*	0.6
29.03.2016	Mac 2016	90.3	67.3*	-23
14.06.2016	Jun 2016	79.0	78.5	-0.5
21.07.2016	Julai 2016	91.0	80.0	-11.0
Laporan Terkini	Januari 2017	95.6	93.9	-1.7

Sumber: Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak

CARTA 4.1
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK BERBANDING JADUAL PELAKSANAAN PROJEK



Sumber: Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak

Maklum Balas SSB Bertarikh 13 Februari 2017

Setelah sijil Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan pada 21 Julai 2016, kadar ganti rugi yang dikenakan telah diambil kira iaitu berjumlah RM1.76 juta (mulai 22 Julai 2016 hingga 31 Disember 2016). Bagaimanapun, pihak kontraktor telah membuat rayuan agar menangguh potongan Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) tersebut terlebih dahulu sementara menunggu kelulusan permohonan lanjutan masa tambahan. Selain itu, peratusan kemajuan fizikal yang dicatat untuk bulan Mac 2016 adalah lebih rendah berbanding bulan Julai 2015 disebabkan kerja berdasarkan jadual baharu mengikut lanjutan masa yang telah diluluskan.

Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek tidak memuaskan kerana projek belum siap walaupun telah diberi EOT sebanyak 758 hari dan SSB tidak mengenakan potongan Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) bagi tempoh kontraktor gagal menyiapkan kerja iaitu 148 hari.

4.5.2. Pencapaian Kewangan Projek

4.5.2.1. Nilai kontrak asal projek pembinaan 18 tingkat sayap baharu HRM adalah RM59.89 juta. Bagaimanapun, nilai kontrak selepas dikaji semula telah bertambah kepada RM67.96 juta. Pertambahan sejumlah RM8.07 juta atau 13.5% ini adalah untuk menampung peningkatan tambahan kerja, harga dan

skop, kos permulaan dan pelbagai serta yuran profesional dan *Government Service Tax* (GST) seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.3
BUTIRAN KOS KESELURUHAN PROJEK PEMBINAAN HOTEL BAHARU**

BIL	BUTIRAN	KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA PPES KE-161 PADA 18.02.2014 (RM Juta)	KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA PPES KE-169 PADA 22.03.2016 (RM Juta)
1.	Kos Pembinaan	59.89	57.94
	Tambahan Kerja	-	0.99
	Tambahan Harga		0.19
2.	Tambahan Skop	-	8.84
KOS PEMBINAAN DIKAJI SEMULA		59.89	67.96
3.	Perbezaan Harga	1.49	1.31
4.	Kos Permulaan Dan Pelbagai	6.59	6.79
5.	Yuran Profesional Dan GST	7.56	13.14
6.	Tanah	7.00	7.00
JUMLAH KOS PEMBANGUNAN		82.53	96.20

Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.


4.5.2.2. Sehingga akhir bulan Januari 2017, prestasi pencapaian kewangan projek hanya 92.8% berbanding sasaran kemajuan kewangan 95.6% seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 4.4
PRESTASI KEWANGAN SEPERTI MENGIKUT TARikh EOT**

TARIKH KERJA UNTUK DISIAP SELEPAS EOT	LAPORAN KEMAJUAN KERJA	PRESTASI KEWANGAN	
		SASARAN (%)	PENCAPAIAN (%)
24.06.2014 (EOT mula)	Jun 2014	31.2	17.6
08.08.2014	Ogos 2014	43.8	19.3
22.02.2015	Februari 2015	51.5	34.7
26.05.2015	Mei 2015	84.3	45.0
03.07.2015	Julai 2015	57.3	57.9
29.03.2016	Mac 2016	98.2	64.9
14.06.2016	Jun 2016	81.9	72.7
21.07.2016	Julai 2016	91.0	80.0
Laporan Terkini	Januari 2017	95.6	92.8

Sumber: Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak

CARTA 4.2
PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK BERBANDING
SASARAN PENCAPAIAN KEWANGAN PROJEK



Sumber: Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak

4.5.2.3. Kos keseluruhan projek yang diluluskan ialah berjumlah RM96.20 juta di mana PPES memberi pinjaman sejumlah RM64.20 juta, SSB berjumlah RM6 juta dan pinjaman bank (RHB) berjumlah RM26 juta. PPES mengenakan kadar faedah 1% setahun bagi tiga tahun pertama dengan kadar faedah 3.4% untuk tahun selanjutnya bagi tempoh 20 tahun. Tempoh penangguhan (*grace period*) ialah selama sepuluh tahun dari tarikh pengeluaran pertama. Pinjaman dari bank dikenakan kadar faedah 1% setahun termasuk kos dana semasa pada kadar 3.5% setahun selama 20 tahun dengan tempoh penangguhan selama 2.5 tahun dari tarikh pengeluaran pertama. Butiran lanjut mengenai pembiayaan projek adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.5
PEMBIAYAAN PROJEK

SUMBER	PEMBIAYAAN (RM Juta)	CATATAN
Ekuiti PPES	7.00	Pembelian tanah
Pinjaman Daripada PPES:		
Pinjaman Asal	28.00	Kadar faedah 1% setahun bagi 3 tahun pertama dan kadar faedah 3.4% untuk tahun selanjutnya selama 20 tahun dengan tempoh penangguhan 10 tahun
Pinjaman Tambahan Pertama	15.53	
Pinjaman Tambahan Kedua	13.67	
JUMLAH	64.20	
Pinjaman Bank (RHB)	26.00	Kadar faedah 1% plus current Bank's Cost Of Fund at 3.5% setahun selama 20 tahun dengan tempoh penangguhan 2.5 tahun
SSB	6.00	Tunai
JUMLAH KESELURUHAN	96.20	

Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.

4.5.2.4. Semakan Audit mendapati pengeluaran pertama bagi pinjaman asal daripada PPES adalah pada 10 Januari 2013, pengeluaran pertama bagi pinjaman tambahan yang pertama pada 23 Februari 2016 dan pengeluaran pertama bagi pinjaman tambahan yang kedua adalah pada 12 Oktober 2016. Pinjaman bank berjumlah RM26 juta daripada RHB hanya akan dikeluarkan setelah pinjaman daripada PPES habis digunakan. Setakat bulan Januari 2017, sejumlah RM44.27 juta iaitu 53.2% pinjaman telah dikeluarkan daripada jumlah pinjaman RM83.20 juta. Tarikh kelulusan pinjaman, tempoh pengeluaran dan butiran pembayaran adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.6
PENGELUARAN PINJAMAN**

BUTIRAN	PINJAMAN DILULUSKAN		PENGELUARAN			CATATAN
	TARIKH	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	TEMPOH	JUMLAH (RM Juta)	
Pinjaman daripada PPES (Asal)	28.05.2012	28.00	31	10.01.2013 hingga 23.02.2016	28.00	Pendahuluan Kontraktor, Bayaran Interim No. 9 hingga No. 39, Yuran Konsultan No. 2
Pinjaman Tambahan daripada PPES (Pertama)	08.07.2014	15.53	16	23.02.2016 hingga 12.10.2016	15.53	Bayaran Interim No. 40 hingga No. 47 dan Sebahagian Interim No. 48, Bayaran Kontraktor Reka Bentuk Dalaman Interim No. 1 hingga 4, Yuran Konsultan Reka Bentuk Dalaman dan <i>Pre-Opening Items</i>
Pinjaman Tambahan daripada PPES (Kedua)	18.04.2016	13.67	1	12.10.2016 hingga 30.11.2016	0.74	Bayaran sebahagian Interim No. 48
Pinjaman Bank (RHB)	07.10.2013 (surat setuju terima tawaran)	26.00	-	-	-	Perjanjian hanya akan dimeterai apabila pinjaman dikeluarkan
JUMLAH	83.20				44.27	

Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.

4.5.3. Pengurusan Pembayaran Projek

4.5.3.1. Projek pembinaan hotel baharu telah ditawarkan kepada Sri Datai Construction (Sarawak) Sdn. Bhd. bagi kerja pembinaan bangunan. Manakala Integrasi Sejagat Sdn. Bhd. ditawarkan untuk reka bentuk dalaman. Yuran perunding dibayar kepada perunding utama iaitu ASSB. Setakat bulan November 2016, sejumlah RM52.71 juta atau 70.7% daripada nilai kontrak RM74.57 juta telah dibayar. Ini termasuk pembayaran kepada Sri Datai Construction (Sarawak) Sdn. Bhd. sejumlah RM46.71 juta iaitu 75.3% daripada nilai kontrak berjumlah RM62.02 juta. Sejumlah RM2.19 juta iaitu 35.3% daripada nilai kontrak RM6.20 juta telah dibayar bagi reka bentuk dalaman. Manakala bagi yuran perunding sejumlah RM3.81 juta telah dibayar iaitu 60% daripada nilai kontrak RM6.35 juta. Maklumat lanjut seperti di jadual berikut:

JADUAL 4.7
PEMBAYARAN KONTRAK

BUTIRAN	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31.01.2017 (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Kontraktor Utama	62.02	46.71	75.3
Reka Bentuk Dalaman	6.20	2.19	35.3
Yuran Perunding	6.35	3.81	60.0
JUMLAH	74.57	52.71	70.7

Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.

4.5.3.2. Semakan Audit terhadap dokumen pembayaran mendapati sehingga bulan November 2016, Sejadu Sdn. Bhd. telah mengawal dan membuat bayaran dengan teratur.

Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi kewangan serta pengurusan pembayaran kontrak adalah baik. Pengurusan pinjaman dan penyediaan serta penyelenggaraan dokumen perjanjian di antara SSB dengan PPES adalah teratur.

4.5.4. Pelantikan Kontraktor dan Perunding

4.5.4.1. Perolehan Tender Projek

- a. Projek pembinaan hotel baru ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah SSB pada 14 Februari 2011 dan kelulusan Lembaga Pengarah PPES pada 4 Oktober 2011. Semakan Audit mendapati SSB menggunakan prosedur Kualiti ISO 9001-2008 dan Peraturan Prosedur Kewangan dan Perakaunan 1980 (*revised 2009*). Semakan Audit seterusnya mendapati perolehan tender projek mematuhi prosedur yang ditetapkan. Selain itu, didapati semua petender telah mengemukakan Kenyataan Integriti bersama borang tender sebagai langkah mencegah berlakunya aktiviti berunsur rasuah.
- b. Semakan Audit juga mendapati proses tender dilaksana dan dikawal selia oleh Bahagian Hal Ehwal Perundangan, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Pembuka Tender dan Jawatankuasa Penilaian Tender. Tatacara penilaian tender dijalankan berdasarkan Prosedur dan Garis Panduan Penilaian Tender Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi Kerja Projek Besar iaitu melebihi RM20 juta. Semakan Audit seterusnya mendapati perolehan dibuat secara tender terbuka dan penilaian terhadap 15 tender yang diterima adalah mematuhi prosedur yang ditetapkan. Penilaian ini telah mengambil kira aspek seperti berikut:
 - i. menetapkan harga *Cut-Off 15%* berbanding harga petender;

- ii. semua dokumen yang dikemukakan hendaklah lengkap termasuk prestasi kerja semasa petender;
 - iii. petender mempunyai modal minima yang mencukupi dan kedudukan kewangan serta keupayaan pembiayaan. Penilaian ini mengambil kira aset/aset cair, liabiliti, modal pusingan, baki di bank untuk tempoh tiga bulan sebelumnya, wang dalam tangan, deposit, saham, pinjaman bank yang akan diluluskan untuk projek dan jumlah nilai kemudahan kredit serta modal mudah cair yang boleh digunakan; dan
 - iv. petender mempunyai keupayaan teknikal dari segi pengalaman kerja, kakitangan teknikal yang mencukupi dan mempunyai loji serta peralatan asas yang bersesuaian.
- c. Mesyuarat Lembaga Pengarah SSB Ke-64 (Khas) yang telah diadakan pada 25 Mei 2012 memutuskan bahawa tender untuk kerja pembinaan diberi kepada petender yang terendah dengan tawaran harga berjumlah RM59.89 juta. Adalah didapati pengurusan perolehan tender mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kontrak hanya ditandatangani pada 19 Disember 2012 iaitu lewat enam bulan selepas tarikh projek bermula kerana pelarasan kadar harga kontrak yang perlu dibuat mengambil masa yang panjang.

Maklum Balas SSB Bertarikh 13 Februari 2017

Surat Setuju Terima (SST) yang ditandatangani dengan pihak kontraktor mencukupi untuk menjaga kepentingan SSB sebelum dokumen kontrak ditandatangani seperti yang tercatat dalam SST.

Pada pendapat Audit, dokumen kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas SST dikeluarkan bagi menjaga kepentingan kedua pihak.

4.5.4.2. Perolehan Perkhidmatan Perunding

- a. Garis Panduan Pelantikan Perunding yang diterima pakai oleh SSB menetapkan kelulusan perlu diperoleh terlebih dahulu daripada PPES jika fi/caj melebihi RM50,000. Seksyen 9(1), Ordinan Badan-badan Berkanun 1995 (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) menetapkan kelulusan diperoleh daripada pihak Setiausaha Kewangan Negeri (SKN) jika anggaran kos projek melebihi RM2 juta. Ini termasuk projek arkitek, jurutera dan survei, perkhidmatan kajian kemungkinan, kajian persekitaran dan pengurusan yang bayarannya melebihi RM500,000. Selain itu, PPES juga menghendaki semua perunding dilantik untuk mengemukakan Kenyataan Integriti.

- b. Semakan Audit mendapati PPES melantik Arkitek Seniformasi Sdn. Bhd. (ASSB) secara rundingan terus sebagai perunding utama projek. Surat lantikan dikeluarkan pada 25 Januari 2011 tetapi didapati Memorandum Perjanjian mengambil tempoh setahun untuk ditandatangani iaitu pada 17 Februari 2012. Pihak SSB melalui Pekeliling Resolusi No. 04/2014 bertarikh 6 Ogos 2012 juga melantik ASSB sebagai perunding untuk projek reka bentuk dalaman dengan bayaran fi 10% dari kos projek tersebut.

Maklum Balas SSB Bertarikh 13 Januari 2017

Memorandum Perjanjian mengambil masa yang agak panjang untuk ditandatangani disebabkan reka bentuk dan anggaran kos belum dimuktamadkan.

Pendapat Audit, pengurusan dokumen kontrak kurang memuaskan kerana memorandum perjanjian tidak ditandatangani dengan segera iaitu lewat selama setahun daripada surat lantikan dikeluarkan.

- c. Pelantikan Perunding lain seperti Sivil dan Struktur, Mekanikal dan Elektrikal serta Perkhidmatan Ukur Bahan dilantik melalui Konsultan Utama seperti dalam *Decision Paper* rujukan 5/68/2010 dan *Letter of Engagement* rujukan PPES:S/T/232 (77) bertarikh 25 Januari 2011. Adalah didapati pelantikan Mar & Associates Sdn. Bhd. (MASB) sebagai perunding Jurutera Sivil dan Struktur, Jurutera M & E Konsult Sdn. Bhd. (M&E) sebagai perunding Jurutera Mekanikal dan Eletrikal manakala HLA Quantity Surveyors Sdn. Bhd. (HLA) untuk Perkhidmatan Ukur Bahan secara rundingan terus. Semakan Audit mendapati pihak PPES hanya membuat penilaian terhadap tiga perunding dan hanya menyediakan laporan prestasi ringkas bagi tiga perunding tersebut.

Maklum Balas SSB Bertarikh 13 Februari 2017

Pelantikan perunding untuk projek ini telah mendapat kelulusan pihak Pengurusan PPES setelah dibentangkan dalam Management Executive Meeting (MEM) bertarikh 17 Ogos 2010 melalui Decision Paper: 5/68/2010. Pemilihan ASSB selaku perunding adalah berdasarkan input firma tersebut yang dilantik oleh PPES secara non-committal untuk menyediakan lukisan/perspektif bangunan sebagai syarat untuk dikemukakan bersama semasa membida tanah Lot 278, Section 48, KTLD dari Kerajaan Negeri Sarawak. Pelantikan perunding sivil & struktur iaitu Mar Associates Sdn. Bhd. merupakan perunding asal projek sedia ada yang mengetahui keadaan asal tapak. Perunding Mekanikal & Elektrikal iaitu Jurutera M&E

(Sarawak) Sdn. Bhd. serta HLA Quantity Surveyors Sdn. Bhd. dilantik berdasarkan prestasi yang baik untuk projek PPES sebelum ini. Kelulusan pelantikan perunding tersebut adalah berdasarkan kepada Prosedur Kewangan Sara Resorts Sdn. Bhd. bertarikh 10 Ogos 2016 yang digunakan oleh SSB dan anak syarikat PPES yang lain di bawah Bahagian Pelancongan & Kerehatan (PPES).

Pada pendapat Audit, pengurusan pelantikan kontraktor dan perunding dibuat selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.

4.5.5. Pengurusan Projek

Mesyuarat Lembaga Pengarah SSB Ke 77 pada 6 April 2016 dan ke 78 (Khas) yang diadakan pada 27 April 2016 telah memberi pendapat bahawa kelewatan penyiapan projek mengikut tempoh yang ditetapkan disebabkan pengurusan projek yang lemah.

4.5.5.1. Perancangan dan Pelaksanaan Projek

Perancangan dan pelaksanaan projek yang baik hendaklah siap mengikut kos serta tempoh yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Projek Lewat Disiapkan

Berdasarkan kontrak, projek ini yang sepatutnya siap pada 24 Jun 2014 telah dilanjutkan tempoh sehingga bulan Julai 2016 iaitu kelewatan 758 hari. Berdasarkan prestasi kemajuan kerja, tempoh kelewatan berlanjutan sehingga 31 Januari 2017 iaitu 922 hari kerana pihak ASSB menjangka projek siap pada bulan Februari 2017. Semakan lanjut Audit juga mendapati 11 Arahan Perubahan Kerja (APK) melibatkan tambahan kos berjumlah RM2.63 juta dan 8 kerja tambahan berjumlah RM8.84 juta bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 dan didapati *supplementary contract* kepada kontrak asal projek tidak disediakan.

b. Penyediaan Lukisan Pembinaan

Semakan Audit mendapati bagi tempoh bulan September 2013 hingga Jun 2014, Kontraktor mengemukakan 25 kes kelewatan oleh perunding kejuruteraan awam dan struktur dalam menyediakan lukisan yang dilukis/disemak semula. Kelewatan dalam penyediaan lukisan pembinaan adalah disebabkan perubahan terhadap reka bentuk yang dikehendaki oleh PPES/SSB/hotel.

c. Arahan Perubahan Kerja (APK)

- i. semakan Audit mendapati 11 APK telah diluluskan bagi tempoh dari tahun 2014 hingga 2016 yang melibatkan tambahan kos sejumlah RM2.63 juta. Semakan Audit seterusnya mendapati APK yang dikeluarkan melibatkan kehendak oleh pihak SSB untuk menaik taraf kemudahan serta tambah khidmat untuk pelanggan dan keperluan teknikal selaras dengan keadaan luar jangka di tapak binaan. Adalah didapati APK ini juga menyebabkan projek lewat kerana melibatkan penyediaan lukisan reka bentuk yang baharu. Maklumat lanjut mengenai perubahan kerja adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.8
SENARAI ARAHAN PERUBAHAN KERJA**

BIL.	TARIKH KELULUSAN	BUTIRAN	JUMLAH (RM)
1.	06.06.2014	Tambahan untuk pemintas gris dan plat <i>chequer</i>	4,320
2.	07.07.2014	Kerja tambahan untuk papan <i>Polystyrene Board based on Engineers's Instruction No: SEDC/SDSB/005B</i>	18,185
3.	08.09.2014	Tambahan corong konkrit dan ujian kekuatan mampatan (<i>unconfined</i>) dan tambahan ujian plat galas	34,209
4.	03.10.2014	Kos tambahan untuk menukar sistem PABX daripada NEC kepada sistem Alcatel	23,941
5.	18.09.2015	<i>Additional Site instrumentation Monitoring Works</i>	497,414
6.	18.09.2015	Pertukaran/pengubahsuaian peralatan sanitari dan tambahan <i>ironmongeries</i>	491,290
7.	18.09.2015	Pengubahsuaian <i>external facades</i>	616,635
8.	25.04.2016	Kerja takik (<i>hacking</i>) terhadap cerucuk konkrit sedia ada menggunakan kaedah pemecahan mekanikal	116,508
9.	25.04.2016	Mengerudi lubang dan kerja menurap untuk pemasangan palang pelepas	254,562
10.	25.04.2016	Kerja takik terhadap tapak konkrit sedia ada	571,944
11.	22.06.2016	Kerja pemasangan kabinet di bilik mandi hotel	4,379
JUMLAH			2,633,387

Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.

- ii. pengubahsuaian yang telah dijalankan terhadap permukaan luaran bangunan adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.1



Hotel Riverside Majestic (Baharu)
- Pengubahsuaian Terhadap Permukaan Luaran HRM
(29.11.2016)
(Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.)

GAMBAR 4.2



Hotel Riverside Majestic (Baharu)
- Pengubahsuaian Terhadap Permukaan Luaran HRM
(10.03.2017)
(Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.)

Maklum Balas SSB Bertarikh 13 Februari 2017

Kesemua APK telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah SSB menyatakan perincian spesifikasi dan kos untuk kerja tersebut adalah berdasarkan pelan dan Arahan Arkitek No. ASSB/SDSB/AI/009 bertarikh 14 April 2015.

Pada pendapat Audit, PPES/SSB kurang teliti dalam perancangan projek sebelum ianya ditender dan dilaksanakan kerana terdapat 11 APK dikeluarkan dalam tempoh dua tahun. Ini telah melewatkkan penyiapan projek serta tambahan kos berjumlah RM2.63 juta kepada kos asal projek.

d. Kerja Tambahan

Semakan Audit mendapati lapan kerja tambahan telah diluluskan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 dengan tambahan kos sejumlah RM8.84 juta atau 14.8% daripada nilai kontrak asal RM59.89 juta. Semakan Audit seterusnya mendapati kerja tambahan adalah dalam tempoh EOT. Tambahan ini bertujuan untuk menaik taraf status hotel daripada 3 kepada 5 bintang serta menambah nilai perkhidmatan untuk menarik lebih ramai pelanggan sekaligus menjana tambahan hasil. Maklumat lanjut mengenai kerja tambahan adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.9
KERJA TAMBAHAN**

BIL.	BUTIRAN	KOS KERJA (RM)
1.	Jambatan Pejalan Kaki	1,904,907
2.	Kerja reka bentuk dalaman	1,943,614
3.	Pembaharuan/pembersihan di Tingkat 6, HRM	175,000
4.	Sistem elektronik mempamer “Do not disturb and clean up room” dengan loceng pintu	154,000
5.	Bilik keluarga suites (empat bilik)	76,000
6.	Restoran di Upper Ground Level	940,222
7.	Sky Lounge (Bhg. A)	2,742,000
8.	Sky Lounge (Bhg. B)	908,800
JUMLAH		8,844,543

Sumber: Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak

e. Tiada Supplementary Contract Disediakan

i. Pembinaan Jambatan Pejalan Kaki

- Pembinaan Jambatan Pejalan Kaki yang menyambung HRM sedia ada dengan hotel baharu merupakan tambahan kerja kepada kontrak asal telah diluluskan dengan peruntukan RM2.26 juta semasa Chairman’s Committee Meeting (CCM) Ke 216 yang telah diadakan

pada 29 Oktober 2014. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah SSB menetapkan kontrak pembinaan jambatan pejalan kaki dengan kos pembinaan RM1.90 juta diberi kepada kontraktor utama secara rundingan terus berdasarkan justifikasi bahawa kos RM1.90 juta lebih rendah daripada anggaran kos RM2.02 juta oleh perunding, koordinasi kerja sudah wujud, tidak perlu tambahan kos mobilisasi dan kesuntukan masa untuk menyiap projek. Adalah didapati tiada *supplementary contract* disediakan untuk kerja pembinaan jambatan tersebut. Spesifikasi kerja hanya dibuat melalui Arahan Kerja.

Maklum Balas SSB Bertarikh 13 Februari 2017

Pembinaan jambatan tersebut telah dilulus oleh Lembaga SSB dalam mesyuarat yang diadakan pada 3 Ogos 2015. Kelulusan pembinaan ini juga telah diluluskan dan disokong oleh Lembaga PPES yang mana ahlinya adalah termasuk ahli dari Majlis Perancangan Negeri (SPA).

- Projek pembinaan jambatan pejalan kaki telah disiapkan pada 29 Mac 2016 seperti dalam lanjutan masa yang kelima untuk projek pembinaan HRM. Bagaimanapun, kelulusan lewat diperoleh daripada SPA iaitu pada 2 Mac 2016. Kerja tersebut telah dimulakan sebelum tarikh kelulusan tersebut. Pembinaan tersebut terpaksa dimulakan tanpa menunggu kelulusan SPA kerana mengambil kira penggunaan Tower Crane sedia ada bagi memudahkan kerja mengangkat bahan binaan ke lokasi yang ditetapkan serta menjimatkan kos.
- Lawatan Audit pada 29 November 2016 mendapati pembinaan jambatan tersebut siap 89.5% seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.3



Tingkat 6, Hotel Riverside Majestic (Baharu)
- Jambatan Pejalan Kaki
(29.11.2016)
(Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.)

GAMBAR 4.4



Tingkat 6, Hotel Riverside Majestic (Baharu)
- Jambatan Pejalan Kaki
(10.03.2017)
(Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.)

ii. *Rooftop Sky Lounge*

Projek *Rooftop Sky Lounge* bernilai RM3.65 juta dilulus oleh Lembaga Pengarah SSB pada 15 April 2015 sebagai skop kerja tambahan kepada projek utama. Kerja pembinaan ini melibatkan perubahan pada kerja struktur yang siap dibina seperti penempatan perkhidmatan lif. Adalah didapati tiada *supplementary contract* disediakan untuk kerja pembinaan *Rooftop Sky Lounge* tersebut. Spesifikasi kerja hanya dibuat melalui Arahan Kerja dan pelan sahaja. Lawatan Audit pada 29 November 2016 mendapati *Rooftop Sky Lounge* tersebut masih dalam pembinaan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 4.5



Tingkat 18, Hotel Riverside Majestic (Baru)
- *Rooftop Sky Lounge*
(29.11.2016)
(Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.)

GAMBAR 4.6



Tingkat 18, Hotel Riverside Majestic (Baru)
- *Rooftop Sky Lounge*
(10.03.2017)
(Sumber: Sejadu Sdn. Bhd.)

Pada pendapat Audit, adalah wajar *supplementary contract* disediakan bagi menjaga kepentingan kedua pihak.

f. **Lanjutan Masa**

Tuntutan lanjutan masa adalah dibenarkan di bawah syarat-syarat kontrak klausula 43. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- i. adalah didapati syarat kontrak tidak menetapkan tempoh yang jelas dalam proses pemberian EOT. Syarat kontrak hanya menyatakan kontraktor perlu mengemukakan notis secara bertulis kepada Pegawai Pengguna mengenai kelewatan menyiapkan kerja dan memberi maklumat serta dokumen sokongan. Tempoh kontraktor perlu mengemukakan permohonan untuk EOT tidak ditetapkan. Pegawai Pengguna telah mengeluarkan sijil EOT setelah berpendapat EOT layak diberi. Bagaimanapun, tiada tempoh dinyatakan dengan jelas untuk pengeluaran sijil tersebut.
- ii. semakan Audit seterusnya mendapati pihak perunding utama mengambil masa dari 15 hari sehingga 306 hari untuk mengemukakan permohonan

EOT daripada kontraktor kepada SSB/PPES sehingga tarikh kelulusan EOT. Kontraktor telah mengemukakan permohonan EOT ke 8 untuk 148 hari pada 27 Julai 2016 iaitu untuk melanjutkan tempoh penyiapan kerja dari 22 Julai 2016 kepada 16 Disember 2016. Sehingga 31 Januari 2017 permohonan EOT tersebut masih belum mendapat kelulusan. Penilaian perunding terhadap permohonan EOT daripada kontraktor mengambil masa yang lama kerana kontraktor tidak menyediakan dokumen lengkap sebagai perakuan permohonan kepada SSB untuk kelulusan. Maklumat lanjut mengenai proses permohonan untuk EOT adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 4.10
TEMPOH PROSES PERMOHONAN EOT**

NO. EOT	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH PERMOHONAN OLEH KONTRAKTOR (A)	TARIKH SURAT OLEH PERUNDING UTAMA KEPADA SSB / PPES (B)	TARIKH EOT DILULUSKAN (C)	TEMPOH MASA DIAMBIL [A + B + C] (Hari) (D)
1	24.06.2014	21.01.2013	30.05.2013	19.06.2013	150
2	09.08.2014	13.09.2013	13.11.2013	14.01.2014	122
3	23.02.2015	10.02.2014	15.10.2014	12.12.2014	306
4	27.05.2015	14.04.2015	28.05.2015	03.06.2015	51
5	04.07.2015	08.09.2015	10.09.2015	23.09.2015	15
6	30.03.2016	09.03.2016	29.03.2016	12.04.2016	33
7	15.06.2016	17.06.2016	29.06.2016	29.07.2016	42
8	22.07.2016	27.07.2016	Belum dibuat	Belum Diluluskan	-

Sumber: Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak

Pada pendapat Audit, pengurusan perancangan serta pelaksanaan projek ini tidak memuaskan kerana menyebabkan kelewatan serta peningkatan/tambahan kos lain dan projek masih belum dapat dimanfaatkan.

4.5.6. Tempoh Bon Pelaksanaan Tidak Dilanjutkan

Selaras dengan klausula 13, syarat-syarat kontrak yang ditandatangani pada 19 Disember 2012, pihak kontraktor telah menyedia dan mengemukakan Bon Pelaksanaan melalui jaminan bank bernilai RM2.99 juta iaitu berdasarkan 5% daripada nilai kontrak RM59.89 juta. Bon ini sah laku bagi tempoh 25 Jun 2012 sehingga 24 Jun 2016 iaitu sehingga 12 bulan selepas tempoh tanggungan kecacatan. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada lanjutan terhadap Bon Pelaksanaan dibuat bagi tempoh 25 Jun 2016 hingga sekarang. Sebaliknya pihak kontraktor hanya menggunakan *Corporate Guarantee* dengan jaminan nilai RM2.99 juta.

Maklum Balas SSB Bertarikh 13 Februari dan 24 Februari 2017

Pihak SSB menolak Corporate Guarantee yang dikemukakan oleh pihak kontraktor kerana ianya tidak disenaraikan di dalam Borang JKR 203A (Pindaan 1/2010).

Pada pendapat Audit, Bon Pelaksanaan tidak sah kerana tidak dilanjutkan selepas tamat tempoh sah laku pada 24 Jun 2016 dan nilai jaminan Bon Pelaksanaan sepatutnya berdasarkan 5% nilai kontrak keseluruhan yang baharu dan bukannya pada nilai asal kontrak yang telah tamat tempoh.

4.5.7. Keselamatan di Tapak Projek

Kontrak Perjanjian menetapkan kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan serta kesihatan pekerja di tapak kerja. Adalah didapati pihak kontraktor telah mewujudkan satu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dan diwakili oleh empat pihak majikan dan sepuluh pihak pekerja. Seorang Penyelia Keselamatan Tapak juga telah dilantik dan bertanggungjawab memastikan Akta Keselamatan Kerja dan Kesihatan 1994, Akta Kilang dan Mesin 1967, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekutaran 1994 dan peraturan undang-undang lain berkaitan dipatuhi sepenuhnya. Semakan Audit mendapati pihak kontraktor mengemukakan Laporan Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran secara bulanan kepada PPES/SSB. Laporan ini mengandungi kenyataan polisi serta objektif, carta organisasi projek, bilangan pekerja serta mesin di tapak dan pemeriksaan yang telah dijalankan berkaitan keselamatan, kesihatan dan persekitaran di tapak kerja. *Toolbox Meeting* juga diadakan dua hingga empat kali sebulan untuk menerangkan maklumat terkini mengenai keselamatan di tapak kepada pekerja.

Pada pendapat Audit, kawalan di tapak kerja adalah memuaskan kerana mematuhi Akta Keselamatan serta peraturan yang berkaitan dengan keselamatan projek.

4.5.8. Pemantauan dan Kawalan

4.5.8.1. Klausula 3.1 syarat-syarat kontrak menetapkan Pegawai Penguasa (P.P.) hendaklah bertanggungjawab bagi penyeliaan keseluruhan kerja pembinaan. Pemantauan serta pengawalan projek perlu dilakukan oleh Pegawai Penguasa supaya kontraktor mematuhi Perjanjian Kontrak. Kerja pembinaan hendaklah mengikut piawaian kualiti, Garis Panduan dan amalan kejuruteraan terbaik dan hendaklah diuruskan oleh kontraktor dengan Pegawai Penguasa.

4.5.8.2. Semakan Audit mendapati pemantauan dan kawalan dilakukan ke atas tiga elemen utama dalam pengurusan projek iaitu kemajuan kerja, kualiti dan kos. Pemantauan tersebut adalah dengan menyediakan Laporan Kemajuan Kerja, pengesahan kemajuan dan pemeriksaan rambang ke atas kemajuan sebenar di tapak bina serta semakan diari tapak. Projek ini juga dipantau melalui lima mekanisme pemantauan di peringkat korporat dan syarikat. Tiga mekanisme tersebut adalah mesyuarat pemantauan projek secara bulanan, mesyuarat pengurusan eksekutif secara bulanan dan mesyuarat ahli Lembaga syarikat dibuat tiga kali setahun. Ketiga-tiga mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengurus Besar PPES manakala dua mekanisme lagi iaitu *Chairman's Committee Meeting* (CCM) dibuat secara bulanan dan Mesyuarat Lembaga PPES dibuat sekali dalam suku tahun yang dipengerusikan oleh Pengerusi PPES. Di peringkat projek, pemantauan dibuat melalui mesyuarat teknikal dan mesyuarat tapak secara bulanan dan dipengerusikan oleh Konsultan Utama.

4.5.8.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati Mesyuarat Tapak diadakan sebanyak 52 kali mulai 12 Julai 2011 hingga 27 Oktober 2016 dan Mesyuarat Teknikal sebanyak 92 kali mulai 28 Jun 2012 hingga 9 September 2016. Bagaimanapun, Mesyuarat Klien/Konsultan hanya diadakan sebanyak 11 kali iaitu mulai 17 November 2015 hingga 27 Oktober 2016.

Maklum Balas SSB Bertarikh 13 Februari 2017

Mesyuarat tersebut diadakan apabila projek bermula pada tahun 2012 berdasarkan keperluan untuk membincangkan isu semasa. Ianya lebih kerap diadakan apabila lebih banyak isu yang memerlukan keputusan seperti keperluan perubahan kerja yang melibatkan kerja tambahan. Pemantauan kemajuan projek juga dikemukakan kepada Project Monitoring Meeting (PMP) bulanan PPES.

4.5.8.4. Pemantauan oleh perunding utama dengan perunding lain yang bertanggungjawab terhadap aktiviti di tapak mendapati berlaku kerja yang dijalankan tidak selaras dengan lukisan. Merujuk kepada surat daripada perunding utama kepada PPES bertarikh 11 Februari 2015, adalah didapati berlaku kerja struktur (*casting*) yang telah dibuat oleh kontraktor tidak mengikut lukisan yang diluluskan. Walaupun perkara ini telah diketengahkan oleh *Resident Architect* kepada perunding MAR & Associates Sdn. Bhd. (Jurutera Civil Dan Struktur), tiada lukisan baharu dikeluarkan dan kerja pembinaan ini berterusan bagi tempoh Jun 2014 sehingga Februari 2015. Struktur *i-beam steel support system* tambahan yang baharu tidak melibatkan sebarang kos dan lanjutan masa kerana terdapat lebihan wang bagi kerja pengukuhan struktur untuk blok Menara.

4.5.8.5. Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Lembaga Pengarah PPES, Mesyuarat Teknikal dan Mesyuarat Tapak mendapati pelbagai kelemahan koordinasi diketengahkan terutama pada separuh awal projek bermula dan juga terdapat kelemahan pemantauan antara pihak perunding serta kegagalan kontraktor menepati jadual kerja. Lembaga Pengarah SSB pada 6 April 2016 juga memberi peringatan kepada perunding untuk membuat pemantauan yang rapi terhadap kerja kontraktor untuk mengelak sebarang kelewatan dalam penyiapan projek ini. Bagaimanapun, didapati tiada laporan khas disediakan mengenai prestasi kerja kontraktor atau perunding dalam melaksanakan projek tersebut.

Maklum Balas SSB Bertarikh 24 Februari 2017

Kelemahan koordinasi diatas dengan mengadakan Mesyuarat Tapak, Mesyuarat Teknikal dan Mesyuarat Klien/Konsultan secara berkala. Penilaian prestasi kontraktor akan dilaksanakan setelah projek tamat. Peringatan kepada kontraktor sering dimaklumkan semasa mesyuarat tapak. Mesyuarat khas klien/konsultan telah dilaksanakan lebih kerap dari setiap bulan kepada seminggu sekali dan kini melibatkan kontraktor serta melantik seorang Pembantu Teknik sepenuh masa dari PPES untuk memantau projek secara langsung.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan kawalan terhadap projek ini adalah kurang memuaskan kerana pemantauan PPES/SSB dan perunding bertanggungjawab kurang rapi dan tegas dalam menangani kelewatan yang berlarutan untuk menyiapkan projek.

4.6. SYOR AUDIT

Bagi menambahbaik pengurusan projek pembinaan hotel baharu Riverside Majestic 18 tingkat adalah disyorkan langkah seperti berikut:

4.6.1. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, Sejadu Sdn. Bhd. dan perunding perlu mempertingkatkan lagi pengurusan projek terutamanya dalam membuat perancangan kerja yang rapi dengan mengambil kira skop dan kos bagi mengelak perubahan dan tambahan skop kerja yang ketara dan boleh memberi kesan kepada jadual pelaksanaan projek serta implikasi kewangan kepada PPES/SSB;

4.6.2. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak harus mematuhi syarat serta terma kontrak, menyediakan *supplementary contract* bagi kerja tambahan dan melanjutkan tempoh Bon Pelaksanaan untuk menjaga kepentingan PPES/SSB dan

orang awam. Nilai Bon Pelaksanaan hendaklah berdasarkan kos keseluruhan termasuk kos bagi tambahan skop; dan

4.6.3. pemantauan dan kawalan rapi harus dilaksanakan oleh pihak PPES/SSB dan perunding dari setiap peringkat serta memastikan kerja dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Penambahbaikan terhadap prosedur pengurusan projek secara keseluruhan terutama dalam menetapkan *time-line* untuk sesuatu proses kerja perlu dikaji semula dari semasa ke semasa.

PERBADANAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN SARAWAK

5. PENGURUSAN PEROLEHAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Perbadanan Pembangunan Perumahan (Perbadanan) adalah sebuah badan korporat di bawah Kementerian Perumahan Sarawak yang ditubuhkan di bawah Ordinan Perbadanan Pembangunan Perumahan berkuatkuasa 1 Januari 2003. Pengurusan perolehan Perbadanan adalah tertakluk kepada Ordinan Badan Berkanun, 1995 (Prosedur Kewangan dan Perakaunan). Di bawah Bahagian IV Ordinan ini, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap ahli, pegawai dan kakitangan Perbadanan untuk mematuhi peruntukan Ordinan ini dan peraturan serta arahan berkaitan prosedur kewangan atau perakaunan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Menteri Perumahan Sarawak atau Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.

5.1.2. Tujuan utama penubuhan Perbadanan adalah untuk membangun, membina serta menyiap rumah untuk dijual atau disewa; menyediakan tapak dengan infrastruktur, perkhidmatan serta kemudahan, membina atau mendirikan rumah kedai untuk dijual, disewa atau ditukar di mana-mana estet perumahan. Selain itu, Perbadanan juga melaksana pelan atau skim untuk pembangunan estet perumahan, memperbaiki, mengubahsuai atau meningkatkan rumah atau rumah pangsa, merangka serta melaksanakan skim pinjaman atau bantuan kewangan kepada pembeli rumah atau hartanah lain yang dibina. Perbadanan juga memberi pinjaman atau bantuan kewangan untuk membaiki serta mengubahsuai rumah dan mengurus, mengekal atau mentadbir bangunan atau hartanah yang dimiliki sepenuh atau separuhnya oleh Perbadanan.

5.1.3. Kaedah perolehan Perbadanan adalah melalui pembelian terus, sebut harga dan tender termasuk rundingan terus. Pada tahun 2013 hingga 2015, Perbadanan telah menerima peruntukan mengurus sejumlah RM1.79 juta daripada Kerajaan Negeri dan peruntukan pembangunan sejumlah RM40.83 juta daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM1.79 juta atau 100% telah dibelanjakan untuk mengurus dan RM39.67 juta atau 97.2% untuk pembangunan. Peruntukan dan perbelanjaan mengurus dan pembangunan Perbadanan pada tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN
PEMBANGUNAN PERBADANAN PADA TAHUN 2013 HINGGA 2015

TAHUN	PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS (NEGERI)				PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (NEGERI)			
	DITERIMA (RM Juta)	DIBELANJA (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	(%)	DITERIMA (RM Juta)	DIBELANJA (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	(%)
2013	0.79	0.79	0	100	0	0	0	0
2014	0.50	0.50	0	100	28.52	27.51	1.01	96.5
2015	0.50	0.50	0	100	5.0	5.0	0	100
JUMLAH	1.79	1.79	0	100	33.52	32.51	1.01	97.0
Tahun	PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS (PERSEKUTUAN)				PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (PERSEKUTUAN)			
	DITERIMA (RM Juta)	DIBELANJA (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	(%)	DITERIMA (RM Juta)	DIBELANJA (RM Juta)	BAKI (RM Juta)	(%)
2013	0	0	0	0	0	0	0	0
2014	0	0	0	0	4.10	4.10	0	100
2015	0	0	0	0	3.21	3.06	0.15	95.1
JUMLAH	0	0	0	0	7.31	7.16	0.15	97.9
JUMLAH KESELURUHAN	1.79	1.79	0	100	40.83	39.67	1.16	97.2

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai pengurusan perolehan oleh Perbadanan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, teratur dari segi peraturan dan prosedur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan Perbadanan di pejabat Perbadanan di Wisma Sultan Tengah di Petra Jaya, Kuching bagi tempoh 2013 hingga 2016. Pemilihan sampel pengauditan adalah seperti berikut:

- Pembelian Terus: 10% atau sekurang-kurangnya 30 sampel perolehan tahunan dari keseluruhan urus niaga bagi tahun 2013 hingga 2015.
- Sebut Harga: 50% daripada keseluruhan jumlah urus niaga perolehan bagi tahun 2013 hingga 2015.
- Tender dan Rundingan Terus: 100% daripada keseluruhan urus niaga perolehan bagi tahun 2013 hingga 2015.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan termasuk menyemak, mengkaji serta menganalisis data, dokumen, laporan, minit mesyuarat dan fail berkaitan. Selain itu, lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab telah dijalankan semasa pengauditan. *Exit Conference* telah dijalankan pada 17 Mac 2017 dan telah dihadiri oleh wakil Setiausaha Kewangan Negeri, Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2016 mendapati pengurusan perolehan Perbadanan adalah tidak memuaskan kerana perolehan dibuat tidak teratur dan tidak mematuhi peruntukan Akta Acara Kewangan 1954, peraturan atau tidak mengikut syarat, kaedah atau tatacara yang ditetapkan dan terdapat kelemahan lain seperti berikut:

- i. kebenaran daripada Setiausaha Kewangan Negeri tidak diperoleh terlebih dahulu bagi pengecualian daripada prosedur kewangan yang ditetapkan iaitu:
 - enam perolehan bernilai RM84,547 yang nilai setiap perolehan melebihi RM10,000 setahun dibuat secara Pembelian Terus;
 - Pesanan Perkhidmatan tidak dikeluarkan untuk sepuluh perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai RM187,367;
 - sebut harga tidak dipelawa bagi 21 perolehan bernilai RM467,473; dan
 - tender tidak dipelawa bagi empat perolehan bernilai RM262,491;
- ii. bayaran penuh sejumlah RM2.88 juta dibuat kepada dua kontraktor walaupun kerja mengecat dan membaik pulih sejumlah RM11,969 terhadap 12 unit rumah yang terbakar tidak dilakukan dan kerja pembaikan rumah pangsa di RPR Permyjaya dan PPR Taman Dahlia dilakukan tidak memenuhi sepenuhnya spesifikasi kontrak;
- iii. bayaran untuk Pakej 1 dan 2 Projek Menaiktaraf Jalan Utama/*Main Boulevard* di Bandar Baru Sibujaya sejumlah RM16.80 juta dibuat secara pendahuluan tanpa kebenaran menyebabkan Kerajaan Negeri dikenakan faedah sejumlah RM1.77 juta atas kelewatan dua tahun sepuluh bulan dalam menjelaskan bayaran kepada syarikat usahasama Perbadanan;
- iv. bayaran sejumlah RM33.40 juta dibuat tanpa pengesahan pegawai yang diberi kuasa iaitu:

- invois pembekal untuk tiga bayaran kemajuan sejumlah RM10.33 juta bukan salinan asal tetapi salinan pendua yang tidak diperakui dan tiada tarikh pengesahan terimaan barang;
 - invois pembekal untuk empat bayaran kemajuan sejumlah RM2.30 juta tidak dikemukakan oleh kontraktor;
 - enam baucar bayaran berjumlah RM20.77 juta tidak disokong dengan Sijil Bayaran;
- v. Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan sejumlah RM22,264 (RM47.07/hari x 473 hari) tidak dikenakan terhadap kelewatan 15 bulan menyiap Kerja Pengubahsuaian Tingkat 1, Pejabat Pembangunan Perumahan.

5.5.1. Prestasi Keseluruhan Perolehan


Analisis Audit mendapati bagi tempoh 2013 hingga 2015, jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh Perbadanan bagi tiga kaedah perolehan adalah RM100.74 juta dengan 5,483 transaksi perolehan. Daripada 5,483 transaksi tersebut, 5,435 transaksi adalah bagi pembelian terus berjumlah RM5.71 juta, 16 transaksi sebut harga berjumlah RM398,866 dan 32 transaksi tender berjumlah RM94.63 juta. Mengikut rekod yang diselenggara oleh Perbadanan, bilangan transaksi dan amaun mengikut jenis perolehan bagi tempoh 2013 hingga 2015 adalah seperti di jadual dan carta berikut:

**JADUAL 5.2
BILANGAN TRANSAKSI DAN AMAUN MENGIKUT
JENIS PEROLEHAN BAGI TEMPOH 2013 HINGGA 2015**

JENIS PEROLEHAN	BILANGAN TRANSAKSI DAN AMAUN							
	2013		2014		2015		JUMLAH	
	BIL.	AMAUN (RM Juta)	BIL.	AMAUN (RM Juta)	BIL.	AMAUN (RM Juta)	BIL.	AMAUN (RM Juta)
Pembelian Terus								
a. Pembiayaan Projek								
• Pesanan Kerja	1,772	1.11	1,431	1.20	1,255	1.62	4,458	3.93
• Pesanan Perkhidmatan	80	0.06	75	0.08	74	0.08	229	0.22
b. Pentadbiran								
• Pesanan Perkhidmatan	261	0.65	108	0.20	379	0.71	748	1.56
JUMLAH	2,113	1.82	1,614	1.48	1,708	2.41	5,435	5.71
Sebut Harga	5	0.10	3	0.08	8	0.22	16	0.40
Tender (termasuk Rundingan Terus)	13	16.78	8	18.08	11	59.77	32	94.63
JUMLAH KESELURUHAN	2,131	18.70	1,625	19.64	1,727	62.40	5,483	100.74

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

CARTA 5.1
BILANGAN TRANSAKSI DAN AMAUN MENGIKUT
JENIS PEROLEHAN BAGI TEMPOH 2013 HINGGA 2015



Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

5.5.2. Perolehan Secara Pembelian Terus

5.5.2.1. Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam, Bangunan dan Elektrik

- Perbadanan telah mengeluarkan 4,458 Pesanan Kerja bernilai RM3.93 juta untuk kerja membaiki rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), Rancangan Perumahan Rakyat (RPR), Rumah Mampu Milik (RMM) yang ditawar semula dan kerja pembaikan kecilan di Wisma Sultan Tengah. Setiap Pesanan Kerja yang dikeluarkan oleh Perbadanan adalah tidak melebihi RM10,000.
- Semakan Audit mendapati Jadual Kadar untuk kerja penyenggaraan serta pembaikan bangunan, elektrik dan kejuruteraan awam yang disediakan oleh Seksyen Pengurusan Projek adalah berdasarkan kajian harga pasaran pada masa berkenaan. Bagaimanapun, Jadual Kadar tersebut tidak mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Ini bagi mematuhi peraturan kewangan yang sedia ada dan memastikan Kerajaan mendapat harga yang paling berpatutan dan menguntungkan. Tarikh terakhir Jadual Kadar tersebut disemak semula adalah pada bulan Mei 2015. Pesanan Kerja untuk pembaikan kecilan yang dikeluarkan oleh Perbadanan dari tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.3
PESANAN KERJA UNTUK PEMBAIKAN KECILAN
DIKELUARKAN OLEH PERBADANAN DARI TAHUN 2013 HINGGA 2015

TAHUN	PESANAN KERJA DIKELUARKAN		PESANAN KERJA DIBATALKAN		PESANAN KERJA SEBENAR DIKELUARKAN	
	BILANGAN	AMAUN (RM Juta)	BILANGAN	AMAUN (RM Juta)	BILANGAN	AMAUN (RM Juta)
2015	1263	1.64	8	0.02	1,255	1.62
2014	1431	1.20	0	0	1,431	1.20
2013	1772	1.11	0	0	1,772	1.11
JUMLAH	4,466	3.95	8	0.02	4,458	3.93

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan

Maklum Balas Perbadanan Bertarikh 22 Mac 2017

Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam, Bangunan dan Elektrik telah disediakan oleh Seksyen Pengurusan Kontrak untuk diguna pakai oleh Seksyen Penyenggaraan, Pejabat Wilayah Selatan (Kuching/Samarahan/Sri Aman/Betong), Pejabat Wilayah Tengah(Sibu/Sarikei/Kapit/Mukah) dan Pejabat Wilayah Utara (Miri/Bintulu/Limbang) bagi kerja penyenggaraan dan pembaikan. Jadual Kadar Kerja baru telah disediakan dan dihantar ke pejabat Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan pada 20 Mac 2017.

Pada pendapat Audit, Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam, Bangunan dan Elektrik adalah tidak teratur kerana tidak mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

5.5.2.2. Nilai Perolehan Melebihi RM10,000 Setahun Dibuat Secara Pembelian Terus

- Perenggan 9(1) Bahagian II Ordinan (Prosedur Kewangan dan Perakaunan) Badan Berkanun, 1995 mengatakan bahawa sebuah Badan Berkanun tidak boleh tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri melaksanakan atau memberi kuasa menjalankan apa-apa kerja atau perkhidmatan atau pembelian yang lebih daripada jumlah sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Sebarang pengecualian daripada prosedur kewangan yang ditetapkan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri.
- Mengikut laporan *Bill Registration, Financial Accounting System (FAS)*, Perbadanan telah mengeluarkan 1,160 Pesanan Perkhidmatan berjumlah RM1.91 juta pada tahun 2013 hingga 2015. Semakan Audit terhadap 119 atau 10% Pesanan Perkhidmatan yang dikeluarkan pada tahun 2013 hingga

2015 berjumlah RM0.82 juta mendapati Perbadanan telah memecah kecil enam perolehan bekalan dan perkhidmatan yang nilai setiap satunya telah melebihi RM10,000 setahun. Ini dilakukan dengan mengeluarkan 39 pesanan perkhidmatan bernilai RM84,547 secara pembelian terus. Kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri tidak diperoleh terlebih dahulu untuk pengecualian daripada prosedur perolehan yang sedang berkuatkuasa. Perolehan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.4
PEROLEHAN MELEBIHI RM10,000 SETAHUN DIBUAT
SECARA PEMBELIAN TERUS BAGI TAHUN 2014 DAN 2015**

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	PESANAN PERKHIDMATAN		TARIKH BAYARAN	NILAI KERJA (RM)
		NOMBOR	TARIKH		
1.	Membekal pelbagai perabot pejabat	7817	05.03.2014	04.04.2014	6,235
		7816	05.03.2014	04.04.2014	4,770
		7818	07.03.2014	04.04.2014	2,550
JUMLAH					13,555
2.	Membekal barang keperluan pejabat	8673	01.10.2014	09.12.2014	2,580
		8652	26.09.2014	09.12.2014	870
		8391	04.09.2014	09.12.2014	633
		8384	04.09.2014	09.12.2014	558
		8669	01.10.2014	09.12.2014	309
		8653	26.09.2014	09.12.2014	241
		8390	04.09.2014	09.12.2014	203
		9079	04.12.2014	23.01.2015	2,900
		8690	17.11.2014	12.01.2015	2,626
		9096	19.12.2014	28.01.2015	1,133
		9058	27.11.2014	23.01.2015	942
		9064	27.11.2014	23.01.2015	870
		9081	04.12.2014	23.01.2015	530
		9093	16.12.2014	28.01.2015	465
JUMLAH					14,860
3.	Membekal kabinet pejabat	8181	20.06.2014	24.07.2014	1,096
		8157	22.05.2014	06.08.2014	4,264
		8134	28.04.2014	06.08.2014	2,827
		8160	22.05.2014	06.08.2014	2,440
		8389	04.09.2014	10.10.2014	4,200
		9021	20.11.2014	23.01.2015	3,500
		9009	20.11.2014	23.01.2015	1,620
		9034	20.11.2014	23.01.2015	930
JUMLAH					20,877
4.	Perkhidmatan CCTV Ibu Pejabat Perbadanan di Wisma Sultan Tengah	9533	07.05.2015	11.06.2015	550
		9525	30.04.2015	11.06.2015	4,150
		9523	30.04.2015	11.06.2015	4,150
		9526	30.04.2015	11.06.2015	2,400
		9524	19.05.2015	11.06.2015	1,600
JUMLAH					12,850

BIL.	BUTIRAN PEROLEHAN	PESANAN PERKHIDMATAN		TARIKH BAYARAN	NILAI KERJA (RM)	
		NOMBOR	TARIKH			
5.	Perkhidmatan CCTV di Pejabat Wilayah Kawasan Tengah, Sibu dan Pejabat Wilayah Kawasan Utara Miri	9118	19.01.2015	25.03.2015	900	
		9426	09.03.2015	07.04.2015	550	
		9448	16.03.2015	28.05.2015	3,540	
		9492	21.04.2015	11.06.2015	2,880	
		9465	13.04.2015	11.06.2015	3,600	
JUMLAH					11,470	
6.	Membekal penahan haba kaca	9666	25.08.2015	20.10.2015	2,725	
		9733	05.10.2015	06.11.2015	4,386	
		9717	18.09.2015	06.11.2015	2,844	
		9702	09.09.2015	06.11.2015	980	
JUMLAH					10,935	
JUMLAH KESELURUHAN					84,547	

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

5.5.2.3. Pesanan Perkhidmatan Tidak Dikeluarkan

- Pesanan Perkhidmatan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan sesuatu bekalan atau perkhidmatan dilaksanakan dan merupakan dokumen yang menetapkan spesifikasi dan kualiti yang perlu dipatuhi oleh pembekal. Ianya perlu ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa sebagai jaminan kepada pembekal bahawa Agensi Kerajaan komited terhadap pesanan yang dibuat.

Analisis Audit terhadap laporan *Bill Registration* (FAS) Perbadanan pada tahun 2013 hingga 2015 mendapati sepuluh perolehan daripada 119 sampel bekalan dan perkhidmatan bernilai RM187,367 tidak dikeluarkan Pesanan Perkhidmatan seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.5
PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS TIDAK DIKELUARKAN
PESANAN PERKHIDMATAN PADA TAHUN 2013 HINGGA 2015

BIL.	BAUCAR BAYARAN		NO. INVOICE PAYABLE	AMAUN (RM)	NAMA PEMBEKAL	BUTIRAN BAYARAN
	NOMBOR	TARIKH				
1.	PV13/0816	07.03.2013	37570	18,000	CMPS Resources	Yuran Bengkel Pelan Strategik yang diadakan pada 21 hingga 23 Februari 2013
2.	PV13/1805	27.05.2013	40019	18,000	CMPS Resources	Yuran Bengkel Pelan Strategik (Fasa 2) yang diadakan pada 16 hingga 18 Mei 2013
3.	PV13/2794	02.09.2013	42565	18,000	CMPS Resources	Yuran Bengkel Pelan Strategik pada 29 hingga 31 Julai 2013
4.	PV13/3507	04.11.2013	45763	17,200	R.J Consultant	Menyedia kursus persaraan bagi bakal pesara Perbadanan
5.	PV14/0268	17.01.2014	47418	27,017	Arkiskape Sdn. Bhd.	Yuran perunding untuk kerja pengubahsuaian dan reka bentuk dalam Pejabat Kementerian Perumahan Sarawak di Aras 5, Wisma Sultan Tengah (kerja tambahan)

BIL.	BAUCAR BAYARAN		NO. INVOICE PAYABLE	AMAUN (RM)	NAMA PEMBEKAL	BUTIRAN BAYARAN	
	NOMBOR	TARIKH					
6.	PV14/0333	22.01.2014	47580	12,000	CMPS Resources	Yuran Bengkel Pelan Strategik	
7.	PV14/2721	22.08.2014	52785	34,198	Damai Beach Resort	Program Joint Strategic Transformatic Retreat 2014	
8.	PV14/2841	04.09.2014	53037	10,493	CF Learning Services Sdn Bhd	Menyedia kursus praktikal perakaunan untuk warga Seksyen Akaun	
9.	PV14/3287	17.10.2014	53615	11,282	Yong Heng Enterprise	Membekal pakaian seragam untuk sambutan Hari Jadi TYT	
10.	PV15/2770	17.09.2015	61546 61547 61567	21,177	Raine & Horne International Zaki + Partners Sdn. Bhd.	Yuran penilaian harta tanah	
JUMLAH				187,367			

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

5.5.2.4. Pesanan Perkhidmatan Dikeluarkan Selepas Tarikh Invois

Mengikut Arahan Perbendaharaan 176.1(b), Pesanan Kerajaan hendaklah disediakan pada masa barang dipesan. Pada tahun 2013 hingga 2015, Perbadanan telah mengeluarkan 358 daripada 1,160 Pesanan Perkhidmatan berjumlah RM0.72 juta selepas tarikh invois disediakan oleh pembekal. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan selama satu hingga 232 hari. Ini menunjukkan ketidakakuratan dalam pembayaran seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 18(b) Akta Acara Kewangan 1957 dan pegawai yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan surcaj. Pesanan Perkhidmatan yang dikeluarkan selepas tarikh invois adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.6
PESANAN PERKHIDMATAN DIKELUARKAN SELEPAS TARIKH INVOIS

TAHUN	BILANGAN PESANAN PERKHIDMATAN DIKELUARKAN SELEPAS TARIKH INVOIS	AMAUN (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN MENGIKUT PENGUMURAN				
			1 - 15 (Hari)	16 - 30 (Hari)	31 - 60 (Hari)	61 - 90 (Hari)	MELEBIHI 91 (Hari)
2013	173	0.44	47	56	33	12	25
2014	97	0.16	37	30	23	6	1
2015	88	0.12	42	31	11	1	3
Jumlah	358	0.72	126	117	67	19	29

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

5.5.2.5. Dokumen Sokongan yang Sama Digunakan Untuk Bayaran Berbeza

Pihak Audit mendapati bayaran telah diperakui oleh Perbadanan terhadap butiran kerja yang sama untuk dua baucar bayaran yang berbeza yang melibatkan enam baucar bayaran tahun 2015 berjumlah RM19,866. Perkara ini berlaku kerana dokumen sokongan tidak disemak dengan teliti sebelum bayaran diluluskan. Baucar bayaran yang menggunakan gambar yang sama sebagai bukti

kerja dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 5.7**. Gambar sebelum dan selepas kerja dijalankan yang sama diguna untuk menyokong bayaran yang berlainan adalah seperti di gambar berikut:

JADUAL 5.7
BAUCAR BAYARAN MENGGUNA DOKUMEN SOKONGAN YANG SAMA

BIL.	BAUCAR BAYARAN		NO. INVOIS	AMAUN (RM)	CATATAN
	NOMBOR	TARIKH			
1.	PV15/1651	29.05.2015	KEW/13/032	2,466	<u>Kamayar Electrical Works</u> <ul style="list-style-type: none"> Cadangan pendawaian semula dan kerja bahan untuk rumah pangsa sewa di Blok F117 PPR Taman Dahlia Batu 5 (Gambar 5.1)
2.	PV15/1916	23.06.2015	KEW/14/020	1,345	<u>Kamayar Electrical Works</u> <ul style="list-style-type: none"> Cadangan pendawaian semula dan kerja bahan untuk rumah pangsa sewa di Unit 1409 PPR Matang Batu 9 Lawatan ke tapak pada 14 Disember 2015 mendapati gambar yang dikepulkan adalah tidak sama dengan keadaan fizikal rumah berkenaan (Gambar 5.1)
3.	PV15/1633	29.05.2015	2021	1,400	<u>Sri Azan Construction And Renovation</u> <ul style="list-style-type: none"> Menyedia pekerja dan bahan untuk kerja di Lot 1637 RPR Jalan Arang, Kuching (Gambar 5.2)
4.	PV15/1641	29.05.2015	0011	1,404	<u>D' Suasa Enterprise</u> <ul style="list-style-type: none"> Menyedia pekerja dan bahan untuk kerja di Lot 1735 RPR Jalan Arang, Kuching Lawatan ke tapak pada 11 Disember 2015 mendapati gambar yang dikepulkan adalah tidak sama dengan keadaan fizikal rumah berkenaan (Gambar 5.2)
			0010	1,400	<u>D' Suasa Enterprise</u> <ul style="list-style-type: none"> Menyedia pekerja dan bahan untuk kerja di Lot 1736 RPR Jalan Arang, Kuching Lawatan ke tapak pada 11 Disember 2015 mendapati gambar yang dikepulkan adalah tidak sama dengan keadaan fizikal rumah berkenaan (Gambar 5.2)
5.	PV/15/1361	06.05.2015	2024	6,164	<u>Syarikat AMAS</u> <ul style="list-style-type: none"> Kerja baikpulih di Blok A305 RPR Demak Laut (Gambar 5.3 dan Gambar 5.4)
6.	PV/15/2728	09.09.2015	0876	5,687	<u>Syarikat M.S. Suria Express</u> <ul style="list-style-type: none"> Tuntutan terhadap kerja-kerja di Blok C-308 RPR Demak Laut (Gambar 5.3 dan Gambar 5.4)
JUMLAH				19,866	

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

GAMBAR 5.1



Blok F117 PPR Taman Dahlia Batu 5 dan
Unit 1409 PPR Matang Batu 9
- Gambar yang Sama Diguna Untuk Menyokong
2 Baucar Bayaran yang Berlainan
(10.12.2015)

GAMBAR 5.2




Lot 1637 RPR Jalan Arang Kuching dan Lot 1735
RPR Jalan Arang Kuching dan 1736 RPR
Jalan Arang, Kuching
- Gambar yang Sama Diguna-Untuk Menyokong
2 Baucar Bayaran yang Berlainan
(10.12.2015)

GAMBAR 5.3



Blok A305 RPR Demak Laut
- Gambar yang Sama Diguna Untuk Menyokong
2 Baucar Bayaran yang Berlainan
(10.12.2015)

GAMBAR 5.4



Blok C-308 RPR Demak Laut
- Gambar yang Sama Diguna Untuk Menyokong
2 Baucar Bayaran yang Berlainan
(10.12.2015)

Pada pendapat Audit, Perbadanan tidak mematuhi prosedur serta peraturan perolehan yang ditetapkan dan bayaran tidak disokong dengan dokumen yang sahih.

5.5.3. Perolehan Secara Sebut Harga

5.5.3.1. Sebut Harga Tidak Dipelawa Untuk Perolehan Tahunan Melebihi RM10,000 Hingga RM50,000

- Perbadanan menetapkan nilai perolehan melebihi RM10,000 tetapi kurang daripada RM50,000 hendaklah dibuat secara sebut harga selaras dengan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2003.
- Semakan Audit mendapati pada tahun 2013 hingga 2015, Perbadanan telah melaksanakan 16 transaksi sebut harga berjumlah RM398,866. Bagaimanapun, analisis Audit terhadap laporan *Bill Registration* (FAS) Perbadanan bagi pembelian melebihi RM10,000 hingga RM50,000 pada tahun 2013 hingga 2015 mendapati nilai 21 perolehan berjumlah RM467,473 telah melebihi had untuk pembelian terus tetapi sebut harga tidak dipelawa dan kebenaran pengecualian daripada prosedur sebut harga tidak diperoleh

daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Amalan ini adalah bertentangan dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Perolehan yang melebihi had kewangan untuk pembelian terus adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.8
PEROLEHAN TIDAK DIBUAT SECARA SEBUT HARGA**

BIL.	NO. BAUCAR BAYARAN	PESANAN PERKHIDMATAN/ <i>INVOICE PAYABLE</i>		NILAI PEROLEHAN (RM)	PERIHAL BAYARAN
		NO.	TARIKH		
1.	PV13/0617	SO7328	31.01.2013	14,400	Pencetakan Laporan dan Akaun Tahunan 2011
2.	PV13/0816	IP37570	07.03.2013	18,000	Yuran Bengkel Pelan Strategik yang diadakan pada 21 hingga 23 Februari 2013
3.	PV13/1562	SO7458	03.04.2013	25,000	Pembekalan khemah dan kelengkapan majlis pecah tanah Rumah Mampu Milik (RMM) Kanowit Fasa II
4.	PV13/1805	IP40019	27.05.2013	18,000	Yuran Bengkel Pelan Strategik (Fasa 2) yang diadakan pada 16 hingga 18 Mei 2013
5.	PV13/1870	SO7549	14.05.2013	15,000	Katering untuk Majlis Pecah Tanah PPR Permyjaya(Curtin), Miri
6.	PV13/1898	SO7534	24.04.2013	40,290	Majlis pecah tanah PPR Taman Sri Tuang Fasa II Samarahan pada 29.04.2013
7.	PV13/2794	IP42565	02.09.2013	18,000	Yuran Bengkel Pelan Strategik pada 29 hingga 31 Julai 2013
8.	PV13/3344	SO7632	26.06.2013	16,658	Pembelian perabot dan kelengkapan lain untuk keperluan kuarters kakitangan Perbadanan di PPR Bandaria Park, Bintulu
9.	PV13/3507	IP45763	04.11.2013	17,200	Yuran perunding untuk menyedia kursus pesaraan bagi bakal pesara Perbadanan
10.	PV14/0268	IP47418	17.01.2014	27,017	Yuran perunding untuk kerja pengubahsuaian dan reka bentuk dalaman Pejabat Kementerian Perumahan Sarawak di Aras 5, Wisma Sultan Tengah (kerja tambahan)
11.	PV14/0333	IP47580	22.01.2014	12,000	Yuran fasilitator untuk bengkel Pelan Strategik
12.	PV14/2721	IP52785	26.08.2014	34,198	<i>Joint Strategic Transformation Retreat 2014</i>
13.	PV14/2841	IP53037	04.09.2014	10,493	Kursus praktikal perakaunan untuk Seksyen Akaun
14.	PV14/2897	SO8358	20.08.2014	18,850	Penceramah untuk warga Perbadanan berkursus pada 20 hingga 21 Ogos 2014
15.	PV14/2914	702/RPR Arang	11.09.2014	19,350	Kerja membaik pulih Blok 18, RPR Jalan Arang, Kuching
16.	PV14/3287	IP53615	17.10.2014	11,282	Membekal pakaian seragam untuk kontingen pembarisan Perbadanan sempena Hari Jadi TYT
17.	PV14/3323	SO8664	30.09.2014	43,045	Pembelian 16 unit komputer, 16 unit monitor dan satu unit <i>MS Office 2013 Home & Business Software</i>

BIL.	NO. BAUCAR BAYARAN	PESANAN PERKHIDMATAN/ INVOICE PAYABLE		NILAI PEROLEHAN (RM)	PERIHAL BAYARAN
		NO.	TARIKH		
18.	PV15/0192	1013/BANDARIA 1014/BANDARIA	08.01.2015 08.01.2015	16,780 26,653	Pemasangan dan penyambungan untuk kabel <i>in-coming</i> (sub-main) dari bilik suis tingkat bawah hingga tingkat 4 untuk blok K,M dan O di PPR Bandaria Park, Bintulu
19.	PV15/2703	SO9607 SO9594	28.07.2015 10.07.2015	10,600 11,380	Mengganti <i>network switch</i> yang rosak, mengganti komputer riba yang rosak, perolehan alat ganti dan perisian cctv
20.	PV15/2770	IP61546 IP61547 IP61567	17.09.2015	21,177	Yuran penilaian harta tanah
21.	PV15/3035	SO9623	07.08.2015	22,100	Program Keusahawanan untuk pesara Perbadanan di Kuala Lumpur
JUMLAH				467,473	

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan

Pada pendapat Audit, Perbadanan tidak mendapat harga yang menguntungkan kerana tidak mempelawa sebut harga.

5.5.4. Perolehan Secara Tender

5.5.4.1. Pentabiran Kontrak

a. Pengeluaran Surat Setuju Terima

- i. surat Setuju Terima mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berdasarkan kepada syarat ditetapkan dalam dokumen tender, syarat dipersetujui dalam Surat Niat dan syarat lain yang dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. Ianya satu dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperoleh dan dalam tempoh sah laku tender.
- ii. semakan Audit terhadap penawaran dua tender terbuka untuk perolehan kerja yang melebihi RM0.50 juta mendapati Perbadanan hanya mengemukakan surat permohonan kebenaran tawaran kepada Setiausaha Kewangan Negeri tiga hari selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada kontraktor. Ini menyebabkan Surat Setuju Terima dikeluarkan 12 hari lebih awal daripada tarikh kelulusan diperoleh daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Surat Setuju Terima yang dikeluarkan awal adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.9
SURAT SETUJU TERIMA DIKELUARKAN AWAL

BIL.	NAMA PROJEK	HARGA KONTRAK (RM Juta)	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH MEMOHON KEBENARAN TAWARAN	TARIKH KELULUSAN SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI	KELEWATAN (Hari)
1.	Cadangan Kerja Tambahan Luaran Untuk 18 Blok Rumah Pangsa 4 Tingkat Di Taman Flora Indah, Jalan Arang Kuching Kontraktor Dilantik: U-kin Engineering	1.79	06.12.2012	10.12.2012	19.12.2012	12
2.	Cadangan Mengelat Semula Luaran & Kerja Tambahan Untuk 8 Blok Rumah Pangsa 4 Tingkat Di RPD Taman Sri Jaya Matang, Batu 9 Kuching Kontraktor Dilantik: Atica Construction	1.77	06.12.2012	10.12.2012	19.12.2012	12

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

b. Kelewatan Menandatangani Dokumen Kontrak

- i. mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007-Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.
- ii. semakan Audit mendapati sembilan kontrak perolehan kerja telah lewat ditandatangani iaitu melebihi empat bulan (120 hari) dari tarikh Surat Setuju Terima. Tempoh kelewatan adalah lima hingga 186 hari. Dokumen kontrak yang lewat ditandatangani adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.10
DOKUMEN KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	KELEWATAN (Hari)
1.	Cadangan Mengelat Semula Luaran & Kerja Tambahan Untuk 8 Blok Rumah Pangsa 4 Tingkat Di RPD Taman Sri Jaya Matang Batu 9 Kuching, Sarawak Kontraktor Dilantik: Atica Construction	06.12.2012	08.10.2013	186
2.	Kerja Tambahan Luaran Untuk 18 Blok Rumah Pangsa 4 Tingkat Di RPR Taman Flora Indah Jalan Arang Kuching, Sarawak Kontraktor Dilantik: U-kin Engineering	06.12.2012	08.10.2013	186

BIL.	NAMA PROJEK	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	KELEWATAN (Hari)
3.	Cadangan Kerja Pengubahsuaian Tingkat 1 Pejabat Perbadanan Pembangunan Perumahan di Wisma Sultan Tengah, Taman Sukma, Kuching No. Kontrak: HDC/K/6/2013	16.05.2013	06.01.2014	112
4.	Cadangan Mengecat Semula Luaran & Kerja Tambahan Untuk 14 Blok Rumah Pangsa 2 Tingkat Di PPR Malihah 2 (Type B) Jalan Matang, Kuching Sarawak Kontraktor Dilantik: Quatamai Sdn. Bhd.	17.10.2013	20.02.2014	5
5.	Tender Semula Cadangan Jalan Masuk Sebagai Sebahagian Dari Perancangan Semula Di Sibujaya (Zon 6) Kontraktor Dilantik: Mexajati Sdn. Bhd.	16.10.2014	16.05.2015	89
6.	Cadangan Pembinaan & Penyiapan Rumah Panjang Collin (23 Pintu) di atas Lot 113-135, Blok 1, Bakong Land District Bahagian Miri Kontraktor Dilantik: Crest Realty Sdn. Bhd.	01.12.2014	13.04.2015	12
7.	Perkhidmatan Penyenggaraan Untuk Rumah Pangsa Kediaman di RPR Sibu Jaya No. Kontrak: HDC/K/1/2015	27.02.2015	15.07.2015	17
8.	Perkhidmatan Penyenggaraan Untuk Rumah Pangsa Kediaman di Taman Sepakat Jaya, Demak Laut No. Kontrak: HDC/K/3/2015	27.02.2015	06.07.2015	8
9.	Perkhidmatan Penyenggaraan Untuk Rumah Pangsa Kediaman di Taman Dahlia dan Taman Sri Matang, Matang Batu 5 No. Kontrak: HDC/K/2/2015	27.02.2015	27.07.2015	29

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

c. Pengesahan Penerimaan Cek Bayaran

Semakan Audit mendapati penerima yang sama telah mengesah penerimaan tujuh cek bayaran sejumlah RM1.99 juta daripada Perbadanan kepada nama syarikat yang berbeza-beza iaitu Atica Construction, Syarikat Jutera Mas dan Sapiee Enterprise Sdn. Bhd.. Bayaran tersebut adalah untuk kerja kontrak mengecat semula luaran dan kerja tambahan di RPR Matang Batu 9, RPR Taman Sri Jaya, Matang Batu 6 dan kerja pengubahsuaian di Tingkat 1 pejabat Perbadanan di Kuching. Butiran bayaran untuk tiga syarikat yang disahkan oleh penerima yang sama adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.11
PENERIMAAN CEK SYARIKAT DISAHKAN OLEH PENERIMA YANG SAMA

BIL.	CEK BAYARAN			NO. BAUCER BAYARAN	BUTIRAN BAYARAN	NAMA PENERIMA
	TARIKH	NOMBOR	AMAUN (RM Juta)			
1.	16.04.2013	17158	0.50	13/1326	Sijil Bayaran No.2 untuk mengecat semula luaran dan kerja tambahan di RPR Matang Batu 9 , Kuching	Atica Construction

BIL.	CEK BAYARAN			NO. BAUCER BAYARAN	BUTIRAN BAYARAN	NAMA PENERIMA
	TARIKH	NOMBOR	AMAUN (RM Juta)			
2.	02.07.2013	17166	0.65	13/2049	Sijil Bayaran No.3 untuk mengecat semula luaran dan kerja tambahan di RPR Matang Batu 9, Kuching	Atica Construction
3.	30.09.2013	92076	0.31	13/2990	Sijil Bayaran No.4 untuk mengecat semula luaran dan kerja tambahan di RPR Matang Batu 9, Kuching	Atica Construction
4.	05.06.2014	102642	0.09	14/1839	Sijil Bayaran No.6 (muktamad) untuk mengecat semula luaran dan kerja tambahan di RPR Matang Batu 9, Kuching	Atica Construction
5.	04.10.2013	92290	0.20	13/3155	Sijil Bayaran No.5 (muktamad) untuk mengecat semula luaran dan kerja tambahan di RPR Matang Batu 6, Kuching	Syarikat Jutera Mas
6.	07.11.2014	80681	0.08	14/3525	Kerja pengubahsuaian di Tingkat 1, Pejabat Perbadanan, Wisma Sultan Tengah, Kuching	Sapiee Enterprise Sdn. Bhd.
7.	17.04.2015	73551	0.16	15/1232	Kerja pengubahsuaian di Tingkat 1, Pejabat Perbadanan, Wisma Sultan Tengah, Kuching	Sapiee Enterprise Sdn. Bhd.
JUMLAH		1.99				

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

d. Kelewatan Menjelaskan Bayaran

Bil berjumlah RM6.64 juta tidak dicop tarikh terimaan. Berdasarkan tarikh pada invois adalah didapati pembayaran telah dibuat melebihi tempoh 14 hari dari tarikh invois diterima iaitu antara 16 hari hingga 176 hari. Tempoh kelewatan pembayaran melebihi tempoh 14 hari adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.12
TEMPOH KELEWATAN PEMBAYARAN MELEBIHI 14 HARI

BIL.	NO. BAUCER BAYARAN	BIL			TARIKH BAYARAN	TEMPOH DIAMBIL (Hari)
		NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM)		
1.	PV13/0810	BK1209695D	31.12.2012	25,898	06.03.2013	65
		BK1209429D	24.12.2012	22,131		72
		BK1300879D	06.02.2013	124		28
		BK1300438D	17.01.2013	5		48
2.	PV13/1340	1896	30.11.2012	24,180	19.04.2013	140
		1900	30.11.2012	21,600		109
		1903	31.12.2012	24,180		
		1915	31.01.2013	24,180		
		1917 - 1918	31.01.2013	47,100		
		1920 - 1923	31.01.2013	89,580		78

BIL.	NO. BAUCAR BAYARAN	BIL			TARIKH BAYARAN	TEMPOH DIAMBIL (Hari)
		NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM)		
3.	PV13/1696	REE 2744	18.04.2013	37,810	20.05.2013	32
4.	PV13/2730	14351 - 14365	29.07.2013	150,000	23.08.2013	24
		14366 - 14387	29.07.2013	220,000		
		14491 - 14518	29.07.2013	280,000		
5.	PV13/3468	14611 - 14626	03.09.2013	150,400	30.10.2013	57
		14541 - 14559	05.09.2013	190,000		55
		14561 - 14583	05.09.2013	230,000		
6.	PV14/1838	050073/13	08.05.2014	89,484	05.06.2014	28
7.	PV14/2387	MECSB/MALIHAH/ INV/2013/03	15.04.2014	240,581	17.07.2014	93
8.	PV14/3525	SP2014	02.10.2014	93,868	07.11.2014	36
9.	PV14/3666	326/2014	20.10.2014	14,400	19.11.2014	30
10.	PV14/3700	00064	30.05.2014	21,600	21.11.2014	175
		00073	30.06.2014	21,600		144
		00075 - 00079	30.07.2014	128,460		114
		00080	30.08.2014	17,760		83
		00082 - 00085	30.08.2014	110,700		
		00087	30.09.2014	24,180		52
		00090 - 00092	30.09.2014	82,680		
11.	PV14/4070	00093	30.09.2014	21,600	29.12.2014	90
		00096 - 00097	30.10.2014	63,540		60
		00099 - 00101	30.10.2014	86,520		
12.	PV15/0289	DN000080	30.11.2014	131,350	19.01.2015	50
13.	PV15/0823	DN000093	01.03.2015	579,142	17.03.2015	16
14.	PV15/1482	DN000097	31.03.2015	216,233	20.05.2015	50
15.	PV15/1529	DN000082	30.11.2014	770,095	25.05.2015	176
16.	PV15/2410	IN000189	01.07.2015	529,965	10.08.2015	40
17.	PV15/3574	IN000199	30.09.2015	739,982	02.12.2015	63
18.	PV15/3575	IN000201	01.10.2015	246,116	02.12.2015	62
19.	PV16/1305	IN000225	29.02.2016	12,909	29.04.2016	60
20.	PV16/1327	IN000214	31.12.2015	729,873	29.04.2016	120
		IN000231	31.03.2016	134,447		29
JUMLAH				6,644,273		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

Maklum Balas Perbadanan Bertarikh 28 Oktober 2016

Perbadanan mematuhi sepenuhnya Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.6/2003 mulai 1 April 2017. Surat arahan pematuhan berkenaan telah dikeluarkan kepada semua pegawai. Ketua seksyen telah diarah untuk memberi taklimat kepada pegawai bawahan yang berkenaan secepat

mungkin dan tindakan sewajarnya akan diambil ke atas mereka yang tidak mematuhi arahan ini. Perbadanan telah mencuba sebaik mungkin untuk memastikan perjanjian kontrak disedia dan ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas surat tawaran dikeluarkan. Sebagai contoh perjanjian bil. HDC/K/2/2016, HDC/K/3/2016, HDC/K/4/2016 dan HDC/K/5/2016 telah disedia dan ditandatangani dalam tempoh satu hingga dua bulan sahaja. Proses kerja Penyediaan Dokumen Kontrak telah disediakan. Tandatangan atas baucar bayaran mengesahkan penerimaan cek bayaran telah diperolehi dan bagi cek yang dimasuk dalam akaun penerima, slip masuk bank dikepilkhan bersama baucar bayaran asal. Perbadanan sentiasa berusaha untuk mempercepatkan bayaran kepada pembekal dengan menasihati pembekal supaya mengemukakan bil yang lengkap serta memastikan perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna, menambahbaik proses penilaian kerja, proses penerimaan, pendaftaran serta dokumentasi bil. Manual Prosedur Kerja-Proses Kerja Tuntutan Bayaran Work Order baru telah diguna mulai 1 Februari 2017.

Pada pendapat Audit, Perbadanan tidak memastikan sesuatu pembayaran itu adalah teratur dan dilakukan tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau syarat-syarat serta kaedah yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Perbadanan tidak memastikan kelulusan diperoleh daripada Setiausaha Kewangan Negeri sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan dan dokumen kontrak ditandatangan dengan secepat mungkin.

e. Bayaran Kontrak Dibuat Tanpa Pengesahan Pegawai yang Diberi Kuasa

- i. Semakan Audit terhadap kaedah bayaran kemajuan projek yang dilakukan oleh Perbadanan mendapati tidak ada konsistensi dalam menyediakan dokumen sokongan untuk tiga bayaran kemajuan berjumlah RM10.33 juta bagi Cadangan 204 unit RMT Skim Penempatan Empangan Bengoh di Kuching dengan kos kontrak RM19.38 juta. Invois pembekal yang dikemukakan oleh kontraktor untuk menyokong amaan bahan binaan di tapak yang dituntut seperti di *Summary Of Workdone* adalah bukan salinan asal tetapi salinan pendua yang tidak diperakui dan tiada tarikh pengesahan terimaan barang. Bayaran kemajuan untuk Cadangan 204 unit RMT Skim Penempatan Empangan Bengoh, Kuching adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.13
BAYARAN KEMAJUAN UNTUK CADANGAN 204 UNIT RMT SKIM
PENEMPATAN EMPANGAN BENGOH, KUCHING (NOMBOR KONTRAK: HDC/K/1/2012)

BIL.	BAUCAR BAYARAN			CATATAN
	TARIKH	NOMBOR	AMAUN (RM Juta)	
1.	20.02.2013	13/0675 Kontraktor: Naim Engineering Sdn. Bhd.	3.06	Salinan pendua invois pembekal berjumlah RM0.61 juta yang dikemukakan oleh kontraktor tidak diperakui dan tiada tarikh pengesahan terimaan barang. Amaun bahan binaan di tapak seperti di <i>Summary Of Workdone</i> adalah RM0.47 juta atau 76.6% daripada jumlah invois pembekal
2.	07.03.2013	13/0820 Kontraktor: Naim Engineering Sdn. Bhd.	1.21	Salinan pendua invois pembekal berjumlah RM0.29 juta yang dikemukakan oleh kontraktor tidak diperakui dan tiada tarikh pengesahan terimaan barang. Amaun bahan binaan di tapak seperti di <i>Summary Of Workdone</i> adalah RM0.26 juta atau 90% daripada jumlah invois pembekal
3.	22.05.2013	13/1764 Kontraktor: Naim Engineering Sdn. Bhd.	6.06	<ul style="list-style-type: none"> a. Salinan pendua invois pembekal berjumlah RM1.48 juta yang dikemukakan oleh kontraktor tidak diperakui dan tiada tarikh pengesahan terimaan barang. Amaun bahan binaan di tapak seperti di <i>Summary Of Workdone</i> iaitu RM1.25 juta atau 84.3% daripada jumlah invois pembekal b. Salinan pendua invois pembekal berjumlah RM0.94 juta yang dikemukakan oleh kontraktor tidak diperakui dan tiada tarikh pengesahan terimaan barang. Amaun bahan binaan di tapak seperti di <i>Summary Of Workdone</i> adalah RM0.72 juta atau 76.6% daripada jumlah invois pembekal
JUMLAH		10.33		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

- ii. Pihak Audit mendapati empat bayaran kemajuan sejumlah RM2.30 juta telah dilakukan tanpa dokumen sokongan iaitu invois pembekal. Bayaran tersebut adalah bagi Pembinaan dan Penyiapan 236 Unit Rumah Teres Sederhana Dua Tingkat dan 14 Unit Rumah Berkembar Dua Tingkat Atas Lot 4044, Blok 18 Tanah Daerah Salak Di RMM Sourabaya, Kuching dengan kos kontrak RM42.02 juta. Invois tersebut adalah untuk menyokong amaun bahan binaan di tapak yang dituntut seperti di *Summary Of Workdone*. Bayaran kemajuan untuk Pembinaan dan Penyiapan 236 Unit Rumah Teres Sederhana Dua Tingkat dan 14 Unit Rumah Berkembar Dua di RMM Sourabaya, Kuching adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.14
BAYARAN KEMAJUAN UNTUK PEMBINAAN DAN PENYIAPAN 236 UNIT RUMAH TERES SEDERHANA DUA TINGKAT DAN 14 UNIT RUMAH BERKEMBAR DUA DI RMM SOURABAYA, KUCHING (NOMBOR KONTRAK: HDC/HQ/12/2009)

BIL	BAUCAR BAYARAN			BUTIRAN
	TARIKH	NOMBOR	AMAUN (RM Juta)	
1.	08.05.2013	13/1568 Oricon Sdn. Bhd.	0.28	Tiada invois pembekal dikepulkan untuk menyokong bahan binaan di tapak pada akhir Mac 2013 berjumlah RM106,734. Total Material On Site to be added to the Total Value Of Work Done seperti di <i>Summary Of Work Done</i> adalah RM80,051 atau 75%

BIL	BAUCAR BAYARAN			BUTIRAN
	TARIKH	NOMBOR	AMAUN (RM Juta)	
2.	29.05.2013	13/1827 Oricon Sdn. Bhd.	0.78	Tiada invois dikepilkhan untuk menyokong bahan binaan di tapak pada akhir April 2013 berjumlah RM32,460. <i>Total Material On Site to be added to the Total Value Of Work Done</i> seperti di <i>Summary Of Work Done</i> adalah RM24,345 atau 75%
3.	11/07/2013	13/2249 Oricon Sdn. Bhd.	0.80	Tiada invois dikepilkhan untuk menyokong bahan binaan di tapak berjumlah RM32,460 <i>Total Material On Site to be added to the Total Value Of Work Done</i> seperti di <i>Summary Of Work Done</i> adalah RM24,345 atau 75%
4.	30/10/2013	13/3470 Oricon Sdn. Bhd.	0.44	Tiada invois dikepilkhan untuk menyokong bahan binaan di tapak berjumlah RM34,833. <i>Total Material On Site to be added to the Total Value Of Work Done</i> seperti di <i>Summary Of Work Done</i> adalah RM26,124 atau 75%
JUMLAH		2.30		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

Maklum Balas Perbadanan Bertarikh 22 Mac 2017

Diakui kesilapan tiada invois asal pembekal dikemukakan oleh kontraktor manakala salinan pendua tidak diperakui dan tiada tarikh penerimaan bahan binaan oleh wakil Perbadanan di tapak. Salinan pendua telah diperakui salinan sah berserta pengesahan tarikh terimaan barang. Diperakui kelemahan berlaku dalam menyemak dokumen sokongan yang diguna untuk bayaran. Selain itu, diakui kesilapan di mana invois pembekal tidak dikemukakan oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, kawalan pembayaran Perbadanan adalah tidak munasabah.

5.5.4.2. Tender Tidak Dipelawa Untuk Perolehan Perkhidmatan Melebihi RM50,000

- Perbadanan menetapkan nilai perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja melebihi RM50,000 tetapi kurang daripada RM250,000 hendaklah dibuat secara tender selaras dengan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2003.
- Analisis Audit terhadap laporan *Bill Registration* Perbadanan bagi tahun 2013 hingga 2015 mendapati nilai perolehan 143 transaksi melebihi RM50,000 tetapi kurang daripada RM250,000. Semakan Audit mendapati tender tidak dipelawa bagi empat perolehan perkhidmatan dan kerja bernilai RM262,491 melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM50,000 dan kebenaran pengecualian daripada prosedur tender tidak diperoleh daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Perolehan kerja dan perkhidmatan tidak dibuat secara tender adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.15
PEROLEHAN PERKHIDMATAN DAN KERJA TIDAK DIBUAT SECARA TENDER

BIL.	NAMA PEMBEKAL	PESANAN PERKHIDMATAN/ INVOICE PAYABLE		NILAI PEROLEHAN (RM)	NO. BAUCAR BAYARAN	PERIHAL BAYARAN
		NOMBOR	TARIKH			
1.	CMPS Resources	IP37370 IP40019 IP42565	07.03.2013 27.05.2013 02.09.2013	18,000 18,000 18,000	PV13/0816 PV13/1805 PV13/2794	Yuran Bengkel Pelan Strategik
JUMLAH				54,000		
2.	Rise Event Enterprise	SO7528 SO7585	12.04.2013 20.05.2013	37,810 13,555	PV13/1696 PV13/2403	Kerja membekal khemah dan kelengkapan lain sempena Majlis Pecah Tanah PPR Permyjaya (Curtin)
JUMLAH				51,365		
3.	Kaizen Quality Sdn. Bhd.	SO7542	14.04.2013	100,000	PV13/1716	Khemah untuk majlis pecah tanah PPR Permyjaya, Miri
4.	Elebest Engineering Sdn. Bhd.	IP47546	27.06.2014	57,126	PV14/2119	Kerja Tambahan pada Wisma Perumahan
JUMLAH KESELURUHAN				262,491		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan

5.5.4.3. Memecah Kecil Nilai Perolehan Membekal Alat Kelengkapan Pejabat Kementerian Perumahan Sarawak di Aras 5, Wisma Sultan Tengah

Pada bulan Julai 2015, Perbadanan telah menerima geran sejumlah RM0.80 juta untuk kerja pengubahsuaian serta reka bentuk dalaman Pejabat Kementerian Perumahan Sarawak di Aras 5, Wisma Sultan Tengah. Adalah didapati Perbadanan telah menggunakan baki geran sejumlah RM56,523 untuk pembelian alat kelengkapan pejabat serta perabot iaitu sejumlah RM53,492 dibayar kepada Babylon Office System Sdn. Bhd. dan sejumlah RM3,031 dibayar kepada Akasep Office Sdn. Bhd. Adalah didapati perolehan ini tidak dilakukan secara tender dan telah dipecahkecilkan melalui lima baucar bayaran seperti di **Jadual 5.16**. Kelulusan daripada pengecualian tender tidak diperoleh daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

JADUAL 5.16
PEROLEHAN KELENGKAPAN DAN PERABOT PEJABAT DIPECAHKECILKAN

BIL.	NAMA PEMBEKAL	PESANAN PERKHIDMATAN/KERJA		NILAI PEROLEHAN (RM)	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH
		NO.	TARIKH			
1.	Babylon Office System Sdn Bhd	8297	02.10.2015	6,000	PV15/3376	16.11.2015
		9801	16.10.2015	2,491	PV15/3657	07.12.2015
		HDC/S/819/Jld 1	Tiada	44,439	PV16/0185	19.01.2016
		9812	09.12.2015	562	PV16/0139	13.01.2016
JUMLAH				53,492		

BIL.	NAMA PEMBEKAL	PESANAN PERKHIDMATAN/KERJA		NILAI PEROLEHAN (RM)	NO. BAUCAR BAYARAN	TARIKH	
		NO.	TARIKH				
2.	Akasep Sdn Bhd	8298	02.10.2015	1,897	PV15/3879	28.12.2015	
		9802	16.10.2015	1,134			
JUMLAH				3,031			
JUMLAH KESELURUHAN				56,523			

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

Pada pendapat Audit, Perbadanan tidak mendapat harga yang berpatutan dan menguntungkan kerana tidak mempelawa tender.

5.5.4.4. Bayaran Dibuat Tetapi Kerja Tidak Dilakukan

a. Cadangan Mengecat Semula Luaran dan Kerja Tambahan Untuk 47 Blok Rumah Pangsa Dua Tingkat di RPR Permyjaya, Miri

- i. semakan Audit mendapati pada bulan April 2015, Perbadanan mempelawa tender untuk kerja mengecat semula luaran dan kerja tambahan kepada 47 Blok Rumah Pangsa 2 Tingkat di RPR Permyjaya, Miri. Jawatankuasa Penilaian Perolehan (PEC) Perbadanan memperakukan Scilla Sdn. Bhd., penender yang ke-4 terendah untuk diberi pertimbangan dan kelulusan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri, Sarawak dengan harga tawaran RM2.53 juta kerana penender tersebut menawarkan harga yang munasabah dan berpatutan. Bagaimanapun, Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak bersetuju menerima tawaran sejumlah RM2.56 juta daripada Syarikat Ilham, penender ke-5 terendah dan surat setuju terima telah dikeluarkan pada awal 8 Julai 2015. Perjanjian kontrak telah ditandatangani pada bulan Ogos 2015. Kerja bermula pada bulan Julai 2015. Antara skop kerja bagi projek ini adalah kerja pembersihan awalan, kerja mengecat, baik pulih bumbung dan penggantian paip pembentung dan paip sisa.
- ii. semakan Audit seterusnya mendapati kerja mengecat semula luaran dan kerja tambahan hanya dilakukan terhadap 35 daripada 47 Blok Rumah Pangsa 2 Tingkat di RPR Permyjaya, Miri sedangkan pembayaran penuh sejumlah RM2.58 juta (termasuk Cukai Perkhidmatan Kerajaan RM154,789) telah selesai dibuat kepada kontraktor pada bulan Disember 2015 kecuali wang tahanan sejumlah RM128,094. Ini kerana pada bulan April 2013, berlaku kebakaran di Lot 7283-1 [23-30] dan Lot 7283-2 [23-30] RPR Permyjaya, Miri yang melibatkan 16 unit Rumah Pangsa tersebut. Bagaimanapun, kerja membaikpulih hanya dilakukan terhadap empat unit rumah tersebut yang mengalami kerosakan kecil sahaja akibat kebakaran manakala 12 unit tidak dilakukan setakat audit pada

akhir Jun 2016. Adalah didapati kos mengecat dan membaikpulih 12 unit rumah tersebut mengikut kerja kontrak adalah RM11,969. Jumlah bayaran dijelaskan kepada kontraktor adalah seperti di **Jadual 5.17**, **Gambar 5.6** dan **Gambar 5.7** menunjukkan rumah pangsa yang terbakar.

JADUAL 5.17
JUMLAH BAYARAN DIJELASKAN KEPADA KONTRAKTOR

SIJIL BAYARAN	AMAUN DIBAYAR KEPADA KONTRAKTOR (RM Juta)	AMAUN CUKAI PERKHIDMATAN KERAJAAN (RM Juta)	BAUCAR BAYARAN		
			NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM Juta)
1	0.66	0.04	15/2773 15/2802	17.09.2015 29.10.2015	0.70
2	0.85	0.05	15/3184	29.10.2015	0.90
3	0.93	0.06	15/3733	16.12.2015	0.98
JUMLAH	2.43	0.15			2.58

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

GAMBAR 5.6



Lot 7283-1 [23-30] dan Lot 7283-2 [23-30]
RPR Permyjaya, Miri
Blok Rumah Pangsa 2 Tingkat di RPR Permyjaya,
Miri Terbakar
(10.12.2015)
(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan)

GAMBAR 5.7



Lot 7283-1 [23-30] dan Lot 7283-2 [23-30]
RPR Permyjaya, Miri
Blok Rumah Pangsa 2 Tingkat di RPR Permyjaya,
Miri Terbakar
(10.12.2015)
(Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan)

Maklum Balas Perbadanan Bertarikh 22 Mac 2017

Perbadanan menyatakan bahawa hanya 12 unit yang terlibat manakala empat unit ada dibuat kerja mengecat kerana mengalami kerosakan kecil sahaja. Perkara ini telah disahkan selepas pegawai teknikal melawat tapak pada 17 Februari 2017 bagi membuat pemeriksaan penuh. Pada 20 Mac 2017, Perbadanan telah memaklumkan kontraktor berkennaan bahawa Variation Order telah dikeluarkan untuk pengurangan kos sejumlah RM11,969 daripada wang tahanan bagi kerja yang tidak dilakukan. Kerja membaikpulih 12 unit rumah yang terbakar telah dimasuk dalam skop kerja berasingan, dipelawa tender dan sekarang menunggu Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan dan Kewangan Perbadanan untuk keputusan pemilihan petender yang berjaya.

Pada pendapat Audit, Perbadanan tidak menjaga kepentingan Kerajaan menyebabkan *improper payment* kepada kontraktor.

iii. Cadangan Kerja Mengecat Semula Luaran dan Kerja Tambahan Untuk 47 Blok Rumah Pangsa 2 Tingkat di RPR Permyjaya, Miri

- Semakan Audit seterusnya mendapati pemantauan tidak dilakukan dengan rapi bagi memastikan kerja dilaksanakan mengikut kualiti yang ditetapkan bagi dua perolehan berikut:
- Berdasarkan laporan pemeriksaan fizikal di tapak pada awal tahun 2016, kerja membaik pulih yang dilakukan oleh kontraktor tidak mematuhi sepenuhnya spesifikasi yang dipersetujui serta dinyatakan dalam dokumen kontrak tetapi bayaran sejumlah RM2.58 juta (termasuk Cukai Perkhidmatan Kerajaan RM154,789) telah dibayar sepenuhnya. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan oleh Ketua Seksyen Projek pada akhir Oktober 2015 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada akhir April 2016. Kerja yang tidak dibuat dan tidak memenuhi ketetapan yang dipersetuju dalam dokumen kontrak adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.18
KERJA TIDAK DIBUAT/ TIDAK MEMENUHI
KETETAPAN DIPERSETUJU DALAM DOKUMEN KONTRAK**

BIL.	PERJANJIAN KONTRAK-RINGKASAN TENDER		CATATAN	
	SPESIFIKASI KERJA	NO. ITEM	AMAUN DIPERUNTUK (RM Juta)	
1.	Pancutan air tekanan tinggi untuk membersih luaran dinding sedia ada, tiang dan permukaan alang daripada sebarang kekotoran seperti lumut, kulat, terkupas, tanda dan kerja cat melepuh	2(a)	0.14	Pancutan air tekanan tinggi tidak digunakan untuk membersih luaran dinding sedia ada, tiang dan permukaan alang daripada sebarang kekotoran seperti lumut, kulat, terkupas, tanda dan kerja cat melepuh
2.	Mengecat semula rekahan kecil di luar dinding, tiang dan permukaan alang yang telah dibaiki	2(c)	0.02	Tiada pemberian dilakukan
3.	Mengguna satu lapisan Primer dan 2 lapisan penamat tahan cuaca untuk paip menurun air hujan dan paip perkhidmatan termasuk membaiki paip menurun air hujan dan paip perkhidmatan yang sedia ada	3(b)	0.02	Tiada paip dibina untuk menurun air hujan
4.	Penggantian paip pembentung, paip sisa dan paip vent sedia ada kepada yang baru	5	0.72	Paip pembentung, paip sisa dan paip vent yang lama masih dikekalkan tanpa diganti
5.	Kerja Mengecat Mengguna satu lapisan Primer dan 2 lapisan penamat tahan cuaca untuk dinding luar, tiang, alang dan tembok	3(a)	0.90	Cat nipis, tidak rata dan dinding di tingkat bawah serta di bahagian tangga Tingkat 1, tidak dicat
6.	Mengganti serta mengecat <i>timber roof fascia boards</i> yang rosak atau buruk	4(b)	0.21	Papan kekisi (Fascia board) yang buruk tidak diganti tetapi dicat saja

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

iv. Cadangan Mengecat Semula Luaran dan Kerja Tambahan Untuk 11 Rumah Pangsa Lima Tingkat di PPR Taman Dahlia Matang Batu 5, Kuching

Pada bulan Julai 2015, Perbadanan telah mempelawa tender untuk kerja mengecat semula luaran dan kerja tambahan kepada 11 Blok Rumah Pangsa Lima Tingkat di PPR Taman Dahlia, Kuching kepada HSMA Engineering Sdn. Bhd. dengan kos kontrak sejumlah RM481,258. Berdasarkan laporan pemeriksaan fizikal di tapak pada akhir tahun 2015, kerja membaikpulih yang dilakukan oleh kontraktor tidak memenuhi sepenuhnya spesifikasi kontrak tetapi bayaran sejumlah RM291,839 (termasuk 6% Cukai Perkhidmatan Kerajaan) dibuat sepenuhnya. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan oleh Ketua Seksyen Projek pada bulan September 2015 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada bulan Mac 2016. Kerja yang tidak memenuhi ketetapan yang dipersetujui dalam dokumen kontrak adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.19
KERJA TIDAK DIBUAT/TIDAK MEMENUHI
KETETAPAN DIPERSETUJUI DALAM DOKUMEN KONTRAK**

BIL.	PERJANJIAN KONTRAK-RINGKASAN TENDER			CATATAN
	SPESIFIKASI KERJA	NO. ITEM	AMAUN DIPERUNTUK (RM Juta)	
1.	Membekal dan memasang 46 peti agihan/papan suis, pendawaian dalaman mengikut spesifikasi piawai JKR dan aksesori berkaitan serta mengujiterima sehingga berfungsi di Blok A-H (8 blok), Blok I dan Blok J	4(d)	0.01	Peti agihan yang lama masih dikekalkan di semua blok
2.	Membekal dan memasang 1 lapisan kepingan jejaring No.B7 atau tetulang keluli dikimpal berbentuk jejaring 100mmx200mm, beratnya 4.53kg setiap meter di keseluruhan 11 blok	3(d)	0.02	Tidak memasang satu lapisan kepingan jejaring No.B7
3.	Menyedia kerja perancah lengkap dan/ <i>skylift crane</i>	5(a)	0.03	<i>Skylift crane</i> tidak digunakan di tapak bina
4.	Membekal dan memasang 724 lengkapan pendafluor 1x18w jenis berjejaring logam dan sebagainya di Blok A-H (8 blok), Blok I dan Blok J	4(c)	0.02	Lampu ini hanya dipasang di kawasan gunasama di aras bawah
5.	Membekal dan memasang anggaran 2,652 unit salur longkang "gsw" separuh bulat dengan garis pusat 225mm bernilai RM50,388	3(g)	0.05	Mengguna salur longkang separuh bulat dengan garis pusat 150mm
6.	Bidur Apron a) Kerja memecah dan membuang lantai konkrit b) Menggali tanah hingga 150mm tebal c) Membuang tanah melebihi jarak 5km tetapi tidak melebihi 10km dengan lori d) 150mm tebal hadkor e) Kerja membuat lubang pada permukaan konkrit rasuk sedalam 150mm pada jarak 450mm setiap satu f) Membekal dan memasang besi Y16 sepanjang 600mm setiap satu ke dalam lubang rasuk	2	0.06	Kualiti kerja membaikpulih parit tidak memuaskan dan tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Parit rosak hanya ditampal pada permukaan sahaja di Blok B, kerja membaikpulih konkrit apron tidak dilakukan mengikut spesifikasi kontrak iaitu lantai konkrit lama tidak dipecah

BIL.	PERJANJIAN KONTRAK-RINGKASAN TENDER			CATATAN
	SPESIFIKASI KERJA	NO. ITEM	AMAUN DIPERUNTUK (RM Juta)	
	g) Acuan konkrit pada bahagian tepi konkrit apron h) Membekal dan memasang 1 lapisan kepingan jejaring No.B7 atau tetulang keluli dikimpal berbentuk jejaring 100mmx200mm, beratnya 4.53kg setiap meter i) Kerja konkrit gred 25 j) 25mm tebal turapan simen dan pasir(1:3) dilepa licin di atas permukaan lantai konkrit			dan dibuang, tidak menyimpan hadkor, tanah tidak digali, tidak memasang satu lapisan jejaring No.B7, tidak menggunakan konkrit Gred 25 dan tidak memasang besi Y16(strata bar)
7.	Mengganti papan kekisi sedia ada anggaran 560m ² dengan papan kekisi baru berukuran 200mm lebar x 25mm tebal termasuk mengecat untuk 11 blok	5(a)	0.06	Papan kekisi yang diganti hanya 18 keping
8.	Mengganti pagar rantai gelung sedia ada anggaran 690m ² dengan pagar rantai gelung 3.5mm tebal, PVC bersalut 75mm berbentuk belian	5(b)	0.01	Pagar rantai gelung yang diganti dan dipasang hanya 5 hingga 10 meter

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan menyebabkan Perbadanan tidak mendapat nilai pulangan terhadap peruntukan yang dibelanjakan.

5.5.4.5. Bayaran Pendahuluan Dibuat Tanpa Kebenaran

a. Projek Pembinaan dan Penyiapan Menaiktaraf Jalan Utama/Main Boulevard di Bandar Baru Sibujaya, Sibu

- i. Perolehan kerja bagi Projek Pembinaan dan Penyiapan Menaiktaraf Jalan Utama/Main Boulevard di Bandar Baru Sibujaya, Sibu adalah projek usahasama (40/60) antara Perbadanan dengan HDC-Amcorp Joint Venture Sdn. Bhd.(kemudiannya dikenali sebagai HDCam Sdn. Bhd.). Perolehan projek ini dilaksana secara tender terbuka.
- ii. Semakan Audit mendapati projek Pembinaan dan Penyiapan Menaiktaraf Jalan Utama/Main Boulevard di Bandar Baru Sibujaya, Sibu bernilai RM18.42 juta meliputi tiga pakej yang melibatkan pembinaan jalan baru dan menaiktaraf jalan raya yang sedia ada. Pakej 1 dan 2 dilaksanakan oleh Daya Builders Sdn. Bhd. (anak syarikat milik sepenuhnya Perbadanan) manakala Pakej 3 dilaksanakan oleh Mexajati Sdn. Bhd. seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.20
PAKEJ UTAMA PROJEK PEMBINAAN DAN PENYIAPAN
MENAIKTARAF JALAN UTAMA/MAIN BOULEVARD DI BANDAR BARU SIBUJAYA

BIL.	BUTIRAN KONTRAK	HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta)	HARGA KONTRAK DISEMAK SEMULA (RM Juta)	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	PAKEJ
1.	Cadangan Pembinaan dan Penyiapan Jalan Utama/Main Boulevard di Sibujaya, Sibu Skop kerja: Membina jalan baru sepanjang 1.1 kilometer dan menaiktaraf jalan asal sepanjang 1 kilometer dilengkap dengan lampu jalan dan papan tanda.	9.28	9.76	28.12.2010	Daya Builders Sdn. Bhd.
2.	Cadangan Menaik Taraf Zon 1 Jalan Utama/Main Boulevard di Sibujaya, Sibu Skop kerja: Pembinaan di tepi landasan basikal 2.4 meter lebar laluan pejalan kaki di sepanjang kedua-dua belah jalan di Zon 1 dan pembinaan longkang konkrit di kedua-dua belah jalan	6.12	6.33	23.05.2012	Daya Builders Sdn. Bhd.
3.	Tender Semula Cadangan Jalan Masuk Sebagai Sebahagian Dari Perancangan Semula di Sibujaya (Zon 6) Skop kerja: Pembinaan 550 meter panjang, 4 lorong jalan premix lengkap dengan kerbs, parit konkrit lebar 1 meter dan pejalan kaki konkrit lebar 1.5 meter di kedua-dua belah jalan raya dan penanaman rumput	3.02	3.04	16.05.2015	Mexajati Sdn. Bhd.
JUMLAH		18.42	19.13		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati sebelum Kerajaan Negeri meluluskan permohonan Kementerian pada awal April 2012 untuk melaksanakan projek ini di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-10, Perbadanan telah mengada perbincangan pada 29 September 2010 dengan HDCam Sdn. Bhd. yang dipengerusi oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Pada perbincangan tersebut, dipersetujui bahawa projek ini dibiayai oleh HDCam Sdn. Bhd. dahulu dan akan dibayar balik oleh Kerajaan Negeri sebaik sahaja ada peruntukan. Dana Kerajaan dijangka diperoleh dalam masa setahun dari tarikh kontrak dipelawa. Kadar faedah 5% setahun dikenakan ke atas pendahuluan tersebut sepertimana dinyatakan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah HDCam Sdn. Bhd. Bil.1/2012 pada bulan Jun 2012. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan Kerajaan Negeri bersetuju dengan kaedah pembiayaan secara pendahuluan untuk projek ini termasuk penetapan kadar faedah 5% setahun tersebut.

iv. Adalah didapati Pakej 1 dimulakan pada pertengahan Februari 2011. HDCam Sdn. Bhd. mula membuat bayaran kepada Daya Builders Sdn. Bhd. pada bulan Julai 2011. Geran sejumlah RM23.52 juta diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada bulan September 2013 iaitu 31 bulan selepas Pakej 1 bermula. Pakej 1 dan 2 siap sepenuhnya pada akhir Julai 2012 manakala Pakej 3 belum siap setakat akhir tahun 2016. Pada bulan Februari 2014, Perbadanan memohon kepada Setiausaha Kewangan Negeri supaya geran tersebut dikeluarkan bagi tujuan pembayaran balik kepada HDCam Sdn. Bhd. Pada bulan Jun 2014, Perbadanan telah membayar sejumlah RM18.57 juta (termasuk kadar faedah sebanyak 5% sejumlah RM1.77 juta) kepada HDCam Sdn. Bhd. untuk Pakej 1 dan 2 iaitu setelah geran Kerajaan Negeri sejumlah RM19.28 juta diterima pada bulan Mei 2014. Kelewatan selama dua tahun sepuluh bulan (Ogos 2011 hingga Mei 2014) menjelaskan bayaran ini menyebabkan Kerajaan Negeri dikenakan membayar faedah sejumlah RM1.77 juta. Perbadanan tidak mendapatkan kebenaran daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum sebarang pembayaran pendahuluan dilakukan. Kronologi pengurusan projek Pembinaan dan Penyiapan Menaiktaraf Jalan Utama/Main Boulevard Di Bandar Baru Sibujaya, Sibu adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.21
KRONOLOGI PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN DAN PENYIAPAN
MENAIKTARAF JALAN UTAMA/MAIN BOULEVARD DI BANDAR BARU SIBUJAYA

BIL.	TARIKH	KRONOLOGI
1.	29.09.2010	Perbadanan mengada perbincangan dengan HDCam Sdn. Bhd. dipengerusi oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Dipersetujui bahawa projek ini dibiayai oleh HDCam Sdn. Bhd. dahulu dan akan dibayar balik oleh Kerajaan Negeri sebaik sahaja ada peruntukan. Dana Kerajaan dijangka diperoleh dalam masa setahun dari tarikh kontrak dipelawa
2.	28.12.2010	Perjanjian kontrak untuk Pakej 1 ditandatangan antara HDCam Sdn. Bhd. dan Daya Builders Sdn. Bhd.
3.	15.02.2011	Pelaksanaan Pakej 1 bermula
4.	04.07.2011	HDCam Sdn. Bhd. mula membuat bayaran kepada Daya Builders Sdn. Bhd.
5.	23.05.2012	Perjanjian kontrak untuk Pakej 2 ditandatangan antara HDCam Sdn. Bhd. dan Daya Builders Sdn. Bhd.
6.	18.06.2012	Mesyuarat Lembaga Pengarah HDCam Sdn. Bhd Bil.1/2012 memutuskan kadar faedah 5% setahun dikenakan ke atas pendahuluan yang dilakukan oleh HDCam Sdn. Bhd.
7.	31.07.2012	Pakej 1 dan 2 siap sepenuhnya
8.	02.04.2012	Kementerian memohon kelulusan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek ini di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-10
9.	17.09.2013	Geran sejumlah RM23.52 juta bagi tahun 2014 diluluskan oleh Kerajaan Negeri
10.	03.02.2014	Perbadanan memohon kepada Setiausaha Kewangan Negeri supaya geran tersebut dikeluarkan bagi tujuan pembayaran balik kepada HDCam Sdn. Bhd.
11.	02.05.2014	Geran Kerajaan Negeri sejumlah RM19.28 juta diterima oleh Perbadanan
12.	11.06.2014	Perbadanan membayar sejumlah RM18.57 juta (termasuk kadar faedah sebanyak 5% sejumlah RM1.77 juta) kepada HDCam Sdn. Bhd. untuk Pakej 1 dan 2

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

Maklum Balas Perbadanan Bertarikh 28 Oktober 2016

Sumber kewangan bagi melaksanakan projek ini dibiayai oleh syarikat usahasama, Syarikat HDCam seawal tahun 2010, maka segala perolehan adalah tertakluk kepada polisi perolehan syarikat dan ianya diuruskan secara tender terbuka. HDCam Sdn. Bhd. melakukan penilaian tender melalui Perunding Ukur Bahan yang dilantik.

Pada pendapat Audit, tindakan Perbadanan memulakan pelaksanaan projek tanpa peruntukan menyebabkan Kerajaan Negeri dikenakan faedah RM1.77 juta oleh syarikat.

5.5.4.6. Dokumen Sokongan Bagi Projek Pembinaan dan Penyiapan Menaiktaraf Jalan Utama/Main Boulevard di Bandar Baru Sibujaya, Sibu

Semakan Audit mendapati sebanyak enam baucar bayaran berjumlah RM20.77 juta bagi projek Pembinaan dan Penyiapan Menaiktaraf Jalan Utama/Main Boulevard Di Bandar Baru Sibujaya, Sibu tidak disokong dengan Sijil Bayaran (*Payment Certificate-For Contract Works*) untuk mengesahkan dan meluluskan bayaran kemajuan kepada kontraktor seperti di **Jadual 5.22**. Selain itu, tiada pengesahan oleh Pengurus Projek bahawa kerja di bawah terma kontrak berkenaan telah dilakukan mengikut spesifikasi kontrak.

JADUAL 5.22
BAUCAR BAYARAN TIDAK DISOKONG DENGAN SIJIL BAYARAN

BIL.	BAUCAR BAYARAN		AMAUN (RM Juta)	BUTIRAN BAYARAN
	NOMBOR	TARIKH		
1.	PV14/1981	11.06.2014	18.57	Infrastruktur dan kerja naik taraf Jalan Utama/Main Boulevard Sibujaya, Sibu
2.	PV15/0823	17.03.2015	0.58	Tender Semula Cadangan Jalan Masuk Sebagai Sebahagian Dari Perancangan Semula Di Sibujaya (Zon 6)
3.	PV15/1482	20.05.2015	0.22	Sijil Bayaran No. 2 untuk Tender Semula Cadangan Jalan Masuk Sebagai Sebahagian Dari Perancangan Semula Di Sibujaya (Zon 6)
4.	PV15/2410	10.08.2015	0.53	Fi professional dan caj pentadbiran serta kerja yang telah dilaksana untuk perancangan semula Sibujaya (Zon 6)
5.	PV16/1305	29.04.2016	0.01	Sijil Bayaran No.3, fi Jurukur Bahan untuk Tender Semula Cadangan Jalan Masuk, Bandar Sibujaya, Sibu (Zon 6)
6.	PV16/1327	29.04.2016	0.86	Sijil Bayaran No.6 & No.7 untuk Tender Semula Cadangan Jalan Masuk Sebagai Sebahagian Dari Perancangan Semula Di Sibujaya (Zon 6)
JUMLAH		20.77		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran Perbadanan adalah lemah.

5.5.4.7. Tempoh Lanjutan Masa Bagi Kerja Pengubahsuaian Tingkat 1, Pejabat Perbadanan Pembangunan Perumahan di Wisma Sultan Tengah, Taman Sukma Kuching

- a. Pada bulan Mei 2013, Syarikat Sapiee Enterprise Sdn. Bhd. setuju terima tawaran kontrak sejumlah RM214,951 untuk Kerja Pengubahsuaian Tingkat 1, Pejabat Perbadanan Pembangunan Perumahan Di Wisma Sultan Tengah, Taman Sukma Kuching. Tempoh siap ialah empat bulan dari tarikh serah tapak iaitu pada 24 Jun 2013. Skop kerja meliputi menyedia ruangan bekerja; pendawaian semula; memasang sistem bekalan air, paip dan paip bawah tanah; membekal dan memasang kaunter/kabinet pasang siap, memasang dan mengecat semula *partition wall*; membekal dan memasang karpet; membekal dan memasang kertas dinding baharu serta membekal dan memasang aksesori *Audio Visual*. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Jun 2016, sejumlah RM246,274 telah dibayar kepada kontraktor berkenaan. Butiran bayaran untuk kerja pengubahsuaian Tingkat 1, Pejabat Perbadanan Pembangunan Perumahan di Wisma Sultan Tengah, Taman Sukma adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.23
BAYARAN UNTUK KERJA PENGUBAHSUAIAN
TINGKAT 1, PEJABAT PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERUMAHAN DI WISMA SULTAN TENGAH, TAMAN SUKMA**

BIL.	NO. BAUCAR BAYARAN	INVOIS			TARIKH BAYARAN
		NOMBOR	TARIKH	AMAUN (RM Juta)	
1.	PV14/3525	SP2014	02/10/2014	0.08	07.11.2014
2.	PV15/1232	Tiada	Tiada	0.17	17.04.2015
JUMLAH				0.25	

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

- b. Semakan Audit seterusnya mendapati kerja yang sepatutnya siap pada bulan Oktober 2013 hanya disiapkan 100% pada bulan Februari 2015 seperti surat tuntutan kontraktor bertarikh 24 Mac 2015. Sijil Siap Kerja tidak dikeluarkan. Kelewatan selama 473 hari untuk menyiapkan kerja kerana terdapat perubahan dan penambahan pada lukisan asal iaitu perubahan pada lantai, dinding, pintu, siling, tandas, perabot, kerja elektrikal dan mekanikal. Didapati tiada bukti menunjukkan Sijil Perakuan Siap Kerja, Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa serta Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap disediakan oleh Perbadanan. Mengikut syarat kontrak, Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dengan kadar 0.0219% sehari atas harga asal kontrak tersebut boleh dikenakan terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan tiada Tempoh Lanjutan Masa dibenarkan. Jumlah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang sepatutnya dikenakan adalah RM22,264.

Pada pendapat Audit, Perbadanan tidak memastikan tindakan sewajarnya diambil mengikut syarat kontrak terhadap kontraktor atas kelewatan untuk menyiapkan kerja.

5.5.5. Perolehan Secara Rundingan Terus

5.5.5.1. Mengikut Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kewangan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri pada 17 April 2002, perolehan secara rundingan terus hanya boleh dipertimbang sekiranya terdapat keperluan mendadak, bagi maksud penyeragaman, satu punca bekalan atau perkhidmatan (pembuat/pemegang Franchais), melibatkan keselamatan atau strategik dan kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera. Semakan Audit mendapati Perbadanan menetapkan nilai perolehan melebihi RM250,000 dibuat secara rundingan terus. Pada tahun 2013 hingga 2015, Perbadanan telah membuat empat perolehan kerja secara rundingan terus bernilai RM64 juta untuk kerja membina jalan akses, rumah dan mengecat semula rumah adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 5.24
PEROLEHAN KERJA SECARA
RUNDINGAN TERUS PADA TAHUN 2013 HINGGA 2015**

BIL.	NAMA PROJEK	NAMA KONTRAKTOR	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	MULA	SIAP
1.	Cadangan Mengecat Semula Luaran dan Kerja Tambahan Untuk 14 Blok Rumah Pangsa 4 Tingkat di RPR Taman Sri Harmoni, Jalan Matang Batu 8, Kuching	Daya Builders Sdn. Bhd.	2.39	April 2013	Jun 2013
2.	Cadangan Pembinaan Jalan Akses, Perparitan dan Kerja Berkaitan Untuk Pembangunan Perumahan Perbadanan Di Permyjaya III Atas Lot 3710 Blok 6 Kuala Baram, Miri	Total Reliability Sdn. Bhd.	9.82	Januari 2015	Disember 2016
3.	Cadangan Pembinaan dan Penyiapan 236 unit Rumah Teres 2 Tingkat Kos Sederhana di Lot 4044, Blok 18, Salak di Kuching	Daya Builders Sdn. Bhd.	46.97	Julai 2015	Julai 2017
4.	Cadangan Mereka, Membina dan Menyiap 33 unit Rumah Tidak Bersambung Mampu Milik Di Skim Penempatan Semula Kampung Datu, Sibu	Daya Builders Sdn. Bhd.	4.82	Ogos 2015	Ogos 2017
JUMLAH			64.00		

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak

5.5.5.2. Permohonan Pengecualian Prosedur Tender Tidak Dikemukakan

Semakan Audit mendapati Kerja Pembersihan Tapak dan Kerja Tanah Untuk Projek Pembangunan Perumahan Standard dan Komersil di Permyjaya III atas Lot 3710 Blok 6 Kuala Baram di Miri bernilai RM11.51 juta telah ditawar kepada M/s Total Reliability Sdn. Bhd. secara rundingan terus pada bulan Disember 2012. Adalah didapati rundingan terus ini dibuat tanpa kebenaran untuk

pengecualian prosedur tender daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Kerja ini bermula pada 16 Januari 2013 dan siap dilaksanakan pada 7 Januari 2015 dengan perbelanjaan sejumlah RM11.51 juta secara *lump sum*.

Pada pendapat Audit, Perbadanan tidak memastikan perolehan secara rundingan terus dilakukan mengikut syarat yang ditetapkan dan kebenaran daripada Setiausaha Kewangan Negeri diperoleh terlebih dahulu.

5.6. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengurusan perolehan yang lain, adalah disyorkan:

- 5.6.1. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah merancang pembelian tahunan, mengurus perolehan secara telus dan mengikut amalan yang terbaik dengan mematuhi peraturan serta prosedur yang ditetapkan;
- 5.6.2. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah memastikan tender dipelawa secara saingen terbuka supaya adil serta saksama dan mendapat harga yang menguntungkan Kerajaan. Kaedah perolehan untuk projek pembinaan perumahan Perbadanan hendaklah dikaji semula bagi mempercepatkan dan mengawal kos pembinaan projek;
- 5.6.3. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah memastikan sebarang pengecualian daripada prosedur yang ditetapkan mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri sewajarnya;
- 5.6.4. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah memastikan syarat perjanjian kontrak dipatuhi sepenuhnya dan kualiti kerja memuaskan bagi mendapat *value for money*. Ini juga dapat menjamin kualiti perumahan yang dibina atau disenggara oleh Perbadanan;
- 5.6.5. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah meningkatkan kawalan dalaman bagi mengelak berlakunya penipuan dan ketirisan wang awam. Tindakan surcaj hendaklah dikenakan terhadap mereka yang didapati cuai atau sengaja tidak mematuhi peraturan kewangan yang sedia ada; dan
- 5.6.6. Perbadanan Pembangunan Perumahan hendaklah memastikan sesuatu pembayaran itu adalah teratur dan dilakukan tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau syarat-syarat dan kaedah yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN, PERDAGANGAN DAN PELABURAN SARAWAK

JABATAN TANAH DAN SURVEI SARAWAK

6. PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN NEGERI UNTUK LOT INDUSTRI

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Mengikut *Sarawak Land Code (SLC) Chapter 81*, pemberimilikan (*alienation*) tanah kerajaan bermaksud penjualan (pengenaan premium), pajakan atau pelupusan tanah melalui pengeluaran dokumen hakmilik tanah oleh kerajaan. Pemberimilikan tanah adalah satu daripada kaedah pelupusan tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk tempoh 60 atau 99 tahun. Mengikut Seksyen 13(1) *SLC Chapter 81*, Menteri boleh menurunkan kuasa kepada Pengarah Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (JTS) untuk memberi milik tanah Kerajaan Negeri kecuali bagi Tanah Hak Adat Bumiputera.

6.1.2. Permohonan lot industri ringan, sederhana dan berat dibuat berdasarkan kepada kawasan/estet perindustrian yang dimohon. Permohonan lot di estet perindustrian dibuat sama ada melalui Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan (MIETI), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC), Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) atau Borneo Development Corporation (BDC). Permohonan yang telah disokong di peringkat agensi yang berkenaan akan dikemukakan kepada Majlis Perancangan Negeri (MPN) untuk kelulusan dan seterusnya akan dikemukakan kepada Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar (KPSAS) dan JTS untuk dikeluarkan Surat Tawaran Rasmi (L&S80) dan agihan lot. Surat Tawaran Rasmi yang telah diperakui hendaklah dikembalikan dalam tempoh 60 hari berserta dengan bayaran premium. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan permohonan terbatal dan kelulusan tanah tersebut boleh ditarik balik.

6.1.3. Sehingga Disember 2016 sebanyak 36 estet perindustrian telah dibangunkan di seluruh Sarawak yang melibatkan MIETI, SEDC, BDA, STIDC, BDC dengan tanah seluas 16,453.54 hektar. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.1
ESTET PERINDUSTRIAN YANG DIBANGUNKAN
DI SELURUH SARAWAK SETAKAT DISEMBESER 2016

BAHAGIAN	ESTET PERINDUSTRIAN	AGENSI					JUMLAH LUAS KAWASAN (HEKTAR)
		MIETI (HEKTAR)	SEDC (HEKTAR)	BDA (HEKTAR)	STIDC (HEKTAR)	BDC (HEKTAR)	
Kuching	1. Demak Laut Fasa 1	420.00	-	-	-	-	1,910.28
	2. *Demak Laut Fasa 2	52.16	-	-	-	-	
	3. Demak Laut Fasa 2A	219.00	-	-	-	-	
	4. Demak Laut Fasa 2B	60.00	-	-	-	-	
	5. Demak Laut Fasa 3	194.50	-	-	-	-	
	6. Demak Laut Fasa 4	71.60	-	-	-	-	
	7. Zon Perindustrian Bebas Samajaya	337.00	-	-	-	-	
	8. Zon Perindustrian Bebas Samajaya Fasa 5-Extension	71.00	-	-	-	-	
	9. Ready Built Factories, Bako	-	2.02	-	-	-	
	10. Pending, Bintawa	-	483.00	-	-	-	
JUMLAH		1,425.26	485.02	-	-	-	
Samarahan	11. Kota Samarahan (Zon A-C)	97.30	-	-	-	-	237.70
	12. Kota Samarahan-Extension	121.40	-	-	-	-	
	13. Stakan	-	-	-	-	19.00	
	JUMLAH	218.70	-	-	-	19.00	
Miri	14. Piasau Fasa 1 & 2	-	67.00	-	-	-	1,211.60
	15. Kuala Baram	1,141.00	-	-	-	-	
	16. Bekenu	3.60	-	-	-	-	
	JUMLAH	1,144.60	67.00	-	-	-	
Serian	17. Tebedu Fasa 1	48.60	-	-	-	-	125.60
	18. Tebedu Fasa 2	77.00	-	-	-	-	
Sarikei	19. Estet Perindustrian Ringan Sarikei	37.00	-	-	-	-	37.00
Bintulu	20. Bintulu Light	-	-	8.96	-	-	11,255.60
	21. Kidurong Fasa 1 & 2	-	-	59.00	-	-	
	22. Kidurong	-	-	247.00	-	-	
	23. Kemeny Fasa 1	-	-	235.31	-	-	
	24. Kemeny Fasa 2	-	-	100.00	-	-	
	25. Jepak	-	-	198.33	-	-	
	26. Kidurong	-	-	207.00	-	-	
	27. Kidurong Heavy	-	-	1,200.00	-	-	
	28. Samalaju Industrial Park	-	-	9,000.00	-	-	
Sibu	29. Upper Lanang	-	91.00	-	-	-	91.00
Mukah	30. Mukah	6.00	-	-	-	-	1,511.59
	31. Tanjung Manis	-	-	-	1,505.59	-	
Kapit	32. Kapit Light	10.67	-	-	-	-	19.07
	33. Kapit	8.40	-	-	-	-	
Limbang	34. Limbang	-	14.00	-	-	-	54.10
	35. Limbang Light	-	-	-	-	10.10	
	36. Lawas	30.00	-	-	-	-	
JUMLAH KESELURUHAN		3,006.23	657.02	11,255.60	1,505.59	29.10	16,453.54

Sumber: MIETI

Nota: * - Permohonan tidak dibuat melalui MIETI

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri untuk lot industri telah diurus dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ditumpukan kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri bagi lot industri di bawah MIETI bagi tempoh 2014 hingga 2016 di Bahagian Kuching, Samarahan dan Miri. Permohonan dan kelulusan tahun sebelumnya juga akan disemak sekiranya perlu. Sampel pengauditan adalah 100 fail atau 14.1% daripada 708 daripada populasi fail yang diluluskan.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen yang berkaitan seperti *Detailed Report on Allienation of Land*, minit mesyuarat dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan ke lot industri yang dilulus juga telah dijalankan bagi memastikan tanah tersebut telah dibangun. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pemberimilikan tanah lot industri juga dijalankan bagi mendapat keterangan dan maklumat yang lebih jelas.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati pada keseluruhannya pengurusan pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri adalah kurang memuaskan. Beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan seperti berikut:

- i. prestasi pembangunan lot industri adalah sebanyak 69.2% sahaja;
- ii. lot industri yang di lulus tidak dibangun;
- iii. lot industri yang dilulus dan tidak dibangun telah mendapat manfaat kewangan antara 150% sehingga 1,150% hasil daripada cagaran tanah ke bank dan akhirnya dipindah milik; dan
- iv. kurang pemantauan.

Perkara yang ditemui dan maklum balas MIETI dan JTS telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 1 Mac 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

6.5.1. Prestasi Pembangunan Lot Industri

6.5.1.1. Semakan Audit terhadap Warta Kerajaan Negeri bagi estet perindustrian yang telah dibangun dan diluluskan oleh MIETI mendapati sembilan daripada 19 estet perindustrian telah diwartakan sebagai estet perindustrian. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.2
**ESTET PERINDUSTRIAN YANG DIWARTAKAN DI BAHAGIAN
KUCHING DAN MIRI SETAKAT DISEMBER 2016**

BAHAGIAN	BIL.	ESTET PERINDUSTRIAN	NO. WARTA / TARikh	KAWASAN YANG DIBANGUN (HEKTAR)
Kuching	1.	Demak Laut Fasa 1	G.N.Swk.L.G.Nos.47/ 25.08.1994	420.00
	2.	Demak Laut Fasa 2		52.16
	3.	Demak Laut Fasa 2A		219.00
	4.	Demak Laut Fasa 2B		60.00
	5.	Demak Laut Fasa 3		194.50
	6.	Demak Laut Fasa 4		71.60
	7.	Zon Perindustrian Bebas Samajaya		337.00
	8.	Zon Perindustrian Bebas Samajaya, Fasa 5- <i>Extension</i>		71.00
Miri	9.	Estet Perindustrian Ringan Kuala Baram		1,141.00
JUMLAH				2,566.26

Sumber: Jabatan Tanah dan Survei Sarawak

6.5.1.2. Setakat Disember 2016, sebanyak 19 zon dibangun oleh MIETI sebagai estet perindustrian melibatkan tanah seluas 3,006.23 hektar di seluruh Sarawak. Daripada 19 estet perindustrian tersebut, lapan estet perindustrian di Bahagian Kuching melibatkan tanah seluas 1,425.26 hektar, dua estet di Samarahan melibatkan tanah seluas 218.7 hektar dan dua estet di Miri melibatkan tanah seluas 1,144.6 hektar. Baki tujuh estet perindustrian lagi melibatkan tanah seluas 217.67 hektar adalah di Bahagian Serian, Sarikei, Kapit, Mukah dan Limbang. Bagi tempoh yang sama sebanyak 708 lot industri telah diluluskan di seluruh Sarawak melibatkan tanah seluas 1,186.46 hektar. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.3**.

JADUAL 6.3
**ESTET PERINDUSTRIAN YANG DIBANGUN DAN DILULUS
OLEH MIETI DI SELURUH SARAWAK SETAKAT DISEMBER 2016**

BAHAGIAN	BIL.	ESTET PERINDUSTRIAN	TAHUN LULUS	KAWASAN YANG DIBANGUN (HEKTAR)	LOT YANG DILULUSKAN (BIL.)	KELUASAN LOT YANG DILULUSKAN (HEKTAR)
Kuching	1.	Demak Laut Fasa 1	1990-2015	420.00	171	199.85
	2.	Demak Laut Fasa 2	2005-2008	52.16	3	52.16
	3.	Demak Laut Fasa 2A	1999-2016	219.00	114	103.96
	4.	Demak Laut Fasa 2B	-	60.00	0	0.00
	5.	Demak Laut Fasa 3	2003-2014	194.50	123	66.99

BAHAGIAN	BIL.	ESTET PERINDUSTRIAN	TAHUN LULUS	KAWASAN YANG DIBANGUN (HEKTAR)	LOT YANG DILULUSKAN (BIL.)	KELUASAN LOT YANG DILULUSKAN (HEKTAR)
Kuching	6.	Demak Laut Fasa 4	2004-2014	71.60	28	57.63
	7.	Zon Perindustrian Bebas Samajaya	1992-2014	337.00	36	218.79
	8.	Zon Perindustrian Bebas Samajaya, Fasa 5-Extension	-	71.00	0	0.00
	JUMLAH			1,425.26	475	699.38
Samarahan	9.	Kota Samarahan (Zon A-C)	1990-2014	97.30	50	77.83
	10.	Kota Samarahan (Extension)	-	121.40	0	0.00
	JUMLAH			218.70	50	77.83
Miri	11.	Estet Perindustrian Ringan Kuala Baram	1990	1,141.00	89	332.32
	12.	Estet Perindustrian Ringan Bekenu	2004	3.60	0	0.00
	JUMLAH			1,144.60	89	332.32
Serian	13.	Estet Perindustrian Ringan Tebedu Fasa 1	2005	48.60	1	24.15
	14.	Estet Perindustrian Ringan Tebedu Fasa 2	2012	77.00	2	3.23
Sarikei	15.	Estet Perindustrian Ringan Sarikei	1994	37.00	38	37.61
Mukah	16.	Estet Perindustrian Ringan Mukah	1998	6.00	14	4.61
Kapit	17.	Estet Perindustrian Ringan Kapit Fasa 1	2004	8.40	30	5.52
	18.	Estet Perindustrian Ringan Kapit Fasa 2	2015	10.67	5	0.72
Limbang	19.	Estet Perindustrian Ringan Lawas	2014	30.00	4	1.09
	JUMLAH			217.67	94	76.93
JUMLAH KESELURUHAN				3,006.23	708	1,186.46

Sumber: MIETI dan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak

6.5.1.3. Semakan Audit terhadap *Detailed Report On Alienation Of Land In Industrial Estate* mendapati sehingga Disember 2016, lapan estet perindustrian telah dilulus melibatkan 614 lot dan tanah seluas 1,109.53 hektar di Bahagian Kuching, Samarahan dan Miri. Adalah didapati, prestasi pembangunan lot industri tersebut adalah mencapai 69.2% iaitu 425 daripada 614 lot industri yang dilulus telah dibangunkan. Sebanyak 189 lot atau 30.8% pula belum dibangunkan. Daripada 425 lot yang industri yang dibangunkan 377 lot industri beroperasi dan 48 lot tidak beroperasi. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.4.**

6.5.1.4. Analisis Audit mendapati 475 lot industri yang dilulus di Bahagian Kuching, 339 lot atau 71.4% telah dibangun dan 136 lot atau 28.6% belum dibangun. Daripada 339 lot yang dibangun, 21 kilang didapati tidak lagi beroperasi. Daripada 50 lot yang diluluskan di Bahagian Samarahan, 31 lot atau

62% telah dibangun dan 19 lot atau 38% belum dibangun. Adalah didapati 11 kilang daripada 31 lot yang dibangun tidak lagi beroperasi. Prestasi pembangunan lot industri di Bahagian Miri pula mendapati daripada 89 lot industri yang dilulus, 55 lot atau 61.8% telah dibangun dan 34 lot atau 38.2% belum lagi dibangun. Daripada 55 lot yang dibangun, 16 kilang tidak lagi beroperasi. Adalah didapati tempoh kilang tidak beroperasi di Bahagian Kuching, Samarahan dan Miri tidak dapat ditentukan kerana tiada rekod mengenainya diperoleh. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.4
**PRESTASI PEMBANGUNAN LOT INDUSTRI DI BAHAGIAN KUCHING,
SAMARAHAN DAN MIRI SETAKAT DISEMBER 2016**

BIL	ESTET PERINDUSTRIAN	JUMLAH LOT YANG DILULUS (BIL.)	STATUS PEMBANGUNAN LOT INDUSTRI					TIADA BANGUNAN (BIL.)	(%)		
			ADA BANGUNAN								
			BEROPERASI (BIL.)	TIDAK BEROPERASI (BIL.)	JUMLAH	(%)					
KUCHING											
1.	Demak Laut Fasa 1	171	126	1	127	74.3	44	25.7			
2.	Demak Laut Fasa 2	3	1	1	2	66.7	1	33.3			
3.	Demak Laut Fasa 2A	114	60	13	73	64.1	41	35.9			
4.	Demak Laut Fasa 3	123	101	3	104	84.6	19	15.4			
5.	Demak Laut Fasa 4	28	9	0	9	32.1	19	67.9			
6.	Zon Perindustrian Bebas Samajaya	36	21	3	24	66.7	12	33.6			
JUMLAH		475	318	21	339	71.4	136	28.6			
SAMARAHAN											
7.	Kota Samarahan (Zon A-C)	50	20	11	31	62.0	19	38.0			
MIRI											
8.	Estet Perindustrian Renggan Kuala Baram	89	39	16	55	61.8	34	38.2			
JUMLAH KESELURUHAN		614	377	48	425	69.2	189	30.8			

Sumber: Jabatan Tanah dan Survei Sarawak

Maklum Balas MIETI Bertarikh 3 Mac 2017

Adalah menjadi hasrat Kerajaan ingin melihat semua perniagaan di estet perindustrian berjaya, berkembang dan beroperasi sepenuhnya. Namun demikian, terdapat banyak faktor yang mengakibatkan syarikat menghentikan operasi atau lambat memulakan projek masing-masing. Ini termasuk faktor seperti kelembapan ekonomi, masalah kewangan (bank loan), masalah ‘shareholders’, masalah bekalan bahan mentah, perubahan penggunaan teknologi dan sebagainya yang berada di luar kawalan.

Pada pendapat Audit, prestasi pembangunan lot industri keseluruhannya masih boleh diperbaiki kerana hanya 69.2% lot industri yang dilulus telah dibangunkan.

6.5.2. Lot Industri yang Dilulus Tidak Dibangun

6.5.2.1. Syarat-syarat khas dalam Surat Tawaran Rasmi menyatakan lot industri yang telah diluluskan hendaklah dibangun dalam tempoh dua tahun (kelulusan sebelum Jun 1995) atau tiga tahun (kelulusan selepas Jun 1995) dari tarikh pendaftaran hak milik. Selain itu, mengikut Para (vi) *Special Condition, Without prejudice to (iv) above, in the event that such building or buildings is not completed within seven (7) years from the date of the registration of this Lease, the registered proprietor shall, if so required by the Government, surrender this land back to the Government upon refund all premium paid for alienation of this land together with interest at such rate as may be determined by the Minister.* Di samping itu, mengikut Seksyen 33(1) *SLC Chapter 81*, Kerajaan berhak merampas atau menarik balik (*re-entry*) kelulusan yang diberi terhadap lot industri sekiranya syarikat gagal mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Rasmi.

6.5.2.2. Semakan Audit mendapati setakat Disember 2016, sebanyak 189 lot atau 30.8% daripada 614 lot yang diluluskan tidak dibangun di Bahagian Kuching, Samarahan dan Miri. Sebanyak 117 atau 61.9% daripada 189 lot yang tidak dibangun melebihi tempoh tujuh tahun. Daripada 117 lot tersebut, 89 lot atau 76.1% adalah di Bahagian Kuching, 19 lot atau 16.2% di Bahagian Samarahan dan sembilan lot atau 7.7% adalah di Bahagian Miri. Adalah didapati 57 lot atau 48.7% tidak dibangun untuk tempoh lapan hingga 13 tahun, 20 lot atau 17.1% bagi tempoh 14 hingga 19 tahun dan 40 lot atau 34.2% bagi tempoh melebihi 20 tahun. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6.5
LOT INDUSTRI YANG TELAH DILULUS TETAPI
TIDAK DIBANGUN MELEBIHI TUJUH TAHUN

ESTET PERINDUSTRIAN	LOT YANG TIDAK DIBANGUN (BIL.)	LOT YANG TIDAK DIBANGUN > 7 TAHUN		LOT YANG TIDAK DIBANGUN > 7 TAHUN					
		(BIL.)	(%)	8-13 TAHUN (BIL.)	(%)	14-19 TAHUN (Bil.)	(%)	>20 TAHUN (Bil.)	(%)
KUCHING									
Demak Laut Fasa 1	44	44	100.0	2	4.5	7	15.9	35	79.5
Demak Laut Fasa 2	1	0	0	0	0	0	0	0	0
Demak Laut Fasa 2A	41	19	46.3	18	94.8	1	5.3	0	0
Demak Laut Fasa 3	19	17	89.5	12	70.6	5	29.4	0	0
Demak Laut Fasa 4	19	5	26.3	5	100.0	0	0	0	0
Samajaya	12	4	33.3	3	75.0	0	0	1	25.0
JUMLAH	136	89	65.4	40	44.9	13	14.6	36	40.4
SAMARAHAN									

ESTET PERINDUSTRIAN	LOT YANG TIDAK DIBANGUN (BIL.)	LOT YANG TIDAK DIBANGUN > 7 TAHUN		LOT YANG TIDAK DIBANGUN > 7 TAHUN					
		8-13 TAHUN (BIL.)	(%)	14-19 TAHUN (Bil.)	(%)	>20 TAHUN (Bil.)	(%)		
		(BIL.)	(%)						
Kota Samarahan	19	19	100.0	14	73.7	5	26.3	0	0
Miri									
Kuala Baram	34	9	26.5	3	33.3	2	22.2	4	44.4
JUMLAH KESELURUHAN	189	117	61.9	57	48.7	20	17.1	40	34.2

Sumber: Jabatan Tanah dan Survei

6.5.2.3. Lawatan Audit pada bulan November 2016 ke enam lot industri yang tidak dibangun di Kuala Baram, Miri mendapati lot tersebut tidak dibangunkan. Lot tersebut telah diluluskan antara tahun 1996 hingga 2015. Keadaan yang sama berlaku di Bahagian Kuching dan Samarahan. Lawatan Audit pada Januari 2017 ke 16 lot di Estet Perindustrian Bebas Samajaya, Kuching dan sembilan lot di Estet Industri Muara Tuang, Samarahan mendapati lot tersebut juga tidak dibangunkan. Pihak Kerajaan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan aktiviti ekonomi di Sarawak secara optimum. Keadaan lot industri yang tidak dibangun adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 6.1



Lot 372, Estet Perindustrian Kuala Baram, Miri
Lot yang Diluluskan Pada 8 April 1997
Tetapi Tidak Dibangun
(24.11.16)

GAMBAR 6.2



Lot 294, Estet Perindustrian Kuala Baram, Miri
Lot yang Diluluskan Pada 17 Februari 1997
Tetapi Tidak Dibangun
(24.11.16)

GAMBAR 6.3



Lot 1069, Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
Lot yang Diluluskan Pada 14 November 2013 Tetapi
Tidak Dibangun
(23.01.17)

GAMBAR 6.4



Lot 1271, Zon Perindustrian Bebas Sama Jaya
Lot Industri yang Diluluskan Pada 16 Ogos 2004
Tetapi Tidak Dibangun
(23.01.17)

GAMBAR 6.5



Lot 10452, Estet Perindustrian Kota Samarahan
Lot yang Diluluskan Pada 24 November 2006
Tetapi Tidak Dibangunkan
(17.01.17)

GAMBAR 6.6



Lot 10531, Estet Perindustrian Kota Samarahan
Lot yang Diluluskan Pada 14 Jun 2004
Tetapi Tidak Dibangunkan
(17.01.17)

Maklum Balas MIETI Bertarikh 3 Mac 2017

Pihak MIETI juga sedar dan mengambil berat tentang masalah ini. PICC telah membuat beberapa cadangan kepada pihak JTS untuk menarik balik lot yang kosong. MIETI pernah juga mencadangkan kepada pihak JTS supaya ‘grace period’ dipendekkan daripada tujuh tahun menjadi tiga tahun. MIETI juga terus mengendalikan proses tapisan dengan lebih terperinci supaya hanya permohonan yang benar-benar layak disokong untuk dipertimbangkan oleh pihak MPN/KPSAS. Keputusan meluluskan tanah adalah di bawah kuasa pihak MPN/KPSAS.

Maklum Balas JTS Bertarikh 3 Mac 2017

Bagi lot perindustrian yang gagal dibangunkan mengikut tempoh yang ditetapkan kerajaan pernah mengambil tindakan untuk ‘re-entry’ di bawah Seksyen 33 SLC terhadap Oriental Wealth Sdn. Bhd. Bagaimanapun, prosedur di bawah Seksyen 33 SLC tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana keputusan Mahkamah Tinggi menetapkan tanah milik Oriental Wealth Sdn. Bhd. untuk dilelong dan tindakan ‘re-entry’ yang telah dimulakan adalah dibatalkan (quashed). Sebarang tindakan ke atas syarikat yang gagal membangunkan lot yang telah diberimilik di estet perindustrian diambil tindakan secara holistik. Inisiatif ini diterajui oleh MIETI di bawah Jawatankuasa PICC yang telah diberi peranan sebagai penyelaras dan pemantau ke atas pembangunan di dalam estet perindustrian.

Pada pendapat Audit, belum ada tindakan tegas diambil oleh pihak MIETI dan JTS terhadap 189 lot industri yang telah dilulus seawal tahun 1990 tetapi tidak dibangunkan.

6.5.3. Lot Industri yang Dilulus Tidak Dibangun dan Dipindah Milik

6.5.3.1. Mengikut perkara (v) dalam *Special Conditions* dalam Surat Tawaran Rasmi “*No transfer affecting this land may be effected without the consent in writing of the Director of Lands and Surveys*”. Semakan Audit terhadap *Detailed Report On Alienation Of Land In Industrial Estate* mendapati terdapat 47 lot yang tidak dibangun melibatkan lima syarikat dan tanah seluas 18.30 hektar di Estet Perindustrian Demak Laut Fasa 1, Kuching telah dipindah milik kepada C.J. Chai Sdn. Bhd., Sinar Mekar Sdn. Bhd., Hillog Sdn. Bhd., Saddad Cargo Sdn. Bhd. dan Oriental Wealth (M) Sdn. Bhd. Lot tersebut tidak dibangun semenjak ianya diluluskan pada tahun 1994 hingga 1996. Terdapat dua lot yang diluluskan pada tahun 1994, 42 lot pada tahun 1995 dan tiga lot pada tahun 1996. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.6**.

JADUAL 6.6
LOT YANG TIDAK DIBANGUN DAN DIPINDAH
MILIK DI BAHAGIAN KUCHING SETAKAT DISEMBER 2016

BIL.	SYARIKAT	BIL. LOT	KELUASAN (HEKTAR)
1.	C.J. Chai Sdn. Bhd.	2	1.00
2.	Sinar Mekar Sdn. Bhd.	1	1.23
3.	Hillog Sdn. Bhd.	1	0.86
4.	Saddad Cargo Sdn. Bhd.	1	1.06
5.	Oriental Wealth (M) Sdn. Bhd.	42	14.15
JUMLAH		47	18.30

Sumber: Jabatan Tanah dan Survei Sarawak

6.5.3.2. Semakan Audit mendapati, pindah milik bagi 44 lot industri yang melibatkan keluasan 15.15 hektar di Bahagian Kuching adalah atas arahan mahkamah. Pihak Mahkamah telah membuat lelongan awam terhadap lot yang dicagarkan kerana syarikat gagal membayar pinjaman bank. Pindah milik dilakukan antara tahun 2007 hingga 2008 kepada syarikat yang berjaya dalam lelongan awam. Syarikat boleh membuat urus niaga seperti mencagarkan lot yang telah diluluskan ke bank/institusi kewangan setelah mendapat *Provisional Lease* (PL) daripada JTS dan tiada larangan atau sekatan dikenakan kepada syarikat. Didapati dua syarikat iaitu Syarikat C.J. Chai Sdn. Bhd. dan Oriental Wealth Sdn. Bhd. telah mencagarkan 44 lot industri yang melibatkan bayaran premium berjumlah RM3.91 juta untuk mendapatkan pinjaman bank berjumlah RM40.40 juta. Kedua-dua syarikat telah mendapat manfaat kewangan yang berganda hasil daripada cagaran tersebut berbanding dengan bayaran premium. Oriental Wealth Sdn. Bhd. telah mencagar 42 lot tanah industri yang berkeluasan 14.15 hektar bagi mendapatkan pinjaman bank berjumlah RM39.70 juta berbanding dengan premium yang dibayar berjumlah RM3.45 juta di mana manfaat kewangannya adalah 1,150.7%. Manakala C.J. Chai Sdn. Bhd. telah

mencagar dua lot tanah yang berkeluasan 1.00 hektar bagi mendapat pinjaman bank berjumlah RM0.70 juta berbanding dengan premium yang dibayar berjumlah RM0.46 juta di mana manfaat kewangannya adalah 152.2%. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.7
MANFAAT KEWANGAN HASIL DARIPADA
CAGARAN LOT INDUSTRI BERBANDING BAYARAN PREMIUM**

BIL.	NAMA SYARIKAT	BILANGAN LOT	KELUASAN LOT (HEKTAR)	NILAI PINJAMAN BANK HASIL CAGARAN (RM Juta)	BAYARAN PREMIUM (RM Juta)	PINJAMAN/PREMIUM (%)
1.	Oriental Wealth Sdn. Bhd.	42	14.15	39.70	3.45	1,150.7
2.	C.J. Chai Sdn. Bhd.	2	1.00	0.70	0.46	152.2
JUMLAH		44	15.15	40.40	3.91	-

Sumber: Jabatan Tanah dan Survei Sarawak

6.5.3.3. Mengikut *Detailed Report On Alienation Of Land In Industrial Estate pada 1 Ogos 2016*, 25 daripada 47 lot yang telah dipindah milik kepada syarikat baru di Estet Perindustrian Demak Laut Fasa 1 juga tidak dibangunkan semenjak dipindah milik dari tahun 2008 hingga 2009.

6.5.3.4. Isu lot yang tidak dibangun tetapi telah dipindah milik pernah dibangkitkan dalam Surat Pengurusan bagi Kajian Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Bagi Tujuan Pembangunan AUDIT/W/(S)/147/490/2015/1JLD.2(41) bertarikh 11 Julai 2016.

Maklum Balas JTS Bertarikh 3 Mac 2017

Kelulusan pindah milik telah dipertimbangkan selaras dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang telah membuat keputusan untuk membuat lelongan awam terhadap lot tersebut untuk melunaskan pinjaman bank.

Maklum Balas MIETI Bertarikh 19 Mei 2017

Selain daripada itu, Kementerian ini juga telah mengadakan mesyuarat pada 28 Februari 2017 bersama Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar (MRPE), JTS dan beberapa agensi Kerajaan yang berkaitan untuk membincangkan semula kajian semula mekanisme baharu dan kesesuaian tempoh pembangunan projek pengilangan di taman perindustrian yang dibangunkan oleh Kementerian ini.

Pada pendapat Audit, tiada satu mekanisme kawalan yang berkesan diwujudkan untuk memastikan lot industri yang diluluskan tidak digunakan hanya untuk cagaran ke bank sahaja bertujuan mendapat manfaat kewangan bagi syarikat dan

lot-lot tersebut seterusnya dipindah milik apabila pinjaman bank tidak dapat dibayar balik.

6.5.4. Kurang Pemantauan

6.5.4.1. Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Projek Perindustrian (PICC) diwujudkan bertujuan untuk memastikan segala isu berhubung pelaksanaan projek perindustrian dibincang dan seterusnya mengambil tindakan susulan dengan segera. Fungsi PICC adalah seperti berikut:

- i. menyelaras kelulusan untuk mendapatkan permit dan lot perindustrian bagi menubuhkan projek perindustrian;
- ii. memastikan pelaksanaan projek perindustrian dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- iii. menyelaras segala isu yang ditimbulkan oleh syarikat, jabatan atau agensi kerajaan berhubung dengan pelaksanaan projek perindustrian;
- iv. menyelaras prosedur dan proses kerja agensi yang berkaitan dengan pelaksanaan projek perindustrian;
- v. membincang dan mencadangkan bentuk tindakan yang perlu diambil ke atas syarikat yang lewat beroperasi untuk pertimbangan Kerajaan Negeri; dan
- vi. membincangkan dan mempertimbangkan perkara-perkara lain yang berhubung kait dengan pelaksanaan projek perindustrian.

6.5.4.2. Jawatankuasa PICC dipengerusikan oleh Menteri Muda MIETI dan ahlinya terdiri daripada Ketua Jabatan/Agenzi Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam kelulusan tanah, permit dan penyediaan pelbagai kemudahan yang perlu dalam mendirikan estet perindustrian. Jabatan/Agenzi yang terlibat adalah MIETI, KPSAS, JTS, Dewan Bandar Raya Kuching Utara, Lembaga Air Kuching, Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Jabatan BOMBA dan Penyelamat Negeri, Jabatan Imigresen Negeri Sarawak dan Jabatan Tenaga Kerja.

6.5.4.3. Bagi tempoh 2014 hingga 2016, sebanyak lima mesyuarat PICC telah diadakan. Di antara perkara yang dibincang dalam Mesyuarat PICC adalah seperti status pelaksanaan lot industri, masalah pelaksanaan projek industri dan tindakan terhadap syarikat yang tidak mengembalikan Surat Tawaran Rasmi. Namun demikian, tiada tindakan diambil terhadap lot industri yang belum dibangun dan lot industri yang tidak beroperasi. Butiran lanjut berhubung lot

industri yang belum dibangun dan tidak beroperasi adalah seperti pada **Jadual 6.4** dan **Jadual 6.5**.

6.5.4.4. Mengikut Piagam Pelanggan JTS dan syarat Surat Tawaran Rasmi, syarikat yang ditawarkan lot industri perlu mengembalikan Surat Tawaran Rasmi pemberimilikan tanah (L&S80) dalam tempoh 60 hari dari tarikh ianya dikeluarkan. Sekiranya syarikat gagal mengembalikan Surat Tawaran Rasmi dalam tempoh tersebut, kelulusan permohonan terbatal. Semakan Audit mendapati setakat Disember 2016, sebanyak 27 Surat Tawaran Rasmi tidak dikembalikan bagi tempoh satu hingga lima tahun dari tarikh dikeluarkan melibatkan 31 lot industri seluas 62.74 hektar. Daripada jumlah tersebut 19 kes di Kuching, tujuh kes di Miri dan satu kes di Samarahan. Akibatnya, ia akan menjelaskan peluang syarikat lain untuk mendapatkan lot industri dan seterusnya menjelaskan kutipan premium yang dianggarkan berjumlah RM33.16 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 6.8
SURAT TAWARAN RASMI TIDAK DIKEMBALIKAN SETAKAT DISEMBER 2016**

ESTET PERINDUSTRIAN	BIL. SURAT TAWARAN	BIL. SYARIKAT	BIL LOT	KELUASAN (HEKTAR)	ANGGARAN JUMLAH PREMIUM YANG SEPATUT DIKUTIP (RM Juta)
KUCHING					
Demak Laut Fasa 2A	7	7	8	13.16	5.72
Demak Laut Fasa 3	4	4	5	6.31	2.75
Demak Laut Fasa 4	6	6	8	13.90	6.05
Zon Perindustrian Bebas Samajaya	2	2	2	12.61	1.37
JUMLAH	19	19	23	45.98	15.89
SAMARAHAN					
Kota Samarahan (Zon A-C)	1	1	1	0.78	0.09
MIRI					
Kuala Baram	7	7	7	15.98	17.18
JUMLAH KESELURUHAN	27	27	31	62.74	33.16

Sumber: Jabatan Tanah dan Survei

6.5.4.5. Semakan Audit seterusnya mendapati MIETI tidak mempunyai jadual khusus untuk memantau lot industri yang telah diluluskan di lapangan. Pemantauan hanya dibuat berdasarkan keperluan seperti untuk mendapatkan pengurangan bayaran premium, memperbaharui tempoh hak milik dan membuat laporan kepada Jawatankuasa PICC yang bermesyuarat dua kali setahun.

6.5.4.6. Isu pemantauan pernah dibangkitkan dalam Surat Pengurusan bagi Kajian Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Bagi Tujuan Pembangunan pada 11 Julai 2016. Maklum balas daripada JTS bertarikh 25 Julai 2016, menyatakan JTS ada mengambil inisiatif untuk penambahbaikan aktiviti pemantauan

pemberimilikan melalui Bengkel Pentadbiran Tanah. Bagaimanapun, pihak MIETI adalah badan yang bertanggungjawab dalam memantau perkembangan pembangunan lot perindustrian tersebut kerana permohonan bagi lot perindustrian dibuat melalui MIETI.

Maklum Balas JTS Bertarikh 3 Mac 2017

Jumlah premium yang sepatutnya dikutip hanya boleh dikuatkuasa apabila tawaran rasmi (L&S80) dikembalikan oleh syarikat. Bagi syarikat yang belum mengembalikan L&S80, tanah yang diperuntukkan masih lagi berstatus tanah Kerajaan.

Pada pendapat Audit, JTS wajar membatalkan Surat Tawaran Rasmi yang tidak dikembalikan dalam tempoh 60 hari seperti yang ditetapkan bagi memberi peluang kepada syarikat lain untuk memohon.

6.6. SYOR AUDIT

Untuk memastikan objektif pembangunan lot industri dicapai dan hasilnya dimanfaatkan oleh rakyat, pihak Audit mengesyorkan:

- 6.6.1. MIETI perlu mempertingkatkan usaha bagi meningkatkan prestasi pembangunan lot industri melalui pengemaskinian perundungan dan memantapkan penguatkuasaan;
- 6.6.2. JTS mengkaji semula prosedur operasi terhadap pengeluaran *Provisional Lease* dengan mewujudkan syarat nyata dan mengetatkan syarat dan sekatan bagi memastikan lot industri dibangun mengikut tujuan asal; dan
- 6.6.3. Jawatankuasa Penyelaras Penaksian Projek Perindustrian perlu memainkan peranan yang lebih aktif dan tegas dengan mengambil lebih banyak tindakan terutama terhadap lot-lot industri yang sudah lama tidak dibangunkan. Selain itu, jalinan kerjasama yang lebih erat bagi memantau lot industri yang diluluskan wajar dilaksana agar hasrat Kerajaan memajukan estet di Sarawak tercapai.

LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH SARAWAK

7. BAU PALM OIL MILL SDN. BHD.

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd. (BAPOM) diperbadankan pada 5 Oktober 1998 dan merupakan syarikat subsidiari Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) iaitu sebuah Badan Berkanun Negeri Sarawak. Modal dibenar BAPOM berjumlah RM10 juta dan modal berbayar adalah RM5 juta. Objektif penubuhan BAPOM adalah untuk meningkatkan pengeluaran, memaksimumkan hasil minyak kelapa sawit dan mengoptimumkan operasi kilang. Aktiviti utama BAPOM adalah menghasilkan minyak sawit mentah (CPO) dan isirung kelapa sawit (PK). BAPOM beroperasi di kilang BAPOM di Bau, Sarawak.

7.1.2. BAPOM mempunyai tujuh ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar SALCRA. Pengurusan operasi harian diurus oleh Ketua Pegawai Operasi dan dibantu oleh 152 pegawai serta kakitangan.

7.1.3. BAPOM telah mendapat pensijilan *Occupational Health And Safety Management System - Requirements*, OHSAS 18001:2007 pada 10 November 2016 dan *Environmental Management System - Requirements With Guidance For Use, ISO 14001:2004* pada 15 Disember 2014. Selain itu, BAPOM telah mendapat pensijilan *Code Of Good Milling Practice For Palm Oil Mills* yang dikeluarkan oleh Malaysian Palm Oil Board (MPOB) pada 19 Disember 2013. BAPOM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) serta *Standard Operating Procedures (SOP)* syarikat.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan dan amalan tadbir urus korporat BAPOM adalah memuaskan dan pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Analisis prestasi kewangan dijalankan bagi tahun kewangan 2013 hingga

2015. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat diaudit bagi tahun 2014 hingga 2016.

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Bagi prestasi kewangan, penilaian terhadap analisis trend dari aspek pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi serta analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2013 hingga 2015. Selain itu, analisis terhadap prestasi aliran tunai turut dinilai bagi tempoh yang sama. Pengauditan pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan bagi tahun 2014 hingga 2016. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai BAPOM dan lawatan ke kilang operasi yang terletak di Bau, Sarawak telah dijalankan. *Exit conference* telah diadakan bersama Ketua Pegawai Operasi, pengurus kilang dan pegawai BAPOM yang lain pada 3 Mac 2017.

7.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2016 mendapati prestasi kewangan BAPOM bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah memuaskan. BAPOM mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM31.90 juta pada tahun 2015 iaitu menunjukkan trend meningkat dari RM31.74 juta pada tahun 2014. Bagaimanapun, hasil penjualan minyak kelapa sawit menunjukkan trend menurun dari RM174.76 juta pada tahun 2014 kepada RM165.48 juta pada tahun 2015. Pengurusan aktiviti adalah teratur selaras dengan objektif penubuhannya kecuali terdapat beberapa kelemahan yang berbangkit. Selain itu, amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Penemuan Audit yang perlu diberi perhatian seperti ringkasan berikut:

- i. prestasi penjualan CPO dan PK tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2014 hingga 2016. Penjualan CPO hanya mencapai sebanyak 83.8%, 89.3% dan 64.1% dan penjualan PK sebanyak 82.9%, 88.4% dan 62.4% masing-masing bagi tempoh yang sama;
- ii. penjualan CPO dan PK menunjukkan penurunan sejumlah RM16.67 juta dengan pengurangan 23,465 tan metrik pada tahun 2016 berbanding tahun 2015;
- iii. prestasi operasi kilang tidak mencapai sasaran jam kilang beroperasi iaitu 6,000 jam setahun. Prestasi jam beroperasi kilang hanya 5,312 jam (88.5%), 5,804 jam (96.7%) dan 4,155 jam (69.3%) masing-masing bagi tahun 2014 hingga 2016. *Throughput* bagi tempoh yang sama masing-masing adalah 49.98 tan metrik sejam (83.3%), 54.24 tan metrik sejam (90.4%) dan 58.15 tan metrik sejam (96.9%) berbanding sasaran 60 tan metrik sejam yang telah ditetapkan;

- iv. prestasi perolehan buah tandan segar (BTS) tidak mencapai sasaran sebanyak 360,000 tan metrik yang ditetapkan bagi tempoh 2014 hingga 2016. Bekalan BTS yang dicapai adalah sebanyak 318,787 tan metrik, 348,002 tan metrik dan 241,657 tan metrik masing-masing bagi tempoh yang sama; dan
- v. bekalan BTS yang tidak matang tidak mencapai KPI yang ditetapkan kerana melebihi kadar sebanyak 10% iaitu dengan kadar purata 14.2%, 14.8% dan 13.1% masing-masing bagi tahun 2014 hingga 2016.

7.5.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit BAPOM bagi tahun 2013 hingga 2015. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan BAPOM.

7.5.1.1. Analisis Pendapatan, Perbelanjaan dan Untung Rugi


- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati BAPOM telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM5.17 juta, RM5.35 juta dan RM6.81 juta masing-masing bagi tahun 2013 hingga 2015. Keuntungan terkumpul BAPOM berjumlah RM31.90 juta pada tahun 2015. Butiran lanjut seperti **Jadual 7.1** dan **Carta 7.1**.

**JADUAL 7.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN
DAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**


BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	105.41	174.76	165.48
Perbelanjaan Langsung	(98.11)	(167.97)	(156.48)
Untung Kasar	7.30	6.79	9.00
Pendapatan Lain	1.51	3.27	2.29
Perbelanjaan Pentadbiran	(3.06)	(3.66)	(3.68)
Kos Kewangan	(0.58)	(1.05)	(0.80)
Keuntungan Sebelum Cukai	5.17	5.35	6.81
Cukai	(1.30)	(1.60)	(1.65)
Keuntungan Selepas Cukai	3.87	3.75	5.16
Dividen	-	(5.00)	(5.00)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	32.99	31.74	31.90

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

CARTA 7.1
**TREND KEUNTUNGAN SEBELUM
 CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL
 BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**



CARTA 7.2
**TREND PENDAPATAN
 DAN PERBELANJAAN
 BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

- b. Pendapatan langsung utama BAPOM adalah daripada penjualan CPO dan PK. Bagi tahun 2013 hingga 2015, jumlah pendapatan langsung adalah RM105.41 juta, RM174.76 juta dan RM165.48 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM69.35 juta (65.8%) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 tetapi menurun sejumlah RM9.28 juta (5.3%) pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Penurunan jumlah pendapatan pada tahun 2015 adalah disebabkan oleh harga purata CPO dan PK yang lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagi tempoh yang sama, pendapatan tidak langsung BAPOM yang diperoleh daripada penjualan produk sampingan sawit, faedah atas simpanan, lain-lain pendapatan dan keuntungan daripada pelaburan adalah berjumlah RM7.07 juta. Butiran lanjut seperti **Jadual 7.1** dan **Carta 7.2**.
- c. Perbelanjaan langsung BAPOM meliputi kos penjualan dan agihan serta kos jualan. Kos penjualan dan agihan adalah kos untuk perbelanjaan cukai jualan negeri, pemasaran, pengangkutan dan insuran. Kos jualan pula merangkumi perbelanjaan bagi pembelian serta pengangkutan BTS, pemprosesan dan penyenggaraan, ses MPOB, susutnilai, stok awal dan stok akhir. Bagi tahun 2013 hingga 2015, perbelanjaan langsung BAPOM berjumlah RM422.56 juta. Kos perbelanjaan langsung didapati meningkat dari RM98.11 juta pada tahun 2013 kepada RM167.97 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sejumlah RM69.86 juta (71.2%). Antara sebab peningkatan perbelanjaan adalah peningkatan kos pembelian BTS bagi menampung keperluan kilang yang telah bertambah kapasiti iaitu dari 40 metrik tan sejam kepada 60 metrik tan sejam. Selain itu, tiada

perbelanjaan kos pengangkutan pada 2013 tetapi kos pada 2014 adalah berjumlah RM7.30 juta. Keadaan ini berlaku kerana kos pengangkutan BTS dari kilang Lubok Antu Palm Oil Mill (LAPOM) ke kilang BAPOM ditanggung oleh BAPOM. Pada masa tersebut, kilang LAPOM terbakar dan tidak dapat beroperasi. Bagaimanapun, perbelanjaan langsung BAPOM didapati menurun kepada RM156.48 juta pada tahun 2015 iaitu penurunan sejumlah RM11.49 juta (6.8%) berbanding tahun 2014. Butiran lanjut perbelanjaan langsung BAPOM adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.2
PERBELANJAAN LANGSUNG BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN LANGSUNG	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
1.	Kos Penjualan Dan Agihan				
	Cukai Jualan Negeri	4.29	7.15	6.73	18.17
	Pemasaran	0.51	0.83	0.91	2.25
	Pengangkutan	1.24	2.05	1.80	5.09
	Insuran	0.05	0.02	-	0.07
Jumlah Kos Penjualan Dan Agihan		6.09	10.05	9.44	25.58
2.	Kos Jualan				
	Pembelian Buah Tandan Segar	81.84	138.14	129.67	349.65
	Pengangkutan Buah Tandan Segar	-	7.30	5.91	13.21
	Pemprosesan Dan Penyenggaraan	4.86	6.49	8.14	19.49
	Ses MPOB	0.54	0.85	0.92	2.31
	Susutnilai	3.59	3.60	5.06	12.25
	Stok Awal	3.57	2.38	0.84	6.79
	Stok Akhir	(2.38)	(0.84)	(3.50)	(6.72)
Jumlah Kos Jualan		92.02	157.92	147.04	396.98
JUMLAH PERBELANJAAN LANGSUNG		98.11	167.97	156.48	422.56

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

7.5.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

- Hasil analisis bagi lima nisbah kewangan terhadap Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan BAPOM bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.3
ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**

NISBAH SEMASA	TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	NISBAH SEMASA [a/b]
		[a]	[b]	
	2013	41.98	33.62	1.25:1
	2014	56.96	49.47	1.15:1
	2015	38.49	32.63	1.18:1

Nisbah semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan sesebuah syarikat.

Bagi tahun 2013 hingga 2015, kadar kecairan BAPOM adalah memuaskan iaitu 1.25:1 pada 2013, 1.15:1 pada 2014 dan 1.18:1 pada 2015. Ini menunjukkan bagi tempoh tersebut, kemampuan aset semasa BAPOM untuk menampung liabiliti

jangka pendek adalah sederhana dan berada di dalam lingkungan nisbah norma iaitu 2:1. Tahap kecairan BAPOM didapati menurun kepada 1.15:1 pada tahun 2014 berbanding 1.25:1 pada tahun 2013 tetapi naik kepada 1.18:1 pada tahun 2015.

MARGIN UNTUNG BERSIH	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	MARGIN UNTUNG BERSIH (%)
		[a]	[b]	[a/b] x 100
	2013	3.87	105.41	3.7
	2014	3.75	174.76	2.2
	2015	5.16	165.48	3.1

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil akan memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, margin yang lebih tinggi adalah lebih baik.

BAPOM mencatat keuntungan selepas cukai pada tahun 2013 hingga 2015 dan mempunyai margin untung bersih yang positif. Margin untung bersih yang direkodkan adalah 3.7% pada tahun 2013, 2.2% pada tahun 2014 dan 3.1% pada tahun 2015. Margin untung bersih menurun kepada 2.2% pada tahun 2014 berbanding 3.7% pada tahun 2013 disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan langsung syarikat. Margin untung bersih BAPOM naik kepada 3.1% pada tahun 2015 menunjukkan pendapatan yang dijana oleh BAPOM mampu menghasilkan keuntungan kepada syarikat.

PULANGAN ATAS ASET	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH ASET (RM Juta)	PULANGAN ATAS ASET (%)
		[a]	[b]	[a/b] x 100
	2013	3.87	75.60	5.1
	2014	3.75	100.79	3.7
	2015	5.16	78.96	6.5

Pulangan atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset.

Pulangan atas aset yang direkodkan bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah memuaskan kerana pulangan diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan adalah pada 5.1% untuk tahun 2013, 3.7 % pada tahun 2014 dan 6.5% pada tahun 2015. Dalam tempoh tersebut, pulangan yang dicatatkan pada tahun 2014 menurun kepada 3.7% berbanding 5.1% pada tahun 2013. Pulangan meningkat pada tahun 2015 kepada 6.5% yang menunjukkan BAPOM semakin cekap dalam menguruskan aset yang dimilikinya bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

PULANGAN ATAS EKUITI	TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)	JUMLAH EKUITI (RM Juta)	PULANGAN ATAS EKUITI (%)
		[a]	[b]	[a/b] x 100
	2013	3.87	37.99	10.2
	2014	3.75	36.74	10.2
	2015	5.16	36.90	14

Pulangan atas ekuiti bertujuan mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya.

Pulangan atas ekuiti bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah memuaskan kerana mencatat trend meningkat untuk pulangan diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan iaitu pada kadar 10.2% bagi tahun 2013 serta 2014 dan 14% pada tahun 2015. Secara keseluruhannya, BAPOM bertambah cekap dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh pulangan hasil yang sewajarnya.

NISBAH HUTANG	TAHUN	JUMLAH HUTANG (RM Juta)	JUMLAH ASET (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
		[a]	[b]	[a/b] x 100
	2013	37.61	75.60	49.8
	2014	64.06	100.79	63.6
	2015	42.06	78.96	53.3

Nisbah hutang bertujuan mengukur kemampuan syarikat dalam memenuhi obligasinya kepada pembiutang. Pada umumnya, semakin rendah nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat tidak terlalu bergantung kepada pinjaman bagi menjalankan operasinya.

BAPOM mendapat dua pinjaman berjumlah RM31 juta pada tahun 2005 dan 2013 daripada SALCRA dengan kadar faedah rata 6% setahun bagi tujuan perbelanjaan pembangunan. Nisbah hutang BAPOM bagi tahun 2013 dan 2015 menunjukkan trend meningkat iaitu dari 49.8% pada tahun 2013 kepada 63.6% pada tahun 2014. Nisbah hutang menurun pada tahun 2015 dengan mencatat 53.3%. Kemampuan syarikat untuk memenuhi obligasi kepada pembiutang berkurangan dengan peningkatan jumlah hutang dan jumlah aset yang semakin berkurangan pada tahun 2014. Kebergantungan pada pinjaman untuk pembiayaan aset boleh menambahkan beban syarikat dan akan menjelaskan aliran tunai. Bagaimanapun, nisbah hutang BAPOM telah menurun pada tahun 2015 iaitu menunjukkan operasi syarikat semakin baik.

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

- b. Penyata kewangan BAPOM menunjukkan penghutang dagangan syarikat bagi tahun 2013 hingga 2015 masing-masing adalah berjumlah RM22.72 juta, RM16.78 juta dan RM12.16 juta. Ia menunjukkan trend penurunan sejumlah RM5.94 juta (26.1%) bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013 dan sejumlah RM4.62 juta (27.5%) bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014. Ini menunjukkan syarikat telah mengambil tindakan yang berkesan untuk mengutip balik tunggakan hutang. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.4
KEDUDUKAN DAN SENARAI PENGHUTANG BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

BIL.	SENARAI PENGHUTANG	2013	2014	2015
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	ASSAR Refinery Services Sdn. Bhd.	15.96	9.04	3.84
2.	Bintulu Edible Oil Refinery	0.45	-	2.24
3.	Sime Darby Refinery	3.14	2.72	1.27
4.	SOP Refinery	3.06	2.83	2.54
5.	Kirana Refinery	-	2.11	2.26
6.	Seringka Jaya Sdn. Bhd.	*	**	***
7.	Dolphin Engineering (M) Sdn. Bhd.	0.05	0.07	-
8.	Sarawak Fodder Co. Sdn. Bhd.	0.06	-	-
JUMLAH		22.72	16.78	12.16

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Nota: * RM1,350.68

** RM7,323.23

*** RM8,854.55

7.5.1.3. Perbandingan Nisbah Kewangan BAPOM, Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. dan Saratok Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

- a. Perbandingan analisis nisbah kewangan BAPOM dilaksanakan dengan dua syarikat subsidiari SALCRA yang mempunyai aktiviti sama iaitu Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. (SEPOM) dan Saratok Palm Oil Mill Sdn. Bhd. (SAPOM). Perbandingan ini dilaksanakan bagi menilai prestasi kewangan BAPOM dengan syarikat tersebut.
- b. Analisis Audit terhadap prestasi kewangan tahun 2015 mendapati BAPOM mempunyai tahap kecairan yang paling rendah iaitu kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek dengan nisbah semasa 1.18:1 berbanding SEPOM dan SAPOM. Nisbah semasa SEPOM adalah 1.41:1 dan SAPOM adalah 1:31:1 pada tahun 2015. Margin untung bersih BAPOM adalah 3.1%, SEPOM 4.4% dan SAPOM menunjukkan margin untung bersih yang paling tinggi iaitu 4.9%. Pulangan atas aset menunjukkan kecekapan dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Bagi tahun 2015, BAPOM mencatat pulangan terendah iaitu 6.5% berbanding SEPOM 15.8% dan SAPOM 13.1%.

Pulangan atas ekuiti BAPOM bagi tahun 2015 adalah 14%, SEPOM 38.2% dan SAPOM 24.2% bagi setiap ringgit ekuiti syarikat. Nisbah hutang mengukur kestabilan syarikat iaitu sejauh mana tanggungan perlu dibiayai oleh aset yang dimiliki oleh syarikat. BAPOM menunjukkan trend yang bertambah stabil. Nisbah hutang BAPOM berkurangan dari 63.6% pada tahun 2014 kepada 53.3% pada tahun 2015. Nisbah hutang SEPOM dan SAPOM meningkat daripada 47% dan 40.3% pada tahun 2014 kepada 58.6% dan 45.8% pada tahun 2015.

- c. Berdasarkan nisbah kewangan ketiga-tiga syarikat tersebut bagi tahun 2014 dan 2015 adalah didapati prestasi kewangan BAPOM bertambah baik berbanding SEPOM dan SAPOM. Nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas ekuiti dan pulangan atas aset BAPOM meningkat pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Selain itu, nisbah hutang BAPOM menurun berbanding peningkatan bagi SEPOM dan SAPOM untuk tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.5
ANALISIS NISBAH KEWANGAN BAPOM,
SEPOM DAN SAPOM BAGI TAHUN 2014 DAN 2015**

NISBAH KEWANGAN	2014			2015		
	BAPOM	SEPOM	SAPOM	BAPOM	SEPOM	SAPOM
Nisbah Semasa	1.15:1	1.85:1	1.56:1	1.18:1	1.41:1	1.31:1
Margin Untung Bersih	2.2%	4.1%	5.7%	3.1%	4.4%	4.9%
Pulangan Atas Aset	3.7%	12.1%	19.7%	6.5%	15.8%	13.1%
Pulangan Atas Ekuiti	10.2%	22.8%	32.9%	14%	38.2%	24.2%
Nisbah Hutang	63.6%	47%	40.3%	53.3%	58.6%	45.8%

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit BAPOM, SEPOM Dan SAPOM Bagi Tahun 2014 Dan 2015

7.5.1.4. Analisis Aliran Tunai

Penyata Aliran Tunai menunjukkan aliran masuk serta keluar tunai dan kesetaraan tunai sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati kedudukan tunai dan kesetaraan tunai BAPOM telah meningkat kepada RM35.46 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sejumlah RM27.54 juta (347.7%) berbanding RM7.92 juta pada tahun 2013. Bagaimanapun, kedudukan tunai dan kesetaraan tunai menurun kepada RM20.53 juta (42.1%) pada tahun 2015. Antara sebab penurunan aliran tunai pada tahun 2015 adalah pembayaran pembiutang bagi tunggakan tahun 2014 dan hutang tahun semasa. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.6
KEDUDUKAN ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015

BUTIRAN	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	7.95	41.96	(4.81)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan	(21.30)	(5.30)	(0.76)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	7.79	(9.11)	(9.36)
Tambahan/ (Kurangan) Tunai Dan Kesetaraan Tunai	(5.56)	27.55	(14.93)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	13.48	7.92	35.46
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	7.92	35.46	20.53

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan BAPOM adalah memuaskan kerana mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM31.90 juta. Selain itu, nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti juga didapati meningkat pada tahun 2015 berbanding 2014 nisbah hutang BAPOM menurun bagi tempoh yang sama.

7.5.2. Pengurusan Aktiviti

BAPOM menjalankan aktiviti membeli serta memproses BTS kepada CPO dan PK di kilang BAPOM. Selain itu, penggredan BTS akan dilaksanakan bagi proses pemilihan kualiti BTS sebelum ia diterima sebagai input pengeluaran CPO dan PK. Ia bertujuan untuk menentukan kadar perahan minyak (OER), kadar perahan isirung (KER) serta mempertingkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran CPO dan PK serta harga BTS. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

7.5.2.1. Prestasi Minyak Sawit Mentah (CPO) dan Isirung Kelapa Sawit (PK)

a. Prestasi Pengeluaran dan Penjualan CPO dan PK

- i. Analisis Audit terhadap rekod statistik pengeluaran kilang dan laporan pengurusan bajet mendapati prestasi volum pengeluaran dan penjualan CPO serta PK tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh BAPOM bagi tahun 2014 hingga 2016. Pengeluaran CPO hanya mencapai sebanyak 82.8%, 91.1% dan 63% serta prestasi pengeluaran PK sebanyak 82.9%, 88.4% dan 62.8% masing-masing bagi tempoh yang sama. Ini menyebabkan prestasi penjualan CPO dan PK juga telah berkurangan dan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Penjualan CPO hanya mencapai sebanyak 83.8%, 89.3% dan 64.1% serta penjualan PK sebanyak 82.9%, 88.4% dan 62.4% masing-masing bagi tempoh tersebut.

ii. BAPOM juga telah menetapkan kadar purata sasaran bagi OER sebanyak 22%, 21.5% dan 22% masing-masing bagi tahun 2014 hingga 2016. Selain itu, kadar purata sasaran yang ditetapkan BAPOM bagi KER adalah sebanyak 5.5% bagi tempoh yang sama. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kadar purata OER hanya mencapai sebanyak 20.6%, 20.3% dan 20.7% serta kadar purata KER sebanyak 5.2%, 5% dan 5.1% bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.7
PRESTASI PENGELUARAN DAN
PENJUALAN MINYAK SAWIT BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016

BIL.	BUTIRAN	PENGELUARAN MINYAK SAWIT								
		2014			2015			2016		
		SASARAN (MT)/(%)	SEBENAR (MT)/(%)	CAPAI/ VARIAN (%)	SASARAN (MT)/(%)	SEBENAR (MT)/(%)	CAPAI/ VARIAN (%)	SASARAN (MT)/(%)	SEBENAR (MT)/(%)	
1.	CPO Diproses	79,200	65,610	82.8	77,400	70,549	91.1	79,200	49,921	63.0
2.	PK Diproses	19,800	16,424	82.9	19,800	17,504	88.4	19,800	12,426	62.8
3.	CPO Dijual	79,200	66,351	83.8	77,400	69,137	89.3	79,200	50,813	64.1
4.	PK Dijual	19,800	16,406	82.9	19,800	17,504	88.4	19,800	12,363	62.4
5.	Purata OER	22.0%	20.6%	1.4	21.5%	20.3%	1.2	22.0%	20.7%	1.3
6.	Purata KER	5.5%	5.2%	0.3	5.5%	5.0%	0.5	5.5%	5.1%	0.4

Sumber: Statistik Dan Bajet Pengeluaran Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

Nota: CPO –Crude Palm Oil

PK – Palm Kernel

OER – Oil Extraction Rate

KER – Kernel Extraction Rate

iii. Hasil jualan CPO dan PK BAPOM pada tahun 2016 adalah berjumlah RM148.81 juta iaitu penurunan sejumlah RM16.67 juta (10.1%) berbanding RM165.48 juta pada tahun 2015. Bagi tempoh yang sama, kuantiti penjualan CPO dan PK adalah 63,176 tan metrik berbanding 86,641 tan metrik iaitu penurunan 23,465 tan metrik (27%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.8
PRESTASI HASIL JUALAN MINYAK SAWIT

BIL.	JENIS HASIL	HASIL MINYAK SAWIT					
		2014		2015		2016	
		MT	(RM Juta)	MT	(RM Juta)	MT	(RM Juta)
1.	CPO	66,351	149.47	69,137	139.68	50,813	126.14
2.	PK	16,406	25.29	17,504	25.80	12,363	22.67
JUMLAH		82,757	174.76	86,641	165.48	63,176	148.81

Sumber: Penyata Kewangan Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

b. Perbezaan Purata Pengeluaran Kilang dan *Refinery Weight*

- i. Semakan Audit mendapati perbezaan purata pengeluaran CPO dan PK dalam rekod pengeluaran kilang dengan rekod *refinery weight* bagi 2014 hingga 2016. Perbezaan purata pengeluaran CPO adalah antara 11 hingga 79 tan metrik dan perbezaan purata pengeluaran PK adalah antara 19 hingga 46 tan metrik bagi tempoh yang sama. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.9
PERBEZAAN PURATA PENGETUARAN KILANG DAN *REFINERY WEIGHT* CPO**

BUTIRAN	2014			2015			2016		
	CPO (MT)	HARGA PURATA (RM)	JUMLAH (RM JUTA)	CPO (MT)	HARGA PURATA (RM)	JUMLAH (RM Juta)	CPO (MT)	HARGA PURATA (RM)	JUMLAH (RM Juta)
Pengeluaran Kilang	66,340	2,262.96	150.12	69,199	2,021.54	139.89	50,892	2,482.00	126.31
<i>Refinery Weight</i>	66,351	2,262.96	150.15	69,137	2,021.54	139.76	50,813	2,482.00	126.12
PERBEZAAN	11	-	0.03	62	-	(0.13)	79	-	(0.19)

Sumber: Statistik Pengeluaran Serta Kualiti Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd dan Harga Purata MPOB

**JADUAL 7.10
PERBEZAAN PURATA PENGETUARAN KILANG DAN *REFINERY WEIGHT* PK**

BUTIRAN	2014			2015			2016		
	PK (MT)	HARGA PURATA (RM)	JUMLAH (RM Juta)	PK (MT)	HARGA PURATA (RM)	JUMLAH (RM Juta)	PK (MT)	HARGA PURATA (RM)	JUMLAH (RM Juta)
Pengeluaran Kilang	16,425	1,613.45	26.50	17,550	1,504.47	26.40	12,408	2,377.00	29.49
<i>Refinery Weight</i>	16,406	1,613.45	26.47	17,504	1,504.47	26.33	12,364	2,377.00	29.39
PERBEZAAN	19	-	(0.03)	46	-	(0.07)	44	-	(0.10)

Sumber: Statistik Pengeluaran Serta Kualiti Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd dan Harga Purata MPOB

- ii. Perbezaan ini tidak memberi kesan yang ketara kepada jumlah pengeluaran kerana ia diimbangi oleh harga purata pasaran bagi CPO dan PK. Semakan Audit seterusnya mendapati BAPOM belum menyediakan sebarang garis panduan sebagai kawalan terhadap berat timbang antara pengeluaran kilang dan *refinery weight* sekiranya wujud kemungkinan ia mengakibatkan kerugian kepada BAPOM.

Maklum Balas Daripada BAPOM Bertarikh 22 Februari 2017

Sasaran pengeluaran CPO dan PK tertakluk kepada kualiti BTS yang diterima. Kualiti BTS yang diterima akan memberi kesan kepada OER dan KER. Ini akan memberi kesan kepada kualiti dan kuantiti CPO dan PK yang dikeluarkan. Antara langkah yang diambil oleh BAPOM adalah memastikan pengurusan pemprosesan CPO dan PK di kilang lebih efisien, memastikan perolehan BTS yang berkualiti, mengurangkan kadar kehilangan minyak, menggunakan teknologi Oil

Recovery System, mempertingkatkan penyelidikan untuk proses penghasilan CPO serta PK dan menyenggara mesin kilang secara berkala.

7.5.2.2. Perolehan dan Pemprosesan Buah Tandan Segar

a. Perolehan Buah Tandan Segar

Buah Tandan Segar adalah input utama dalam pengeluaran CPO dan PK. Pada tahun 2014, BAPOM telah memperoleh 318,787 tan metrik BTS daripada 253 pembekal, 348,002 tan metrik BTS daripada 249 pembekal bagi tahun 2015 dan 241,657 tan metrik BTS daripada 277 pembekal bagi tahun 2016. Pembekal BTS kepada BAPOM terdiri daripada estet milik SALCRA, kilang lain milik SALCRA, pembekal estet/ladang, pembekal bebas dan pekebun kecil yang memiliki lesen sah daripada MPOB. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.11
SENARAI PEMBEKAL BTS KEPADA BAPOM BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	PEMBEKAL	2014		2015		2016	
		BILANGAN	PEROLEHAN BTS (MT)	BILANGAN	PEROLEHAN BTS (MT)	BILANGAN	PEROLEHAN BTS (MT)
1.	Estet SALCRA	6	169,931	6	181,723	6	171,906
2.	Pembekal Estet/ Ladang	28	35,641	27	33,651	38	33,991
3.	Pekebun Kecil	212	18,142	211	19,442	229	28,106
4.	Kilang SALCRA	3	95,032	3	109,419	3	7,207
5.	Pembekal Bebas	4	41	2	3,767	1	447
JUMLAH		253	318,787	249	348,002	277	241,657

Sumber: Statistik Pengeluaran dan Kualiti Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

b. Penggredan Buah Tandan Segar (BTS)

- i. BTS yang tidak menepati kualiti adalah BTS yang tidak matang, tandan terlalu masak, tandan buruk, tandan kosong, tandan tangkai panjang, tandan kotor, tandan lama dan tandan basah. Faktor yang diambil kira dalam pemilihan BTS adalah peratusan buah matang dan peratusan tandan yang tidak memuaskan. Laporan ketidakpatuhan terhadap kualiti BTS yang diterima akan dikemukakan oleh BAPOM kepada MPOB untuk penilaian semula OER dan KER pemilik ladang yang berdaftar. Contoh BTS yang tidak berkualiti adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 7.1

Kilang Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.
Buah Tandan Kosong
(15.12.2016)

GAMBAR 7.2

Kilang Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.
Buah Tandan Buruk
(15.12.2016)

- ii. Semakan Audit mendapati penggredan BTS dilaksanakan oleh pegawai penggred BAPOM yang terlatih serta mengikut prosedur yang ditetapkan dalam manual penggredan buah kelapa sawit MPOB. Rekod berkaitan penggredan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

c. Prestasi Perolehan Buah Tandan Segar

- i. BAPOM telah memperoleh 241,657 tan metrik BTS daripada pembekal di mana 71% bekalan BTS adalah dari estet milik SALCRA dan 29% dari kilang lain SALCRA, pembekal estet/ladang serta pembekal luar yang berdaftar dan mempunyai lesen MPOB. BAPOM mensasarkan perolehan 360,000 tan metrik BTS setiap tahun bagi tahun 2014 hingga 2016. Analisis Audit mendapati bekalan BTS meningkat kepada 348,002 tan metrik pada tahun 2015 berbanding 318,787 tan metrik pada tahun 2014. Bagaimanapun, bekalan BTS menurun kepada 241,657 tan metrik pada tahun 2016. Semakan Audit mendapati perolehan BTS tidak mencapai sasaran perolehan tahunan sebanyak 360,000 tan metrik yang telah ditetapkan bagi tahun 2014 hingga 2016. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.12
PRESTASI PEROLEHAN BUAH TANDAN SEGAR

BUTIRAN	SASARAN TAHUNAN (MT)	PEROLEHAN BTS					
		2014		2015		2016	
		MT	(RM Juta)	MT	(RM Juta)	MT	(RM Juta)
BTS Diterima	360,000	318,787	138.13	348,002	129.66	241,657	123.81

Sumber: Statistik Pengeluaran dan Kualiti Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

- ii. Petunjuk Prestasi Utama BAPOM menetapkan kadar BTS tidak matang seharusnya kurang 10% daripada jumlah BTS yang diterima daripada setiap pembekal. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati BTS yang tidak matang melebihi kadar 10% iaitu dengan kadar

purata 14.2%, 14.8% dan 13.1% bagi tahun 2014 hingga 2016. Kadar minimum yang dicapai oleh setiap pembekal adalah 10.5% dan 11.1% bagi tahun 2014 dan 2015. Sasaran yang ditetapkan hanya dicapai pada tahun 2016 dari BTS yang diperoleh daripada pekebun kecil dan pembekal lain di mana kadar BTS yang tidak matang adalah 9.1%. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.13
BEKALAN BUAH TANDAN SEGAR YANG TIDAK MENCAPAI KPI BAPOM**

BIL.	PEMBEKAL	BTS TIDAK MATANG (%)		
		2014	2015	2016
1.	Ladang Kelapa Sawit Undan	14.90	14.59	14.20
2.	Ladang Kelapa Sawit Stenggang	16.13	15.16	14.14
3.	Ladang Kelapa Sawit Bratak	10.77	11.08	11.32
4.	Ladang Kelapa Sawit Jagoi	12.33	12.62	12.12
5.	Ladang Kelapa Sawit Sebako	16.89	17.14	14.56
6.	Ladang Kelapa Sawit Stungkor	17.25	18.02	14.12
7.	LAPOM	14.48	17.36	16.86
8.	SAPOM	14.80	16.31	19.80
9.	SEPOM	*0	18.47	11.07
10.	Estet Mini	13.61	13.14	11.04
11.	Pekebun Kecil	10.51	11.36	9.13
12.	Pembekal Lain	*0	12.74	9.14
Kadar Minimum		10.51	11.08	9.13
Kadar Maksimum		17.25	18.47	19.80
PURATA		14.17	14.83	13.12

Sumber: Laporan Prestasi Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

Nota: * Tiada bekalan kerana perolehan BTS hanya bermula pada tahun 2015

Maklum Balas Daripada BAPOM Bertarikh 19 Mei 2017

Sasaran perolehan BTS yang ditetapkan BAPOM adalah berdasarkan kapasiti maksimum kilang BAPOM iaitu memperoses 360,000 tan metrik BTS setahun. Penetapan sasaran tersebut adalah sebagai pendorong bagi BAPOM untuk mencapai kapasiti pengeluaran maksimum kilang. Perolehan BTS adalah tertakluk kepada kuantiti yang boleh dibekalkan oleh pembekal BTS kepada BAPOM. Selain itu, BAPOM tidak mendapat bekalan BTS daripada pembekal BTS dari kawasan Lundu dan Sematan kerana saingan tinggi daripada kilang memproses minyak kelapa sawit yang terdapat di kawasan tersebut.

Antara langkah yang diambil oleh BAPOM adalah seperti berikut:

- *Membuat perjanjian dengan pembekal utama BTS untuk tempoh antara lima hingga sepuluh tahun.*
- *Membuat tawaran yang lebih kompetitif kepada pembekal yang dikenal pasti membekal BTS yang berkualiti.*

- ***Melaksanakan pembayaran setiap minggu kepada pembekal BTS secara atas talian.***
- ***Menubuhkan Unit Pembelian BTS yang diketuai oleh Pegawai Pembeli BTS.***

d. Kualiti Minyak Sawit Yang Dikeluarkan

- Garis panduan dan peraturan MPOB menetapkan pengeluar minyak kelapa sawit hendaklah memastikan jaminan kualiti minyak CPO dan PK yang dikeluarkan. Ujian makmal dilakukan bagi setiap proses berdasarkan garis panduan MPOB. Semakan Audit mendapati BAPOM ada membuat ujian makmal dan menetapkan sasaran pencapaian kualiti KPI untuk CPO dan PK. Antara kandungan KPI tersebut adalah berkaitan proses pengeluaran OER dan KER. Standard dan sasaran MPOB bagi menjamin kualiti pengeluaran CPO dan PK adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.14
SASARAN JAMINAN KUALITI MPOB**

BIL.	BUTIRAN	STANDARD	SASARAN (%)
1.	Pemprosesan: OER	Pengeluaran CPO Berbanding Kuantiti BTS Diproses	22.0
2.	KER	Kuantiti Pengeluaran PK Berbanding Kuantiti BTS Diproses	5.5
3.	Kualiti Produk: CPO-FFA	Had 5.0%	<5.0
4.	Kelembapan: CPO	Had 0.25%	<0.25
5.	Kekotoran:CPO	Had 0.015%	<0.015
6.	DOBI:CPO	Tidak Kurang Dari 2.31	>2.31
7.	Kelembapan: PK	Kurang Dari 7.0%	<7.0
8.	Dirt : PK	Kurang Dari 6.0%	<6.0

Sumber: Statistik Pengeluaran dan Kualiti Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

Nota:
 FFA – Free Fatty Acid
 CPO – Crude Palm Oil
 PK – Palm Kernel
 OER – Oil Extraction Rate
 KER – Kernel Extraction Rate
 DOBI – Deterioration of Bleacability Index

- Analisis Audit terhadap rekod statistik kualiti CPO dan PK bagi tahun 2014 hingga 2016 mendapati indikator kekotoran, kekurangan kadar *Deterioration Of Bleacability Index* (DOBI) dan *Free Fatty Acid* (FFA) melebihi paras sasaran. Kadar indikator kekotoran secara keseluruhannya adalah tinggi berbanding dengan sasaran yang sepatutnya dengan kadar di bawah 0.015% untuk tangki minyak pengeluaran, tangki minyak nombor 1 dan tangki minyak nombor dua bagi tahun 2014 hingga 2016. Kadar indikator DOBI adalah rendah bagi tangki minyak nombor satu dan dua bagi tahun 2014 dan tangki minyak nombor dua pada tahun 2016 berbanding dengan kadar

sasaran iaitu hendaklah melebihi 2.31%. Kadar indikator FFA adalah melebihi paras sasaran 5% untuk tangki nombor 1 pada tahun 2014 iaitu pada kadar 5.14%. Kadar indikator FFA untuk tangki nombor dua pada tahun 2015 adalah 5.10% dan 5.63% pada tahun 2016. Keadaan ini boleh menjelaskan kualiti minyak kelapa sawit yang dikeluarkan oleh kilang BAPO. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.15
SASARAN KUALITI CPO DAN PK BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BUTIRAN	2014		2015		2016	
	SASARAN (%)	SEBENAR (%)	SASARAN (%)	SEBENAR (%)	SASARAN (%)	SEBENAR (%)
Kualiti CPO: Tangki Minyak Pengeluaran						
FFA	<5.00	4.14	<5.00	4.37	<5.00	4.48
Kelembapan	<0.25	0.19	<0.25	0.19	<0.25	0.18
Kekotoran	<0.015	0.04	<0.015	0.05	<0.015	0.06
DOBI	>2.31	2.39	>2.31	2.39	>2.31	2.34
Kualiti CPO: Tangki Minyak No. 1						
FFA	<5.00	5.14	<5.00	4.99	<5.00	4.53
Kelembapan	<0.25	0.22	<0.25	0.26	<0.25	0.20
Kekotoran	<0.015	0.03	<0.015	0.06	<0.015	0.04
DOBI	>2.31	1.93	>2.31	2.42	>2.31	2.32
Kualiti CPO: Tangki Minyak No. 2						
FFA	<5.00	4.89	<5.00	5.10	<5.00	5.60
Kelembapan	<0.25	0.19	<0.25	0.19	<0.25	0.31
Kekotoran	<0.015	0.03	<0.015	0.04	<0.015	0.07
DOBI	>2.31	2.16	>2.31	2.33	>2.31	2.21
PK:						
Kelembapan	<7.00	4.63	<7.00	5.68	<7.00	5.40
Kekotoran	<6.00	3.38	<6.00	2.57	<6.00	4.95

Sumber: Statistik Pengeluaran dan Kualiti Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

Nota: FFA – Free Fatty Acid

CPO – Crude Palm Oil

PK – Palm Kernel Oil

DOBI – Deterioration of Bleacability Index

Maklum Balas Daripada BAPOM Bertarikh 22 Februari 2017

Kadar kekotoran yang tinggi bagi tahun 2015 dan 2016 adalah disebabkan oleh mendapan yang berlaku di dalam tangki berkenaan. Minyak tersebut akan dikitar semula ke process line untuk dibersihkan supaya mematuhi kadar yang telah ditetapkan. Kadar indikator FFA dan DOBI tinggi disebabkan kualiti BTS yang diterima kurang memuaskan.

7.5.2.3. Prestasi Pengoperasian Kilang

- a. Mengikut Jadual Pematuhan JPKKS No.0004948A, had kapasiti maksimum pemprosesan buah kelapa sawit yang dibenarkan tidak melebihi 80 tan metrik BTS sejam. BAPOM telah menetapkan sasaran jam kilang beroperasi adalah 6,000 jam setahun. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2014 hingga 2016, prestasi jam beroperasi kilang masing-masing adalah 5,312 jam (88.5%), 5,804 jam (96.7%) dan 4,155 jam (69.3%) iaitu tidak mencapai tahap maksimum yang ditetapkan. *Throughput* bagi tempoh yang sama masing-masing adalah 49.98 tan metrik sejam (83.3%), 54.24 tan metrik sejam (90.4%) dan 58.15 tan metrik sejam (96.9%) berbanding sasaran 60 tan metrik sejam yang telah ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.16
PRESTASI OPERASI KILANG BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

BIL.	PERKARA	SASARAN	OPERASI SEBENAR (Jam)		
			2014	2015	2016
1.	Jam Beroperasi	2014 = 6,000 jam setahun 2015 = 6,000 jam setahun 2016 = 6,000 jam setahun	5,312 (88.5%)	5,804 (96.7%)	4,155 (69.3%)
2.	<i>Throughput</i>	60 Tan Metrik Sejam	49.98 (83.3%)	54.24 (90.4%)	58.15 (96.9%)

Sumber: Statistik Pengeluaran dan Kualiti Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

- b. Kilang tidak dapat beroperasi sepenuhnya disebabkan oleh *mill downtime* iaitu proses kerja tidak dapat diteruskan kerana kerosakan mesin yang tiada mesin pengganti. Ini memberi kesan kepada penurunan pengeluaran CPO dan PK. Kadar *mill downtime* adalah 24.75 jam (0.5%), 59.75 jam (1%) dan 31.75 jam (0.8%) masing-masing bagi tahun 2014 hingga 2016. Kadar kerosakan mesin didapati meningkat bagi tempoh yang sama iaitu masing-masing adalah 101.75 jam (1.9%), 125.50 jam (2.2%) dan 356.75 jam (8.6%). Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.17
JUMLAH JAM KILANG BEROPERASI, KADAR *MILL DOWNTIME*
DAN KEROSAKAN MESIN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2016**

PERKARA	2014	2015	2016
	(Jam)	(Jam)	(Jam)
Jumlah Masa Kilang Beroperasi (a)	5,312	5,804	4,155
Jumlah Masa <i>Mill Downtime</i> (b)	24.75	59.75	31.75
Kadar Purata <i>Mill Downtime</i> (%) (b/a)	0.5	1.0	0.8
Jumlah Masa Kerosakan Mesin (c)	101.75	125.50	356.75
Kadar Purata Kerosakan Mesin (%) (c/a)	1.9	2.2	8.6

Sumber: Rekod Harian Operasi Kilang

Maklum Balas Daripada BAPOM Bertarikh 22 Februari 2017

Antara langkah yang diambil oleh BAPOM adalah mempertingkatkan pengurusan penyenggaraan mesin di kilang BAPOM dari aspek pelaksanaan serta pemantauan dan memastikan penyenggaraan berkala atau berjadual dilaksanakan dengan sewajarnya.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti BAPOM adalah teratur namun dari segi kecekapannya masih boleh dipertingkatkan. Pencapaian pengeluaran CPO serta PK yang menurun kepada 63% dan 62.8% pada tahun 2016 berbanding tahun 2014 dan 2015 dan kadar purata kerosakan mesin meningkat dari 1.9% pada tahun 2014 kepada 8.6% pada tahun 2016 perlu diatasi sewajarnya. Kerosakan mesin perlu dikurangkan bagi memastikan prestasi pengeluaran minyak kelapa sawit dari segi kuantiti dan kualiti adalah seperti sasaran yang ditetapkan.

7.5.3. Tadbir Urus Korporat

7.5.3.1. Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat.

7.5.3.2. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya tahap pematuhan amalan tadbir urus korporat BAPOM adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu dibuat penambahbaikan yang melibatkan seperti berikut:

a. Pengerusi dan Lembaga Pengarah

- i. Mengikut amalan terbaik Buku Hijau Perenggan 1.1.3, Pengerusi yang dilantik hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif dan tidak campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat. Selain itu, perenggan 3.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 menyatakan sekiranya Pengerusi yang dilantik adalah bukan bebas, majoriti komposisi ahli Lembaga Pengarah hendaklah bebas.
- ii. Lembaga Pengarah BAPOM telah melantik Pengurus Besar SALCRA sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah BAPOM pada 26 Julai 2016. Pelantikan ini selaras dengan amalan terbaik Buku Hijau Perenggan 1.1.3 kerana beliau tidak terlibat dalam urusan operasi

harian BAPOM. Bagaimanapun, Pengerusi yang merupakan Pengarah Bukan Bebas turut menyandang jawatan Pengurus Besar SALCRA, boleh mempengaruhi keputusan pengurusan syarikat dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap komposisi ahli Lembaga Pengarah BAPOM mendapati lima daripada enam ahli adalah Pengarah Bebas. Ini adalah selaras dengan perenggan 3.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012. Keahlian Lembaga Pengarah BAPOM pada bulan Julai 2016 adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.18
KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH PADA BULAN JULAI 2016**

KEAHLIAN LEMBAGA PENGARAH BAPOM	TARIKH LANTIKAN LEMBAGA PENGARAH BAPOM	PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF [YA (✓)/ TIDAK (X)]	PENGARAH BEBAS [YA (✓)/ TIDAK (X)]
Pengerusi	29.09.1998	✓	X
Ahli	11.11.2003	✓	✓
Ahli	11.11.2003	✓	✓
Ahli	11.11.2013	✓	✓
Ahli	01.09.2010	✓	✓
Ahli	01.09.2010	✓	✓
Ahli	26.07.2016	✓	✓

Sumber: Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati ahli Lembaga Pengarah tidak mempunyai *Terms Of Reference* (TOR) yang jelas berkenaan fungsi dan peranan ahli Lembaga Pengarah mengikut amalan terbaik. Bagaimanapun, pelantikan dan yuran Lembaga Pengarah telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Agung Tahunan BAPOM. Semakan terhadap surat pelantikan ahli Lembaga Pengarah mendapati pelantikan telah mematuhi kehendak Seksyen 123 (4) Akta Syarikat 1965.

b. Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Antara perkara yang diambil kira di dalam penyediaan rancangan korporat adalah penetapan visi, misi, piagam pelanggan, dan objektif. Semakan Audit mendapati BAPOM tidak mempunyai rancangan korporat syarikat yang khusus dan menerima pakai rancangan korporat SALCRA.

Maklum Balas Daripada BAPOM Bertarikh 22 Februari 2017

BAPOM menerima pakai rancangan korporat, visi dan misi SALCRA. Bagaimanapun, BAPOM ada menyediakan objektif dan KPI tahunan bagi tujuan meningkatkan prestasi dan menetapkan sasaran syarikat.

c. Standard Operating Procedures

BAPOM ada menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan aktiviti. Pengurusan BAPOM juga menerima pakai SOP yang disediakan oleh SALCRA dengan tambahan bergantung kepada keperluan BAPOM. Semakan Audit mendapati SOP yang sedia ada telah dikemas kini setakat 1 Mac 2013 tetapi tidak lengkap kerana tidak merangkumi aktiviti utama yang berkaitan dengan pengurusan aktiviti, penerimaan BTS, pemerosesan dan jualan minyak sawit mentah dan isirung secara khusus. BAPOM menerima pakai SOP Malaysia Palm Oil Board (MPOB), SIRIM dan Palm Oil Research Institute of Malaysia (PORIM) yang disediakan. Semakan Audit seterusnya mendapati manual aktiviti pemasaran yang disediakan oleh SALCRA pada tahun 2002 perlu dikemas kini sejajar dengan keadaan semasa.

d. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam

Berdasarkan amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menujuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesbuah organisasi. Semakan Audit mendapati BAPOM menggunakan khidmat Unit Audit Dalam SALCRA bagi merancang, melaksana serta menyediakan laporan pengauditan dan semua isu audit dibincang di peringkat Jawatankuasa Audit SALCRA. Semakan Audit seterusnya mendapati kali terakhir pengauditan dijalankan ke atas BAPOM oleh Unit Audit Dalam SALCRA adalah pada bulan April 2016 terhadap penyediaan penyata kewangan tahunan serta pengurusan kontrak CPO dan PK. Berdasarkan laporan Unit Audit Dalam yang disediakan, pengurusan penyediaan penyata kewangan dan kontrak CPO dan PK adalah memuaskan.

e. Pembayaran Dividen

- i. BAPOM telah membayar dividen sejumlah RM17.50 juta kepada pemegang sahamnya sejak tahun 2011 hingga tahun 2015. BAPOM telah membayar dividen berjumlah RM12.50 juta iaitu sejumlah RM2.50 juta pada tahun 2013 serta sejumlah RM5 juta masing-masing bagi tahun 2014 dan 2015. Perenggan 101, M&A BAPOM menetapkan AGM boleh meluluskan pembayaran dividen dengan syarat tidak melebihi jumlah yang disyorkan oleh Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati pembayaran dividen tersebut telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah BAPOM kecuali pembayaran dividen akhir bagi tahun 2014. Dividen tersebut yang berjumlah RM2.50 juta telah dibayar pada 11 Ogos 2015 serta telah diluluskan di AGM pada 20 Jun 2015 tetapi tidak dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 7.20
PEMBAYARAN DIVIDEN BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2015**

BIL.	TAHUN KEWANGAN	KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (RM Juta)	PEMBAYARAN DIVIDEN			MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH		CATATAN
			Tarikh	(RM Juta)	No. Sijil	Tarikh	Rujukan Mesyuarat	
1.	2013	3.87	12.08.2014	2.50	15,16,17	20.03.2014	25	Dividen Akhir 2013
2.	2014	3.75	22.12.2014	2.50	18,19,20	04.12.2014	27	Interim 1, 2014
3.			11.08.2015	2.50	21,22,23	Tidak Dibentang Dan Diluluskan Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah		Dividen Akhir 2014
4.	2015	5.16	30.11.2015	2.50	24,25,26	16.10.2015	29	Interim 1, 2015
5.			30.11.2016	2.50	27,28,29	02.11.2016	32	Interim 2, 2015
JUMLAH			12.50					

Sumber: Penyata Kewangan,Sijil Dividen dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah

- ii. Antara objektif penubuhan BAPOM adalah memaksimumkan hasil daripada penjualan minyak kelapa sawit bagi meningkatkan prestasi kewangannya. Semakan Audit selanjutnya mendapati keuntungan selepas cukai BAPOM bagi tahun 2014 adalah RM3.75 juta dan RM5.16 juta pada tahun 2015. Bagi tempoh yang sama, dividen berjumlah RM10 juta telah dibayar kepada pemegang saham BAPOM. Bagi tahun 2014, BAPOM masih membayar dividen berjumlah RM5 juta walaupun keuntungan selepas cukai adalah RM3.75 juta iaitu kurangan berjumlah RM1.25 juta (33.3%). Bagi tahun 2015, keuntungan selepas cukai BAPOM adalah RM5.16 juta atau lebih RM0.16 juta selepas pembayaran dividen berjumlah RM5 juta.

Maklum Balas Daripada BAPOM Bertarikh 22 Februari 2017

Pembayaran dividen dibuat dengan menggunakan keuntungan terkumpul dan mempunyai aliran tunai positif bagi sesuatu tahun.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat BAPOM adalah memuaskan dan masih boleh dipertingkatkan dengan menyediakan rancangan korporat, melengkapkan SOP sedia ada dan memastikan pembayaran dividen tidak menjelaskan prestasi kewangan syarikat dalam jangka masa panjang.

7.6. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan supaya Bau Palm Oil Mill Sdn. Bhd. (BAPOM) mengambil tindakan seperti berikut:

- 7.6.1. memastikan prestasi pengeluaran minyak kelapa sawit dari segi kuantiti dan kualiti adalah seperti sasaran yang ditetapkan dan mematuhi standard yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, kerosakan mesin perlu dikurangkan bagi memastikan prestasi pengeluaran minyak kelapa sawit adalah pada tahap optimum; dan
- 7.6.2. memperkemas tadbir urus korporat BAPOM yang meliputi penyediaan rancangan korporat syarikat.

Bahagian II

PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

PENGURUSAN KEWANGAN

KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

5. PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan. Manakala Bahagian IV, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan Dan Perakaunan) 1995, Bahagian V dan VI, Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996, Bahagian II, Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, 1997 dan Bahagian IX, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 telah menetapkan tugas Ahli Lembaga Pengarah/Pengarah/Setiausaha Majlis di sesebuah Agenzi Negeri bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dan kawalan dalam pengurusan kewangan.

5.1.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Ketua Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

5.2. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

5.2.1. Pada tahun 2016, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri telah menambahbaik pengurusan kewangan melalui inisiatif seperti berikut:

5.2.1.1. melaksanakan penambahbaikan SIFBAS Fasa I (*Consolidated Trust Account Management And Deposit*) yang telah siap pada bulan Januari 2017;

5.2.1.2. pelaksanaan Sistem *Management Of Moveable Assets System* (MMAS) Fasa 2 di mana latihan telah dijalankan sepanjang pada tahun 2016 bagi memberi pendedahan mengenai aplikasi sistem kepada Kementerian/Jabatan;

5.2.1.3. penambahbaikan terhadap kandungan/modul/slaid latihan bagi Program SCS *High Performing Leader (Financial Management)*;

5.2.1.4. pemantauan secara berterusan terhadap pencapaian *Key Performance Index* – pematuhan kewangan oleh Kementerian/Jabatan; dan

5.2.1.5. penambahbaikan terhadap *Claim Management* sedang dibuat dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2017.

5.3. PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

5.3.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri. Elemen penilaian penarafan masih dikenalkan dan terbahagi kepada Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Kenderaan Kerajaan, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Elemen yang dinilai bagi Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.1
ELEMEN YANG DINILAI UNTUK KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI

BIL.	PERKARA	ELEMEN YANG DINILAI	
		KEMENTERIAN/ JABATAN	AGENSI NEGERI
1.	Kawalan Pengurusan	✓	✓
2.	Kawalan Bajet	✓	✓
3.	Kawalan Terimaan	✓	✓
4.	Pengurusan Perolehan	✓	✓
5.	Kawalan Perbelanjaan	✓	
6.	Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit	✓	✓
7.	Pengurusan Aset dan Stor	✓	✓
8.	Pengurusan Kenderaan Kerajaan	✓	
9.	Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman	x	✓
10.	Pengurusan Penyata Kewangan	x	✓
BILANGAN ELEMEN YANG DINILAI		8	8

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.3.2. Markah diberikan pada setiap elemen yang dinilai dan penarafan ditentukan berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh. Tahap penarafan seperti jadual berikut:

JADUAL 5.2
TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

MARKAH PENILAIAN (%)	TAHAP	PENARAFAN BINTANG
90 - 100	Cemerlang	★★★★★
80 – 89.9	Baik	★★★★
70 – 79.9	Memuaskan	★★★
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 Ke Bawah	Tidak Memuaskan	★

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4. OBJEKTIF PENG AUDITAN

Secara umumnya, objektif pengauditan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk menilai:

- 5.4.1. struktur dan sistem kawalan dalaman terhadap semua elemen pengurusan kewangan adalah berkesan;
- 5.4.2. pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 5.4.3. rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.5. SKOP DAN METODOLOGI PENG AUDITAN

5.5.1. Pengauditan telah dijalankan di 40 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merangkumi tujuh Kementerian, lapan Jabatan (merangkumi 11 Pejabat Bahagian), Jabatan Ketua Menteri (merangkumi tiga PTJ), tujuh Badan Berkanun Negeri dan empat Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, markah PTJ telah digabungkan dan markah purata dilaporkan di bawah Jabatan berkenaan. Setelah penggabungan tersebut, sebanyak 27 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri diberi penarafan. Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Kenderaan Kerajaan, Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan.

5.5.2. Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan untuk setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2016 di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan Penyata Kewangan Agensi

Negeri Tahun 2015 bagi menentukan pencapaian pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

5.6. ELEMEN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 27 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pencapaian pengurusan kewangan mengikut jenis kawalan. Bagaimanapun, bagi tujuan penggabungan laporan hanya kriteria utama sahaja yang dibincangkan seperti berikut:

5.6.1. KAWALAN PENGURUSAN

Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, jawatankuasa-jawatankuasa dan Unit Audit Dalam serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

5.6.1.1. Struktur Organisasi

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini; dan
- b. surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas.

5.6.1.2. Sistem dan Prosedur

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. sistem dan prosedur yang menyeluruh, lengkap serta teratur dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Ini membantu memudahkan keputusan dibuat dan tindakan segera diambil supaya Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dapat mencapai misi dan objektifnya. Sehubungan itu, Proses Kerja Kewangan disediakan dengan lengkap dan dikemas kini apabila berlaku sebarang perubahan;
- b. senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai Tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan;
- c. pemeriksaan dalaman dilaksanakan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan Aset Awam; dan

d. pemeriksaan mengejut dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan dibuat.

5.6.1.3. Jawatankuasa-jawatankuasa dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanannya jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam dan mengemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Laporan Audit Dalam dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri untuk tindakan manakala tanggungjawab Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi Negeri adalah memastikan tindakan susulan diambil terhadap Laporan Audit Dalam. Dalam konteks Kerajaan Negeri, Unit Audit Dalam ini bermaksud Unit Audit Dalam yang telah diluluskan penubuhannya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

5.6.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat.

5.6.2. KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan dan analisis bajet seperti berikut:

5.6.2.1. Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri. Selain itu, Arahan Perbendaharaan juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Bagi Agensi Negeri peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet adalah melalui Ordinan tubuh masing-masing, Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan dan Perakaunan) dan Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan serta dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri melalui Kementerian masing-masing untuk Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebaliknya bajet bagi Majlis Islam Sarawak dikemukakan kepada Lembaga Pengarah melalui Lembaga Baitulmal Dan Wakaf untuk kelulusan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet kepada Setiausaha Kewangan Negeri/Lembaga Pengarah.

5.6.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Islam Sarawak, pengagihan peruntukan dibuat mengikut peraturan kewangan masing-masing. Peraturan kewangan mengenai pengagihan peruntukan juga telah ditetapkan bagi Pihak Berkuasa Tempatan dalam Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan dan peraturan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan di mana Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat serta pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan. Pengagihan waran/peruntukan ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

- a. Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negeri sebelum penutupan Akaun Awam Negeri bagi tahun kewangan berkenaan untuk Kementerian/Jabatan manakala bagi Agensi Negeri pindah peruntukan dibuat di peringkat masing-masing. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pejabat perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Semua pemindahan peruntukan antara Program, Aktiviti dan Sub-aktiviti dalam Kepala Vot yang sama (*Virement*) hendaklah diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri atau Menteri Kewangan Negeri manakala semua pemindahan peruntukan antara Sub-aktiviti dalam Kepala Vot, Program dan Aktiviti yang sama (*Variation*) boleh dilakukan oleh Pegawai Pengawal atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis.
- b. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi Negeri hendaklah memastikan Laporan Suku Tahunan Jabatan/Agensi Pelaksana dikemukakan kepada Kementerian masing-masing. Selain itu, Laporan Suku Tahunan Prestasi Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan bagi peruntukan Negeri dan Persekutuan hendaklah dikemukakan kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri. Bagi Badan Berkanun Negeri Laporan Anggaran Bajet Tahunan disediakan dan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan Menteri yang bertanggungjawab. Pihak Berkuasa Tempatan pula mengemukakan Laporan Perbelanjaan dan Tanggungan, Laporan Prestasi Perbelanjaan pada setiap bulan dan mana-mana laporan apabila diminta oleh Kementerian Kerajaan Tempatan. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

5.6.2.4. Analisis Bajet

Bagi sesuatu tahun kewangan, Pegawai Pengawal perlu memastikan peruntukan (mengurus dan pembangunan) yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara lainnya meliputi perbelanjaan tidak melebihi peruntukan, perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan dan peruntukan diterima telah dibelanjakan. Bagi peruntukan dan perbelanjaan pembangunan pula, perbandingan antara perbelanjaan dengan anggaran kos projek dan anggaran Rancangan Malaysia semasa juga adalah penting.

5.6.3. KAWALAN TERIMAAN

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima aspek kawalan utama iaitu kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan akaun belum terima seperti berikut:

5.6.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

5.6.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri perlu memastikan pegawaiannya yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap lima aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, keselamatan semasa kutipan, penerimaan melalui mel, perakuan penerimaan wang dan perekodan borang hasil.

5.6.3.3. Kemasukan Pungutan ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak dimasukkan ke bank.

5.6.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Semakan Audit telah dijalankan terhadap dua aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan seperti berikut:

- a. memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri bagi Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri, ketepatan penyediaan Penyata

Penyesuaian Hasil Bulanan/Penyata Penyesuaian Bank dan ketepatan Buku Tunai bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri; dan

- b. Pemungut adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan amaun gantian bagi cek tak laku. Semua Pejabat Pemungut hendaklah menyelenggara satu daftar cek tak laku dan membatal resit asal dan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengutip amaun yang tertunggak.

5.6.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan. Peraturan yang ditetapkan antaranya meliputi penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak. Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan pula menjelaskan bahawa Penyata Akaun Belum Terima/Tunggakan Hasil perlu disediakan pada 31 Disember setiap tahun.

5.6.4. PENGURUSAN PEROLEHAN

Pengurusan perolehan bertujuan untuk memastikan perolehan dilaksanakan dengan cekap, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta mengikut amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, memberi nilai faedah yang terbaik serta dibuat dengan saingan terbuka, adil dan saksama. Semakan Audit telah dijalankan terhadap dua aspek kawalan utama iaitu kawalan am/perancangan perolehan dan kaedah perolehan yang meliputi pembelian terus, sebut harga, pengurusan tender, rundingan terus, pengurusan kontrak, pengurusan kontrak pusat dan perolehan secara kontrak pusat sistem panel yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

5.6.5. KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dilulus dan dilakukan mengikut maksud yang ditentukan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini, semakan Audit telah dijalankan terhadap dua aspek utama kawalan perbelanjaan, iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

5.6.5.1. Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

5.6.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

5.6.6. PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT

Pengurusan dan kawalan terhadap Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diperakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap tiga aspek utama iaitu Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah, Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Pengurusan Akaun Deposit seperti berikut:

5.6.6.1. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah

Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah di Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

5.6.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan Kumpulan Wang Pinjaman seperti pinjaman kenderaan, komputer, peti sejuk, mesin basuh dan kelengkapan dapur yang ditetapkan di bawah Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri dan Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.

5.6.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan Pengurusan Akaun Deposit ditetapkan di Arahan Perbendaharaan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan Akaun Deposit di bawah jagaannya serta menjelaskan bahawa deposit yang tidak diperlukan lagi dan tidak dituntut selepas tempoh 12

bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit. Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah mewartakan deposit berkenaan dan sekiranya masih tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan selepas pemberitahuan itu, deposit tersebut hendaklah dikreditkan kepada hasil Kerajaan.

5.6.7. PENGURUSAN ASET DAN STOR

Bagi memastikan aset dan stor yang diperoleh bagi kegunaan pejabat direkodkan dan dikawal dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran, semakan Audit telah dijalankan terhadap tujuh aspek utama iaitu kawalan umum, penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset, penyenggaraan, pelupusan serta kehilangan dan hapus kira.

5.6.7.1. Kawalan Umum

Kawalan umum pengurusan aset dan stor adalah merujuk kepada penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan, Unit Pengurusan Aset dan pelantikan Pegawai Aset.

a. Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan

Satu Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) di Kementerian/Jabatan hendaklah ditubuhkan. Setiausaha bagi JKPAK hendaklah terdiri daripada Pegawai Aset dan menetapkan agenda mesyuarat yang sepatutnya dibincangkan semasa mesyuarat JKPAK seperti berikut:

- merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset;
- kedudukan semasa aset;
- Laporan Hasil Pemeriksaan Aset;
- Laporan Tindakan Pelupusan;
- Laporan Tindakan Surcaj/Tatatertib; dan
- masalah-masalah berkaitan dengan pengurusan aset.

Mesyuarat JKPAK hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan dan hasil mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dengan memuatnaik minit mesyuarat JKPAK ke dalam *Management Of Moveable Asset System* (MMAS).

b. Unit Pengurusan Aset

Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang bertanggungjawab untuk:

- mengurus semua aset alih Kerajaan di bawah kawalannya;
- mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat;
- mengurus pelantikan *System Administrator, Data Entry, Verifier* dan *Viewer* MMAS;
- menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan;
- menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset;
- menyelaras penyediaan Laporan Jabatan untuk JKPAK yang dijana daripada MMAS (Laporan Harta Modal & Inventori, Laporan Pemeriksaan Harta Modal & Inventori, Laporan Pelupusan Aset Alih Kerajaan dan Laporan Tindakan Surcaj/Tatatertib); dan
- lain-lain perkara berkaitan dengan pengurusan aset.

5.6.7.2. Penerimaan

Proses penerimaan adalah bagi memastikan setiap aset/barangan stor yang diterima menepati spesifikasi yang ditetapkan, menentukan kualiti dan kuantiti sebenar mengikut pesanan dan memastikan aset diterima dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat untuk digunakan.

5.6.7.3. Pendaftaran

Pendaftaran aset bertujuan untuk mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemas kini, memudahkan pengesanan dan pemantauan, membolehkan keadaan aset diketahui dan memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset. Stok yang diterima hendaklah direkod menggunakan kad yang telah ditetapkan bertujuan untuk mengetahui kedudukan stok simpanan, memastikan bilangan dan fizikal stok sentiasa tepat dan mengawal paras stok.

5.6.7.4. Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan Aset

Semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai

jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan. Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi seperti berikut:

- a. aset digunakan hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan;
- b. aset/stok hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Arahan Keselamatan Kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelak berlakunya kerosakan atau kehilangan aset/stok;
- c. sekurang-kurangnya dua Pegawai Pemeriksa/Pemverifikasi Stor dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun manakala verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Setiausaha Kewangan Negeri;
- d. pengiraan stok hendaklah dilaksanakan di Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit secara terus menerus sepanjang tahun; dan
- e. verifikasi stor hendaklah dilaksanakan selepas pemeriksaan stok oleh Pegawai Pemeriksa di Stor Pusat dan Stor Utama sekurang-kurangnya satu tahun sekali sebelum berakhir pada 31 Disember.

5.6.7.5. Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi; dan

- b. kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembakaian perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

5.6.7.6. Pelupusan

Pelupusan aset Kerajaan adalah bertujuan untuk memastikan Jabatan tidak menyimpan aset yang tidak boleh diguna atau tidak diperlukan, menjimatkan ruang simpanan/pejabat, mendapatkan hasil pulangan yang terbaik dan membolehkan aset milik Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dipindahkan ke Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang lain atas sebab-sebab tertentu. Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan disahkan dengan menurunkan tandatangan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai;
- b. Perakuan Pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Kementerian/Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh dua pegawai yang mempunyai tiga tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan; dan
- c. kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan. Sekiranya melanjutkan tempoh pelupusan perlu dikemukakan kepada kuasa melulus dua minggu sebelum tamat tempoh pelupusan.

5.6.7.7. Kehilangan dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan/Ketua Pejabat/Ketua Agensi dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan berlaku. Ketua Jabatan/Ketua Pejabat/Ketua Agensi Negeri menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai

Pengawal dan Setiausaha Kewangan Negeri dalam tempoh dua hari bekerja dari tarikh kehilangan. Sesalinan Laporan Awal juga dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Setiausaha Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara; dan

- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh empat bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

5.6.8. PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

Bagi memastikan pengurusan kenderaan Kerajaan diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. kenderaan yang diperoleh untuk kegunaan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan serta disimpan selamat;
- b. seorang Pegawai Pengangkutan hendaklah dilantik dengan tanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan;
- c. Buku Log hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk setiap kenderaan; dan
- d. Kad Inden Minyak dikawal dengan memastikan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5.6.9. PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN

5.6.9.1. Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agenzi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian

adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

5.6.9.2. Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

5.6.10. PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

Ordinan Badan-badan Berkanun (Prosedur Kewangan dan Perakaunan) dan Pekeliling Prosedur Kewangan dan Perakaunan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak menghendaki Badan-badan Berkanun Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya. Mengikut Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan dikehendaki menyedia dan menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April tahun berikutnya. Peraturan kewangan ini membolehkan Penyata Kewangan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Pembentangan awal juga membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri dengan lebih objektif, jelas, lengkap dan *timely*.

5.7. PENEMUAN AUDIT

5.7.1. Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan

5.7.1.1. Pencapaian Keseluruhan

Pada tahun 2016, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan Pengurusan Kewangan terhadap 27 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2016 adalah **Baik** dengan purata markah 85.6%. Prestasi keseluruhan pengurusan kewangan untuk tahun 2016 bagi 13 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah **Cemerlang**. Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri tersebut adalah Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Ketua Menteri, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan


dan Pelaburan Sarawak, Majlis Daerah Kapit, Lembaga Air Sibu, Jabatan Peguam Besar, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Pustaka Negeri Sarawak, Kementerian Kemudahan Awam, Yayasan Sarawak dan Jabatan Kehakiman Syariah. Manakala lapan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap **Baik**, empat Kementerian/Jabatan pada tahap **Memuaskan** dan dua Jabatan pada tahap **Kurang Memuaskan**. Kedudukan tahap penarafan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 secara keseluruhan adalah seperti **Jadual 5.3** manakala penarafan mengikut Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2016 adalah seperti **Carta 5.1**.

JADUAL 5.3
TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2016

TAHAP	PENARAFAN BINTANG	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI
Cemerlang	★★★★★	13
Baik	★★★★	8
Memuaskan	★★★	4
Kurang Memuaskan	★★	2
Tidak Memuaskan	★	0
JUMLAH		27

Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 5.1
TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.1.2. Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri/PTJ

Pada tahun 2016, Pengauditan Pengurusan Kewangan telah dijalankan di 40 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merangkumi Jabatan Ketua Menteri (merangkumi tiga PTJ), tujuh Kementerian, lapan Jabatan (merangkumi 11 Ibu Pejabat/Pejabat Bahagian), tujuh Badan Berkanun Negeri dan empat Pihak Berkuasa Tempatan. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2016 adalah baik. Berdasarkan Pengauditan Pengurusan Kewangan didapati 16 PTJ iaitu Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancangan Negeri, Unit Pentadbiran dan Unit

Keselamatan), Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Bintulu dan Miri, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Sarawak, Majlis Daerah Kapit, Lembaga Air Sibu, Jabatan Peguam Besar, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Pustaka Negeri Sarawak, Yayasan Sarawak serta Jabatan Kehakiman Syariah mencapai tahap **Cemerlang**, 14 PTJ iaitu Kementerian Kemudahan Awam, Majlis Perbandaran Padawan, Kementerian Kerajaan Tempatan, Lembaga Sungai-sungai Sarawak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (Ibu Pejabat), Pejabat Bahagian Betong, Kuching, Kapit, Limbang, Mukah, Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah, Majlis Daerah Bau, Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti serta Majlis Perbandaran Kota Samarahan mencapai tahap **Baik**, tujuh PTJ iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Sri Aman, Sarikei, Sibu, Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, Jabatan Agama Islam Sarawak dan Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak pada tahap **Memuaskan**. Manakala tiga PTJ iaitu Jabatan Muzium Sarawak, Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Kota Samarahan pada tahap **Kurang Memuaskan**. Kedudukan tahap penarafan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/ Agensi Negeri bagi tahun 2016 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.4
TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI/PTJ BAGI TAHUN 2016

KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI NEGERI	BILANGAN PTJ	TAHAP PENARAFAN			
		CEMERLANG	BAIK	MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN
Kementerian	7	2	3	2	0
Jabatan Ketua Menteri	3	3	0	0	0
Jabatan	19	5	6	5	3
Badan Berkanun Negeri	7	5	2	0	0
Pihak Berkuasa Tempatan	4	1	3	0	0
JUMLAH	40	16	14	7	3

Sumber: Jabatan Audit Negara


5.7.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

5.7.2.1. Kementerian

Semakan Audit di tujuh Kementerian mendapati Kementerian Kemudahan Awam, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Sarawak serta Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti memperoleh tahap **Cemerlang**, dua Kementerian mencapai tahap **Baik**

manakala Kementerian Kerajaan Tempatan pada tahap **Memuaskan** dalam Kawalan Pengurusan. Kesemua Kementerian memperoleh tahap **Cemerlang** bagi Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Perbelanjaan, enam Kementerian memperoleh tahap **Cemerlang** manakala Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti mencapai tahap **Baik**. Kawalan Perolehan pula, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kemudahan Awam mencapai tahap **Cemerlang**, empat Kementerian mencapai tahap **Baik** manakala Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti pada tahap **Tidak Memuaskan**. Kementerian Kemudahan Awam dan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Sarawak memperoleh tahap **Cemerlang** manakala Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti dan Kementerian Perumahan Sarawak mencapai tahap **Memuaskan** dalam Kawalan Terimaan. Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit pula, empat Kementerian berada pada tahap **Cemerlang**, Kementerian Kemudahan Awam mencapai tahap **Baik** manakala Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti pada tahap **Memuaskan**. Bagi Pengurusan Aset dan Stor, Kementerian Kemudahan Awam dan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Sarawak memperoleh tahap **Cemerlang**, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar mencapai tahap **Baik**, tiga Kementerian pada tahap **Memuaskan** manakala Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak pada tahap **Kurang Memuaskan**. Bagi Kawalan Kenderaan pula, Kementerian Kerajaan Tempatan, Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar dan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Sarawak memperoleh tahap **Cemerlang**, Kementerian Belia, Sukan dan Solidariti mencapai tahap **Baik**, Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti pada tahap **Memuaskan** manakala Kementerian Kemudahan Awam dan Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak pada tahap **Tidak Memuaskan**. Tahap pematuhan pengurusan kewangan terhadap kawalan utama bagi Kementerian adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.2
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN
TERHADAP KAWALAN UTAMA BAGI KEMENTERIAN TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Tiga Kementerian Tidak Berkaitan Bagi Elemen Kawalan Terimaan


Satu Kementerian Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit

5.7.2.2. Jabatan

Semakan Audit di sembilan Jabatan mendapati Jabatan Peguam Besar, Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan memperoleh tahap **Cemerlang**, dua Jabatan mencapai tahap **Baik**, Dewan Undangan Negeri Sarawak pada tahap **Memuaskan**, Jabatan Agama Islam Sarawak pada tahap **Kurang Memuaskan** manakala Jabatan Muzium Sarawak pada tahap **Tidak Memuaskan** dalam Kawalan Pengurusan. Tujuh Jabatan memperoleh tahap **Cemerlang**, Dewan Undangan Negeri Sarawak mencapai tahap **Baik** manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak pada tahap **Memuaskan** bagi Kawalan Bajet. Bagi Kawalan Perbelanjaan, enam Jabatan memperoleh tahap **Cemerlang**, Jabatan Agama Islam Sarawak mencapai tahap **Baik**, Jabatan Muzium Sarawak pada tahap **Kurang Memuaskan** manakala Dewan Undangan Negeri Sarawak pada tahap **Tidak Memuaskan**. Kawalan Perolehan pula, enam Jabatan mencapai tahap **Cemerlang** manakala Jabatan Muzium Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan Dewan Undangan Negeri Sarawak pada tahap **Tidak Memuaskan**. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, Jabatan Agama Islam Sarawak, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Muzium Sarawak memperoleh tahap **Cemerlang**, Jabatan Kehakiman Syariah mencapai tahap **Memuaskan** manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak pada tahap **Tidak Memuaskan** dalam Kawalan Terimaan. Pengurusan Akaun

Amanah dan Deposit pula, empat Jabatan berada pada tahap **Cemerlang**, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak mencapai tahap **Baik**, dua Jabatan pada tahap **Memuaskan** manakala Jabatan Perkhidmatan Pembetungan pada tahap **Tidak Memuaskan**. Bagi Pengurusan Aset dan Stor, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan Jabatan Ketua Menteri memperoleh tahap **Cemerlang**, Jabatan Peguam Besar mencapai tahap **Baik**, dua Jabatan pada tahap **Memuaskan**, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak pada tahap **Kurang Memuaskan** manakala Dewan Undangan Negeri Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak pada tahap **Tidak Memuaskan**. Bagi Kawalan Kenderaan pula, Dewan Undangan Negeri Sarawak, Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan Jabatan Muzium Sarawak memperoleh tahap **Cemerlang**, dua Jabatan mencapai tahap **Memuaskan**, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak pada tahap **Kurang Memuaskan** manakala Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Agama Islam Sarawak pada tahap **Tidak Memuaskan**. Tahap pematuhan pengurusan kewangan terhadap kawalan utama bagi Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.3
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN
TERHADAP KAWALAN UTAMA BAGI JABATAN TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: Tiga Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Elemen Kawalan Terimaan

Satu Jabatan Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit

5.7.2.3. Agensi Negeri

Tahap prestasi pengurusan kewangan terhadap 11 Agensi Negeri mendapat Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Yayasan Sarawak, Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah serta Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar memperoleh tahap **Cemerlang**, Majlis Daerah Kapit mencapai tahap **Baik**, Lembaga Air Sibu pada tahap **Memuaskan**, Lembaga Sungai-sungai Sarawak dan Pustaka Negeri Sarawak pada tahap **Kurang Memuaskan** manakala Majlis Perbandaran Padawan, Majlis Daerah Bau dan Majlis Perbandaran Kota Samarahan pada tahap **Tidak Memuaskan** dalam Kawalan Pengurusan. Bagi Kawalan Bajet, kesemua Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** kecuali Majlis Perbandaran Kota Samarahan mencapai tahap **Baik**. Kawalan Perbelanjaan pula, tujuh Agensi Negeri berada pada tahap **Cemerlang**, tiga Agensi Negeri mencapai tahap **Baik** manakala Majlis Perbandaran Kota Samarahan pada tahap **Memuaskan**. Sepuluh Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** manakala Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah mencapai tahap **Memuaskan** dalam Kawalan Terimaan. Bagi Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit, Yayasan Sarawak, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Majlis Perbandaran Padawan mencapai tahap **Cemerlang**, tiga Agensi Negeri mencapai tahap **Baik**, tiga Agensi Negeri pada tahap **Memuaskan**, Lembaga Sungai-sungai Sarawak pada tahap **Kurang Memuaskan** manakala Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah pada tahap **Tidak Memuaskan**. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak mencapai tahap **Cemerlang**, lima Agensi Negeri mencapai tahap **Baik** manakala Majlis Daerah Kapit, Yayasan Sarawak, Majlis Perbandaran Kota Samarahan dan Majlis Daerah Bau pada tahap **Tidak Memuaskan** dalam kawalan Pengurusan Aset dan Stor. Bagi Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman, lapan Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang**, dua Agensi Negeri pada tahap **Baik** manakala Yayasan Sarawak pada tahap **Memuaskan**. 11 Agensi Negeri mencapai tahap **Cemerlang** dalam Pengurusan Penyata Kewangan. Maklumat lanjut adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.4
TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN
TERHADAP KAWALAN UTAMA BAGI AGENSI NEGERI TAHUN 2016



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Satu Agenzi Negeri Tidak Berkaitan Bagi Elemen Pengurusan Aset dan Stor

- a. Kelemahan berkaitan dengan Kawalan Pengurusan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Terimaan, Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah seperti berikut:

i. **Kawalan Pengurusan**

- Carta Organisasi tidak disediakan dengan lengkap dan dipamerkan.
- Pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan tidak sah/diberi kuasa/dilantik secara bertulis.
- Penurunan Kuasa tidak disediakan dengan lengkap.
- Tiada pengasingan tugas yang jelas dalam pengurusan kewangan bagi memastikan ‘check & balance’ diwujudkan.
- Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Senarai Tugas, Kuasa dan Hubungan Kerja tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan.

- Pemeriksaan dalaman mengikut Arahan Perbendaharaan 308 tidak dijalankan.
- Jawatankuasa Audit tidak ditubuhkan selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

ii. Kawalan Perbelanjaan

- Perolehan/Pembayaran tanpa pengasingan tugas.
- Pembayaran tanpa barang/perkhidmatan diterima.
- Pembayaran sebelum barang/perkhidmatan diterima.
- Pembayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap.
- Tiada pengesahan kerja dari Jabatan Teknikal.
- Tiada kelulusan Ketua Jabatan bagi tuntutan kerja lebih masa.
- Bil/Invois daripada pembekal tidak dibayar dalam tempoh 14 hari selaras dengan peraturan yang ditetapkan.
- Penyata Debit yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri tidak disemak/disahkan dengan semua bil asal daripada Agensi oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- Buku Vot elektronik tidak disemak setiap bulan oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- Daftar Bil tidak dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab setiap bulan.
- Penyata Pengesahan Akaun Bulanan tidak dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh yang telah ditetapkan.

iii. Kawalan Perolehan

- Pesanan Barang/Tempatan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian.
- Perolehan secara Sebut Harga tidak dibuat bagi perolehan berjumlah RM10,000 dan ke atas.
- Perolehan secara Tender tidak dibuat bagi perolehan berjumlah RM50,000.00 dan ke atas.

- Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak dilantik secara bertulis.
- Minit mesyuarat bagi setiap keputusan Sebut Harga tidak disediakan.

iv. Kawalan Terimaan

- Penerimaan bayaran balik Bantuan Am melalui mel tidak direkod dan dikemaskini dalam Daftar Mel.
- Daftar Bayaran Balik Bantuan Am tidak disediakan bagi tujuan pemantauan.
- Penyata Pemungut tidak ditandatangan ringkas oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- Penyata Penyesuaian Hasil tidak sediakan.

v. Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit

- Dokumen berkaitan pinjaman tidak difailkan.
- Maklumat pinjaman tidak direkodkan dalam Buku Perkhidmatan.
- Daftar Pinjaman Kenderaan dan Komputer tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Daftar Pendahuluan Pelbagai tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Pendahuluan pelbagai tidak diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

vi. Pengurusan Aset dan Stor

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan tidak bermesyuarat dalam tempoh ditetapkan.
- Laporan Tahunan Pengurusan Stor dan Sijil Tahunan Pemeriksa Harta Modal dan Inventori tidak dihantar mengikut tarikh yang ditetapkan.
- Penerimaan aset/inventori tidak diakui terima oleh Pegawai Penerima yang dilantik.
- Pegawai Stor tidak dilantik secara bertulis.
- Aset/Inventori tidak didaftar/direkodkan dalam *Management Of Moveable Asset System* (MMAS)/Daftar Aset.
- Aset tidak dilabelkan ‘Hak Milik’ dan diberi nombor Siri Pendaftaran.
- Aset/Inventori yang dibeli tidak digunakan.

- Rekod Pinjaman Aset (MMAS-R14) tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Borang Permohonan Stok (KEW.PS-11) dan Kad Petak (KEW.PS-4) tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Pemeriksaan Aset/Stok tidak dijalankan.
- Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Kos penyenggaraan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Daftar Aset.
- Kehilangan aset/inventori tidak dilaporkan dengan kadar segera.
- Tiada tindakan diambil terhadap aset/inventori yang rosak.
- Tindakan pelupusan belum diambil terhadap aset yang rosak.


vii. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- Kenderaan digunakan tanpa kelulusan Pegawai Pengangkutan.
- Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- *Monthly Running Record* (T.257) tidak lengkap dan kemas kini dan Analisis Penggunaan Minyak/Bahan Api tidak disediakan.
- Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Pengangkutan.
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- Penyata pembelian tidak disemak dengan salinan resit dan disahkan oleh pemegang kad sebelum bayaran dilakukan.

5.7.3. Perbandingan Tahap Penarafan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri

5.7.3.1. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi tujuh Kementerian yang telah dilaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan menunjukkan peningkatan di antara 0.7% ke 12.9% pada tahun 2016 berbanding dengan pencapaian pada tahun sebelumnya. Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak menunjukkan penurunan sebanyak 5.6% kerana kelemahan dalam Pengurusan Aset dan Stor serta Penguruan Kenderaan Kerajaan. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti carta berikut:


CARTA 5.5
PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
TAHUN 2016 BERBANDING PENGAUDITAN TAHUN SEBELUMNYA



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.3.2. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi 9 Jabatan yang telah dilaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan menunjukkan peningkatan di antara 0.6% ke 14.9% pada tahun 2016 berbanding dengan pencapaian pada tahun sebelumnya. Dewan Undangan Negeri Sarawak, Jabatan Muzium Sarawak dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak menunjukkan penurunan di antara 1.6% dan 17.6% kerana kelemahan dalam Kawalan Pengurusan, Kawalan Perbelanjaan, Kawalan Perolehan serta Pengurusan Aset Dan Stor. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti carta berikut:


CARTA 5.6
PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN
TAHUN 2016 BERBANDING PENGAUDITAN TAHUN SEBELUMNYA



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.3.3. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi tujuh Badan Berkanun Negeri (BBN) yang telah dilaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan menunjukkan peningkatan di antara 1% ke 8.4% pada tahun 2016 berbanding dengan pencapaian pada tahun sebelumnya. Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah menunjukkan penurunan sebanyak 1.5% kerana kelemahan dalam Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti carta berikut:


CARTA 5.7
**PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN
NEGERI TAHUN 2016 BERBANDING PENGAUDITAN TAHUN SEBELUMNYA**



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.7.3.4. Secara keseluruhannya, pencapaian bagi empat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah dilaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan menunjukkan peningkatan di antara 1% ke 4.8% pada tahun 2016 berbanding dengan pencapaian pada tahun sebelumnya. Majlis Daerah Bau dan Majlis Perbandaran Kota Samarahan menunjukkan penurunan di antara 1.4% ke 3% kerana kelemahan dalam Kawalan Pengurusan. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.8
**PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN TAHUN 2016 BERBANDING PENGAUDITAN TAHUN SEBELUMNYA**



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.8. PENG AUDITAN MENGEJUT

Arahan Perbendaharaan 308 dan 309 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Mengejut di 77 Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi (Negeri dan Persekutuan) di Negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut 35 Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri dilaporkan seperti **Jadual 5.5**. Pengauditan Mengejut mendapati 10 Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri iaitu Dewan Suarah Kuching, Jabatan Agama Islam Bintulu, Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Klinik Veterinar Sekama, Pejabat Daerah Mukah, Pejabat Daerah Kecil Pantu/Perbendaharaan Kecil Pantu, Pejabat Pertanian Daerah Engkilili, Pejabat Pertanian Daerah Lundu, Sama Jaya Nature Reserve dan Pejabat Daerah Kecil Maludam/Perbendaharaan Kecil Maludam telah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun, 25 Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri lagi yang dilawati tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.

**JADUAL 5.5
PENG AUDITAN MENGEJUT
KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT/AGENSI NEGERI TAHUN 2016**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT/AGENSI NEGERI
1.	Dewan Suarah Kuching*
2.	Jabatan Agama Islam, Bintulu*
3.	Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak*
4.	Klinik Veterinar Sekama*
5.	Pejabat Daerah Mukah*
6.	Pejabat Daerah Kecil Pantu/Perbendaharaan Kecil Pantu*
7.	Pejabat Pertanian Daerah Engkilili*
8.	Pejabat Pertanian Daerah Lundu*
9.	Sama Jaya Nature Reserve*
10.	Pejabat Daerah Kecil Maludam/Perbendaharaan Kecil Maludam*
11.	Lembaga Pelancongan Sarawak
12.	Pejabat Pembangunan Sosial Bahagian Betong
13.	Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Miri
14.	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak
15.	Pejabat Veterinar Bahagian Sibu
16.	Pejabat Daerah Sarikei
17.	Jabatan Kerja Raya Bahagian Sibu
18.	Pejabat Agama Islam Bahagian Miri
19.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak
20.	Jabatan Hutan Sarawak
21.	Pusat Pembangunan Pendidikan dan Ibu Pejabat Yayasan Sarawak
22.	Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Samarahan

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT/AGENSI NEGERI
23.	Institut Pertanian Sarawak, Semengok
24.	Pejabat Daerah Kapit
25.	Pejabat Daerah Limbang
26.	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Bintulu
27.	Pejabat Residen Bahagian Samarahan
28.	Jabatan Pertanian Sarawak
29.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke
30.	Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Samarahan
31.	Pejabat Daerah Kecil Niah Suai
32.	Pejabat Daerah Kabong/Perbendaharaan Kecil Kabong
33.	Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Samarahan
34.	Pejabat Daerah Kecil Engkilili/Perbendaharaan Kecil Engkilili
35.	Jabatan Pertanian Bahagian Sibu

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: * Telah Mematuhi Peraturan Kewangan Yang Ditetapkan

5.8.1. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan Mengejut yang telah dijalankan mendapati secara keseluruhannya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti **Jadual 5.6**. Ketua Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agenzi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

JADUAL 5.6
PENEMUAN PENGAUDITAN MENGEJUT
KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT/AGENSI NEGERI TAHUN 2016

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT/ AGENSI NEGERI	PENEMUAN AUDIT
1.	Lembaga Pelancongan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Dua nombor Resit Rasmi dikeluarkan berulang dua kali. ii. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dan dibankkan dengan segera. iii. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan di slip bank/penyata pemungut. iv. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan. Terdapat stok Borang Hasil yang tidak dikemukakan kerana dilaporkan hilang. v. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak dikemukakan. vi. Terdapat baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. vii. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dicap "TELAH BAYAR".
2.	Pejabat Pembangunan Sosial Bahagian Betong	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. ii. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan. iv. Bil yang diterima tidak dicap "TELAH BAYAR" bagi tujuan pemantauan bayaran. v. Terdapat ruangan akuan terimaan pada Borang Pesanan Barang/Perkhidmatan (T.301) tidak

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT/ AGENSI NEGERI	PENEMUAN AUDIT
		ditandatangan serta diisi dengan lengkap mengenai nama, jawatan dan tarikh.
3.	Tabung Baitulmal Sarawak Miri	Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.
4.	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan pada 10 dan 11 Mac 2016 tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Terdapat satu tunggakan bayaran terhadap pendahuluan yang dibuat melalui Panjar Wang Runcit. Ketua Agensi tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan. iii. Satu bil yang diterima tidak dibayar dalam tempoh 30 hari seperti yang ditetapkan oleh Lembaga.
5.	Pejabat Veterinar Bahagian Sibu	Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh dua pegawai berasingan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.
6.	Pejabat Daerah Sarikei	<ul style="list-style-type: none"> i. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari. ii. Daftar Bil tidak diselenggara/dicetak untuk semakan Ketua Jabatan/penyelia. iii. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak dicetak dan disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
7.	Jabatan Kerja Raya Bahagian Sibu	<ul style="list-style-type: none"> i. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. ii. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari. iii. Daftar Bil tidak diselenggara/dicetak untuk semakan Ketua Jabatan/penyelia.
8.	Pejabat Agama Islam Bahagian Miri	<ul style="list-style-type: none"> i. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan. ii. Semua terimaan dan pengeluaran setem tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Jabatan. iii. Tiada surat lantikan diberikan secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada dua pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi peti besi. iv. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. Buku Vot/ Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
9.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Pelaburan tidak diselenggara dengan kemas kini. ii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. iii. Dua anak kunci peti besi dipegang oleh seorang pegawai sahaja. iv. Tiada had kuasa berbelanja ditetapkan bagi perwakilan kuasa menandatangani baucar yang dilulus. v. Bil yang diterima tidak dicap "TELAH BAYAR" bagi tujuan pemantauan bayaran. vi. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
10.	Jabatan Hutan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan bagi pegawai yang terlibat dalam kutipan hasil. ii. Dua pegawai yang memegang anak kunci dan kod kombinasi tidak diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. iii. Pemeriksaan mengejut yang dilakukan tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.
11.	Pusat Pembangunan Pendidikan Dan Ibu Pejabat Yayasan Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> i. Daftar Mel tidak diselenggarakan dengan kemas kini bagi terimaan melalui pos. ii. Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. iii. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan bagi pegawai yang membatal resit. iv. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh dua pegawai berasingan yang diberi

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT/ AGENSI NEGERI	PENEMUAN AUDIT
		<ul style="list-style-type: none"> v. kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. vi. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. Tiada kawalan keselamatan di Pejabat terhadap komputer yang mempunyai data rekod pinjaman dan rekod bayaran balik. vii. Ahli Lembaga Pemegang Amanah terkini dan minit Mesyuarat Lembaga tersebut tidak disediakan.
12.	Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Samarahan	<ul style="list-style-type: none"> i. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh dua pegawai berasingan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. ii. Nama Pegawai Pelulus yang telah berpindah masih wujud dalam sistem untuk menandatangani baucar. iii. Akuan Penerimaan di Pesanan Kerajaan tidak ditandatangan oleh pegawai sebagai pengesahan barang/perkhidmatan yang diterima adalah tepat dan memuaskan.
13.	Institut Pertanian Sarawak, Semongok	<ul style="list-style-type: none"> i. Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat. ii. Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar tidak dipamerkan. iii. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh dua pegawai berasingan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. iv. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. v. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dicap "TELAH BAYAR". vi. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari. vii. Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. viii. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia. ix. Akuan Penerimaan di Pesanan Kerajaan tidak ditandatangan oleh pegawai sebagai pengesahan barang/perkhidmatan yang diterima adalah tepat dan memuaskan.
14.	Pejabat Daerah Kapit	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam Peti Besi. ii. Daftar Setem tidak diselenggarakan. iii. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. iv. Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak dicap "TELAH BAYAR". v. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia. vi. Pembelian terus melebihi RM10,000 setahun tidak dibuat melalui Sebut Harga. vii. Penerimaan toner dan kertas tidak direkod ke dalam Kad Petak.
15.	Pejabat Daerah Limbang	<ul style="list-style-type: none"> i. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. ii. Semua terimaan dan pengeluaran setem pos tidak direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat. iii. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh dua pegawai berasingan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan. iv. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
16.	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak Bahagian Bintulu	<ul style="list-style-type: none"> i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Tiada perakuan Resit Rasmi dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat.
17.	Pejabat Residen Bahagian Samarahan	<ul style="list-style-type: none"> i. Semua terimaan dan pengeluaran setem pos tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT/ AGENSI NEGERI	PENEMUAN AUDIT
		ii. Ketua Jabatan tidak melakukan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan. iii. Bil yang diterima tidak dicap "TELAH BAYAR" bagi tujuan pemantauan bayaran.
18.	Jabatan Pertanian Sarawak	i. Kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera. ii. Tiada semakan dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut. iii. Pemeriksaan mengejut tidak dilakukan di kaunter kutipan hasil.
19.	Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke	i. Peti besi hanya mempunyai satu anak kunci sahaja dan tidak mempunyai kod kombinasi. ii. Empat baucar tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. iii. Dua bil yang diterima tidak dibayar dalam tempoh 30 hari seperti yang ditetapkan oleh Perbadanan.
20.	Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Samarahan	i. Daftar Mel tidak diselenggarakan bagi terimaan melalui pos. ii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem. iii. Semua terimaan dan pengeluaran setem pos tidak direkod dengan kemas kini dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.
21.	Pejabat Daerah Kecil Niah Suai	i. Perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan. ii. Semua terimaan dan pengeluaran setem pos tidak disahkan oleh Ketua Pejabat. iii. Tiada Surat Kuasa secara bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pegawai yang memegang anak kunci peti besi/bilik kebal. iv. Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. v. Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. vi. Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.
22.	Pejabat Daerah Kabong/ Perbendaharaan Kecil Kabong	Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh dua pegawai berasingan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.
23.	Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Samarahan	Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh enam bulan.
24.	Pejabat Daerah Kecil Engkilili /Perbendaharaan Kecil Engkilili	Anak kunci dan kod kombinasi peti besi/bilik kebal tidak dipegang oleh dua pegawai berasingan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan.
25.	Jabatan Pertanian Bahagian Sibu	i. Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan terlebih dahulu bagi dua perkhidmatan pembersihan. ii. Bil yang diterima tidak dibayar segera dalam tempoh 14 hari. iii. Daftar Bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.9. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi pencapaian pengurusan kewangan, adalah disyorkan:

5.9.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi Negeri hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit membincangkan secara terperinci isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan pembetulan adalah untuk

memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat dibetulkan manakala tindakan pencegahan adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang;

5.9.2. penglibatan secara *hands-on* dan penyeliaan rapi di peringkat Pegawai Penyelia hingga ke peringkat Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu ditingkatkan. Di samping itu, seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan hendaklah dipertingkatkan serta melaksanakan pusingan kerja di tempat yang berisiko tinggi dalam pengurusan kewangan bagi memastikan ‘*check and balance*’. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi hendaklah memastikan naziran dalaman berkala dijalankan untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan;

5.9.3. untuk amalan terbaik Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi Negeri hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan. Latihan yang berterusan hendaklah diberi kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan;

5.9.4. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi Negeri hendaklah menetapkan secara khusus had kuasa bagi meluluskan bayaran untuk memantapkan kawalan dalaman;

5.9.5. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi Negeri hendaklah memastikan kawalan dalaman diwujudkan dalam urusan perbelanjaan. Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan pada masa pembelian barang/perkhidmatan dipesan dan bayaran hanya boleh dibuat jika baucar bayaran telah disokong dengan dokumen yang lengkap;

5.9.6. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi Negeri hendaklah memastikan Daftar Bayaran Balik Bantuan diselenggara dan pemantauan dijalankan;

5.9.7. pemantauan terhadap Pelaksanaan *Management Of Moveable Asset System* (MMAS) merangkumi Penerimaan, Pendaftaran Aset, Penggunaan, Pemeriksaan, Penyenggaraan, Pelupusan, Kehilangan dan Hapus Kira hendaklah dibuat dengan sempurna dan kemas kini; dan

5.9.8. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Agensi Negeri hendaklah mengambil tindakan surcaj/tatatertib terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan kewangan yang telah ditetapkan.

Penutup

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur Kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
19 Mei 2017



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2017
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62518 Putrajaya.
■ Tel : +603 8889 9000
■ Faks : +603 8888 9721